

*Seminar*  
**25**  
*tahun* **FSKK**

**SEJARAH, POLITIK**  
*dan*  
**KESELAMATAN**  
**NEGARA**

Editor  
Mohd. Fuad Mat Jali  
Abd. Rahman Adam  
Nordin Hussin  
Mahfudzah Mustapha  
Rahim Aman

Anjuran  
Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

HAKCIPTA © 1996 FSKK. Universiti Kebangsaan Malaysia

Hakcipta terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dihasilkan balik, disimpan dalam sistem simpan kekal, atau dipindahkan dalam sebarang bentuk atau sebarang cara sama ada cara elektronik, sawatan, salinfoto, rakaman dan sebagainya tanpa terlebih dahulu mendapat izin bertulis dari penerbit.

Editor Siri:

**Samsudin A. Rahim**

Diterbitkan oleh

Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan

Universiti Kebangsaan Malaysia

43600 UKM, Bangi, Selangor Darul Ehsan.

Dicetak oleh

Pusat Teknologi Pendidikan

Universiti Kebangsaan Malaysia

43600 UKM, Bangi, Selangor Darul Ehsan.

ISBN

983-9391-01-1

M  
959.5  
SEM

M 966175

3 1 DEC 1998

*Perpustakaan Negara  
Malaysia*

# Kandungan

---

Prakata ...	ix
1 WUJUD ATAU TIDAK HUBUNGAN SERANTAU ASIA TENGGARA? KAJIAN AWAL HUBUNGAN SERANTAU ASIA TENGGARA, ZAMAN DULU DAN ZAMAN KINI Kobkua Suwannathat-Pian...	1 - 17
2 DASAR BRITISH TERHADAP KOMUNITI CINA DI TANAH MELAYU, 1942-1945 Oong Hak Ching ...	19 - 37
3 SUMBER-SUMBER BELANDA SEBAGAI SUMBER PENULISAN SEJARAH MALAYSIA Nordin Hussin ...	39 - 52
4 KLASIFIKASI PENSEJARAHAN MELAYU 1800-1960 Muhd. Yusof Ibrahim ...	53 - 69
5 PERSEKITARAN DAN PENGUNDI: KAJIAN AWAL KE ARAH PEMBENTUKAN TINGKAH LAKU PENGUNDI DALAM PILIHANRAYA UMUM 1990 DAN 1995 DI KAWASAN PARLIMEN TANJUNG KARANG, SELANGOR Mohd. Fuad Mat Jali ...	71 - 84
6 SETINGGAN DAN POLITIK DI JOHOR BAHRU: SATU KAJIAN KES Mohamed Salleh Lamry ...	85 - 104
7 WANITA UMNO DAN PILIHANRAYA 1995: SATU TINJAUAN Mahfudzah Mustafa ...	105 - 125
8 PENDEDAHAN MAKLUMAT DALAM KEMPEN PILIHANRAYA UMUM: SATU KAJIAN DI SEBUAH KAMPUNG DI KELANTAN Mohd. Dhari Othman ...	127 - 138

- |    |  |           |
|----|--|-----------|
| 9  | KEPENGHULUAN DALAM MASYARAKAT MELAYU MODEN: TUGAS DAN PERANAN Aminuddin Mohd. Yusof ...                | 139 - 163 |
| 10 | STATUS PULAU SIPADAN DAN PULAU LIGITAN DARI SEGI SEJARAH: ESEI DAN DOKUMEN Nik Anuar Nik Mahmud ...    | 165 - 184 |
| 11 | ISU, HAK DAN PENGAWALAN SELAT MELAKA: USAHA MALAYSIA DI PERINGKAT ANTARABANGSA Mohd Samsudin...        | 185 - 285 |
| 12 | MOTIVASI PENCAPAIAN DAN WAWASAN 2020 Arifin Hj. Zainal...  | 207 - 213 |
| 13 | THE HIGHER FRONTIER: CHALLENGES AND OPPORTUNITIES FOR MALAYSIA IN THE THIRD MILLENNIUM Ali Khattab ... | 215 - 234 |

## *Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan dalam Usianya 25 Tahun*

---

Pada 18/5/1995 Universiti Kebangsaan Malaysia menyambut ulang tahun penubuhannya yang ke 25 tahun. Mengambil ibarat seorang insan, UKM sudah memasuki alam dewasa. Sehubungan itu, sebagai satu daripada tiga Fakulti ketika penubuhan itu, FSCK (ketika itu Fakulti Sastera) sudah juga menjangkau umur dewasa. FSCK kini harus boleh membawa tanggungjawab yang mencirikan kedewasaannya. Selama dua puluh lima tahun FSCK sudah menjalani cabaran-cabaran penubuhan. Sekitar sepuluh tahun usianya dihabiskan dalam tahun 1970-an untuk mencari asas tersendiri program keilmuannya. Ahli akademik dan ahli sokongan harus dilatih ketika itu, program akademik diperkokoh dan penyelidikan-penerbitan serta kegiatan-kegiatan bakti terjurus sifatnya kepada masyarakat dimula dan digalak. Sepuluh tahun kemudiannya (1980-an) segala-galanya harus pula dimantap supaya lahir ketokohnya untuk membolehkan Fakulti memainkan peranan yang dipertanggungjawabkan masyarakat. Dasawarsa 1990an melihat perkembangan Fakulti dalam kesemua tugas asasnya.

Himpunan esei-esei asas dalam buku ini harus dilihat sebagai suatu tanda untuk menyatakan kedewasaan pengalaman FSCK dalam urusan keilmuannya. Dengan kerangka keilmuan ini, puluhan ribu aluminya sudah pun membantu mengkayakan sumber manusia terlatih di Malaysia. Lebih asas dari ini esei-esei ini harus boleh membantu masyarakat mengikuti haluan yang sudah diambil, ditetapi dan arah yang perlu dibentuk untuk FSCK untuk boleh terus berkembang segar dalam tuntutan semasa.

Sesuai perkara yang menyerlah daripada himpunan esei ini menjurus kepada kepelbagaian dalam tujahan kajian. Kepelbagaian itu, menunjukkan kekuatan FSCK dalam dua puluh lima tahun pertamanya. Sebaliknya, kepelbagaian itu memberi petunjuk kepada kelemahan yang akan terpaksa diperbaiki pula dalam perjalanan usia 25 tahun keduanya.

Sesungguhnya kepelbagaian itu menjadi petunjuk bahawa ahli-ahli akademiknya sudah turun ke padang penyelidikan menjelajah segala pelusuk negara untuk meneliti, mengumpul maklumat dan mensintesis kemajuan setempat untuk diabadikan kepada masyarakat. Pandangan-pandangan sebahagian ahlinya kini sudah

mendasari beberapa jalur-jalur asas pemikiran semasa dalam masyarakat Malaysia, sama ada dalam pernyataan tentang urusan-urusan tertentu masyarakat, sejarahnya, budayanya serta alam sekitarnya. Bagaimana pun kepelbagaian itu belum lagi dapat memutikkan sesuatu yang lebih menyerlah, terjelma dalam kegiatan di Bangi ini. Dalam wacana urusan keilmuannya di tahun-tahun muka FSKK harus mengukir sesuatu yang boleh dipanggil "jurusan keilmuan Bangi". Untuk hal ini dicapai urusan keilmuannya perlukan tujahan yang akan mendasari program-programnya, penyelidikan-penerbitannya dan khidmat masyarakatnya. Sekecil-kecilnya, FSKK harus beranjak daripada asas pra siswazah dalam dekad 25 tahun pertama kepada pengukuhan pasca-siswazahnya dalam 25 tahun mendatang.

**Profesor Dr. Abdul Samad Hadi**

Dekan

Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan.

## *Kata-Kata Aluan*

---

Syukur alhamdulillah akhirnya pasca sidang sempena Seminar 25 tahun FSKK telah dapat diterbitkan. Pasca sidang ini diterbitkan dalam tiga jilid untuk menampung kesemua 48 kertas kerja yang telah dibentang dalam seminar berkenaan.

Jilid ketiga ini bertemakan Sejarah, Politik dan Keselamatan Negara mengandungi 13 kertas kerja. Jilid pertama bertemakan Sastera dan Bahasa telah diterbitkan dan penerbitan jilid kedua mengandungi beberapa lagi kertas kerja yang bertemakan Isu Sosial dan Komunikasi akan menyusul kemudian.

Himpunan kertas kerja ini dapat menunjukkan arah dan tumpuan kajian tentang sejarah, politik dan keselamatan negara. Sebahagian besar daripada kertas kerja ini adalah hasil penyelidikan yang dibiayai oleh UKM melalui peruntukan Jawatankuasa Penyelidikan FSKK di antara tahun 1990-1995.

Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada sidang editor jilid ketiga Dr. Mohd. Fuad Mat Jali, Kol. (B) Abd. Rahman Adam, Encik Nordin Hussin, Puan Mahfudzah Mustapha dan Encik Rahim Aman yang telah menguruskan masa mereka untuk memberikan perhatian kepada penyuntingan dan penerbitan pasca sidang ini. Kepada semua yang turut membantu dalam penerbitan pasca sidang ini saya mengucapkan ribuan terima kasih.

**Prof. Madya Dr. Samsudin A. Rahim**  
Pengerusi  
Jawatankuasa Seminar 25 Tahun FSKK.

## Prakata

---

Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan (FSKK) yang lahir bersama-sama penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah menyambut Jubilee Peraknya dengan menganjurkan Seminar 25 Tahun FSKK. Kertas kerja yang dimuatkan dalam buku ini adalah sebahagian daripada kertas kerja seminar tersebut yang bertemakan Sejarah, Politik dan Keselamatan Negara. Kumpulan kertas kerja ini adalah hasil penulisan dan pembentangan pensyarah-pensyarah dari Jabatan Geografi, Sejarah, Sains Politik, Antropologi dan Sosiologi, Komunikasi, Psikologi dan Unit Strategi dan Keselamatan.

Empat buah kertas kerja dari Jabatan Sejarah telah dibentangkan di Seminar ini. Pertamanya, yang dibentangkan oleh Kobkua Suwannathat-Pian mengenai wujud atau tidak hubungan Serantau Asia Tenggara di zaman dulu dan zaman ini. Beliau mengesahkan wujudnya hubungan serantau di Asia Tenggara telah banyak memberi sumbangan positif kepada masyarakat zaman tradisional. Hubungan serantau pada masa kini kurang licin disebabkan terdapatnya warisan negatif penjajah yang dapat mengubah paradigma masyarakat Asia Tenggara. Dasar British terhadap Komuniti Cina (1942-1945) telah diperkatakan oleh Oong Hak Ching. Dasar-dasar British ketika itu telah memberi kesan positif kepada orang Cina, di mana taraf mereka berubah menjadi warganegara dan menikmati hak-hak politik serta memelihara kepentingan-kepentingan kaum Cina. Nordin Hussin membentangkan betapa pentingnya Dokumen Belanda sebagai sumber penulisan Sejarah Malaysia. Menurut beliau banyak aspek sejarah Melaka di zaman Belanda yang belum disentuh antaranya seperti sistem perundangan, hubungan Melaka dengan Raja-Raja Melayu dan sosio-ekonomi penduduk ketika itu. Muhd. Yusof Ibrahim pula membentangkan klasifikasi Persejarahan Melayu bagi tempoh 1800-1960 mengikut asas-asas dan kaedah ilmu Sejarah. Beliau menyatakan setakat ini terdapat 160 buah naskhah persejarahan Melayu telah pun diterbitkan dalam bentuk prosa dan syair. Persejarahan karya-karya ini boleh diklasifikasikan seperti persejarahan negeri-negeri, biografi, keagamaan, sosio-politik dan ekonomi, peperangan, budaya/tamaddun dan terjemahan. Tujuan klasifikasi ini dibuat untuk memudahkan pengkaji membicarakan serta menilai karya-karya tersebut dengan lebih teratur.

Dari aspek politik dan keselamatan negara sebanyak lapan kertas kerja telah dibentangkan. Empat daripadanya membincangkan



mengenai politik dan pilihanraya. Mohd. Fuad Mat Jali membentangkan kajian peringkat awal mengenai Persekitaran dan Pengundi. Beliau menganalisis apakah faktor-faktor yang mempengaruhi tingkah laku pengundi di Malaysia, khususnya di kawasan Tanjung Karang, Selangor bagi Pilihanraya Umum 1990 dan 1995. Beliau mendapati faktor sosio-ekonomi (pelajaran, pekerjaan dan pendapatan) tidak mempengaruhi tahap tingkahlaku pengundi. Sebaliknya media-massa, etnik, umur dan agama membantu dalam membuat pilihan parti dan calon mana yang akan diundi. Majoriti pengundi di kawasan kajian telah mengidentifikasi diri mereka di sebelah 'kanan' dalam partisipasi politik. Mohamed Salleh Lamry pula mendapati bahawa majoriti daripada pengundi Melayu setingan di Johor Bahru memilih parti UMNO dan sebahagian kecil sahaja menyokong parti pembangkang PRM. Faktor yang mendorong mereka menyokong UMNO adalah kerana kebanyakan migran yang asalnya dari luar bandar telah meneruskan sokongan mereka kepada UMNO dan mereka menganggap UMNO-lah yang berupaya memberi "perlindungan" kepada mereka sebagai parti pemerintah. Penglibatan wanita dalam parti politik (UMNO) dan pilihanraya juga turut dibincangkan oleh Mahfudzah Mustafa. Beliau mendapati pada pilihanraya 1995 penyertaan wanita dalam politik menyerlah di mana 59 orang tokoh wanita telah bertanding dan ini mengikut beliau masih kecil (10 peratus) berbanding dengan bilangan keseluruhan calon yang bertanding untuk kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri. Kesukaran dan cabaran yang mereka hadapi sebagai calon wanita adalah penerimaan masyarakat umum atau faktor gender yang masih mentafsir dan menentukan penyertaan wanita dalam kehidupan politik sezaman. Dhari Othman pula membincangkan pendedahan maklumat dalam kempen Pilihanraya Umum 1990 di kawasan Kota Bharu Kelantan. Beliau mendapati bahawa majoriti penduduk kawasan ini telah merujuk maklumat kempen pilihanraya melalui media-massa dan sumber-sumber antara peribadi untuk menyokong pendapat dan pandangan mereka. Masjid dan surau tidak banyak dijadikan tempat perbincangan politik begitu juga dengan majlis-majlis perbincangan yang diadakan oleh penghulu, imam dan ketua kampung.

Kertas kerja Aminuddin Mohd. Yusof membicarakan tugas dan peranan Institusi Penghulu di Malaysia. Beliau mempersoalkan sama ada tugas dan peranan Institusi Penghulu akan pupus dalam arus perindustrian yang pesat kini. Kajian ini dilakukan di negeri Perak Darul Ridzuan dan beliau mendapati peratusan masa yang digunakan untuk aktiviti-aktiviti lain (bukan pengurusan) menunjukkan peranan yang dimainkan oleh Penghulu tidak jelas. Beliau menyarankan peranan kepimpinan penghulu perlu mendapat

pendefinisian semula dan pengesahan oleh pihak berkuasa negeri. Ini perlu agar kerelevanannya tidak dipersoalkan semasa orang Melayu melalui proses modernisasi.

Dua kertas kerja dari Jabatan Sejarah telah membincangkan tentang politik antarabangsa. Pertama, Nik Anuar Nik Mahmud telah membentangkan mengenai hak milik Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan dari sudut sejarah. Beliau menyatakan Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan yang dituntut oleh Indonesia adalah merupakan sebahagian daripada Wilayah Sabah berdasarkan perjanjian 1878, 1903 dan konvensyen Inggeris-Amerika (1930). Malahan Belanda (bekas penjajah Indonesia) pernah memperakui dalam perisytiharan 1850 bahawa semua pulau di utara pantai Borneo adalah bukan miliknya. Begitu juga Belanda tidak pernah mengungkit soal kedudukan gugusan kepulauan di sekitar Telok Sibuco dan tidak membantah keajaan Borneo Utara mengisytiharkan Pulau Sipadan sebagai bird sanctuary pada tahun 1933. Beliau merumuskan berdasarkan fakta sejarah Pulau Sipadan dan Ligitan adalah milik Malaysia yang sah. Mohd Samsudin pula menyentuh isu, hak dan pengawalan Selat Melaka. Menurut beliau semenjak merdeka pengawalan perairan Selat Melaka menjadi salah satu isu utama dalam pentadbiran kerajaan Malaysia. Isu yang timbul ialah tentang keselamatan dan pencemaran akibat aktiviti perkapalan. Menurut beliau lagi sejak tahun 1980an Malaysia, Indonesia dan Singapura telah mengambil berbagai langkah untuk memastikan perairan Selat Melaka sebagai perairan perdagangan antarabangsa yang selamat dan bebas dari pencemaran. Dalam usaha ke arah ini Malaysia berpendirian pengawalan dan pengurusan Selat Melaka dilakukan dengan dua cara iaitu pengurusan sendiri dan perundingan di peringkat serantau (ASEAN).

Kertas kerja dari Ariffin Haji Zainal bertajuk 'Motivasi Pencapaian dan Wawasan 2020', cuba menguji sejauh mana wawasan 2020 dapat direalisasikan di Malaysia. Teori motivasi pencapaian oleh McClelland (1961) telah digunakan. Dua hasil telah dibincangkan, pertama ke atas pelajar Universiti oleh Muhammad Nasir Muhammad Noor (1992) yang mendapati tiada wujud hubungan di antara pencapaian dan persepsi terhadap wawasan 2020. Sebaliknya kajian Chua Sor Phang (1995) mendapati terdapat hubungan positif di antara kedua-dua pembolehubah tersebut di kalangan pekerja di sektor awam dan swasta. Perbezaan hasil kajian yang diperolehi oleh dua pengkaji tersebut dibincangkan secara meluas.

Ali Khattab dari Unit Pengajian Strategi dan Keselamatan telah membentangkan kertas kerja mengenai perkembangan teknologi angka lepas. Beliau menjelaskan apakah cabaran dan peluang-peluang yang boleh diperolehi oleh Malaysia dari era teknologi dunia

yang canggih ini. Tema-tema yang dibincangkan ialah faedah terhadap ekonomi dan perniagaan, isu keselamatan ketenteraan dan isu perhubungan antarabangsa.

Demikianlah secara umum fokus utama kertas kerja dalam tema sejarah, politik dan keselamatan negara yang dibentangkan dalam Seminar 25 Tahun FSKK itu. Buku ini diharapkan dapat dijadikan panduan dan asas perbincangan selanjutnya.

**Mohd. Fuad Mat Jali**  
**Abd. Rahman Adam**  
**Nordin Hussin**  
**Mahfudzah Mustapha**  
**Rahim Aman**

# WUJUD ATAU TIDAK HUBUNGAN SERANTAU ASIA TENGGARA? - KAJIAN AWAL HUBUNGAN SERANTAU ASIA TENGGARA, ZAMAN DULU DAN ZAMAN KINI

---

**Kobkua Suwannathat-Pian**

Jabatan Sejarah, UKM

## **Kenapa Kajian Hubungan Tradisional Serantau?**

Satu tinjauan sepintas lalu historiografi rantau Asia Tenggara akan mengesahkan dengan jelas bahawa terdapat kekurangan penulisan tentang sejarah dan perkembangan intra-rantau sebelum kedatangan dan penubuhan rejim kolonial di rantau tersebut. Memang terdapat beberapa karya yang bercorak memo, laporan ataupun jurnal hasil penulisan para pegawai syarikat-syarikat dagangan barat atau pegawai kerajaan kolonial, dan misi-misi diplomat seperti Parsi, Cina dan sebagainya. Walaupun begitu, tema menonjol karya-karya tersebut lebih tertumpu kepada keadaan sosioekonomi dan politik sesebuah wilayah yang mereka minati dan kurang berusaha untuk merekod atau menganalisa secara komprehensif tentang rantau Asia Tenggara atau tentang perkembangan hubungan sosioekonomi dan politik yang ada di kalangan negara Asia Tenggara sendiri. Sama ada wujud atau tidak hubungan serantau antara pusat-pusat kuasa di rantau ini, ternyata bahawa pada akhir abad kesembilan belas negeri-negeri di Asia Tenggara tidak lagi berhak berhubungan secara langsung di antara satu dengan yang lain. Segala hubungan serantau Asia Tenggara dijalankan melalui rejim kolonial yang berkenaan.

Misalnya, sekiranya Siam berkeinginan berhubungan dengan Myanmar, Bangkok dikehendaki menjalankan urusan diplomatiknya melalui rejim Inggeris yang mentadbir negeri itu. Keadaan yang sama juga berlaku di Tanah Melayu atau negeri-negeri di Tanah Melayu yang di bawah pentadbiran British dan di Vietnam yang di bawah penguasaan Perancis. Dalam suasana sosiopolitik ini jelas bahawa hubungan serantau tidak wujud sama sekali sepanjang pemerintahan kolonial Barat di Asia Tenggara.

Persoalan yang ditimbulkan di sini ialah wujud atau tidak perhubungan serantau yang bermakna dan dinamis pada zaman tradisional yakni sebelum penubuhan rejim-rejim kolonial di merata tempat di Asia Tenggara. Kebanyakan sarjana-sarjana Barat terutamanya para sarjana dari sekolah kolonial mengatakan bahawa 'perhubungan' yang sedia ada di kalangan pusat kuasa tempatan sebelum tertubuhnya pentadbiran penjajahan Barat ialah persaingan, pergaduhan, peperangan dan permusuhan. Dalam kata lain, bolehkah kita menerima penjelasan bahawa hubungan serantau Asia Tenggara sebelum rantau itu 'diperadabkan' oleh kuasa-kuasa Barat lebih merupakan hubungan negatif dan saling memusnahkan sahaja?

Kajian ini berhasrat membenteng satu analisis hubungan serantau Asia Tenggara pada zaman tradisional yang berlainan daripada gambaran yang dikemukakan oleh para sarjana kolonial Barat yang nampaknya diterima oleh sarjana-sarjana tempatan iaitu hubungan serantau zaman tradisional itu merupakan sesuatu yang kurang bermanfaat dan Asia Tenggara sebagai satu rantau yang tidak begitu tenteram serta saling membinasakan atau *self-destructing*. Dalam penulisan ini penulis berfungsi bahawa hubungan serantau Asia Tenggara menunjukkan satu sistem diplomatik antarabangsa yang secocok dengan keperluan sosiobudaya dan politik semasanya. Ia juga memaparkan keadaan sosioekonomi yang saling membantu dan berharmoni yang dapat maksimakan potensi setiap wilayah yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti dagangan dan ekonomi rantau ini. Sebaliknya, kemerosotan penglibatan masyarakat tempatan dalam hal ehwal sosioekonomi serantau yang berlaku akibat peningkatan campurtangan pedagang-pedagang Barat merupakan sebab asas kepada beberapa masalah serantau yang akhirnya membawa kepada keadaan sosiopolitik yang melumpuhkan ketenteraman dan undang-undang serta keseimbangan masyarakat Asia Tenggara. Mungkin, lebih penting, perkembangan itu memusnahkan daya inisiatif serta membantutkan perkembangan sosioekonomi masyarakat tempatan yang bermakna di Asia Tenggara.

### Tinjauan Hubungan Serantau

Dari aspek politik dan diplomasi, menunjukkan dengan jelas bahawa sistem tributari yang berkait rapat dengan konsep *mandala* merupakan prinsip pembentukan hubungan antara pusat politik di Tanah Besar maupun di nusantara rantau Asia Tenggara. Pada pertengahan abad keempat belas berlakunya perkembangan politik yang memberi kesan mendalam kepada gambaran politik rantau tersebut iaitu kemunculan order sosiopolitik bagi menggantikan empayar klasik Angkor dan Pagan di Tanah Besar dan Srivijaya di

nusantara. Dalam pada itu muncul juga ajaran-ajaran agama baru yang memainkan peranan penting dalam proses perubahan sosiopolitik Asia Tenggara iaitu ajaran agama Buddha Theravada yang menggantikan tempat agama Buddha Mahayana dan Hinduisme dan kemudiannya agama Islam yang memainkan peranan menonjol di negeri-negeri maritim. Walau bagaimanapun, perubahan-perubahan itu tidak mengubah sistem politik dan diplomasi rantau itu. Contoh yang jelas ialah hubungan antara Ayudhya, iaitu pusat baru masyarakat Thai yang mengambilalih teraju dari Sukhothai sebagai pusat politik utama dunia Thai, dengan pusat-pusat politik yang lain yang berhampiran dengannya seperti Angkor, Lanna, Lan Chang, Semenanjung Melayu dan Sumatera. Ayudhya sebagai pusat berkuasa yang besar sentiasa meluaskan *mandalanya* dan pada abad keenam belas tiada pusat kuasa yang lain di Tanah Besar yang dapat bertanding kuasa dan pengaruh dengannya<sup>1</sup>. Sistem tributari yang dapat mengaturkan hubungan antara pusat yang berkuasa besar dengan unit-unit politik yang lebih kecil yang berhampiran dengannya sebenarnya menjadi segi saiz dan kuasa militernya yakni ia kurang berkesan mengaturkan hubungan yang aman dan damai di kalangan kuasa besar terutamanya di kalangan pusat kuasa yang *mandala* mereka bertindih adalah amat sensitif dan kerap kali merupakan salah satu sebab pokok ketidakstabilan dan kekecohan masyarakat Asia Tenggara.

Selain dari hubungan tributari, pusat-pusat politik Asia Tenggara mempunyai talian diplomasi yang menunjukkan perhubungan yang bermakna. Contohnya, permintaan Melaka pada awal abad kelima belas kepada Ayudhya untuk beberapa bekalan makanan. Bila menghadapi serangan dari Aceh pada tahun 1621, Kedah meminta pertolongan dari Siam dan dengan bantuan tentera Siam tersebut dapat menyelamatkan dirinya dari serangan Aceh; peristiwa ini berlaku hanya beberapa tahun setelah Kedah mengundur diri dari lingkungan tributari Ayudhya. Dapat dilihat bahawa dengan peningkatan tekanan dari kuasa Barat hubungan diplomasi serantau semakin menjadi erat dan mesra serta merekodkan kerjasama untuk menentukan keselamatan antara satu dengan yang lain. Misalnya, pada tahun-tahun 1680-'an, Ayudhya berjaya menubuhkan hubungan persahabatan dengan Johor melalui hubungan erat antara Paduka Raja dan istana Ayudhya. Satu misi utusan yang diketahui oleh *Senabodi* (menteri Kewangan dan Hal Ehwal luar Siam, Phraya Phra Khleng, dihantar ke Johor demi tujuan menubuhkan hubungan persahabatan dan muhibah dengan Johor. Pada 1688, Siam juga menghantar 40 buah kapal ke Johor untuk menolong membina semula ibukota tersebut. Pada waktu yang

sama, Ayudhya juga menghantar satu misi diplomatiknya ke Jambi dan lain-lain negeri nusantara dengan tujuan menubuhkan satu perikatan menentang Belanda.<sup>2</sup> Dengan aktiviti-aktiviti diplomatik yang berkesan itu, tidak hairan bila Gervaise, seorang utusan Perancis yang dihantar ke istana Ayudhya pada tahun-tahun akhir dekad 1680, menyatakan kesalahfahamannya bahawa Ayudhya merupakan negeri dipertuan kepada Johor, Jambi, Kedah, dan Pattani.<sup>3</sup>

Amalan perkahwinan antara para ahli kerabat diraja Asia Tenggara pada zaman tradisional dapat juga dilihat sebagai usaha untuk mengeratkan hubungan persahabatan dan kekeluargaan di kalangan pusat kuasa rantau itu, biasanya demi tujuan memperkukuhkan kedudukan politik, militer dan ekonomi parti-parti yang terlibat. Terdapat banyak rekod di mana perkahwinan antara dua buah kerabat diraja digunakan sebagai amalan diplomatik serantau. Contoh yang terkenal sekali ialah perkahwinan antara Wareru (1287-1306), pengasas dinasti dan kerajaan Mon yang berpusat di Pegu pada abad ketiga belas dengan puteri kepada Raja Ramkhamhaeng (1237-1298), raja kerajaan Thai di Sukhothai. Pada waktu itu Wareru merupakan seorang pegawai rendah dalam khidmat raja Sukhothai sahaja dan terpaksa berkahwin lari dengan puteri tersebut. Walaupun begitu, setelah baginda berjaya menubuhkan pusat kuasa bangsa Mon di selatan negara Myanmar sekarang, pada mulanya di Martaban dan kemudiannya di Pegu, Wareru mengakui kedudukan dipertuan Sukhothai ke atas negerinya kemungkinan besar sebab baginda ingin memberi hormat kepada Ramkhamhaeng.<sup>4</sup>

Selain daripada itu contoh-contoh, yang menunjukkan pentingnya talian kekeluargaan melalui perkahwinan termasuklah perkahwinan antara raja negeri Lan Chang (Laos moden) pada awal abad keenam belas dengan puteri kepada raja Lanna (Chiangmai); Raja Borommaracha I, Ayudhya, menerima seorang anak perempuan orang besar Patani sebagai isteri baginda, dan menurut Pires, putera yang dilahirkan dari perkahwinan itu dilantik oleh ayahandanya menjadi pemerintah Tumasik (Singapura) pada waktu Parameswara, pengasas Melaka sampai ke negeri itu; pada waktu itu Tumasik merupakan salah sebuah unit politik di bawah lingkungan politik Ayudhya.<sup>5</sup> Raja Bayinnaung, Pegu, berkahwin dengan dua orang puteri bangsa Thai iaitu puteri kepada Raja Lan Chang dan puteri kepada Raja Ayudhya pada tahun-tahun 1560-an tujuan utama raja itu ialah untuk mengeratkan hubungan politik dan ketaatsetiaan kedua-dua kerajaan yang berkenaan dengan Myanmar melalui talian kekeluargaan. Bukan di kalangan raja di Tanah Besar sahaja yang menggunakan perkahwinan sebagai alat menentukan hubungan baik, muhibah dan taat setia antara negerinya dengan negeri-negeri yang

lain. Perkahwinan merupakan amalan politik/diplomasi yang diamalkan oleh raja-raja di nusantara. Contohnya perkahwinan antara raja pemerintah Melaka, Muhammad Shah, dengan puteri raja Pasai pada tahun 1436. Perkahwinan itu merupakan satu langkah politik dan diplomasi yang amat bermakna kepada Melaka dalam usahanya memperkembangkan Melaka sebagai pengganti politik dan ekonomi empayar Srivijaya di nusantara.<sup>6</sup>

Perkahwinan "Tengku Mahkota" Perak dengan puteri kepada sultan Aceh pada pertengahan kedua abad keenam belas yang memulakan zaman talian kekeluargaan yang luas dan erat antara Aceh dan negeri Melayu di Semenanjung juga memaparkan dengan ketara keberkesanan perkahwinan sebagai pencantuman hubungan politik dan kekeluargaan. Sultan Alauddin Mansur Shah ("Tengku Mahkota" tersebut) menaiki takhta kerajaan Aceh menggantikan ayahanda mertuanya. Baginda menghantar balik adinda baginda sebagai raja pemerintah negeri Perak yang pada waktu itu merupakan sebuah negeri naungan kepada Aceh, dan mengkahwinkan puterinya dengan Sultan Ali Jalal Abdul Jalil Riayat Shah, raja pemerintah Johor.<sup>7</sup>

Perkahwinan juga digunakan untuk mendapatkan perikatan politik dan militer yang bermakna dan berpengaruh. Misalnya, perkahwinan Raja Kunning, Patani, dengan adinda kepada Sultan Abdul Jalil Johor pada tahun 1633-4 ternyata bertujuan demi mengukuhkan kedudukan politikomiliter Patani berdepan dengan Ayudhya.<sup>8</sup> Sama juga dengan perkahwinan antara bekas pemerintah Pasai dengan puteri kepada Sultan Mahmud, Melaka, pada tahun 1512. Selepas perkahwinan itu, Sultan Mahmud menghantar menantu baginda bersama dengan angkatan laut Melaka ke Pasai supaya berjuang merampas kembali takhta Pasai. Dengan itu, Sultan Mahmud dapat memperlihatkan bukan sahaja kuasa baginda yang masih kukuh di kalangan negeri di dalam dunia Melayu tetapi juga kebolehan baginda mengeratkan perikatan dengan pusat kuasa yang lain melalui talian kekeluargaan.<sup>9</sup>

Dapat dikatakan dengan jelas bahawa sistem diplomatik teratur yang menentukan hubungan antara pusat-pusat berkuasa di Asia Tenggara iaitu sistem tributari dianggap juga sebagai sistem dasar luar negeri-negeri tersebut. Selain dari itu, terdapat juga cara lain yang menentukan hubungan erat dan muhibah antara pusat berkuasa di rantau Asia Tenggara; yang terkenal ialah perikatan politik dan militer untuk berdepan dengan ancaman kuasa ketiga. Contohnya, usaha antara raja pemerintah Ayudhya, Lanna dan Vientiane pada pertengahan kedua abad keenam belas membina satu perikatan politik dan militer menentang kuasa Bayinnaung yang semakin meningkat.



Dari aspek ekonomi dan perdagangan dapat dikatakan bahwa hubungan ekonomi serantau merupakan bukti yang nyata memperlihatkan aspek positif dalam hubungan serantau zaman tradisional. Ia amat berbeza dari gambaran am yang dikemukakan oleh karya-karya para sarjana rejim kolonial yang menggambarkan hubungan serantau Asia Tenggara sebelum kedatangan kuasa Barat sebagai hubungan yang amat negatif dan hanya membinasakan sahaja. Boleh dirumuskan bahawa perkembangan ekonomi yang berlaku sejak abad ketiga belas mempunyai kesan yang mendalam ke atas sistem perdagangan dan ekonomi di Asia Tenggara yang sejak abad ketujuh merupakan pusat perdagangan kepada kegiatan-kegiatan perdagangan Asia, iaitu China, Asia Tenggara, India dan Asia Barat, dan Eropah. Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan perkembangan dan perubahan ekonomi di Asia Tenggara pada abad ketiga belas, termasuk dasar perdagangan China abad ke-13-15 yang membuka kembali perdagangannya kepada para pedagang tempatan dan asing. Dasar perdagangan China itu mempunyai kesan mendalam ke atas corak perdagangan di Asia Tenggara yang pada waktu itu dikawal oleh empayar Srivijaya. Selain dari dasar perdagangan China, faktor penting yang lain ialah perkembangan teknologi baru dalam bidang kekapalan seperti teknologi membuat kapal yang lebih besar dan lebih tahan lasak kepada keadaan lautan, penggunaan kompas, peta perjalanan lautan yang lebih tepat, dan ilmu terhadap pergerakan angin dan perairan yang lebih saintifik, semuanya membolehkan aktiviti-aktiviti perdagangan yang berat dan memerlukan ruang yang luas dan permintaan rempah Asia Tenggara yang semakin meningkat oleh pasaran Eropah dan China. Ertinya, corak perdagangan yang bergantung kepada dua-tiga buah pelabuhan entrepot besar tidak lagi dapat dipertahankan. Sebagai gantinya muncullah antara abad ketiga belas dan abad ketujuh belas pusat-pusat perdagangan baik di Tanah Besar seperti Ayudhya, Ligor, Petani, Pegu, Mataban maupun di kalangan negeri maritim sendiri seperti Samudera-Pasai, Pedir, Surabaya, Singasari, Majapahit, Melaka, Aceh dan Johor. Kemunculan pusat-pusat perdagangan di Tanah Besar seperti Ayudhya dan Pegu juga menunjukkan dengan jelas corak perdagangan baru yang berorientasikan kepada hasil pengeluaran tempatan Asia Tenggara selain daripada kemudahan-kemudahan perniagaan yang ditawarkan oleh rantau itu sejak abad ketujuh. Ayudhya, contohnya merupakan pusat perdagangan hasil pengeluaran dari kawasan pedalaman rantau itu seperti hasil perhutanan dari Kamboja, Laos, Lanna Thai dan Pagan.<sup>10</sup>

Satu lagi aspek yang penting adalah kemunculan pusat perdagangan maritim yang baru iaitu yang dapat mengumpul kedua-dua jenis barang dagangan tempatan dan asing (dari India

atau/dan China) yang diperlukan oleh pasaran antarabangsa dan tempatan. Oleh itu pusat-pusat perdagangan maritim baru mestilah berkemampuan menguasai kawasan pedalaman dan kawasan lembah sungai yang berhampiran dengannya supaya dapat mengawal hasil-hasil pengeluaran yang bernilai komersial itu. Melaka merupakan contoh kelasik pusat perdagangan maritim baru yang berkebolehan mengawal kawasan-kawasan "pedalaman"nya serta menawarkan kemudahan-kemudahan pasar pertukaran barang-barang dagangan timur (China) dan Barat (India, Arab) dan tempatan (Nusantara) yang amat canggih dan mengagumkan.

Satu lagi aspek penting yang muncul dari perubahan sistem perdagangan sejak abad ketiga belas ialah kemunculan sistem "specialization" dalam proses menghasilkan bahan-bahan tempatan. Keperluan mengeluarkan barang-barang pertanian yang diperlukan pasaran antarabangsa bererti bahawa beberapa kawasan yang sesuai dengan tanaman ataupun industri yang bernilai komersial itu akan memaksimumkan pendapatannya dengan mengeluarkan hasil-hasil "specialized"nya sahaja manakala mereka akan bergantung kepada bahan-bahan import untuk keperluan harian yang lain. Contoh yang baik ialah Samudera-Pasai, Sulawesi (Celebes) dan Malaka yang mengkhususkan usaha kepada tanaman rempah (Samudera-Pasai dan Celebes) atau kemudahan-kemudahan yang diperlukan para pedagang asing (Melaka) dan bergantung kepada import bekalan makanan mereka dari kawasan-kawasan serantau yang lain. Pengimportan bahan-bahan makanan yang berat dan memerlukan ruang yang cukup luas seperti beras dapat dilakukan dengan mudah sejak perkembangan teknologi perkapalan yang telah disebutkan di atas. Kesannya, Asia Tenggara dibahagikan kepada kawasan pengkhususan ekonomi mengikut keperluan antarabangsa dan tempatan. Amnya, kawasan Nusantara, seperti Samudera-Pasai, dan Maluku, merupakan pengeluar berjenis-jenis rempah, yang menonjol sekali ialah lada, hasil-hasil lautan, dan bijih timah manakala negeri pedalaman seperti Ayudhya, Jawa, dan Pegu merupakan pengeluar bahan-bahan makanan seperti beras, ikan masin, garam, hasil penghutan dan sebagainya. Jelas bahawa perkembangan ekonomi "pengkhususan" adalah amat bermakna kepada interaksi positif di kalangan negeri rantau tersebut.

Pires memberi gambaran yang amat mengesahkan analisis di atas. Menurut Pires, pada akhir abad kelima belas, Pegu menghantar setiap tahun 15-16 buah jong (Kapal layar China) dan 20-30 buah kapal kecil yang dipenuhi oleh beras, *benzoin*, *lac*, perak, permata delima, dan kasturi (*musk*) ke Melaka, Pasai, Pedir, manakala Siam/Ayudhya menghantar 30 buah jong ke Melaka yang membawa beras dan bahan makanan yang lain, *lac*, *benzoin*, *sapanwood*, *gading*,

plumbum, bijih timah, perak, emas, bejana emas atau tembaga merah, cincin berpermata belian dan delima, dan kain buatan Siam untuk masyarakat orang bawahan.<sup>11</sup> Menurut Pires juga, Siam nampaknya paling aktif dalam aktiviti perdagangannya. Selain daripada aktiviti-aktiviti perniagaan dengan Melaka, Siam juga amat sibuk berniaga dengan pusat-pusat kuasa yang lain terutamanya di kalangan pelabuhan sekitar Segenting Kra dan Nusantara. Ternyata Ayudhya memainkan peranan orang perantara antara pelabuhan tempatan sendiri. Contohnya Ayudhya direkodkan mengimport barang-barang seperti kain Gujarat dan lada dari Sumatera kepada pelabuhan-pelabuhan di pantai Tanah Besar. Pada masa yang sama, Ayudhya merupakan pusat mengumpul bahan-bahan pengeluaran - iaitu beras, bahan makanan, gading, *lac* dan sebagainya - negeri-negeri pedalaman seperti Kamboja, Champa, Lanna dan Laos kepada Melaka dan pusat-pusat dagangan yang lain.<sup>12</sup> Satu bukti yang melambangkan peranan aktif Siam dalam interaksi ekonomi serantau ialah tembikar *Sawankhalok* yang dieksport oleh Siam ke merata tempat di Asia sejak abad ketiga belas. Dari bukti-bukti arkeologi yang dijumpai, jelas bahawa tembikar *Sawankhalok* yang digunakan oleh masyarakat Asia dari Martaban di Myanmar, Borneo, Sumatera, Jawa, Filipina sampai ke Jepun, merupakan satu barang dagangan yang popular di kalangan masyarakat Asia. Ia digunakan untuk menyimpan bahan-bahan makanan seperti beras, gula, minyak dan air. Ayudhya juga merupakan pusat dagangan yang hebat aktiviti ekonominya sehingga kerajaan Ryukyu sering menghantar utusannya ke bandar besar itu untuk membeli bahan-bahan yang diperlukan kepada misi tributarnya ke China.<sup>13</sup> Pada pertengahan abad keenam belas, seorang pegawai Portugis melaporkan bahawa Ayudhya sudah menjadi sebuah negeri yang berkuasa luas dan amat makmur ekonominya, manakala aktiviti perdagangannya adalah amat aktif dan terdapat lebih kurang 300 penduduk Portugis di Ayudhya yang menggunakan jong mereka sendiri untuk mengeksport hasil pengeluaran Siam seperti beras, bijih timah, gading, *benzoin*, indigo, *sticlac* dan kayu yakni *dyewood* dan *sappanwood* ke Ligor dan Pattani dan dari situ ke Melaka.

Bukan Ayudhya sahaja yang berinteraksi dengan pusat pelabuhan serantau yang lain tetapi Melaka, Majapahit, Pegu, Lanna dan lain-lain pusat juga menunjukkan aktiviti perdagangan dan ekonomi yang saling bergantung di kalangan negeri Asia Tenggara sepanjang zaman tradisional. Mereka menjalinkan perhubungan perdagangan yang saling berfaedah sesama mereka. Menurut Prapanca, Majapahit menjalankan perdagangan yang aktif dengan Sumatera, Jawa Barat, Sulawesi, Moluku, Kalimantan, Timur dan Melaka. Pada waktu yang sama Majapahit pun mempunyai

hubungan yang baik dengan Pegu, Siam, Kamboja, Champa dan Dai Viet (Annam/Vietnam). Wang Ta-yuan, seorang pegawai China yang melawat Majapahit pada tahun 1350, menyatakan bahawa Majapahit merupakan sebuah pusat yang aman, makmur dan berkedudukan "utama di kalangan masyarakat gasar di rantau lautan timur. Duarte Barbosa, seorang pegawai Portugis yang pernah melawat Pegu pada awal abad keenam belas, melaporkan bahawa terdapat banyak aktiviti perdagangan di Pegu, pusat kerajaan Mon di selatan Myanmar. Pegu menghantar banyak kapal besar ke Melaka dan Sumatera dan tempat-tempat yang lain di Asia Tenggara dan India. Pengeluaran utamanya termasuk beras, bahan makanan yang lain, dan *lac*.<sup>14</sup>

Sejak penubuhannya pada awal abad kelima belas Melaka memang mempunyai peranan yang menonjol dalam aktiviti perdagangan baik di peringkat antarabangsa maupun di peringkat tempatan. Pada pertengahan abad tersebut, Melaka muncul sebagai pusat perdagangan utama di kalangan negeri Nusantara. Ia menggantikan Majapahit sebagai pusat perdagangan di Indonesia yang meliputi semua kepulauan di Indonesia seperti Kepulauan Rempah yang amat strategik kepada perdagangan antarbangsanya. Sebenarnya Melaka merupakan sebuah pelabuhan entreport yang dapat mencantum hampir semua aktiviti perdagangan serantau terutamanya setelah Melaka dapat menguasai kawasan-kawasan di dua belah Selat Melaka lebih kurang pada pertengahan abad kelima belas. Contohnya, Melaka merupakan pasar beras dan bahan makanan yang besar; kedua-dua Siam dan Pegu menghantar beras dan lain-lain bahan makanan ke Melaka. Melaka juga menjadi tempat pertemuan kepada para penjual dan pembeli bahan-bahan tempatan. Semua bahan pengeluaran laut Indonesia, Patani, Pegu, dan Selat Melaka dijual-beli di Melaka.

Perkembangan ekonomi yang secara otomatik mengeratkan hubungan serantau Asia Tenggara sehingga akhirnya abad keenam belas, juga mengubah corak pemiagaan di rantau tersebut. Sekiranya dahulu, perdagangan tempatan merupakan suatu perdagangan "menjaja", pada abad kelima belas ia telah menjadi satu sistem perdagangan yang lengkap dan berdikari disebabkan oleh perkembangan dalam aspek pengeluaran dan pengkhususan hasil pengeluarannya. Masyarakat Asia Tenggara berkembang dengan pesat dengan munculnya pusat-pusat kosmopolitan seperti Melaka, Ayudhya, Aceh, Johor, Patani, Jawa, manakala bandar bergantung kepada pendapatan dari perdagangan dan cukai pertanian. Sekiranya, ekonomi yang bercorak perdagangan ini terus maju, tentu ia memerlukan kerjasama yang bermakna antara pelabuhan entrepot dan kawasan pedalamannya serta perpaduan dalam aspek politik

dan ekonomi kedua-dua jenis masyarakat tempatan yang terlibat. Kegagalan Asia Tenggara memajukan sistem ekonomi dan sosiopolitiknya setelah krisis abad ketujuh belas merupakan salah satu sebab kepada rantau itu tidak dapat mengekalkan prestasi ekonomi yang mengagumkan yang telah dicapai pada abad kelima belas dan keenam belas. Walaupun begitu, tidak dapat dinafikan bahawa perkembangan ekonomi Asia Tenggara pada zaman tradisional menunjukkan dengan ketara aspek-aspek positifnya kepada hubungan serantau Asia Tenggara yang mengesahkan keadaan saling bergantung dan kerjasama di kalangan negeri tempatan. Hanya persaingan politik sekali sekala dapat mengganggu proses kemajuan masyarakat tersebut.

Dari aspek sosiobudaya, pada peringkat permukaan nampaknya terdapat perbezaan yang ketara antara masyarakat Tanah Besar dan masyarakat maritim disebabkan oleh faktor agama iaitu agama Buddha Theravada (Vietnam, Konfusianisme) dan Islam, tetapi dengan penelitian yang lebih teliti kita akan sedar bahawa terdapat banyak persamaan antara mereka dari aspek sosiobudaya. Contohnya konsep kaum kerabat (*kinship*) yang memainkan peranan yang penting dalam bidang politik dan kuasa kerajaan.<sup>15</sup> Aspek-aspek budaya dan adat yang diwarisi dari zaman kepercayaan animisme dan Hindu-Buddhisme dan konsep terhadap masyarakat yang berpaut di kampung telah membentuk Asia Tenggara sebagai satu rantau yang mempunyai ciri-ciri sosiobudaya yang tersendiri. Contohnya, adat masyarakat Asia Tenggara yang pernah dipengaruhi oleh budaya Hindu seperti Myanmar, Kamboja, Siam dan Jawa tentang undang-undang adalah sama iaitu berasaskan kepada konsep *dharma* atau undang-undang sejagat yang bermakna bahawa raja sebagai pemerintah hanya bertanggungjawab kepada membuat keputusan mengikut apa yang telah ditentukan oleh *dharma* dan bukan undang-undang dari masyarakat sendiri.<sup>16</sup> Anthony Reid dalam kajiannya yang begitu menarik dan informatif menunjukkan bahawa walaupun terdapat kepelbagaian dalam bahasa, budaya dan agama di Asia Tenggara tetapi kepercayaan dan amalan kemasyarakatan yang popular di kalangan penduduk rantau itu memperlihatkan persamaan sosiobudaya masyarakat rantau tersebut.<sup>17</sup> Contohnya, makanan penduduk Asia Tenggara terdiri daripada nasi, ikan, pelbagai jenis daun dan pucuk, belacan dan sos ikan jeruk. Maksudnya orang Melayu, Burma, Mon, Thai, Khmer, Lao dan Indonesia menikmati makanan yang sama walaupun mereka tidak bertutur dalam bahasa yang sama atau mengikut agama yang sama. Dari aspek kediaman pun wujud persamaan dari segi seni bina rumah yang kebanyakannya dibina atas tiang-tiang yang tinggi yang sesuai dengan alam sekitarnya dan dapat menyelamatkan para

penghuni dari serangan binatang liar atau malapetaka banjir, manakala bahan-bahan binaan rumah yang digunakan adalah bahan-bahan yang mudah diperoleh dan cepat musnah seperti daun nipah, bertam, kayu, bambu dan sebagainya. Seperti yang kita sedari, masyarakat Asia Tenggara merupakan masyarakat pertanian dengan padi dan beras sebagai hasil pengeluaran utamanya. Sawah dan huma merupakan ciri-ciri biasa di rantau tersebut. Sebaliknya, masyarakat Asia Tenggara yang mempunyai tanah subur yang luas menghadapi masalah yang serupa iaitu kekurangan tenaga manusia untuk mengerjakannya. Oleh itu munculnya satu amalan serantau yang selalu diamalkan sepanjang zaman tradisional iaitu perampasan tenaga manusia oleh negeri yang lebih berkuasa yakni pemenang suatu peperangan dari negeri yang ditewasnya.

Hubungan sosial masyarakat Asia Tenggara menekankan hubungan peribadi iaitu hubungan antara sanak saudara, tuan dan anak buah/*patron* dan *clientnya*, raja dan penyokongnya.<sup>18</sup> Tanggungjawab seseorang dalam masyarakat selalu bersifat vertikal atau menegak. Kesedaran tentang pangkat, kedudukan, dan umur adalah budi bahasa (*etiquette*) yang bernilai tinggi. Contoh yang baik ialah cara yang rapi dan teliti dalam amalan utusan rasmi di kalangan pemimpin negeri Asia Tenggara yang dikekalkan sampai ke abad ini. Raja Minh Mang, Vietnam, misalnya menolak menerima misi urusan dari Gabenor-General India British yang diketuai oleh John Crawford pada tahun 1821 sebab beliau bukan utusan daripada Raja British sendiri. "Seri Paduka Maharaja British patut menulis kepada Raja Cochin China [Annam/Vietnam], dan Gabenor-General [British di India] hanya patut menulis kepada Mandarin Gajah sahaja"<sup>19</sup> Di kalangan raja yang bersetaraf juga wujudnya peraturan-peraturan budi pekerti yang memaparkan sifat hormat menghormati. Bila Raja Trailokanath (1448- 1488) melepaskan kedudukan raja pemerintah Ayudhya buat sementara waktu dan memasuki alam *sangha*, raja-raja beragama Buddha Theravada yang lain termasuk Raja Tilok, Chiangmai, yang merupakan musuh utama Trailokanath, dan sahabat rapat Trailokanath sendiri yakni Raja Lan Chang, terus menghantar utusan diraja membawa alat-alat keperluan seorang *sangha* sebagai hadiah dan tanda penghormatan mereka kepada Trailok sempena upacara memasuki kesamian baginda.<sup>20</sup>

Dengan kefahaman tentang adat dan sosiobudaya serantau, masyarakat Asia Tenggara dapat berhubungkait antara satu dengan yang lain tanpa halangan sehingga abad Ke-19. Sebenarnya, hubungan peringkat orang bawahan adalah menggalakkan sebab tiada sempadan fizikal maupun mental yang dapat menghalang hubungan rapat antara mereka. Di peringkat atasan pun begitu juga kecuali apabila berlakunya masalah persaingan politik yang

mengganggu keadaan berhormoni dan muhibah itu. Kewujudan beberapa versi ramayana, wayang kulit, Inu di Tanah Besar dan Nusantara adalah bukti yang ketara budaya yang sama yang dinikmati oleh masyarakat di seluruh Asia Tenggara.

### Penilaian

Gambaran yang menunjukkan masyarakat Asia Tenggara mempunyai hubungan sosiopolitik dan ekonomi yang teratur dan membina di atas, boleh dikatakan bahawa meskipun terdapat beberapa kelemahan dalam sistem sosiopolitik serantau, zaman gelap Asia Tenggara pada abad Ke-19 tidak akan dapat berlaku sekiranya tiada dasar imperialisme dan kejayaan Revolusi Perindustrian Barat. Boleh juga dikatakan bahawa kekecohan sosiopolitik tempatan yang selalu wujud sepanjang abad kesembilan belas sebenarnya berpunca dari kehendak Barat menguasai kekayaan ekonomi dan geostrategi Asia Tenggara dalam usaha mereka memperkukuhkan kepentingan empayar untuk berdepan dengan kuasa Barat yang lain secara global. Misalnya, perluasan kuasa Perancis ke atas Vietnam, Laos dan Kamboja sejak tahun-tahun 1840-an atau kejayaan British atas Myanmar secara peringkat demi peringkat sejak tahun-tahun 1820'an berpunca dari objektif politik-ekonomi dan strategi tersebut. Kejayaan mereka adalah kesan superioriti militernya dan bukan dari kesanggupan elit tempatan yang insaf terhadap pertunjukkan kuasa fizikal dan akhlak mereka.

Dengan kesedaran terhadap superioriti Barat dari segi teknologi militer dan perindustrian, kita mesti akui mustahil untuk Asia Tenggara berkeupayaan mengelakkan kekalahan teruk di tangan kuasa Barat pada pertengahan kedua abad kesembilan belas. Untuk menjelaskan hipotesis itu, perbandingan singkat antara Siam dan Myanmar pada zaman Raja Mindon Min dapat dipilih sebagai ilustrasinya. Adalah dipersetujui di kalangan sarjana Barat dan Asia bahawa Raja Mindon Min dapat menjalankan dasar luar dan dalam yang liberal dan berkesan sepanjang pemerintahan baginda. Tetapi baginda gagal memujuk kerajaan India British memulang balik wilayah-wilayah yang dikuasainya sejak perang Anglo-Myanmar Kedua tahun 1852. Sebaliknya, Lord Dalhousie, selaku Gabenor General kerajaan India British pada waktu itu, menubuhkan wilayah Pegu yang mengandungi Rangoon, Bassein dan Pegu, di bawah Pesuruhjaya Kaptain Arthur Phayre. Adalah jelas bahawa pentingnya Myanmar kepada perkembangan ekonomi dan politik empayar British banyak mempengaruhi pihak berkuasa British menjadikan Myanmar sebagai tanah jajahannya tanpa ragu-ragu terhadap reaksi kuasa Barat yang lain. Usaha Mindon Min menghantar misi diplomatiknya ke Eropah dengan tujuan

menekankan kedaulatan Myanmar pun tidak dapat sambutan baik oleh pihak Inggeris seperti misi yang dihantar oleh Raja Mongkut (1851-1868) pada tahun 1862. Myanmar memang tidak seperti Siam yang mempunyai geostrategi yang bernilai tersendiri kepada keselamatan empayar India British. Sebaliknya, Myanmar amat bernilai ekonomi kepada British dan oleh itu, tidak boleh dibenarkan jatuh ke tangan kuasa-kuasa Barat yang lain mahupun kekal di bawah pemerintahan tempatan yang kurang bekerjasama dengan British di India. Dengan memasukkan Myanmar ke dalam empayar India British, pihak berkuasa British dapat menjamin kepentingan ekonominya.

Sebaliknya sekiranya England berjaya menguasai Siam ia akan menghadapi bantahan hebat dari Perancis, sebuah kuasa yang bersetaraf dari segi militer dan teknologi dengannya. Oleh kerana empayar kuasa Barat di Asia Tenggara ditubuh atas objektif ekonomi, perang sesama kuasa besar yang akan membawa kerugian ekonomi terbesar mestilah dielakkan dengan sebaik mungkin. Siam terselamat dari penjajahan Barat sebab selain dari dasar-dasar sosio-ekonomi dan dasar luar yang amat bijak, ia mempunyai geostrategi yang bernilai kepada British dan Perancis. Ini adalah ketara sekiranya kita mengkaji usaha para pegawai British dan Perancis sejak tahun 1880-an mencari jalan menyelesaikan persaingan mereka atas Siam. Pada tahun 1896, dua kuasa besar itu mengumumkan Deklasi Anglo-Perancis mengenai kedaulatan kawasan lembah Menam yang disahkan sebagai kawasan penampakan kepada empayar mereka di Asia Tenggara. Dengan itu, kedaulatan Siam atau lebih tepat kedaulatan dan keselamatan wilayah tengah Siam diiktiraf oleh kedua-dua kuasa yang berkemampuan mengancamnya.

Jadi, dapat dikatakan bahawa perkembangan teknologi dan perindustrian Barat mempunyai kesan-kesan yang amat merugikan kepada masyarakat tradisional Asia Tenggara. Ia adalah punca asas kemusnahan kedaulatan dan cara hidup tradisional yang bernilai kepada dunia Asia Tenggara. Penubuhan empayar Barat di rantau ini juga bererti tamatnya hubungan serantau yang mampu membentuk suasana sosio-politik terbuka, dinamis dan berdaya tegas. Menurut syarat-syarat baru rejim kolonial Barat, negeri yang di bawah "perlindungan"nya tidak lagi berhak berhubung dengan mana-mana kuasa secara langsung seperti yang diamali mereka pada zaman tradisional, tetapi terpaksa menjalankan urusan luarnya melalui ejen-ejen rejim kolonial yang berkenaan, yakni dengan persetujuan atau kebenaran kerajaan kolonial. Dengan itu, pada akhir abad kesembilan belas tiada lagi hubungan tradisional di kalangan negeri tempatan yang semuanya, kecuali Siam, adalah tanah jajahan kepada kuasa-kuasa besar.



Amat penting ialah hakikat bahawa hanya dengan penubuhan kerajaan kolonial Barat sahaja Asia Tenggara menjadi masyarakat asing antara satu dengan yang lain. Dunia Asia Tenggara yang selalu terbuka menjadi masyarakat tertutup; hanya kerajaan kolonial yang berkenaan sahaja dapat menentukan perkembangan dalam mahupun hubungan luar tanah jajahannya. Oleh itu, sepanjang lebih kurang satu abad Asia Tenggara tidak mempunyai hubungan serantau. Apa yang ada ialah hubungan kerajaan kolonial sesama kerajaan kolonial seperti hubungan kerajaan Malaya British dengan kerajaan Indonesia Belanda; atau hubungan antara kerajaan kolonial di Indocina, di Myanmar, dan di Malaya dengan Bangkok. Hubungan tradisional yang masih ada antara Siam dengan negeri naungannya di Tanah Melayu juga ditekan dan akhirnya dipaksa diubahsuai bentuknya mengikut sistem "resident" di Tanah Melayu. Tidak hairan yang apabila Asia Tenggara menerima kembali kedaulatannya, buat sementara waktu, ia tidak lagi melihat Asia Tenggara *per se* sebagai penting dalam usaha memperkembangkan masyarakatnya masing-masing. Skop rujukan sosio-politik dan ekonomi individu negara ialah negara Barat, bekas tuan kolonial mereka. Jadi Vietnam, Kamboja, Laos merasa lebih terdekak dengan Perancis daripada Negara Thai, atau Myanmar, manakala Tanah Melayu, Myanmar menunjukkan pendekatan yang lebih berat sebelah kepada England daripada Negara Thai atau Indonesia. Sebaliknya, Negara Thai dan Indonesia lebih mementingkan hubungannya dengan England (Negara Thai) atau Belanda (Indonesia) daripada hubungan dengan para negara jiran mereka. Dapat dirumuskan bahawa hubungan tradisional di kalangan negeri serantau ini berakhir disebabkan oleh kejatuhan kerajaan tempatan kepada kuasa kolonial Barat. Tamatnya hubungan tersebut mempunyai kesan mendalam dan negatif ke atas hubungan serantau Asia Tenggara. Seperti yang dibincang, hubungan tradisional serantau yang memaparkan aspek-aspek membina pada sepanjang zaman tradisional lenyap. Hubungan serantau yang baru muncul pada pertengahan abad kedua puluh adalah tersirat dengan perasaan curiga-mencurigai, dan prasangka yang kebanyakannya berpunca dari perkembangan zaman kolonial Barat. Dapat dikatakan bahawa sebab pokok hubungan serantau yang dingin pada masa kini merupakan satu warisan negatif penjajahan Barat yang dapat mengubah paradigma masyarakat Asia Tenggara dari sebuah rantau yang berdikari dan berhubungan sesama sendiri kepada sebuah rantau yang amat bergantung kepada dunia luar dan yang bersikap kurang senang hati terhadap jiran-jirannya. Persoalan masa kini ialah bagaimanakah masyarakat Asia Tenggara abad Ke-20-21 dapat menghidupkan kembali suasana sosiobudaya dan ekonomi yang

begitu dinamis, terbuka dan positif ke arah hubungan serantu yang baik sepertimana yang pernah wujud pada zaman tradisional?

### Catatan Bawah

- 1 Lihat Tome Pires, *The Suma Oriental of Tome Pires (1512-1515)*, A. Cortesao, terj., Lichtenstein, The Hakluyt Society, 1967, hal. 103-5, 232-238; *Phraraja Phongsawadan Krung Sri Ayudhya versi Luang Prasert*, Bangkok, Khlang-witthaya, 1964; *Kotmai Tra Sam Duang/Kod Undang-undang Tiga Tera*, Bangkok, Kurusabha, 1972, 5 naskah
- 2 Lihat L.Y. Andaya, *The Kingdom of Johor 1641-1728*, Kuala Lumpur, OUP, 1975, hal. 131, 165-166; *Phraraja Phongsawadan Krung Sri Ayudhya versi Phanchathanumat dan versi Chakraphathiphong*, Bangkok, Khlang-witthaya, 1964, juga merekodkan bahawa "Phraya Paduka" menghantar beberapa hadiah termasuk cincin bermata belian sebesar sebiji buah "sawad" kepada raja Siam, manakala "Nang Phraya Aceh/Permaisuri Aceh" mempersembahkan sebuah cincin bermata belian yang bernilai tinggi kepada raja Siam. (hal. 392).
- 3 Nicholas Gervaise, *Natural and Politik History of the Kingdom of Siam in the Regin of King Narai*, Sant T. Komolburt, terj. Bangkok, Kao-na Publications, 1963, hal. 300. Lihat juga L.Y. Andaya, 1975, op-cit., hal. 166; manakala Alexander Hamilton merekod yang Johor menghantar ufti kepada Ayudhya pada tahun 1718. Alexander Hamilton, *A New Account of the East Indies*, London, 1930, naskah II, hal. 85.
- 4 A.B. Griswold dan P. Na Nagara "Epigraphic and Historical Studies, No. 10: King Lodaiya of Sukhodaya [Sukhothai] and His Contemporaries", *JSS*, 60:1 (January), 1972, hal. 42-3; Charnvit Kasetsiri, *The Rise of Ayudhya, A History of Siam in the Fourteenth and Fifteenth Centuries*, Kuala Lumpur, OUP, 1976, hal. 95.
- 5 Tome Pires, op.cit., *Hikayat Patani*, hal. 5.
- 6 Tome Pires, *Suma Oriental*, op.cit., hal. 242; lihat penjelasan yang amat menarik dan komprehensif oleh Wolters mengenai keputusan raja pemerintah Melaka ketiga mengenai memeluk agama Islam dan perkahwinan baginda dengan puteri Raja Pasai yang akan membawa hubungan lebih erat dengan Pasai. Pada waktu itu Pasai merupakan pusat perdagangan Arab dan Barat yang terkenal. Lihat O.W. Wolters, *The Fall of Srivijaya in Malaya History*, Kuala Lumpur, QUP, 1975, Bab II.

- 7 D.G.E. Hall, *A History of South-East Asia*, London Macmillan, 1970, hal. 345.
- 8 *Hikayat Patani*, Teew, A. dan Wyatt, D.K. pyt., The Hague, 1973.hal. 179-180.
- 9 L.Y. Andaya, *The Kingdom of Johor 1641-1728*, Kuala Lumpur, OUP, 1975, hal. 21-22
- 10 Tome Pires, *Suma Oriental*, op.cit., hal. 104-113; Nidhi Auesrivongse, ed., *Sri Ram Dhebnagara: Ruam kwan-riang waa duay Pruwatsat Ayudhya tawn ton/Sri Ram Dhebnagara: Collected Essays on the History of Early Ayudhya*, Bangkok, Silpa-wattanatham, 1984, hal. 87-99; Kobkua Suwannathat-Pian, *Thai-Malay Relations Traditional Intra-regional Relations form the Seventeenth to the Early Twentieth Centuries*, Kuala Lumpur, OUP, 1988, hal. 13-19; dan Usanee Thongchai, "Ayudhya- Lanna Thai Relations, B.E. 1839-2310/1296-1767", tesis sarjana, Chulalongkorn Universiti, 1983, hal. 105-108.
- 11 Tome Pires, *Suma Oriental*, op.cot., hal. 166
- 12 Ibid., hal. 166. Lihat juga C.G.F. Simkin, *The Traditional Trade of Asia*, London, OUP, 1968, hal. 156-166.
- 13 A. Katoba dan M. Matsuda, *Ryukyun Relations with Korea and Southeast Asian Countries*, Kyoto, Atsuchi Katoba, 1967, hal. 53-64.
- 14 J.S. Furnivall, "Europeans in Burma, the Early Part" [Karya Duarte Barbosa yang diterbit oleh Hakhuyt Society, 1918 dan 1921], dalam *Burma Research Society Fiftieth Anniversary Publications No. 2*, Rangoon, 1960, hal. 62.3
- 15 Sebagai contoh baca Sunait Chutintaranonda, "Political Kinship Relations in Early Thai History" tesis sarjana, Universiti Cornell, 1982; C.H. Wake, "Melaka in the Fifteenth Century: Malay Historical Traditions and the Politics of Islamization" dalam S. Sandhu dan P. Wheatley, peny., *Melaka: The Transformation of a Malay Capital C. 1400-1980*, Kuala Lumpur OUP, 1983; Michael Aung Thwin, "The Nature of State and Society in Pagan: An Institutional History of 12th and 13th Century Burma" tesis kedokteran, Universiti Michigan, 1976.
- 16 D.K. Wyatt, *Thailand, a Short History*, New Haven dan London, Yale Universiti Press, 1984 , hal. 72. Hanya raja pemerintah Siam

sejak Raja Trailok (1448-1488) yang mengambil langkah yang berbeza dari tradisi ini dengan mengeluarkan kod undang-undang jenayah dan awam yang dapat berubah-ubah dan berkait dengan hal-hal duniawi semasanya.

17 Contohnya lihat Akin Rabibhadana, *The Organization of Thai Society in the Early Bangkok Period, 1782-1873*, Ithaca, Cornell University Southeast Asia Program, Data Paper No. 74, 1969; Michael Aung Thwin, Pagan,

18 J. Crawford, *Journal of an Embassy to the Courts of Siam and Cochin China*, Singapura, OUP, 1987, hal. 217.

19 Rong Sayamanonda, Damnern Lekhakun, Wilaswong Nopharat, *Thai History, Ayudhya Period, Bangkok*, Fakulti Sastra, Universiti Chulalongkorn, 1972, hal. 55.

20 Rong Sayamanonda, Damnern Lekhakun, Wilaswong Nopharat, *Thai History, Ayudhya Period, Bangkok*, Fakulti Sastra, Universiti Chulalongkorn, 1972, hal. 55.

# DASAR BRITISH TERHADAP KOMUNITI CINA DI TANAH MELAYU, 1942-1945

---

Oong Hak Ching

Jabatan Sejarah, UKM

## Pengenalan

Dalam masa Perang Dunia Kedua (1942-1945) kerajaan British telah mengubal satu dasar baru untuk komuniti Cina di Tanah Melayu yang termaktub dalam dokumen bertajuk "*Malaya, Long Term Policy Directives: Chinese Policy*". Sebahagian dari intipati dasar baru ini terkandung dalam dasar selepas perang British untuk Tanah Melayu yang dikenali sebagai Malayan Union. Dasar baru ini akan memberi kesan positif kepada orang Cina - mengubah taraf mereka daripada perantau menjadi warganegara Malayan Union dan menikmati hak-hak politik yang dahulu dikhaskan kepada orang Melayu dan British. Dasar baru ini juga akan menghapuskan konsep Tanah Melayu sebagai negeri Melayu, kedaulatan sultan-sultan Melayu dan taraf kebumiputeraan orang Melayu. Dasar baru ini membayangkan kerajaan British begitu prihatin untuk memelihara dan membela kepentingan-kepentingan komuniti Cina dan sebaliknya mengabaikan tanggungjawab untuk memberi perlindungan kepada Sultan-Sultan dan orang Melayu berasaskan perjanjian yang "kudus" di antara British dengan Sultan-sultan Melayu. Dasar baru tersebut memberi kebebasan yang agak besar untuk komuniti Cina bergiat dalam lapangan politik termasuk aliran Komunisme - sama ada berorientasi tempatan atau ke China. Kertas kerja ini cuba meneliti dan menganalisis sebab musabab yang mempengaruhi perubahan sikap dan dasar British terhadap komuniti Cina dan pengenalan satu dasar yang liberal untuk komuniti ini.

## Latarbelakang Sejarah

British telah memperluaskan pengaruh dan menegakkan kawalan ke atas semenanjung Tanah Melayu dalam jangkamasa 1874 hingga 1914. Sebelum itu British cuma menguasai tiga pengkalan perdagangan: Pulau Pinang, Melaka dan Singapura yang kemudiannya dicantumkan menjadi Negeri-negeri Selat. British berpuas hati

dengan menguasai kawasan-kawasan ini sahaja kerana kepentingannya di rantau ini pada masa itu terbatas kepada menjaga keselamatan dan pertahanan India dan menguasai jalan laut ke China.

Kerajaan British dan Syarikat Hindia Timur Inggeris (EIC) yang memerintah dan mentadbir Negeri-negeri Selat tidak tertarik untuk memperluaskan kawalan ke atas Negeri-negeri Melayu kerana pengalaman mereka memperlihatkan imperialisme boleh menimbulkan risiko yang tidak menguntungkan. Misalnya tindakan British untuk mengambil dan memasukkan Naning menjadi wilayah Melaka telah mencetuskan perang yang menelan belanja yang banyak dan hasil yang diperolehi dari Naning pula sedikit. (Emerson, 1979:121) EIC mendapati hasil daripada Negeri-negeri Selat bertambah kurang berikutan dengan penghapusan hak monopoli perdagangannya dengan China selepas 1833. Campurtangan dalam hal-ehwal negeri-negeri Melayu boleh menyebabkan pertambahan beban bagi EIC. Walaupun begitu EIC dan kerajaan British tidak menyekat individu-individu British terutama golongan saudagar untuk campur tangan dalam hal ehwal Negeri-negeri Melayu.

Menjelang suku terakhir kurun ke -19 kerajaan British terpaksa menilai semula dasar tidak campurtangan dalam hal ehwal negeri-negeri Melayu. Golongan saudagar swasta dan pegawai-pegawai kolonial Negeri-negeri Selat mendesak kerajaan British mengubah dasar kerana mereka melihat negeri-negeri Melayu mempunyai hasil kekayaan terutama hasil-hasil bumi seperti bijih timah dan emas. Saudagar-saudagar Negeri-negeri Selat tertarik untuk melabur dalam bidang perlombongan terutama di Perak dan Selangor. Sejak tahun 1850-an mereka telahpun mula melabur secara kecil-kecilan. Golongan saudagar bimbang untuk melabur secara besar-besaran dan meluas kerana pentadbiran dan kestabilan politik di negeri-negeri Melayu tidak dapat menjamin keselamatan modal mereka.

Keadaan politik peribumi di negeri-negeri Melayu terutama Perak, Selangor dan Negeri Sembilan selalu bergolok disebabkan pertikaian di kalangan golongan kerabat diraja kerana masalah pergantian ke atas takhta kerajaan dan perebutan kawasan-kawasan yang dipercayai mempunyai timah. Konflik di negeri-negeri Melayu bertambah besar disebabkan terdapat persaingan di kalangan saudagar-saudagar cina dan kumpulan-kumpulan kongsi gelap yang bertentangan. Kekacauan yang berlaku sering melimpah ke Negeri-negeri Selat dan kerajaan India agak lemah untuk mengatasi keadaan ini. Ini menyebabkan saudagar-saudagar Negeri-negeri Selat mendesak supaya kawalan ke atas Negeri-negeri Selat dipindahkan

daripada kerajaan India ke Pejabat Tanah jajahan (Colonial Office) di London. Pada tahun 1867 tuntutan ini ditunaikan dan berikutan dengan ini saudagar-saudagar bertambah kuat mendesak kerajaan British supaya campurtangan di negeri-negeri Melayu.

Dalam kurun ke-19 permintaan terhadap timah telah meningkat akibat perang saudara di Amerika Syarikat. Timah diperlukan untuk membuat barang-barang keperluan tentera seperti tong-tong untuk simpanan minyak dan lain-lain. Revolusi industri di beberapa negara Eropah juga telah meningkatkan permintaan terhadap timah termasuk daripada Tanah Melayu. Faktor-faktor ini menyebabkan berlaku persaingan yang hebat dalam perdagangan hasil-hasil keluaran negeri-negeri Melayu. Bagi golongan saudagar, jalan yang sebaik-baiknya bagi mengatasi masalah mereka adalah dengan perluasan kawalan British ke atas negeri-negeri Melayu.

Menjelang 1870-an semangat imperialisme dan perlumbaan mencari tanah jajahan telah meningkat di kalangan negara-negara Eropah. Lord Kimberly, Setiausaha Negara Bagi Tanah jajahan British membayangkan kemungkinan Jerman akan campurtangan di Selangor dan ia menegaskan pendirian British yang tidak akan membenarkan sebarang kuasa asing lain dari membentuk negeri naungan di semenanjung Tanah Melayu (Thio, 1969: xviii). Ia telah mengeluarkan satu arahan kepada Sir Andrew Clarke, bakal Gabenor Negeri-negeri Selat supaya membuat laporan kepadanya tentang langkah-langkah yang boleh diambil oleh Pejabat Tanah jajahan bagi memupuk dan memulihkan keamanan dan ketenteraman bagi melindungi perdagangan dan pemiagaan di negeri-negeri Melayu.

Pada 11 Januari 1874 satu pertemuan diadakan di Pulau Pangkor yang dihadiri oleh pihak-pihak yang menuntut tahta kerajaan Perak kecuali Raja Ismail. Turut hadir pemimpin-pemimpin kongsi gelap Cina yang bertikai dan pegawai-pegawai kolonial termasuk Andrew Clarke sendiri. Satu perjanjian telah ditandatangani yang dikenali sebagai Perjanjian Pangkor yang di antara lain mengakui Raja Abdullah sebagai Sultan Perak dan pihak istana bersetuju menerima seorang pegawai (residen) British yang mana nasihatnya dalam semua hal mesti diminta dan dijalankan kecuali yang menyentuh ugama dan adat istiadat Melayu. (Emerson, 1966 :121) British seterusnya menegakkan kawalan ke atas Selangor, Negeri Sembilan dan kemudian Pahang dalam tahun 1880-an. Dalam tahun 1895 keempat-empat negeri ini disatukan dalam sebuah persekutuan yang dinamakan sebagai Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB).

Perluasan kawalan British dilanjutkan ke Kedah, Kelantan, Terangganu, Perlis dan Johor dari tahun 1909 hingga 1914. British berusaha untuk memasukkkan negeri-negeri ini di bawah satu pesekutuan tetapi gagal dan ditadbirkan secara berasingan.

Negeri-negeri ini dikenali sebagai Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu (NNMTB). Dengan itu "British Malaya" yang muncul dalam 1914 bukanlah merupakan satu unit yang homojinis tetapi berpecah kepada tiga kategori: Negeri-negeri Selat yang diperintah secara langsung sebagai Tanah jajahan Mahkota; Negeri-negeri Melayu Bersekutu yang ditadbir sebagai satu unit dan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu yang di tadbir secara berasingan. Di Negeri-negeri Selat kerajaan British mempunyai kuasa kehakiman dan boleh meluluskan sesuatu rang undang-undang secara "*Order in Council*" di bawah *Foreign Jurisdiction Acts* 1890 dan 1913. Negeri-negeri Melayu pula dari segi teori masih merupakan negeri-negeri yang berdaulat dan British mentadbir negeri-negeri berkenaan berasaskan beberapa siri perjanjian dengan Sultan-sultan Melayu. Dalam erti kata lain negeri-negeri berkenaan kekal sebagai negeri bagi orang Melayu.

#### Dasar British Terhadap Komuniti Cina Dalam Jangkamasa Sebelum Perang Dunia Kedua

Sebelum jangkamasa Perang Dunia Kedua, secara kasar orang Cina boleh dibahagikan kepada dua ketegori: Cina Peranakan atau Baba dan Cina Totok atau *Hua Chiao*. Cina Peranakan terdiri dari keturunan perantau-perantau Cina yang awal yang kebanyakan orang Hokkien dari wilayah Fukien. Mereka telah lama menetap dan mengalami proses akomodasi dan aluktrasi dengan masyarakat Melayu dan keadaan persekitaran tempatan. Mereka mempunyai kebudayaan tersendiri yang mengandungi unsur-unsur dan bibit-bibit kebudayaan Melayu terutama dari segi bahasa, makanan, tingkahlaku, pakaian dan adat resam termasuk sistem kepercayaan. Cina Peranakan terutama di Melaka dan Singapura tidak dapat bertutur dalam bahasa atau dialek Cina tetapi bertutur dan menggunakan bahasa Melayu-Peranakan, sejenis dialek Melayu. Berikutan dengan perkembangan pendidikan Inggeris terdapat juga Peranakan yang lebih gemar bertutur dan menggunakan bahasa Inggeris. Kebanyakan Cina Peranakan tertumpu di Negeri-negeri Selat dan mereka mendapat taraf kerakyatan British kerana dilahirkan di kawasan ini yang merupakan jajahan mahkota British.

Perantau-perantau Cina yang awal datang ke Tanah Melayu sejak zaman kesultanan Melayu Melaka. Mereka terdiri dari golongan saudagar yang membawa barang dagangan daripada China ke Melaka dan gugusan pulau-pulau Melayu. Sebahagian daripada mereka menetap dan meneruskan kegiatan-kegiatan perdagangan sehingga ketibaan kuasa-kuasa barat seperti Portugis dan Belanda. Apabila British menegakkan kawalan dan membentuk Negeri-negeri



Selat orang-orang Cina ini yang telah dikenali sebagai Peranakan atau *Straits Chinese* telah berupaya mengumpul modal melalui penglibatan mereka sebagai pemajak terutama pemajak hasil. Mereka mendirikan perusahaan-perusahaan dalam bidang perdagangan dan perniagaan, perlombongan dan pertanian termasuk perladangan getah di Negeri-negeri Selat dan negeri-negeri Melayu. Dalam rangka kerja ekonomi, kolonial Cina Peranakan bertindak sebagai pengantara antara agensi-agensi import-eksport Eropah dengan peniaga-peniaga runcit Cina dan peniaga dan pengguna bumiputera. Pada penghujung kurun ke-19 Cina Peranakan menceburkan diri dalam bidang profesional dan pekerjaan. Kebanyakan mereka mendapat pendidikan di sekolah-sekolah Inggeris dan ada yang berkesempatan melanjutkan pelajaran di institusi-institusi pengajian tinggi dan universiti termasuk di luar negeri. Selepas mendapat ijazah mereka membuka firma-firma yang menawarkan perkhidmatan dalam bidang undang-undang, perubatan, perakaunan dan lain-lain.

Orang Cina Totok atau *Hua Chiao* yang membentuk majoriti terbesar daripada jumlah penduduk Cina di Tanah Melayu dan Singapura, merupakan perantau baru yang kebanyakannya datang ke rantau ini pada akhir kurun ke-19. *Hua Chiao* termasuk kelahiran tempatan masih mengekal dan memelihara bahasa dan kebudayaan yang mirip kepada nenek moyang mereka di China Selatan. Mereka menganggap diri mereka sebagai orang Cina di seberang lautan. Penggunaan istilah ini membayangkan adanya sentimen yang mengikat mereka dengan negara leluhur. Mereka terdiri daripada beberapa kelompok dialek seperti Kantonese, Hakka, Teociew, Hokkien dan Hailam. Berlainan dengan Cina Peranakan, Totok menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah Cina yang menggunakan bahasa kebangsaan China atau *Hua Yi* sebagai bahasa pengantar. Melalui sekolah-sekolah Cina anak-anak Totok dididik untuk memelihara ciri-ciri kecinaan dari segi sosial dan budaya. Dalam kehidupan ekonomi Totok terlibat dalam kegiatan-kegiatan perlombongan dan pertanian komersial terutama getah. Pada akhir kurun ke-19 Totok juga berjaya mengumpul modal dan mendirikan pengusahaan berskil besar dan berjaya bersaing dengan golongan pengusaha Cina Peranakan.

Tahun 1894 merupakan satu titik peralihan dalam sejarah orang Cina-- sama ada Cina Peranakan atau Totok. Tahun tersebut menyaksikan kemunculan golongan elit baru dalam masyarakat Cina Peranakan. Mereka mendapat pendidikan tinggi dari institusi-institusi tempatan dan luar negeri. Beberapa peristiwa telah berlaku di negeri China terutama Perang China-Jepun 1894-95 dan penerbitan akbar-akbar berbahasa Cina dan Melayu-Peranakan di Negeri-negeri Selat telah mendedahkan orang Cina kepada perkembangan politik

semasa. Berita kekalahan China di tangan Jepun dalam tahun 1895 telah diterima dengan perasaan malu dan hina. China menganggap diri sebagai kuasa besar dan memandang rendah terhadap orang Jepun yang dianggap "orang kerdil" tidak menduga akan dikalahkan dan menerima satu perjanjian damai merugikannya. (Yen, 1976: 49-50) Di negeri China timbul gerakan reformis yang cuba mengkaji sebab-sebab kemunduran negeri berkenaan dan melancarkan pembaharuan-pembaharuan bagi memperkuat dan memodenkan China. Satu gerakan muncul di bawah pimpinan Dr. Sun Yat Sen yang membawa kepada revolusi China dan penggulingan kuasa Manchu dalam Tahun 1911.

Peristiwa-peristiwa yang berlaku di negeri China atau tempatan dalam tahun-tahun 1890-an telah meningkatkan kesedaran nasionalisme dan politik di kalangan orang Cina di Tanah Melayu. Golongan reformis dan revolusi China mempengaruhi orang Cina di sini untuk turut serta melancarkan gerakan reformis dengan penubuhan sekolah-sekolah Cina moden, persatuan-persatuan bilik bacaan dan pembentukan organisasi-organisasi sosial Cina moden.

Pertumbuhan dan perkembangan politik orang Cina di Tanah Melayu terbahagi kepada tiga aliran: pertama, nasionalisme Totok atau *Hua Chiao* yang terikat kepada Kuomintang dan China; kedua, Komunisme yang menjalankan gerakan anti-imperialis dan anti-British di samping memupuk nasionalisme China; dan ketiga, politik Cina Peranakan yang berhaluan tempatan dan penegasan kesetiaan kepada pemerintah di rantau ini.

Apabila British menegakkan kawalan politik di negeri-negeri Melayu adalah menjadi matlamat British untuk memupuk kestabilan politik melalui pengenalan sebuah pentadbiran ala-Barat yang akan menggalakan perkembangan ekonomi (Sidhu, 1980). Ini akan dapat dicapai melalui galakkan pelaburan British atau asing, penggunaan tenaga buruh murah dari luar dan penimbaan bahan-bahan semulajadi. Dengan demikian kemasukan buruh-buruh asing termasuk dari China adalah dialu-alukan oleh pentadbiran British. Menurut Emerson: "*The Chinese have been given virtually free rein in it by the British in all spheres except the political, and they have known how to make good use of it.*" (Emerson, 1966:29) Dari segi politik British menganggap orang Cina sebagai perantau walaupun ada di antara mereka dilahirkan di sini dan memperlihatkan ciri-ciri kehidupan sebagai penduduk tetap di rantau ini. Sebagai orang asing, orang Cina tidak mempunyai apa jua hak politik. British juga tidak memerlukan perkhidmatan dan penyertaan orang Cina dalam bidang pemerintahan dan pentadbiran di negeri-negeri Melayu. British merasa senang untuk mengamalkan dasar yang demikian sesuai dengan kehendak raja-raja Melayu atau orang Melayu

(Khasnor Johan, 1984:112). Sebarang usaha untuk mengubah taraf orang Cina untuk menjadi warganegara atau mendapat hak-hak politik akan menjejaskan kedudukan British sebagai "pelindung" bagi raja-raja dan orang Melayu. Sebarang usaha untuk menyerapkan orang Cina kedalam kehidupan politik di negeri-negeri Melayu juga akan menelan perbelanjaan besar dan menambahkan kerumitan dari segi pentadbiran dan pemerintahan. (Roff, 1967: 111) Dengan demikian British mengamalkan dasar membendung pertumbuhan kesedaran dan kegiatan-kegiatan politik orang Cina.

Kegiatan-kegiatan politik orang Cina telah menimbulkan banyak masalah dan dilihat sebagai ancaman kepada kuasa British di rantau ini. (Yong, 1990) Kegiatan-kegiatan Kuomintang dianggap sebagai campurtangan asing dalam hal-ehwal penduduk Cina di Tanah Melayu, sementara kegiatan-kegiatan Komunis sebagai punca kegelisahan dan permogokan buruh. (Purcell, 1948) Kegiatan-kegiatan politik Cina Peranakan pula seperti tuntutan-tuntutan untuk penyertaan dalam bidang pentadbiran dan pemerintahan dianggap cubaan menceroboh hak-hak politik orang Melayu dan konsep Tanah Melayu sebagai negeri Melayu.

Sebagai respons terhadap kebangkitan nasionalisme dan kegiatan-kegiatan politik komuniti Cina British mengambil langkah-langkah memerhati dan mengawal gerakan Kuomintang dan komunis. Di bawah Ordinan Persatuan-persatuan yang diwujudkan sebelum Perang Dunia kedua Kuomintang dan komunis diharamkan. Sementara tuntutan-tuntutan Cina Peranakan tidak dihiraukan dan sebaliknya British mengambil langkah-langkah yang lebih "pro" kepada orang Melayu seperti memperkenalkan dasar Desentralisasi yang cuba mengagihkan kuasa daripada kerajaan pusat kepada negeri-negeri. Keadaan sebelum Perang membolehkan British menjalankan dasar negatif terhadap komuniti Cina kerana kawalan politik British bergantung kepada Sultan-sultan Melayu dan sokongan atau kerjasama dari masyarakat Melayu tradisional. Tetapi keadaan berubah apabila tercetusnya Perang Pasifik dan pendudukan tentera Jepun di Tanah Melayu termasuk Singapura. Dalam keadaan terdesak British memerlukan sokongan dan bantuan dari komuniti Cina termasuk musuh-musuhnya bagi memerangi Jepun. British juga bergantung kepada komuniti Cina bagi sokongan aktif dalam operasi ketenteraan untuk mengambil kembali Tanah Melayu daripada angkatan tentera Jepun. Peperangan Dunia Kedua juga menyebabkan kuasa-kuasa besar seperti Great Britain dan Amerika Syarikat mengkaji semula dasar luar mereka terutama yang menyentuh hubungan kuasa-kuasa besar dengan China. Dalam keadaan ini British juga perlu mengkaji dasar-dasar mereka terhadap komuniti Cina di Tanah Melayu.

### Pengubalan Dasar Lepas-perang Terhadap Komuniti Cina

Banyak penulis menganggap pengubalan dasar lepas perang British untuk Tanah Melayu yang dikenal sebagai Malayan Union tidak mempunyai kaitan dengan isu orang Cina atau kerjasama British dengan Parti Komunis Malaya dalam masa Perang Dunia Kedua. Spencer Chapman (1954), bekas Timbalan Ketua Komander No. 101 *Special Training School* (101STS) dan pegawai Force 136 telah menulis *The Jungle is Neutral* menceritakan pengalamannya hidup bersama-sama dengan komunis dan Malayan *People's Anti Japanese Army* (MPAJA) semasa pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Buku ini mengandungi banyak matlumat yang berguna untuk para sejarawan untuk mengetahui kegiatan-kegiatan Force 136 dan gerakan penentangan terhadap Pentadbiran Tentera Jepun di Tanah Melayu. Penulis menceritakan kisah pertemuan di antara wakil-wakil Ketua Panglima Perang Angkatan Tentera Berikat (*Supreme Allied Commander South-East Asia*) dengan pemimpin-pemimpin PKM dan MPAJA di Blantan, Perak pada 31 Januari 1943. Pertemuan ini menghasilkan satu perjanjian kerjasama di antara Angkatan Tentera Berikat dengan Komunis. Menurut Chapman: "We had agreed at the beginning that no questions of post-war policy were to be discussed and that our whole mission was military." (1954:226) Kenyataan ini dan tafsiran yang menyatakan bahawa kerjasama antara British dengan Komunis tidak memberi pengaruh dalam pengubalan dasar lepas-perang British untuk Tanah Melayu telah diterima umum. Misalnya Edgar O'Ballance (1966) yang membuat kajian mengenai perang insurgents Komunis menyatakan: "No political questions, such as the status of the MCP after the war, were raised and no political undertakings were given by either side." (O'Ballance, 1966: 54) Richard Clutterbuck (1967) yang juga mengkaji pemberontakan Komunis di Tanah Melayu bersetuju dengan kenyataan tersebut dan menyebut: "David [officer of Force 136] had orders not to discuss politics." (Clutterbuck, 1967: 17) Cheah Boon Kheng juga mendapati bahawa: "Both sides [the MCP and Force 136 representatives] agreed that no questions of postwar policy would be discussed." (Cheah, 1987: 74) Wilfred Blythe (1969), bekas pegawai Penasihat Hal-Ehwal Orang Cina mengemukakan satu pandangan yang berbeza. Ia membuat andaian tentang kemungkinan pegawai-pegawai Force 136 menyampaikan maklumat tentang dasar "kebebasan berpesatuan" kepada Komunis pada masa pendudukan Jepun. Menurut Blythe:

*With the resumption of Civil Government there was widespread expectation that the societies Ordinance [of the pre-war period] would be again be enforced, but instead the policy of*

*freedom of association as laid down by the British [Military] government continued to be implemented, on the grounds that owing to abnormal conditions which had obtained since the liberation the new policy had not yet been given a fair trial. Furthermore, it was considered inadvisable to hamper in any way the possible formation of political parties which it was the policy of the Government to encourage, and there was in addition some doubt whether the policy of complete freedom of association had not been communicated to the MCP through the officers of Force 136 during the period of Japanese Occupation, in which case any restriction might be regarded by the MCP as a breach of faith and might provide a stick with which to belabour the Administration. (Blythe, 1969:355)*

Seperti Blythe, J. de V. Allen (1974) tidak mengeneppikan kemungkinan Komunis mempunyai peranan dalam mempengaruhi British apabila mereka mengubal dasar Malayan Union. Menurut Allen terdapat perasaan kekecewaan di kalangan pegawai-pegawai British di *Whitehall* terhadap sikap dan peranan orang Melayu dalam peperangan menentang kemaraan angkatan tentera Jepun di Tanah Melayu. Wujud desas desus di kalangan tentera British di India terhadap apa yang disebut sebagai peranan "kolumn kelima" Melayu yang memudahkan kemaraan angkatan tentera Jepun. Kolumn kelima Melayu ini terdiri dari pemimpin-pemimpin Kesatuan Melayu Muda yang berkerjasama dengan agen perisikan tentera Jepun. Menurut Allen di sebalik perasaan kekecewaan ini timbul pula perasaan kagum terhadap peranan MPAJA dalam perjuangan menentang pendudukan Jepun di Tanah Melayu.

Pandangan Blythe dan Allen tidak menarik perhatian para penulis atau sarjana sejarah atau bidang-bidang ilmu sosial yang lain. Tanpa bukti-bukti yang kongkrit pandangan-pandangan kedua-dua penulis tersebut memang sukar untuk diterima sebagai kenyataan yang benar atau sebagai fakta sejarah. Hampir dua puluh tahun kemudian muncul Albert Lau (1991) yang mengkaji semula sejarah pengubalan dasar Malayan Union. Kajian Lau menunjukkan pandangan-pandangan Blythe dan Allen boleh diterima sebagai fakta sejarah. Albert Lau membuktikan wujudnya "perasaan kekecewaan terhadap orang Melayu" atau anggapan adanya peranan "kolumn kelima Melayu" di kalangan pegawai-pegawai British di London dan tentera British di India. Perlu dinyatakan di sini bahawa wujudnya perasaan dan anggapan tersebut mungkin kurang wajar dan terbit dari perasaan malu British kerana kekalahan tenteranya di tangan Jepun dan ketidakupayaan menunaikan tanggung-jawabnya di

bawah perjanjian di antara British dengan Sultan-sultan Melayu bagi mempertahankan Tanah Melayu dari serangan luar. Sentimen ini nampaknya turut mempengaruhi pegawai-pegawai British apabila mereka mengubal dasar Malayan Union. Walau bagaimanapun banyak perkara yang dipertimbangkan oleh kerajaan British bagi membentuk satu dasar yang dijangka dapat memelihara dan menjaga dengan sebaik-baiknya kepentingan-kepentingan Great Britain secara global dan juga di Tanah Melayu.

Apabila kerajaan British menggubal dan membentuk dasar lepas-perang terhadap komuniti Cina British berharap untuk mencapai empat tujuan bagi jangka pendek dan juga jangka panjang. Pertama, untuk menjalinkan perhubungan yang baik dengan kerajaan dan parti Kuomintang di China; kedua, untuk mewujudkan kerjasama dengan Komunis dari segi ketenteraan bagi menentang pendudukan Jepun; ketiga untuk memenuhi hasrat Cina Peranakan untuk melibatkan diri dalam pentadbiran dan pemerintahan di Tanah Melayu dan keempat, untuk menyusun kembali organisasi pentadbiran hal-ehwal orang Cina.

British membuat andaian bahawa China dengan dibantu oleh Amerika Syarikat akan muncul sebagai salah satu kuasa besar dalam kalangan negara-negara Berikat selepas tammat Perang Dunia Kedua. Britain akan menjalin hubungan yang baik dengan China sebagai negara sahabat. Sementara itu pegawai-pegawai Pejabat Tanah jajahan melihat ada kemungkinan China akan memainkan peranan menolong Britain dalam perang untuk mengambil kembali Tanah Melayu daripada Jepun. Oleh kerana itu mereka berpendapat kerajaan kolonial British di Tanah Melayu kelak harus mempunyai dasar berbaik dengan kerajaan Kuomintang China. Pejabat Tanah jajahan dapat merasakan bahawa Tanah Melayu akan mengalami banyak masalah dalam hubungan dengan China. Salah satu masalah ialah campurtangan China dalam hal-ehwal orang Cina melalui parti Kuomintang. Besar kemungkinan China akan menekan kerajaan British supaya membenarkan Kuomintang bergerak sebagai pertubuhan yang sah di Tanah Melayu. Menurut J.J. Paskin: *"It was therefore considered that as a matter of policy, it would be better to forestall demands (which in the circumstance envisaged in the post war would be irresistible) for the repeal of the Malayan Legislation, by ourselves taking the initiative and replacing that legislation by enactments on lines of the one which was then in operation in Hongkong."* (Lihat Paskin kepada Hone, 16 Jun 1949 CAB 101/66)

Rancangan British untuk membenarkan Kuomintang bergerak secara sah akan menimbulkan kesan terhadap golongan Cina Peranakan yang memperlihatkan kesetiaan kepada rantau ini. Masa lampau Cina Peranakan mempunyai alasan untuk tidak terlibat atau

menyertai politik yang berorientasi ke China melalui pengharaman ke atas cawangan-cawangan Kuomintang di sini. Tambahan lagi Kuomintang China akan merasa lebih bebas untuk campurtangan dalam hal-ehwal orang Cina dan mengembangkan sayapnya di sini. Jika wujud keadaan ini kedudukan kuasa British di Tanah Melayu pada masa hadapan juga akan tergugat dan terancam. Pejabat Tanah jajahan memerlukan satu dasar yang diharapkan boleh mengurangkan campurtangan kerajaan Kuomintang dalam hal-ehwal komuniti Cina dan yang dapat menarik minat komuniti ini untuk menumpukan taat setia kepada Tanah Melayu.

Peperangan Dunia Kedua telah mewujudkan satu keadaan yang merubah corak perhubungan British dengan komuniti Cina di Tanah Melayu. Pertubuhan-pertubuhan politik Cina yang diharamkan seperti Parti Komunis Malaya dan cawangan-cawangan Kuomintang menjadi rakan perjuangan British bagi menentang kemaraan angkatan tentera Jepun. Pada mulanya British keberatan untuk menerima tawaran daripada PKM untuk berkerjasama dengan British dalam Peperangan Dunia Kedua. Tetapi apabila keadaan terdesak selepas hampir-hampir seluruh semenanjung jatuh ke tangan angkatan tentera Jepun British menukar sikap dan meminta kerjasama dari komuniti Cina termasuk komunis. Pada 3 haribulan Januari 1942, Sir Shenton Thomas, Gabenor Negeri-negeri Selat dan Pesuruhjaya Tinggi Negeri-negeri Melayu Bersekutu menulis bahawa:

*... buat kali pertama dalam sejarah, wakil-wakil orang Cina dari semua parti, termasuk Cina Peranakan, Kuomintang dan Komunis, serta lain-lain menemui saya... [Mereka] menyatakan bahawa dalam keadaan sekarang, kekalahan Jepun adalah merupakan satu-satunya minat mereka, dan menawarkan diri untuk berkhidmat di bawah saya.*

(Thomas kepada Moyne CO273/669/50429)

Lord Moyne, Setiausaha Negara Bagi Tanah jajahan menyambut baik "tawaran" dari komuniti Cina dan mengeluarkan kepada Gabenor supaya menggunakan sepenuhnya perkhidmatan-perkhidmatan komuniti Cina bagi menyekat kemaraan Jepun. Menurutny: "Unsur-unsur yang liar dari orang-orang Cina yang menimbulkan kepayahan kepada kita [British] pada masa lepas berkemungkinan besar menjadi sesuatu yang amat berguna untuk tujuan-tujuan segera." (CO 273/669/50429)

Berikutan dengan arahan daripada Setiausaha Negara Bagi Tanah jajahan kerajaan kolonial telah membebaskan pemimpin-pemimpin dan ahli-ahli PKM dari penjara. Cina Peranakan, Kuomintang dan PKM berkerjasama dan membentuk

Majlis Mobilisi Orang-orang Cina yang terdiri 24 ahli. Sepuluh dari Kuomintang dan sepuluh dari PKM dan yang lain terdiri dari pemimpin Cina Peranakan. Sebuah jawatankuasa kecil telah dibentuk dan dinamakan jawatankuasa Kor Pertahanan untuk membantu angkatan tentera British bagi mempertahankan Singapura dari serangan Jepun. Sebuah pasokan sukarelawan dibentuk dinamakan *Singapore Oversea Volunteer Army* yang kebanyakannya anggotanya terdiri dari belia-belia Komunis. (BMA/Chinese Affairs 76/1945) J.D. Dalley, bekas Ketua Pegawai Polis dan pegawai Cawangan Khas yang berundur bersama *British Imperial Forces* dari Semenanjung ke Singapura telah ditugaskan memimpin pasukan ini. Dalley memanggil pasukan ini sebagai *Dalforce* atau Pasukan Dalley sempena namanya sendiri. Menurut Dalley, *Dalforce* terletak dibawah Malaya Command dan Pejabat Perang Britain.

Kekuatan *Dalforce* dianggarkan berjumlah 1,250 orang, terbahagi kepada tujuh kompeni tiap-tiap satu dianggotai oleh 150 orang. (BMA/CA.76/45) Selain daripada itu terdapat sebuah unit khas "*Dare to Die*," satu lagi kompeni dalam proses pembentukan dan kakitangan di ibu pejabat.

*Dalforce* turut berjuang bersama-sama tentera British dan pasukan tentera India bagi mempertahankan Singapura dari serangan Jepun. Walaupun *Dalforce* tidak begitu terlatih dan kekurangan alat senjata tetapi pasukan berjuang dengan berani sehinggalah dibubarkan apabila British menyerah kalah kepada Jepun. Sebelum bersurai mereka diberi maklumat tentang tempat-tempat simpanan senjata yang akan digunakan pada suatu masa kelak dan mereka diarahkan berhubung di antara satu dengan lain dan bersiap sedia membantu kepulauan British ke Tanah Melayu.

Pada masa pendudukan tentera Jepun, British meneruskan kerjasama dengan Kuomintang dan Komunis. Perlu disebutkan di sini bahawa British yang bertanggungjawab dalam pasukan gerila yang dinamakan Rakyat Malaya Anti-Tentera Jepun atau MPAJA. Penyokong-penyokong Komunis *Dalforce* yang menjadi tulang belakang pasukan gerila ini. (Oong, 1990:129-144) Mereka disertai oleh penyokong-penyokong komunis yang lain dan juga orang Cina yang bencikan pentadbiran tentera Jepun. Semasa tentera British diundurkan Major Spencer Chapman yang menjadi Timbalan Komander 101STS ditinggalkan untuk menyertai pasukan gerila. Ia kemudiannya disertai oleh anggota SOE termasuk Richard Broome dan John Davis. Seperti yang telah disebutkan Richard Broome dan John Davis selaku wakil-wakil bagi Ketua Panglima Perang Tentera Berikat telah membuat satu perjanjian dengan Loi Tak (Chang Hong) dan Chin Peng (Chen Chin Sheng), sebagai wakil-wakil Jawatankuasa



Bersama MPAJA dan Kesatuan Rakyat Malaya Anti-Jepun atau MPAJU. Kedua-dua pihak bersetuju berkerjasama sepenuhnya bagi tujuan-tujuan mengalahkan angkatan tentera Jepun. Wakil-wakil British bersetuju untuk membekalkan senjata dan wang, serta mengadakan kemudahan-kemudahan untuk latihan dan perubatan. Komunis pula bersetuju meletakkan MPAJA dibawah penyeliaan *South-East Asian Command* (SEAC) melalui pegawai-pegawai Force 136.

Butir-butir perjanjian dicatat pada satu helai kertas yang diambil dari buku latihan pelajar. (Cruickshank, 1983) Butir-butir perjanjian tidak menyentuh dasar lepas-perang atau aspek politik. Chin Peng sendiri pun mengakui ia tidak meminta sebarang konsesi politik dari Britain.

Dari butiran perjanjian SEAC-Komunis dan kenyataan Spencer Chapman membayangkan bahawa pengubalan dasar lepas-perang British tidak dipengaruhi oleh perjanjian tersebut dan tidak ada kaitan dengan isu kerjasama British-Komunis. Tetapi pegawai-pegawai British yang terlibat dalam pengubalan dasar dan pegawai tentera British di India merasa perlu menimbangkan isu kerjasama British-Komunis apabila mereka membincangkan pembentukan dasar lepas-perang British.

Pegawai-pegawai British menyedari bahawa Komunis tidak akan memberi kerjasama sepenuhnya atau akan berpaling tadah sekiranya mereka tidak mengetahui apa layanan yang akan diterima sesudah British kembali ke Tanah Melayu. Pada masa sebelum perang PKM adalah organisasi haram dan ahli-ahlinya boleh ditahan dan dipenjarakan. Menurut Innes Tremlett, Ketua SOE unit Tanah Melayu pemimpin-pemimpin MPAJA enggan berhubung rapat dengan pegawai-pegawai SOE kerana mereka tidak pasti terhadap layanan yang akan diterima selepas tamat perang atau mereka ingin menjalankan tindakan-tindakan subersif. Bagi British MPAJA boleh diibarat sebagai *Frankenstein's monster* yang dicipta untuk membantunya tetapi tidak sisi yang lain boleh membinasakan penciptanya.

Pada bulan september 1943 pegawai-pegawai Pejabat Tanah jajahan telah pun membincangkan terhadap pendirian yang harus diambil memandangkan Komunis dan Kuomintang telah berubah sikap dengan memberikan kerjasama kepada British menjelang tercetus Perang Pasifik. Pegawai-pegawai Pejabat Tanah jajahan dimaklumkan bahawa:

*At present [ 1943] it must be expected that the two major Chinese parties [Kuomintang and MCP] will have managed to maintain some sort of undercover machinery and will be*

*strong guiding force in such resistance to enemy as is at present possible. They are likely too to play a prominent role part in helping us in any campaign to drive out Japanese.*  
(CO 825/35/55109)

Dalam keadaan demikian adalah mustahil bagi British untuk melaksanakan kembali "the pre-war embargoes" terhadap Kuomintang dan PKM. Sebaliknya dirasakan bahawa Ordinan Pertubuhan perlu dipinda atau digantikan dengan Ordinan Pertubuhan yang pernah dikuatkuasakan di Hongkong. Menurut Ordinan Pertubuhan tersebut sesebuah pertubuhan tidak perlu didaftarkan untuk menjadi pertubuhan yang sah dari segi undang-undang. Sebaliknya tanggungjawab mengharamkan pertubuhan terletak kepada "Governor in Council." Dalam keadaan demikian Kuomintang dan PKM boleh menjadi pertubuhan yang sah tanpa melalui proses pendaftaran.

Perbincangan-perbincangan di kalangan pegawai-pegawai Pejabat Tanah jajahan, FO (Pejabat Luar), WO (Pejabat Perang), Duta-duta dan lain-lain memperlihatkan untuk menimbang soal hubungan British-PKM dan Kuomintang dalam pengubalan dasar lepas-perang British terhadap komuniti Cina. Pada 11 Januari 1944 satu persidangan telah diadakan di New Delhi untuk membincangkan hal-ehwal orang Cina di Tanah Melayu. Persidangan ini dihadiri oleh pemimpin-pemimpin tentera termasuk M.E.Dening, Ketua Penasihat politik kepada Ketua Panglima Perang SEA, Ralph Hone, Ketua Pegawai Hal-Ehwal Awam Tanah Melayu dan Sir Horace Seymour, Duta British ke China. Hone memaklumkan kepada persidangan bahawa Pejabat Tanah jajahan bercadang menghantar Victor Purcell, Penasihat Hal-Ehwal Orang Cina (Unit Perancang Tanah Melayu) ke Chungking bagi melihat pandangan orang Cina di China terhadap orang Cina di seberang laut. Seymour berpendapat "opinion in China was very crystallized on this subject but general trend was that Overseas Chinese should not be subject to disabilities in trade and politics from which other races did not suffer." (Nota Persidangan Delhi, Januari 1944 dalam FO 371/41625) Selanjutnya ia berpendapat langkah Pejabat Tanah Jajahan untuk memihak kepada golongan orang Cina yang "dilahir dan dibesarkan" di Tanah Melayu tidak akan memuaskan hati kerajaan China. Ini disebabkan kerajaan China tidak membezakan seseorang itu sama ada dilahirkan di Tanah Melayu atau tidak. Dalam erti kata lain sebarang perubahan harus memberi manfaat kepada semua orang Cina di Tanah Melayu.

M.E. Dening pula selaku penasihat politik kepada SEAC menyatakan mereka memerlukan satu direktif dasar tentang orang Cina secepat mungkin. Menurutnyanya "certain Allied work was already be-

ing taken within Malaya, largely through the instrumentality of the Chinese [the communist dominated MPAJA] in Malaya." (FO 371/41625) Ia menambah bahawa: "there might well soon be a request from the Officer in charge of these operations for permission to say something to the Chinese as their future position in Malaya in order to retain their co-operation and encourage them to further activities." Kenyataan Dening dengan jelas menunjukkan pengubalan direktif dasar yang diperlukan oleh Force 136 bagi meningkatkan kerjasama di antara mereka dengan MPAJA.

Pegawai-pegawai Force 136 sendiri berhubung terus dengan Edward Gent, pegawai kanan di Pejabat Tanah jajahan, bagi meminta matlumat-matlumat tertentu seperti:

- (1) *What form of citizenship if any will be available*
  - a. *To those born in Malaya, and*
  - b. *Those who have been domiciled there for a given period?*
- (2) *Will organisations and societies which were considered to be illegal before the war continue to be so considered*
- (3) *From the point of view of civil right and opportunities will such Chinese as may qualify for citizenship under above be subject to discrimination?*  
(Taylor kepada Gent 12 Ogos 1944 dalam CAB 101/66)

Victor Purcell selaku Penasihat Hal-Ehwal Orang Cina memainkan peranan penting dalam pengubalan dokumen "*Malaya, Long Term Policy Directives: Chinese Policy.*" Secara peribadi ia sangat bersimpati terhadap komuniti Cina. Ia mengutuk dasar sebelum perang British yang dianggap pro-Melayu dan menyifatkan bekas pegawai-pegawai British seperti Theodore Samuel Adams sebagai "*Old School administrators.*" (BMA/ADM/239) Victor juga ingin membaiki imej pegawai-pegawai hal-ehwal orang Cina supaya tidak disifatkan sebagai anti-Cina. Ia berpendapat perubahan dasar terhadap komuniti Cina dibuat memandangkan perkembangan nasionalisme dan kesedaran politik yang melanda orang Cina di Tanah Melayu dan juga negeri Cina. Perubahan dasar juga perlu mengambil kira kewujudan MPAJA sebagai satu "*force*" yang kuat. Menurutnya:

*There is evidence that the anti-Japanese guerilla army in Malaya mostly Chinese, is nearly 40,000 strong, and largely communist in outlook .... Are we to expect that we can establish an administration or a Chinese affairs organization unrelated*

*to claims it will have to make.*"  
(BMA/ADM/239)

Pejabat Tanah Jajahan mengambil masa hampir setahun untuk mengutip data bagi merangka direktif dasar terhadap orang Cina sebelum draf terakhir dapat disiapkan pada 5 Mei 1944. (*Malaya, long Term Policy Directives — Chinese Policy* dalam CO 865/18 dan juga FO 371/14625). Antara butir-butir ialah pembentukan kewarganegaraan Malayan Union. Orang keturunan Cina boleh memiliki taraf kewarganegaraan Malayan Union atau kekal sebagai orang asing. Mereka yang menjadi warganegara akan mempunyai hak-hak dan tanggung jawab tertentu sebagaimana yang dinikmati oleh warganegara dari bangsa atau kaum lain kecuali dalam dasar tanah simpanan Melayu. Mereka juga berpeluang memasuki perkhidmatan awam.

Orang Cina sebagaimana warganegara Malayan Union yang lain bebas menyertai mana-mana pertubuhan yang sah dari segi undang-undang. Syarat pendaftaran pertubuhan di bawah Ordinan Pertubuhan akan dipinda untuk membatalkan syarat-syarat yang memerlukan sesebuah pertubuhan memohon kelulusan untuk didaftar sebelum menjadi pertubuhan yang sah. "*Governor in Council*" bertanggung jawab untuk mengistiharkan mana-mana pertubuhan yang sedia sebagai haram. Ini bererti Kuomintang dan PKM menjadi pertubuhan secara sah kecuali "*Governor in Council*" mengistiharkannya sebagai haram. Dalam kata-kata lain orang Cina mempunyai kebebasan untuk memilih menyertai parti-parti politik Cina yang berorientasi ke negeri China atau berorientasi tempatan.

Direktif ini juga mencadangkan penyusunan semula organisasi pentadbiran hal-ehwal orang Cina. Sebuah jabatan Hal-ehwal orang Cina akan dibentuk bagi mengendalikan hal-ehwal orang Cina di Malayan Union dan Singapura. Jabatan ini akan diketuai oleh seorang pegawai Setiausaha Hal-Ehwal Orang Cina. Butir-butir lain menyentuh tentang immigrasi, larangan penghisapan candu dan hal-hal pentadbiran yang lain.

Intipati daripada direktif tentang dasar orang Cina dan direktif kewarganegaraan termaktub di bawah dasar Malayan Union. Peruntukan kewarganegaraan Malayan Union menegaskan konsep sama rata bagi semua warganegara dan syarat-syarat yang sangat longgar untuk membolehkan orang asing menjadi warganegara Malayan Union. Dalam erti kata lain hak-hak istimewa orang Melayu sebagai bumiputera dihapuskan.

Untuk membolehkan pelaksanaan dasar Malayan Union British merasa perlu menghapuskan kedaulatan Sultan-sultan Melayu dan meletakkan wilayah ini di bawah Kuasa Kehakiman Luar Great Brit-

ain. Dengan demikian Malayan Union menghapuskan konsep Tanah Melayu sebagai negeri Melayu. Mengapa British nampak begitu bermurah terhadap komuniti Cina? Lord Lois Mountbatten dapat memberikan jawapan yang paling "simple." Malayan Union merupakan "weapon" atau senjata untuk menetralkan komuniti ini dan memudahkan pihak British mengambil alih teraju pemerintahan di Tanah Melayu daripada Jepun. (CO 825/42/55104/1) Dengan adanya "weapon" kepulauan British ke Tanah Melayu pada bulan September 1945 telah diberikan sambutan hebat oleh MPAJA. Menurut Laporan Pentadbiran Tentera British bagi bulan September 1945 (BMA/CA 76/45):

*The procession of combined Chinese Resistance Movement organisations held on the Padang on September 15th was most impressive. Well over 10,000 young Chinese men and women took part.*

"Weapon" ini atau direktif dasar tentang orang Cina digunakan oleh pihak British untuk memujuk komunis bagi membubarkan MPAJA. Semasa pendaratan tentera British di Tanah Melayu pada bulan September 1945 M. E. Dening selaku Ketua Penasihat Politik SEAC telah memaklumkan kepada MPAJA mengenai cadangan dasar lepas perang British. (Dening kepada Pejabat Luar, 3 September 1945 dalam CO 273/675). Ini bererti Komunis telah pun mengetahui cadangan perlembagaan baru untuk Tanah Melayu sebelum perkara ini diumumkan kepada orang ramai pada 10 Oktober 1945.

Ralph Hone selaku bekas Ketua Pegawai Hal-Ehwal Awam Pentadbiran Tentera British dalam perundingan di antara MPAJA dengan *General Officer Commanding (GOC), Malaya Command* pemimpin-pemimpin MPAJA telah mengemukakan lapan perkara yang memerlukan jaminan atau "assurances" daripada pihak British. (CAB 101/66) Antaranya menyentuh persoalan kebebasan berserikat dan kedudukan Ordinan Pertubuhan sebelum perang. GOC bagi pihak Ketua Panglima Perang SEAC telah mengemukakan intipati direktif dasar tentang orang Cina kepada MPAJA. Keputusan ini diambil berasaskan memorandum Setia Usaha Negara bagi Tanah jajahan bertarikh 9 Disember 1944 yang dikemukakan kepada Jawatankuasa Kabinet Perang Berkenaan Tanah Melayu dan Borneo. Setiausaha Negara memaklumkan bahawa: "... the organisation in question [Force 136] has had to be given certain guidance on the subject [British future plans] for the use of its agents." (CAB 981/41) Tindakan GOC ini telah menyebabkan Komunis bersetuju membubarkan MPAJA.

### Rumusan

Peperangan Dunia Kedua menimbulkan banyak masalah kepada British yang menyebabkannya mengkaji semula dasar-dasar dan amalan-amalan pentadbirannya di Tanah Melayu. Ternyata bahawa perjanjian-perjanjian di antara British dengan Sultan-sultan Melayu yang dianggap "kudus" tidak bermakna lagi. British telah gagal menjalankan obligasinya untuk mempertahankan Tanah Melayu dan melindungi Sultan-sultan dan orang Melayu daripada serangan Jepun.

Peperangan Dunia Kedua juga mengubah corak hubungan di antara British dengan China dan komuniti Cina di Tanah Melayu. China yang dahulu dipandang rendah oleh Great Britain mungkin mempunyai potensi untuk muncul sebagai satu kuasa yang kuat dengan bantuan kuasa-kuasa besar termasuk Amerika Syarikat. Parti-parti politik Cina di Tanah Melayu yang dahulu ditindas dan diharamkan telah mewujudkan kerjasama dengan pihak British dalam perjuangan menentang Jepun. Sebagai usaha untuk menentang serangan Jepun dan mengambil kembali Tanah Melayu British telah memperkuatkan Kuomintang dan Komunis melalui pembentukan *Dalforce* dan kemudiannya pasukan gerila MPAJA. Keadaan ini mengubah kedudukan komuniti Cina menjadi satu "force" yang kuat atau dianggap kuat yang boleh menolong atau sebaliknya mengancam kepulangan British ke Tanah Melayu. Dalam situasi yang tidak menentu ini mendorong British mengubah paradigma dalam pengubalan dasar untuk Tanah Melayu. British menggubal satu dasar yang liberal untuk komuniti Cina di Tanah Melayu. Dasar baru British memberi pilihan kepada orang Cina untuk menjadi warganegara Malayan Union atau asing. Mereka juga bebas untuk melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan politik yang berorientasi ke Tanah Melayu atau yang terikat dengan negara asal-- China. Unsur-unsur ini kelihatan tidak harmoni dengan kepentingan-kepentingan British atau Tanah Melayu dalam jangka panjang. Walau bagaimana pun dalam keadaan yang terdesak British memikirkan dasar yang sebaik-baiknya untuk menjaga dan memelihara kepentingan-kepentingannya di Tanah Melayu adalah dasar yang memenuhi atau dapat diterima oleh komuniti Cina.

### Rujukan

- Allen, J.de V. 1967. *The Malayan Union*, New Haven: Southeast Asian Studies.
- BMA/ADM. British Military Administration Files (Arkib Negara Kuala Lumpur)

- BMA/CA. British Military Administration/ Chinese Affairs, Headquarters, Singapore Division (The National Archives and Department of Oral History, Singapore)
- Blythe, W. 1969. *The Impact of Chinese secret Societies: A Historical Study*, London: Oxford University press.
- CAB 98/41 War Cabinet Committee on Malaya and Borneo (Kew Garden, UK)
- CAB 101/66 Cabinet Historical Section. (Kew Garden, UK)
- Chapman, F.S. 1954. *The Jungle is Neutral*, London: Chatto & Windus.
- Cheah Boon Kheng, 1983. *Red Star Over Malaya*. Singapore: Singapore University Press.
- Clutterbuck, R., 1973. *Riot and Revolution in Singapore Malaya, 1945-1963*, London: Faber and Faber Limited.
- Cruickshank, C., 1983. *SOE in the Far East*, Oxford: Oxford University Press.
- CO 273 Straits Settlements: Original Correspondence. (Kew Garden, UK)
- CO 825 Eastern: Original Correspondence.
- Emerson, R., 1964. *Malaysia*. Kuala Lumpur: Pustaka Ilmu, Reprinted 1966.
- FO 371 General Correspondence.
- Khasnor Johan, 1984. *The Emergence of the Modern Malay Administrative Elite*. Singapore: Oxford University Press.
- Lau, A., 1991, *The Malayan Union Controversy*. Singapore: Oxford university Press.
- O'Ballance, Edgar. 1956. *Malaya: The Communist Insurgent war 1948-1960*. Hamdan, Connecticut: Archon Books.
- Oong Hak Ching, 1990. "Kerjasama British dengan Parti Komunis Malaya dan kuomintang: Kesan-kesannya Terhadap Dasar-dasar British Di Tanah Melayu (1941-1945), dalam *Jebat*, No.18, Jernal terbitan Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Purcell, V. 1948, *The Chinese in Malaya*, London: Oxford University Press.
- Roff, W.R., 1967, *The Origins of Malay Nationalism*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Sidhu, Jagjit Singh. 1980. *Administration in The Federated Malay States, 1896-1920*. Kuala Lumpur: Oxford university Press.
- Thio, E., 1969, *British Policy in The Malay Peninsula, 1880-1910*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Yong. C.F dan R.B.Mckenna, 1990, *The Kuomintang Movement in Malaya, 1912-1949*. Singapore: Singapore University Press.

# SUMBER-SUMBER BELANDA SEBAGAI SUMBER PENULISAN SEJARAH MALAYSIA

---

Nordin Hussin

Jabatan Sejarah, UKM

Belanda telah memerintah Melaka sejak tahun 1641 sehinggalah tahun 1824 apabila ia menyerahkan Melaka kepada kerajaan Inggeris<sup>1</sup>. Daripada lebih kurang dua ratus tahun Belanda memerintah Melaka kajian-kajian yang ditulis tentang zaman ini amatlah sedikit jumlahnya. Contoh-contoh kajian yang mendalam tentang penulisan sejarah pada zaman ini yang menggunakan dokumen Belanda ialah Leonard Andaya yang menulis, *The Kingdom of Johore*<sup>2</sup> dan Barbara Andaya yang menggunakan sumber Belanda untuk menulis tentang sejarah negeri Perak, Perak, *The Abode of Grace*<sup>3</sup>. Selain daripada itu terdapat dua buah tesis yang ditulis oleh sejarawan dari Australia tentang zaman Belanda di Melaka iaitu Dianne Lewis, *The Dutch East India Company and the Straits of Malacca, 1700-1784*<sup>4</sup>, dan John Hoffman, *The exercise of power in the Straits of Malacca after 1641*<sup>5</sup>. Kajian lain ialah yang telah dilakukan oleh sejarawan terutama Belanda M.A.P. Meilink-Roelofz yang menulis tentang perdagangan di Asia Tenggara dalam zaman Belanda iaitu, *Asian Trade and European Influence*<sup>6</sup>. Baru-baru ini seorang lagi sejarawan Belanda iaitu Reinout Caspar Vos telah melengkapkan kajiannya tentang hubungan Syarikat VOC dengan kerajaan Johor-Riau dan kerajaan Melayu Siak. Kajian beliau yang jodol, *Koopman en Koning De VOC en de Maleise tinhandel 1740-1800* dan kajian ini telah diterbitkan dengan judul Gentle Janus, *Merchant Prince, The VOC and the tightrope of diplomacy in the Malay world, 1740-1800*<sup>7</sup>. Di samping itu terdapat juga ramai sejarawan Belanda yang telah menulis tentang aktiviti-aktiviti VOC ini contohnya seperti C.R. Boxer<sup>8</sup>, E. Netscher<sup>9</sup>, F. S. Gaastra<sup>10</sup>, K. Glamann<sup>11</sup> dan sebagainya.

Di samping kajian-kajian yang dinyatakan di atas terdapat pula tulisan serta laporan yang telah diterbitkan. Antaranya ialah laporan yang ditulis oleh P.A. Leupe yang berjudul *Stukken betrekkelijc het beleg en de verovering van Malakka op de Portugezen in 1640-41*<sup>12</sup> yang terbit pada tahun 1859. Dalam laporannya ini Leupe menulis tentang perhal penalukan ke atas Melaka oleh Belanda. Penulisan ini diikuti pula



oleh penulisan J.C. Overvoorde yang berjudul *Eene niet gepubliceerde Kaart van de belegering van Malakka in 1640-1641*<sup>13</sup>. Di samping itu penulisan W.Ph. Coolhaas pula memberi tumpuan kepada gabenor Melaka iaitu Jan van Riebeeck yang telah dihantar ke Melaka dari Cape Town<sup>14</sup>. Sementara itu terdapat sebuah laporan yang amat penting yang telah diterbitkan iaitu tentang laporan Gabenor Balthasar Bort tentang Melaka pada tahun 1678<sup>15</sup>. Sejarawan Belanda yang lain pula seperti E.Netscher menulis tentang *Twee belegeringen van Malakka, 1756-57 en 1784* yang memaparkan pertelingkahan di antara Belanda dengan kuasa Bugis di Selangor dan Johor<sup>16</sup>. Barian Harrison pula telah menerbitkan laporan tentang gabenor Belanda pada tahun 1954<sup>17</sup>. Tentang hubungan pemerintahan di antara orang Portugis dan pemerintah Belanda di Melaka dapat dilihat dalam tulisan W.C.H. Smith<sup>18</sup>. Tulisan G. Irwing pula membincangkan tentang gabenor Couperus iaitu gabenor terakhir sebelum Belanda menyerahkan Melaka kepada Inggeris pada tahun 1794<sup>19</sup>. Tulisan tentang gabenor Couperus ini telah dilanjutkan oleh D.K. Bassett yang cuba membela tentang penyerahan Couperus yang telah menyerahkan Melaka kepada Inggeris dengan begitu mudah sekali tanpa pertumpahan darah<sup>20</sup>. Penawanan Inggeris ke atas Melaka dari Belanda dan perjuangan di antara kedua kuasa ini untuk menguasai hak perdagangan dan kuasa di Selat Melaka telah dijelaskan dalam tulisan N. Tarling yang telah melihat konflik di antara dua kuasa ini<sup>21</sup>. Kajian-kajian yang menyentuh pemerintahan Belanda di Melaka dengan negeri-negeri Melayu yang lain dapat dilihat antaranya seperti tulisan Andaya tentang kerajaan Johor dan hubungannya dengan pemerintah Belanda dari tahun 1641 hingga 1728<sup>22</sup>. Barbara Andaya pula menulis tentang hubungan pemerintahan Belanda di Melaka dengan kerajaan Perak<sup>23</sup>. Sebuah tesis dari Universiti Utrecht yang ditulis oleh Renout Vos telah menyentuh tentang hubungan Belanda dengan kerajaan Johor sejak pemerintahan Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah sehinggalah konflik-konflik yang membawa kejatuhan Johor Riau ketangan Belanda pada tahun 1784 dan hubungan Belanda dengan tanah jajahan Johor iaitu Siak<sup>24</sup>. E. Netscher, seorang lagi sejarawan Belanda yang terkemuka yang telah menulis tentang *De Nederlanders in Djohor en Siak*, merupakan tulisan yang terawal tentang hubungan Belanda dengan kerajaan Melayu<sup>25</sup>.

Boleh dikatakan kesemua kajian-kajian yang telah dilakukan ini kebanyakannya hanya membincangkan tentang hubungan VOC dengan kerajaan-kerajaan Melayu disekitarnya, pertelingkahan perdagangan, dasar monopoli VOC, kajian tentang kerajaan Melayu dengan menggunakan dokumen VOC dan juga peperangan yang berlaku di antara VOC dengan Kerajaan-kerajaan Melayu tempatan serta laporan-laporan dalam bahasa Belanda yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris.

Daripada kajian-kajian yang telah dilakukan ini banyak lagi aspek-aspek yang belum diberikan perhatian tentang sejarah Melaka di zaman Belanda. Contohnya tentang pemerintahan Belanda di Melaka dan perubahan yang berlaku di zaman tersebut dari segi sudut sejarah sosial dan ekonomi serta tentang hubungan di antara orang-orang awam di Melaka pada masa itu yang terdiri dari berbagai kaum, sistem perundangannya dan dasar VOC tentang tanah naungannya iaitu *vassel state* seperti hubungannya dengan Naning<sup>26</sup>.

Persoalan-persoalan tentang perdagangan, aktiviti orang-orang Eropah, Portugis, Melayu, India, China, para hamba yang ramai jumlahnya serta pedagang-pedagang dan pentadbiran gereja di Melaka, hak pemilikan harta seperti tanah, harta pusaka yang tidak mempunyai waris, imigrasi penduduk, pelaksanaan undang-undang, anak-anak yatim serta dasar pentadbiran Belanda dan Melaka sebagai sebuah kota koloni Belanda merupakan isu-isu serta persoalan yang belum terjawab dan perlu dikaji dengan sempurna<sup>27</sup>.

Beberapa tahun kebelakangan ini penggunaan sumber dokumen berbahasa Eropah kian meningkat di kalangan sejarawan untuk menulis sejarah yang kebanyakannya berteraskan sumber Inggeris. Perubahan yang menarik ini amat menguntungkan kerana hasil kajian yang baru dengan menggunakan sumber yang terdapat daripada bahasa-bahasa Eropah amat sedikit dilakukan terutama di kalangan pengkaji yang berteraskan bahasa Inggeris. Walau bagaimanapun pengkaji juga haruslah berwaspada menggunakan sumber ini kerana terdapat banyak laporan yang kadangkala berat sebelah. Kebanyakan sumber ini pula biasanya berkaitan dengan perdagangan dan perniagaan kerana sumber-sumber ini diperolehi daripada laporan serta surat menyurat syarikat-syarikat perdagangan seperti Syarikat India Belanda atau VOC dan surat menyurat serta laporan daripada pedagang-pedagang swasta Denmark, Perancis serta German. Daripada laporan serta surat menyurat ini sudah pasti terdapat banyak bahan-bahan yang mengandungi hal-ehwal pemerintahan tempatan, perniagaan, barang perdagangan, peristiwa yang berlaku di istana atau pelabuhan tertentu yang disinggahi, penduduk tempatan, serta politik yang berlaku daripada laporan atau surat tersebut.

Tentang hal ini, sumber yang paling bernilai ialah yang terdapat di arkib Belanda dan di arkib Jakarta kerana dua tempat ini yang menyimpan kanzah sejarah yang berlaku pada abad ke tujuh belas dan lapan belas. Jakarta penting kerana ia merupakan pusat pentadbiran Belanda di Timur dan mengawal kesemua perdagangan serta kuasa pelabuhan-pelabuhan yang ditadbir oleh Syarikat India Belanda. Kesemua keputusan yang hendak dibuat semestinya

diberitahu ke Jakarta terlebih dahulu dan kemudian menghubungi pusat pentadbirnya di Belanda.

Sumber dokumen yang berkaitan dengan VOC yang terdapat di Belanda meliputi dari tahun 1607 hingga 1795. Bahan-bahan ini kebanyakannya terdiri daripada surat menyurat di antara Badan Induk atau Pengarah Tujuh belas, Pejabat konsol di Batavia dan dengan kesemua pusat-pusat perdagangan atau pelabuhan yang dikuasai oleh Belanda pada abad ke tujuh belas dan lapan belas seperti Melaka, Ceylon, Formasa, Dosehima, Mocha dan sebagainya.

Tentang mutu sumber Belanda ini seorang sejarawan iaitu Profesor S. Arasaratnam di dalam tulisannya *The use of Dutch Material for Southesat Asian Historical Writing* telah mengatakan<sup>28</sup>:

*"A glance at a bibliography of the history of the Vereenigde Oost Indische Compagnie is sufficient to give one an idea of the treasure house of source material that must be extant to have made possible studies of such wide and varied nature. Those who have even a nodding acquaintance with this material will confirm that even more is waiting to be explored"*

Arasaratnam menyatakan lagi dengan melihat bahan-bahan daripada sumber Belanda contohnya alam Overgekomen Brieven en Papieren, sejarawan akan dapat melihat tentang data kapal perdagangan serta bahan-bahan perdagangan yang dibawa oleh kapal-kapal Belanda di timur serta perdagangan di Selat Melaka.

Seterusnya Arasaratnam menyatakan dengan lebih lanjut lagi terhadap bahan dokumen Belanda ini sebagai<sup>29</sup>:

*"The diversity and richness of this series is seen when one looks at the two extremities which are contained in it.. There is on the one side the annual General Letter with its panoramic all including view of Dutch actives in the East; on the other end there is the scribbled, scrappy, often confussing, note from the Dissava or controller of a district in a remote corner of the country writing of some parochial problem such as say the request by people of a particular caste to be exempted from some obligatory service to the company. Between these two extremes, there are papers that reflect discussions and correspondence at various levels of administration"*

Begitu juga bahan-bahan VOC yang di kelaskan sebagai *Bata-viasche Uitgaande Briefboek* mengandungi perkara tentang surat menyurat di antara kerajaan, *Resolutien van Raaden van Indie* terdapat bahan tentang perbahasan dan keputusan daripada konsul di India,

*Brievven van Heeren Zeventien naar Indien* adalah surat menyurat daripada Kompani Director kepada kerajaan Belanda di Batavia. Selain daripada itu terdapat juga bahan terbitan yang diselenggarakan oleh W. Ph. Coolhaas, berjudul *Generale Missiven* dan kini usaha-usaha untuk menerbitkan dokumen ini telah disambung pula oleh Van Goor dari Universiti Utrecht, Belanda<sup>30</sup>.

Bukti telah menunjukkan bahawa sejarawan yang telah menggunakan sumber Belanda ini telah dapat menulis kajiannya dengan berjaya. Contohnya J. C. Van Leur yang telah menggunakan bahan Belanda pada abad ke-17 untuk kajiannya berkenaan perdagangan dan kegiatan ekonomi pada abad ke-17 di kerajaan Java dan Sumatra<sup>31</sup>. Begitu juga jejak Leur ini telah dituruti oleh Arasaratnam dalam kajiannya tentang *Dutch Power in Ceylon, 1658-1687*<sup>32</sup>.

Menurut Arasaratnam beliau telah dapat menulis sejarah Ceylon dengan menggunakan bahan Belanda sepenuhnya tanpa melihat bahan-bahan yang lain dan telah dapat menghasilkan satu kajian yang bermutu. Ini kerana bahan Belanda telah dapat memberikan gambaran yang sepenuhnya serta lengkap di samping dokumen tempatan yang amat sukar ditemui. Bahan Belanda telah dapat digunakan untuk menulis semula sejarah zaman Belanda di Ceylon.

Memang banyak telah diperkatakan tentang sumber Belanda berhubung dengan negeri ini dan yang selalu diperkatakan ialah sumber Belanda ini telah hilang dari simpanan arkib. Verhoeven yang telah menulis tentang *The Lost Archives of Dutch Malacca 1641-1824*, mengatakan yang Arkib Negara Malaysia telah tidak memiliki koleksi bahan Belanda dan ini amat menyedihkan kepada khazanah sejarah negara kerana sebilangan besar bahan tersebut berada di negara Belanda kini. Menurutnya lagi di samping bahan sejarah dalam zaman Belanda merupakan satu khazanah kepada sejarah negara sebagai sumber utama telah tidak tersimpan di Arkib Negara<sup>33</sup>:

*"As the National Archives of Malaysia has none of the Dutch government archives and only 15 volumes of the Dutch Church archives it should be part of its task to obtain more data and information about the Malacca archives and produce copies of them in a phased programme. These archives form part of the national heritage of Malaysia and are a primary source for its history. Moreover the Dutch archives constitute the oldest archival matter of the country, as long as the local Portuguese records of Malacca have not been recorded if ever".*

Verhoeven seterusnya menyatakan bahawa zaman Belanda di Melaka merupakan zaman yang gelap dalam penulisan sejarah negara kerana kekurangan penulisan sejarah pada zaman tersebut<sup>34</sup>:

*"As botch Dutch periods are more or less a blank in the History of Malaya the eventual recovery of the Dutch Malacca archives by the National Archives should be an incentive for historical research in Malaysia"*

Tetapi kenyataan beliau ini terjawab apabila penyelidik pergi ke arkib Belanda dan juga ke arkib di London sebahagian besar dari bahan-bahan tersebut tersimpan dengan begitu rapi di kedua-dua tempat ini. Justeru itu jelas memeperlihatkan bahawa zaman Belanda di Melaka belum banyak disentuh serta dikaji oleh sejarawan tempatan.

Umumnya telah diketahui bahawa sumber arkib Belanda tentang Melaka dan Nusantara amatlah kaya dan membanggakan. Tetapi kekayaan sumber sejarah yang tersimpan ini belum lagi diterokai sepenuhnya oleh sejarawan-sejarawan Malaysia. Dengan itu tujuan penulisan ini ialah untuk menjelaskan tentang simpanan arkib Belanda, cara penggunaan bahan-bahan tersebut dan juga melihat sumber-sumber yang boleh digunakan untuk penulisan semula sejarah Melaka, apakah data-data yang boleh diperoleh dalam arkib Belanda dan bagaimana ia boleh digunakan untuk penulisan sejarah. Dalam penulisan ini juga akan dijelaskan cara bagaimana simpanan arkib VOC ini boleh digunakan sementara mencari jawapan kepada persoalan-persoalan yang akan diutarakan ke atas sumber-sumber tersebut.

Penulisan sejarah kebiasaannya diutarakan dengan pelbagai persoalan ke atas simpanan arkib yang biasanya dikeluarkan dengan tujuan-tujuan tertentu dalam pemikiran pengkaji. Walaupun sumber-sumber ini amat kaya tetapi cara menggunakannya merupakan sesuatu yang amat sukar seperti mencari kepentingan dan apa yang dicari dan akhirnya mendapatkannya. Halangan yang pertama yang harus dilalui oleh pengkaji ialah tulisan daripada abad ke tujuh belas dan lapan belas. Sejarawan perlu memahami cara dan bentuk tulisan yang digunakan pada abad ke tujuh belas dan lapan belas ini. Dengan latihan-latihan membaca tulisan paleographi ini akan memudahkan pengkaji untuk membaca naskah-naskah lama ini. Di samping itu bahasa yang digunakan adalah bahasa Belanda kuno atau tua yang kadangkala sukar untuk mendapatkan pengertiannya dari kamus-kamus Belanda walaupun kamus Belanda kuno ini amat banyak senarai kata yang meliputi beberapa siri. Tambahan pula bahasa dan perbincangan yang tertulis dalam laporan-laporan syarikat VOC pada abad ke tujuh belas dan lapan belas amat berbeza dari bahasa Belanda kini. Begitu juga laporan-laporan ini terdapat berbagai perkataan serta istilah yang diterapkan dari bahasa Melayu, Portugis dan Latin. Tambahan lagi

ayat-ayat dalam bahasa Belanda abad ke tujuh belas dan lapan belas amatlah panjang sebabbahagian besarnya satu ayat meliputi hampir satu folio atau satu ke atas dokumen. Begitu juga dengan ejaan-ejaan tidak serupa di antara satu tempat dengan tempat yang lain seperti ejaan *compagnie* telah dieja dengan *kompenie*. Lebih-lebih lagi amat lemah daripada segi penggunaan tanda bacaan. Tetapi yang amat menyukarkan kepada sejarawan ialah ayat-ayat yang panjang dari satu muka surat ke muka surat yang lain tanpa wujudnya tanda kata pemutus. Dengan itu amat sukar untuk mendapatkan maksud dan fakta-fakta yang tertentu jika seseorang itu hanya membaca secara sepintas lalu saja. Begitu juga membaca surat-surat *company* memerlukan pengalaman untuk memahami butir-butir dan isi sebenar surat-surat yang dihantar. Dengan itu untuk menguji kebijaksanaan seseorang pengkaji sama ada telah mencapai tahap pemahaman dan menggunakan sumber-sumber tersebut tetapi sama ada beliau telah dapat menyelesaikan perkara-perkara yang amat samar dalam fakta-fakta itu.

Di samping itu laporan-laporan itu ditulis oleh orang bawahan kepada pihak atasan. Dengan itu penyelidik harus berwaspada semasa membaca surat dan laporan-laporan kerana ia ditulis oleh pekerja dalam sebuah syarikat perkapalan dan perdagangan yang mengendalikan perdagangan di seluruh pelusuk dunia yang juga merangkumi kepentingan perdagangan persendirian dan melapurkan kepada pegawai-pegawainya di Netherlands. Pengarahnya pula bukanlah terdiri daripada orang-orang yang berlatarbelakangkan pendidikan ethnologi yang mahu mengetahui tentang soal-soal penduduk tempatan. Pengarah-pengarah dalam Syarikat India Belanda adalah orang-orang yang berteraskan kepada perdagangan dan perniagaan dan segala keuntungan syarikat adalah menjadi cita-citanya. Oleh itu mana-mana laporan yang berlaku tentang penduduk tempatan yang tidak berkaitan dengan kepentingan syarikat tidak akan diberi perhatian. Dengan itu terdapat laporan dan surat-surat yang dihantar ke Batavia dan ke Netherlands dan ia merupakan satu yang bernilai kepada sejarawan.

Untuk menggunakan sumber-sumber Belanda ini beberapa pendekatan boleh dilakukan. Antaranya dengan cara membuat persoalan dan mencari jawapannya di arkib. Tetapi pendekatan ini akan menemui kegagalan jika sekiranya pengkaji itu tidak mengetahui objektif yang utama dalam laporan-laporan itu. Kerana ia ditulis dengan cara keutamaan perniagaan yang kadangkala tidak akan memberikan keutamaan pada permulaan penyelidikan. Para pengarah syarikat India Belanda melihat sesuatu perkara itu berbeza sekali dengan penyelidik. Dengan itu kita haruslah cuba mencari apakah jenis lapuran yang syarikat kehendaki dan sejauhmana ia

dapat memenuhi keperluan ini. Contohnya jika pengkaji mencari data tentang bijih timah. Ia tidak akan dapat mencari butir-butir tentang bijih timah ini melainkan jika ia melihat rekod-rekod yang dikeluarkan dari Melaka, Ujong Salang, Riau dan Kedah serta Perak. Dari rekod-rekod ini maka barulah akan dapat dilihat bagaimana perdagangan bijih timah dijalankan dan bagaimana tindakan-tindakan Belanda ke atas perdagangan bijih timah di lakukan.

Sumber Belanda tentang Melaka yang menarik ialah laporan penduduk Melaka yang telah ditulis dalam laporan Gabenor Melaka. Dalam laporan itu penulis mendapati terdapat senarai yang lengkap yang mengandungi senarai banci yang dilakukan pada tahun-tahun 1675, 1678, 1680, 1681, 1687 dan 1688. Dari senarai banci ini dapat dilihat berapa ramai jumlah penduduk kota Melaka dan wilayah-wilayah di sekitarnya. Dalam banci ini juga dinyatakan jenis kaum yang menduduki Melaka, jumlah dalam sebuah keluarga, jenis rumah, harta yang dimilikinya seperti tanah, dan kawasan sekitarnya. Tetapi menjelang abad ke lapan belas penulis mendapati tiada banci yang dilakukan kerana dari senarai fail-fail tiada dinyatakan begitu juga yang terkandung dalam laporan Gabenor-gabenor. Tetapi pada tahun 1824 terdapat satu banci penduduk yang telah dilakukan ke atas Melaka. Dari banci penduduk yang dilakukan pada abad ke tujuh belas dan pada awal abad ke sembilan belas maka penulis merasakan dapat melihat pola penduduk yang terdapat di Melaka pada abad-abad tersebut. Perkara yang amat menarik dari senarai banci penduduk ini ialah terdapat amat ramai hamba abdi di kota Melaka. Nisbah hamba dengan penduduk awam amatlah besar seperti pada tahun 1675 peratus hamba ialah 34.4 peratus, pada tahun 1678 ialah 33.0 peratus, tahun 1680 ialah 33.0 peratus, 1681 ialah 35.0 peratus, tahun 1687 ialah 41.1 peratus dan tahun 1688 ialah 44.4 peratus dari kesemua jumlah penduduk tempatan yang terdiri daripada orang Belanda, Mestizos, Portugis, Melayu, Java, Bugis, China, dan India. Daripada angka ini boleh dikatakan bahawa satu pertiga dari penduduk yang menduduki Melaka terdiri daripada hamba abdi. Tetapi semasa Inggeris memerintah Melaka, Inggeris telah memerdekan hamba ini pada tahun 1819 dan hamba abdi yang terdapat di Melaka semasa pemerintahan Inggeris kebanyakannya terdiri dari kaum Batta, Melayu dan mereka yang datang dari ibu bapa yang tidak diketahui asal usulnya.

Penduduk Melaka yang terdiri dari kaum Eropah yang terkandung dalam dokumen VOC ini ialah berkenaan dengan asal usul mereka, perkahwinannya serta sama ada beliau menetap di Melaka atau telah berhijrah ketempat lain. Contohnya seorang yang bernama Adriaan Luberth Andriesse dilahirkan di Boston,

Massachusetts, Amerika Syarikat pada tahun 1800, menjawat jawatan Setiausaha pertama kastam, di Melaka 1820-1824, Pemangku Setiausaha Fiscaal Raad van Justitie di Palembang 1827, Penolong Residen Ponorogo 1834, dinaikkan ke pangkat ke jawatan Residen Riau tahun 1839-1847, Residen di Manado 1825 dan di Banda 1853-1857 dan meninggal pada 22 Januari 1866 di 's-Gravenhage. Beliau berkahwin pertama kali di Melaka pada 6hb. September 1823 dengan Charlotta Pruys gadis dari Tranquebar tetapi isterinya meninggal pada 14 April 1824. Beliau berkahwin kali kedua di Palembang pada 23 Mei 1823 dengan Johanna Herietta Gisbertina Theodora Kulenkamp Lemmers yang dilahirkan di Noorwijk Belanda anak kepada Jan Hendrik Laurens dan Petronella Gerardina Johanna Holmberg de Beckfelt. Dari perkahwinan pertama beliau mendapat anak bernama Johanna Maria Sophia Andriessse yang dilahirkan di Melaka pada 9hb. September 1824 dan perkahwinan kedua tiada anak.

Dari fakta ini dapat dilihat bahawa tidak semua mereka yang bertugas di Melaka terdiri dari orang yang lahir serta dari Belanda atau yang lahir serta menetap di Melaka. Begitu juga mereka ini tidak kesemuanya tinggal di Melaka kerana kebanyakannya berpindah ke pusat-pusat pentadbiran Belanda yang lain.

Seorang Belanda yang tinggal serta menetap di Melaka sehingga telah melahirkan anak serta cucu di Melaka ialah Adriaan Koek atau keluarga Koek. Adriaan Koek telah dilahirkan di Melaka pada 24 December 1759 dan dibaktis pada 15 Mac 1760. Beliau adalah anak kepada van Joost dan Catharina de Roth. Beliau menjadi Kaptien-Luitenant Burgerij di Melaka pada 1819- 1824, kemudian menjawat jawatan gabenor Melaka pada tahun 1822-1823, menjadi president Raad van Justitie pada 1812-1824, dan pernah menjawat jawatan klerkmeester pertama. Beliau telah meninggal pada 19 Mei 1825. Pada 27 Februari 1785 beliau berkahwin dengan Maria Dionicia Wilhelmina Dieterich dari Melaka. Dari perkahwinan ini beliau mendapat sembilan orang anak.

Selain itu juga terdapat sebuah lagi keluarga Koek iaitu dari keturunan Daniel Koek yang dilahirkan di Melaka pada 29 Ogos 1787. Beliau menjawat jawatan Notaris di Melaka pada tahun 1812-(1825), menjawat jawatan Setiausaha Weeskamer pada tahun 1826 dan berkahwin dengan Francina Verhoeven dari Melaka pada 25 ogos 1785, dan mendapat sembilan orang anak. Selain dari keluarga Koek terdapat sebuah keluarga iaitu dari keluarga Rappa yang mempunyai seramai enam orang anak dan tiga orang cucu dan cicit.

Data seperti ini dapat diperoleh dari senarai penduduk orang Eropah yang tinggal di Melaka, dari daftar perkahwinan yang



berlangsung di Melaka, dari daftar baktis gereja di Melaka dan juga dari rekod-rekod gereja Melaka. Dari fakta-fakta yang diteliti ini penulis akan dapat melihat gaya penduduk di Melaka sama ada mereka berhijrah ke tempat lain setelah pembukaan Singapura pada tahun 1819 dan pembukaan Pulau Pinang pada tahun 1770-an. Begitu juga penulis akan dapat melihat sejauhmanakah penduduk Melaka yang lahir di Melaka menetap di Melaka dan juga jumlah yang datang ke Melaka dari luar. Begitu juga penghijrahan ke luar Melaka adakah disebabkan oleh faktor ekonomi atau sebab perubahan pentadbiran yang berlaku di Melaka pada tahun 1824.

Selain daripada itu dari rekod-rekod *resolutien rade van politie* amatlah menarik sekali. Dalam senarai rekod-rekod ini akan diperoleh fakta tentang pentadbiran Belanda di Melaka, fakta tentang penduduk, orang awam, ketua pentadbir Melaka, senarai nama hamba, harta orang awam yang terdapat di kota Melaka dan sebagainya.

Hasil daftar cukai pula diperoleh dari senarai rekod *verpachting*. Dalam senarai ini dinyatakan cukai-cukai yang dibayar oleh pemilik harta yang telah dianugerahkan oleh pemerintah Belanda. Contohnya pada tahun 1743 senarai cukai adalah terdiri dari cukai *de stads Herbergh, Winkeliers, de Arak, het Hoofdgeld der Chineesen, zee en revier vis, het lijken van moctenen gewigten, het haane gevegt, het slagten van het beestiaal(?)*, *de beetels, de valbrugge, de waagh, het op en af vaaren der praauwe, het hout, de rijsbazaar*.

Selain daripada orang kristian yang wajib mendaftar perkahwinannya pihak pentadbir Belanda di Melaka juga telah mewajibkan perkahwinan orang Melayu, China, Hindu dan kristian katolik juga mendaftar perkahwinan mereka. Mereka yang dikatogerikan sebagai bukan kristian ini dikenakan bayaran sebanyak *riksdolar* 2 untuk mendaftar perkahwinan mereka tetapi perkahwinan kristian serendah-rendah bayaran ialah *riksdollar* 1 saja.

Selain daripada apa yang dinyatakan di atas terdapat juga surat-surat dari Sultan-sultan Melayu dengan Belanda. Contohnya surat dari sultan kerajaan Johor Riau, surat dari Raja Kechil, surat dari Yang dipertuan Muda Bugis, surat dari Sultan Kedah, Perak, Trengganu, Raja Merah di Naning, Rembau, dan dari kerajaan Melayu di Sumatra seperti kerajaan Siak, Pagar Ruyong, Minangkabau, Aceh dan sebagainya. Surat-surat ini dapat menjelaskan tentang hubungan kerajaan Melayu dengan VOC, tentang perdagangan, serta dasar-dasar antara pemerintah VOC dan kerajaan Melayu. Di samping itu juga terdapat perjanjian-perjanjian yang berlaku di antara Belanda dengan kerajaan Melayu dan laporan tentang konflik-konflik yang berlaku seperti antara Raja Kecil dengan Bugis, Orang Melayu dengan Bugis, kerajaan Kedah dengan Siam, kerajaan Perak dengan Aceh dan sebagainya.

Sebagai kesimpulannya didapati bahawa rekod-rekod Belanda memanglah lengkap dan amat padat dengan fakta. Disebabkan sumber tempatan yang ada amat berkurangan pada zaman ini maka dengan menggunakan sumber Belanda akan dapat menyelesaikan masalah sumber dan bahan yang dihadapi oleh para penyelidik.

#### Nota kaki

- <sup>1</sup> Belanda memerintah Melaka dari tahun 1641 hingga tahun 1824. Tetapi pada tahun 1795 Belanda telah menyerahkan Melaka kepada Inggeris kerana berlakunya peperangan di Eropah iaitu Perancis menyerang Belanda dan pada tahun ini juga Syarikat India Timur Belanda telah dibubarkan dengan peristiwa surat Kew. Oleh itu dari tahun 1795 hingga tahun 1818 Melaka telah diperintah oleh Inggeris. Pada tahun 1818 Melaka telah diserahkan semula kepada Belanda setelah tamatnya peperangan di Eropah dan Belanda telah memerintah semula Melaka dari tahun 1818 hingga tahun 1824 apabila berlakunya perjanjian Inggeris Belanda yang mana telah membawa perpecahan wilayah iaitu diantara kuasa Inggeris dengan Belanda serta pertukaran Bangkulan dan Melaka diantara kerajaan Inggeris dengan Belanda.
- <sup>2</sup> Andaya, Leonard Y. *Kingdom of Johore, 1641-1728*, East Asian Monographs, Kuala Lumpur, OUP, 1975.
- <sup>3</sup> Andaya, Barbara, *Perak, The Abode of Grace: A study of eighteenth century Malay state*, OUP, Kuala Lumpur.
- <sup>4</sup> Lewis, Dianne, *The Dutch East India Company and the Straits of Malacca, 1700-1784*, Ph.D., Australian National University, 1970.
- <sup>5</sup> Hoffman, John E, *The Siege of Malacca, 1640-1641*, M.A. Preliminary course, University of Melbourne, 1968(?). see also by the same author on: *The exercise of Power in the Straits of Malacca after 1641, an inquiry into evidence of early national form*, M.A. University of Melbourne, 1971.
- <sup>6</sup> Meili-Roelofs, M.A.P., *Asian Trade and European influence in the Indonesian Archipelago between 1500 and about 1630*, The Hague, Nijhoff, 1962.
- <sup>7</sup> Vos, Reinout Caspar, *Koopman en Koning De VOC en de Maleise tinhandel 1740-1800*, Ph.D thesis, University Utrecht, 1990; see also by the same author on: *Koopman en Koning: De betrekkingen*

tussen de VOC en het Sultanaat Johor 1788-1785, M.A. thesis, University of Utrecht, 1985; and by the same author: Gentle Janus, merchant prince, The VOC and the tightrope of diplomacy in the Malay World, 1740-1800, KITLV Press, 1993.

<sup>8</sup> Boxer, C.R., *The Dutch seaborne empire, 1600-1800*, New York, Knof, 1970

<sup>9</sup> Netscher, E., *De nederlandes in Djohor en Siak 1602-1865*, VBGKW 35, Batavia 1870.

<sup>10</sup> Gaastra, F. S., *Bewind en beleid bij de VOC. De financiële en commerciële politiek van de bewindhebbers, 1672-1720*, Zutphen, Walburg Pers, 1989.

<sup>11</sup> Glamann, K., *Dutch-Asiatic Trade, 1620-1740*, Copenhagen, Danish Science Press, 1958.

<sup>12</sup> Leupe, P.A., *Stukken betrekkelijk het beleg en de verovering van Malakka op de Portuguezen in 1640-1641, Berigten van het Historisch Genootschap te Utrecht*, (1859).

<sup>13</sup> Overvoorde, J.C., *Eene niet gepubliceerde kaart van de belegering van Malakka in 1640-1641*, in *TBG*, Vol. 66 (1926).

<sup>14</sup> Coolhaas, W. Ph., *Malacca under Jan van Riebeeck*, *JMBRAS*, Vol. 38 pt. 2 (1965).

<sup>15</sup> Bort, Balthasar, *Report of Governor Balthasar Bort on Malacca, 1678*, Tr. in *JMBRAS*, vol 5, pt.1 (1927).

<sup>16</sup> Netscher, E., *Twee belegeringen van Malakka: 1756/57 en 1784*, *TBG*, vol. 13 (1864).

<sup>17</sup> Harrison, Brian, *Malacca in the eighteenth century: two Dutch governors' reports*, *JMBRAS*, Vol 27, pt. 1 (1954).

<sup>18</sup> Smith, W.H.C., *The Portuguese in Malacca during the Dutch period*, in *JSSS*, vol 14 no. 1/2 (1958).

<sup>19</sup> Graham, I., *Governor Couperus and the surrender of Malacca, 1795*, *JMBRAS*, vol 29 pt.3 (1956).

- <sup>20</sup> Bassett, David K, *The Surrender of Dutch Malacca, 1795*, in BKL, vol. 117 (1961).
- <sup>21</sup> Tarling, N., *Anglo-Dutch rivalry in the Malay World, 1780-1824*, Cambridge, 1962
- <sup>22</sup> Andaya, Leonard Y. *Kingdom of Johore, 1641-1728*, East Asian Monographs, Kuala Lumpur, OUP, 1975.
- <sup>23</sup> Andaya, Barbara, *Perak, The Abode of Grace: A study of eighteenth century Malay state*, OUP, Kuala Lumpur.
- <sup>24</sup> Vos, R.C., *Gentle Janus, merchant prince, The VOC and the tight-rope of diplomacy in the Malay world, 1740-1800*, KITLV Press, 1993.
- <sup>25</sup> Netscher, E., *De nederlandes in Djohor en Siak 1602-1865*, VBGKW 35, Batavia 1870.
- <sup>26</sup> Kajian mengenai Naning walaupun telah dilakukan oleh Cave, J., tetapi beliau tidak banyak merujuk kepada kepada dokumen Belanda dan zaman pemerintahan Belanda ke atas Naning belum lagi diselidiki dan ini telah membuat penulis untuk melihat dengan lebih mendalam mengenai masalah Naning semasa pemerintahan Belanda
- <sup>27</sup> Ini merupakan kajian yang akan dilakukan oleh penulis untuk melihat pemerintahan Belanda di Melaka dan kajian ini sedang dijalankan.
- <sup>28</sup> Arasaratnam, S., *The use of Dutch material for Southeast Asian historical writing*, JSEAH, vol. 3 (1962), hlm. 95.
- <sup>29</sup> *Ibid.*, hlm. 96.
- <sup>30</sup> Siri *Generrale Missiven* ini telah dikendalikan penerbitannya oleh Coolhaas dari volum pertama sehingga volum keenam dan dari volum ketujuh sehingga volum kelapan telah dikendalikan oleh van Goor dari Utrecht University.
- <sup>31</sup> Leur, J.C. van, *Indonesian trade and society. Essay in Social and economic history*, The Hague, 1955
- <sup>32</sup> Arasaratnam, S., *Dutch Power in Ceylon, 1658-1687*, Djambatan, Amsterdam, 1958.

<sup>33</sup> Verhoeven, F.R.J. *The Lost Archive of Dutch Malacca, 1641-1824*, JMBRAS, vol. 2 (1966), hlm. 20. Sila lihat juga Short archival review of the Dutch Malacca government records (microfilms) in the National Archive of Malaysia, Petaling Jaya, 1967.

<sup>34</sup> Verhoevan, *The Lost Archive of Dutch Malacca*, hlm. 20.

# KLASIFIKASI PENSEJARAHAN MELAYU 1800-1960

---

**Muhd. Yusof Ibrahim**

Jabatan Sejarah, UKM.

## **Pengenalan**

Dalam tempoh yang disebutkan di atas, sudah ada kira 160 buah penerbitan yang boleh dianggap tergolong ke dalam pensejarahan Melayu. Jumlah ini hanya terbatas kepada Malaysia dan apa yang satu masa dahulu dikenali sebagai Empayar Johor-Riau -Lingga. Walaupun jumlah itu agak kecil dibandingkan dengan lingkungan masa yang sepanjang itu, namun sedikit sebanyak dapat juga memperlihatkan bentuk dan perkembangan pensejarahan Melayu bagi tempoh tersebut. Jumlah ini tentu belum muktamad kerana yang diambil kira di sini hanyalah yang diterbitkan dan dalam jumlah tersebut terdapat juga karya-karya yang dihasilkan oleh orang-orang bukan Melayu, sama ada merupakan karya asal mahupun yang telah diterjemah ke dalam bahasa Melayu. Oleh itu kertas kerja ini tidaklah membataskan pengertian pensejarahan Melayu itu, sama ada yang tradisional mahupun yang "moden" kepada yang dihasilkan oleh para sejarawan Melayu sahaja. Asas utamanya ialah karya-karya tersebut ditulis dalam bahasa Melayu.

## **Klasifikasi dan Bentuknya.**

Klasifikasi yang dilakukan di sini adalah sesuatu yang dirasakan wajar iaitu dengan berdasarkan kepada isi kandungan atau peristiwa-peristiwa sejarah/bersejarah yang dimuatkan di dalam karya-karya pensejarahan yang berkenaan. Bagaimanapun hal ini, dari satu segi, hanya merupakan pilihan sendiri yang kadang kala boleh dianggap sebagai sewenang-wenang sahaja. Memang ada pilihan lain; misalnya dengan berdasarkan kronologi/tempoh (umpamanya, pensejarah Melayu Kurun Ke- 18, Kurun ke- 19 dan sebagainya) atau barangkali yang paling popular berdasarkan yang "tradisional" dan yang "moden" Namun begitu setiap satunya itu ada masalahnya masing-masing.

Ada kira-kira tujuh bentuk klasifikasi yang dicadangkan di sini;

i. Pensejarahan Negeri Yang Juga Merupakan Babad Sesebuah Negeri Serta Salasilah Jurai Keturunan Raja-Raja Dan Pembesar-Pembesarnya

Selain daripada karya-karya yang telah dihasilkan dalam jangka waktu yang lebih awal (misalnya, *Sulalatus Salatin Bustanul Salatin dan Misi Melayu*), maka kita dapati boleh dikatakan tiap-tiap negeri di Tanah Melayu ini khususnya mempunyai karya-karya yang secara amnya boleh dikategorikan demikian. Misalnya, Perak mempunyai *Salasilah Perak*, *Sejarah Perak Dahulu dan Sekarang*, *Riwayat Kinta dan Riwayat Tanjung Malim*. Kedah mempunyai *Hikayat Merong Mahawangsa*, *Silsilah atau Tawarikh Kerajaan Kedah*, *Al-Tarikh Silsilah Kerajaan Kedah*, *Peringatan Raja-raja Kedah*, Kelantan pula telah menghasilkan, *Hikayat Seri Kelantan*, (1914) *Kitab Geografi dan Tarikh Negeri Kelantan* (1926), *Ringkasan Cetra Kelantan* (1934), *Riwayat Kelantan* (1930/31), *Buku Tarikh Kelantan* (1930). Pahang menghasilkan *Hikayat Pahang* yang menurut pengkajinya, Khalsom Jeran telah disalin semula daripada naskhah asalnya pada tahun 1932. Selepas Pahang, Johor juga didapati telah menghasilkan karya-karya pensejarahan dalam bentuk ini; antara yang terawal ialah *Hikayat Johor dan Tawarikh al-Marhum Sultan Abu Bakar* (1911) oleh sejarawan yang tidak asing lagi, iaitu Muhammad Said Sulaiman. Sebuah lagi ialah *Tawarikh Johor* (1950) oleh Shahrom Hussin. Bagi Terengganu pula, sebuah karya berjumlah tiga jilid berjudul *Mengkaji Sejarah Terengganu* telah diterbitkan pada tahun 1957, karya ini telah ditulis oleh Haji Muhammad Salleh Haji Awang (MISBAHA). Bagi Selangor pula ia telah menghasilkan *Kenang-kenangan Selangor/Pesaka Selangor* (1937) suntingan A. Samad Ahmad. Bagi Sarawak dan Sabah masing-masing mempunyai *Hikayat Sarawak* (1932) *Perihal Sarawak Yang Sebenarnya* (1947?), *Sa-ratus* (100) *Tanya-Jawab Sejarah dan Ilmu Alam Negeri Sabah* (1958) oleh Muhammad Abdul Rahman.

Selain daripada itu terdapat juga syair-syair sejarah yang memuatkan sesuatu peristiwa penting bagi sesebuah negeri/wilayah; misalnya *Syair Singapura Terbakar/Syair Singapura di Makam Api*, *Syair Kampung Gelam Terbakar*. Mengikut J.C. Bottoms syair-syair ini adalah hasil karangan pujangga Melayu terkenal kurun kesembilan belas dahulu iaitu Abdullah Munshi. <sup>1</sup>Dua buah lagi syair ialah *Syair Kampung Boyan di Makam Api dan Syair Bah Singapura*, tetapi tiada diketahui siapa pengarangnya dan juga tarikh tepat ia diterbitkan pada kurun ke -19 itu.

## ii. Biografi/Riwayat Hidup

Karya-karya pensejarahan dalam bentuk syair ini telah juga dihasilkan sebagai biografi/riwayat hidup seseorang tempatan mahupun asing. Antara yang terawal ialah *Syair Raja Haji dan Syair Sultan Mahmud di Lingga*. Selepas itu ialah *Syair Tawarikh Zainal Abidin yang ketiga dan Syair Tuan Humphneys Terengganu*. Namun syair-syair ini tidak sebenarnya menepati konsep riwayat hidup yang sebenarnya kerana apa yang diceritakan ialah pelbagai episod yang menarik, sifat-sifat terpuji tokoh berkenaan dan juga kegiatan-kegiatan penting mereka. Begitu halnya dengan sebuah lagi syair oleh seorang saudagar/cendekiawan Cina Peranakan, iaitu Na Tien Piet. Karya beliau berjudul, *Syair al-Marhum Baginda Sultan Abu Bakar di Negeri Johor; juga Syair Riwayat Hidup Yang Amat Mulia Tengku Ampuan Besar Pahang (Tengku Mariam bt. Sultan Abu Bakar)* yang dikarang oleh Muhammad Said Sulaiman. Bagaimanapun kedua-dua syair yang terakhir ini telah memuatkan tarikh-tarikh terpenting seperti tarikh kelahiran dan kemangkatan tokoh-tokoh yang berkenaan.

Dalam bentuk penulisan biasa, yakni prosa, riwayat hidup bagi jangka waktu ini bermula dengan terbitnya karya Abdullah Munsi yang berjudul *Hikayat Abdullah* itu pada tahun 1849. Hikayat ini adalah melebihi daripada riwayat hidup semata-mata. Ia adalah sebuah riwayat diri, ataupun lebih tepat lagi sebuah "kenang-kenangan hidup" yang dituliskan oleh tokoh itu sendiri dan setakat yang diketahui, adalah karya pensejarahan Melayu yang terawal dalam bentuk yang demikian. Kemudian pada T.H. 1305 = T.M. 1884, Kerajaan Lingga telah menerbitkan sebuah karya (terjemahan?) yang sangat menarik berjudul *Hikayat Napoleon Bonaparte atau Napoleon I* yang juga merupakan riwayat hidup tokoh tersebut serta perjuangannya memperluaskan kekuasaan Perancis dengan melakukan peperangan ke atas seluruh Eropah. Karya ini diikuti pula dengan penulisan berjudul *Tarikh Dato' Bentara Luar (1347 H = 1928 M)* oleh Muhammad Hj Alias dan seterusnya *King George Keenam (1937)* hasil tulisan Ibrahim Hj. Yaakub. Pentingnya karya ini, iaitu selain daripada bentuk itu ialah tentang anggapan pengarang, yang pada ketika itu sudah menampakkan putik-putik kesuburan semangat kebangsaan dan sikap anti-penjajahnya, memuji kerajaan British itu sebagai "empayar yang adil", serta mendoakan agar "Allah selamatkan King dan Queen".

Pada tahun 1938 pula telah diterbitkan Ringkasan Tawarikh Allahyarham Haji Mohammad Taib bin Haji Othman (Penghulu dan peneroka asal Parit Jamil Muar, Johor). Selepas karya ini kita dapati karya-karya dalam bentuk ini telah diterbitkan dengan lebih kerap



pada tahun 1950-an. Antaranya yang dapat ditemui ialah *Riwayat Hidup Mejar Haji Muhammad Said bin Haji Sulaiman* (1954) oleh sejarawan itu sendiri. Barangkali yang lebih penting dari sudut pandangan politik, ialah karya Abdul Aziz Ishak berjudul *Riwayat Hidup Tunku Abdul Rahman Putera* (1955?) Walau bagaimanapun karya ini tidak meliputi keseluruhan tempoh kehidupan tokoh tersebut, iaitu dari sejak lahir hinggalah kembali ke alam baqa. Malah penumpuan adalah terbatas kepada tempoh sejak Tunku dilahirkan hinggalah pertengahan 1950-an iaitu ketika karya itu diterbitkan. Penekanan karya ini adalah kepada peristiwa-peristiwa serta kegiatannya sama ada semasa bersekolah di dalam dan di luar negeri ataupun kegiatan di luar kurikulum persekolahannya yang bertujuan menampilkan sifat-sifat keistimewaan, keunikan serta kepemimpinannya. Ia memang sesuai dengan zaman perjuangan politik tempoh tersebut, karya ini cuba menonjolkan Tunku sebagai pemimpin yang sederhana dan berkebolehan memimpin negara.

Sebenarnya pada bahagian kedua dekad 1950-an telah muncul karya-karya "riwayat hidup" yang menekankan kepada pergolakan politik untuk menuntut kemerdekaan daripada penjajah British. Antara karya-karya yang demikian ialah yang ditulis oleh A. Samad Ahmad, *Laksamana Tun Tuan* (1954); Razak Ahmad, *Perjuangan Hang Tuan*, (1956) Muhammad b. Ibrahim, *Hikayat Hang Tuah - Jebat Derhaka* (1956); Darus Ahmad, *Raja Haji Pahlawan Terbilang* (1957), Dol Said: *Pahlawan Naning dan Abdullah Munsyi*, kedua-dua tahun 1957, Abdul Aziz Zakaria, *Lt.Nor Pahlawan Gerila* (1959) dan Muhammad b. Ibrahim, *Panglima Nayan*(1961). Tetapi karya-karya ini adalah lebih merupakan roman sejarah atau apa yang disebut oleh Zaaba sebagai cerita-cerita yang "diasaskan di atas riwayat sejarah."<sup>2</sup> Tujuan utamanya ialah bagi menyemarakkan lagi semangat perjuangan orang Melayu menuntut kemerdekaan.

### iii. Pensejarahan Keagamaan

Karya-karya pensejarahan dalam kategori riwayat hidup serta tokoh-tokoh ini juga telah dihasilkan bagi tokoh-tokoh agama Islam; yakni bagi Muhammad Rsulullah S.A.W. kaum keluarga baginda, para sahabat dan pejuang-pejuang/pendakwah Islam termasuklah ulama-ulama tempatan. Terawal daripadanya, iaitu selain daripada karya-karya seperti *Hikayat Nur Muhammad/Hikayat Kejadian Nur Muhammad*, *Hikayat Bulan Terbelah/Hikayat Mukzizat Nabi dan Hikayat Nabi Wafat*, ialah *Risalah Bernama Sirajul Alam: Ertinya Fi Sirat-Khairul Anam Cetra Nabi Sallallah hu 'alai hi Wassallam* (H 1340 = M 192) diterjemahkan oleh Fakirullah Maulah al-Basri Sulaiman bin Sidiq al-Qadahi. Sebuah lagi ialah *Sejarah Ringkas Nabi Muhammad* (t.t.) oleh

Abdullah Hamid al-Edrus. Kemudian pada tahun 1956, Muhammad Arif Abdul Kadir al-Naths telah menghasilkan karya yang sama judulnya dengan karya al-Edrus itu.

Penulisan tentang Nabi Muhammad Sallallah hu 'alaihi Wassalam ini telah diikuti pula dengan penulisan mengenai para rasul yang lainnya, sama ada secara sendiri ataupun beramai. Antaranya ialah karya-karya Muhammad Said Sulaiman yang berjudul, "Riwayat Nabi Adam Hingga Nabi Salleh" (t.t.) *Perihal Kejadian Alam dan Nabi-Nabi yang Terbilang* (1948); karya oleh al-Edrus berjudul *Sejarah Nabi Musa* (1958). Selain daripada itu terdapat beberapa syair tentang riwayat beberapa rasul. Antaranya ialah *Syair Yang Mulia Cetra Peranakan Nabi ... orang rasul yang ternama itu*. *Syair Yang Kedua dan Lain-lain* (H1326=M1928) oleh Ahmad Kassim; *Tawarikh Islam: Berita Nabi Muhammad S.A.W.* (t.t.) oleh Muhammad Said Sulaiman; *Syair Nabi Allah Adam* (1937), *Syair Nabi Yaakub* (t.t.), dan beberapa buah lagi oleh Umar bin Muhammad Khan. Muhammad Said Sulaiman pula telah menghasilkan sebuah lagi syair para rasul ini iaitu yang berjudul *Riwayat Nabi Sulaiman Hingga Riwayat Nabi Yahya* (t.t.) Dari segi riwayat tokoh-tokoh Islam pula *Tarikh Kehidupan al-Sayyidah Khadijah, oleh Ya'kub ('a)* dan Tamim (m) telah diterbitkan pada tahun 1930. Pada tahun itu juga Ya'kub ('a) telah menghasilkan karya berjudul *Tarikh Perjalanan Siti Aisyah: Jempolan Kaum Ibu Dalam Pergerakan Islam*. Tokoh-tokoh lain juga telah dituliskan; misalnya *Abu Bakar al-Sidiq; Baginda Ali dan Sallahuddin*, kesemuanya oleh Abdullah Basmeh yang dihasilkan sekitar awal 1950-an. Pada tahun 1952, Muhammad Arif Abdul Kadir al-Natly sekali lagi telah menghasilkan karya berjudul *Sejarah Hidup Imam Syafie* yang diikuti pada tahun berikutnya dengan karya berjudul *Zulkarnaian* oleh Mustaffa Abdul Rahman tentang tokoh-tokoh atau ulama tempatan pula, tidaklah banyak penulisan riwayat hidup mereka itu yang telah dihasilkan sepanjang pengkajian, walaupun jumlah ulama itu sendiri dipercayai boleh dikatakan ramai juga. Satu-satunya yang dijumpai ialah yang berjudul *Citra al-Marhum al-Syeikh Uthman* (1922) yang ditulis oleh anak beliau sendiri iaitu Muhammad Zainuddin Ibn Uthman al-Sirwaki. Karya ini dikenali juga sebagai yang *Naflathul al-Ridwan* yang memuatkan riwayat hidup Syeikh Uthman ulama Sarawak awal abad ke- 20 ini.

Dari segi pensejarahan yang lebih umum tentang dunia atau negara Islam, ada beberapa karya yang telah diterbitkan antara 1930-1960. Salah sebuah daripadanya ialah *Kejatuhan Kaum-kaum Islam dan Pergerakan Baharu* (1931) oleh Muhammad Yusof Sultan Mahyuddin. Sebenarnya karya ini bukan sahaja karya pensejarahan, tetapi juga menggambarkan persepsi serta analisis terhadap kejatuhan dunia Islam dan pergerakan pembaharuan yang

bertujuan membina semula tamadun yang agung itu. Penulisannya menampakkan sikap yang sangat kritis terhadap umat Islam - khususnya para ulama sufi - dan bukan sekadar terhadap masyarakat Melayu seperti halnya dengan Abdullah Munsyi. Oleh itu apabila dipandang daripada sudut intelektualisme, karya ini memang wajar dikaji dengan lebih mendalam lagi. Kemudian pada tahun 1938, telah diterbitkan karya berjudul *Turki dan Tamadunnya: Menceritakan Berbagai-bagai Pergerakan Perubahan Siasah Kemajuan dan Ketamadunan Turki Sekarang*, oleh seorang sejarawan yang agak giat menulis sama ada sebelum mahupun selepas Perang Dunia Kedua. Dalam karya ini beliau memaparkan sejarah tamadun Islam Turki itu sejak zaman khalifahny hinggalah zaman republik di bawah pimpinan Mustaffa Kamal Atatürk. Selepas karya ini, iaitu pada tahun 1958 barulah ada dihasilkan sebuah karya pensejarahan negara Islam berjudul *Sejarah Kebesaran Islam di Timur Tengah*, oleh Abdul Manan Abdul Majid. Karya ini bukanlah semata-mata riwayat tentang kebesaran Islam di situ, tetapi sebaliknya merupakan analisis yang kritis terhadap kejatuhan kerajaan Muawiyah dan seterusnya kebangkitan kerajaan Abbassiah. Pengarang juga mempunyai pandangan kritis dan tidak menyenangi kerajaan Abbassiah di Baghdad itu yang pada pandangannya tidak memerintah mengikut syariat Islam.

#### iv. Pensejarahan Sosio-Politik dan Ekonomi

Karya pensejarahan dalam kategori ini termasuklah yang memperkatakan sejarah adat istiadat, upacara, falsafah/ideologi politik, perkembangan politik, ekonomi dan pendidikan. Antara yang terawal ialah sebuah karya yang terkenal berjudul *Adat Raja-raja Melayu* (H1193 = M1779). Selepas itu pada H1246 = M1830, terdapat sebuah risalah berjudul *Bahawa Ini Cerita Kapal Asap* yang kemungkinannya telah ditulis oleh Abdullah Munsyi. Di samping menceritakan sejarah asal dan kegunaan kapal asap buat orang Eropah itu, ia juga mengandungi kritikan sosial yang tajam terhadap orang Melayu dan juga Arab. Karya Abdullah Munsyi yang terkenal berjudul *Kisah Pelayaran Abdullah Ke Kelantan* (H.1254 = M.185) dan *Kisah Pelayaran Abdullah Ke Jeddah* (1854) yang merupakan catatan sejarah sezaman tokoh ini tentang keadaan negeri-negeri serta masyarakat yang telah dilawati, dilihat dan dinilai serta mungkin juga dipersepsikannya. Abdullah Munsyi, seperti yang kita semua maklum, memang bersikap kritis terhadap banyak hal.

Tulisan Abdullah Munsyi diikuti pula oleh tulisan anaknya, iaitu Muhammad Ibrahim Munsyi, yang berjudul *Kisah Pelayaran Muhammad Ibrahim Munsyi*, (1919) iaitu sekitar negeri-negeri Melayu di pantai barat Semenanjung, khususnya daripada Singapura

hinggalah ke Pulau Pinang. Ibrahim juga mempunyai sikap yang kritis terhadap peristiwa dan masyarakat tempatan yang ditemui serta dilawatinya. Tetapi sikapnya adalah lebih seimbang, malah lebih "objektif" daripada bapanya, jika beliau berupaya mengkritik atau memuji orang Melayu maka beliau berupaya juga bersikap demikian terhadap orang Inggeris.

Pada tahun 1924 telah diterbitkan sebuah karya berjudul *Kitab Kumpulan Nama Melayu* yang diusahakan oleh Ibrahim bin Dato' Muda. Antara lainnya karya ini (iaitu pada bahagian pertama dan ketiga) memuatkan sejarah atau asal-usul, cara dan upacara yang berkaitan dengan kelahiran dan menamakan kanak-kanak yang baru lahir dengan berdasarkan amalan yang dituntut Islam dan adat istiadat tempatan yang telah diwarisi sejak zaman berzaman lagi.

Didapati sejarawan terkenal iaitu Muhammad Said Haji Sulaiman juga ada menghasilkan karya dalam klasifikasi ini. Karya beliau itu berjudul *Pakai Patut Melayu* (1931) yang secara khususnya membicarakan tentang bentuk dan asal usul pakaian Melayu, terutamanya bagi negeri Johor, iaitu pakaian orang lelaki, perempuan dan juga kanak-kanak mengikut kesesuaian dan suasananya. Kirakira setahun kemudian telah diterbitkan pula *Taman Penghidupan* (1932) yang ditulis oleh Zainal Abidin Daud al-Sulaiman. Karya ini bukan sahaja memuatkan "sejarah dunia" tetapi memuatkan pula pelbagai nasihat ke atas orang-orang Melayu supaya mengukuhkan imam, mempertingkatkan usaha menambah pelbagai ilmu pengetahuan, mendidik anak-anak dan memimpin masyarakat dengan baik. Dengan itu orang Melayu akan dapat mencapai kemajuan dunia dan akhirat. Zainal Abidin telah menghasilkan sebuah lagi karya yang separa-pensejarahan seperti *Taman Penghidupan* itu berjudul *Pelayaran Dahulu Kala* (1937). Di samping memuatkan sejarah dunia-dunia purba seperti India, China dan Mesir dengan konomi pelayaran masing-masing, karya ini memuatkan juga suatu kisah tauladan berjudul "Riwayat Pelayaran Haji Batu" dari utara Sumatera ke Mekah dengan menempuh pelbagai halangan dan cabaran.

Pada tahun 1938, Muhammad Said Sulaiman sekali lagi telah menyumbangkan sebuah karya berjudul *Perihal Adat Melayu : Mengandungi Kanun Sultan Sulaiman Riau dan Ringkasan Kanun Sultan Mahmud Syah Melaka*. Pada tahun 1938 itu juga, Abdullah Thani bin Raja Kecil (kemudiannya lebih dikenali sebagai Ahmad Boestamam) telah menghasilkan sebuah karya pensejarahan politik yang mungkin terawal bagi tempoh kajian ini. Karya tersebut berjudul *Pusat Kekuasaan Inggeris di Laut Mediteranean*. Sebagaimana Ibrahim Yaakub dalam karya-karyanya yang berjudul *King George Yang Keenam* yang diterbitkan setahun sebelum ini, Abdullah Sani juga menyanjung pihak British dengan mengatakan, "... moga-moga

pemuda-pemuda bangsa Melayu dapat menyaliri satu-satu dasar siasat politik kerajaan Inggeris yang pintar, cerdas dan penaung kita yang maha adil itu adanya<sup>1</sup>.

Karya Abdullah Thani itu agak berbeza dengan sebuah lagi karya pensejarahan politik yang ditulis oleh seorang tokoh kebangsaan yang terkenal iaitu Dr. Burhanuddin al-Helmi berjudul *Perjuangan Kita: 17 Oktober 1945 - 17 Oktober 1946*. Pada asasnya karya ini merupakan peringatan setahun tentang penubuhan Pantai Kebangsaan Melayu Malaya (PKM), tetapi kandungannya memuatkan juga perbincangan yang agak kritis dan analitikal tentang bentuk, sejarah dan geopolitik alam dan bangsa Melayu. Pada tahun 1950 dan seterusnya 1954, karya beliau itu telah diperluaskan skop perbincangan dan analisisnya dan judulnya juga diubah kepada *Asas Falsafah Kebangsaan Melayu* (1950) dan seterusnya *Falsafah Kebangsaan Melayu* (1954). Karya ini memang sebuah karya yang penting sama ada dilihat daripada segi jangka pendek mahupun jangka panjang atau daripada segi pensejarahan mahupun daripada sudut motif ia diterbitkan, iaitu politik. Khoo Kay Kim mengatakan bahawa melalui karya ini Dr. Burhanuddin telah menerangkan asas atau latar belakang sejarah bagi falsafah [atau ideologi] politiknya.<sup>4</sup>

Dekad 1950-an yang merupakan dekad memuncaknya perjuangan mencapai kemerdekaan Tanah Melayu, telah juga menghasilkan beberapa buah karya persejarahan politik yang berkaitan. Antaranya ialah *Sejarah Malaya Merdeka* (1957) oleh Zainal Abidin Daud yang pernah menulis *Riwayat Tanjung Malim suatu ketika dulu*. Sebuah lagi ialah oleh Ibrahim Hj. Yaacob, nasionalis dan tokoh KMM yang pada ketika itu sudah bermastautin di Jawa, Indonesia berjudul *Sekitar Malaya Merdeka* (1957).

Berbincang tentang pensejarahan sosio-politik ini, didapati Ibrahim Hj. Yaacob telah juga menghasilkan beberapa buah karya yang lain. Misalnya seawal tahun 1941 beliau menghasilkan sebuah karya berjudul *Melihat Tanah Air* yang pada zahirnya hanya merupakan sebuah catatan perjalanan, tetapi sebenarnya adalah sebuah karya politik yang menurut Khoo Kay Kim telah menggunakan sejarah sebagai landasan penerangannya<sup>5</sup>. Dua buah lagi karya pensejarahan beliau ialah *Sejarah Perjuangan Di Malaya* (1948) dan *Nusa dan Bangsa Melayu* (1951), kedua-duanya diterbitkan atas nama barunya iaitu Iskandar Kamil Agastja (I.K. Agastja). Pada awal dekad 1950-an sebuah karya pensejarahan politik yang boleh dianggap terbaik dari sudut kaedah dan kefahaman penulisan tentang penyelidikan sejarah, telah diterbitkan dengan judul *Sejarah Kenaikan dan Kejatuhan Kerajaan Portugis di Melaka T.M. 1511-1641* (1953), oleh Abdul Aziz bin Zakaria.

Dalam pada itu, tempoh selepas Perang Dunia Kedua hingga 1960 telah pula menghasilkan beberapa karya pensejarahan berunsur ekonomi dan aspek-aspek sosial yang lain. Antaranya ialah *Penimbau Bacaan Sekolah: Belayar dan Berniaga* (1949) oleh J.B. Neilson; *Mengembara dan Berniaga* (1956) oleh Abdullah Haji Musa Lubis. Bagi pensejarahan yang memang membicarakan sejarah dan perkembangan ilmu ekonomi walaupun yang berasaskan tamadun Barat, hanya sebuah sahaja yang telah diterbitkan dalam jangkawaktu kajian. Ia mempunyai judul yang sangat tepat, malah memberangsangkan, iaitu *Sejarah Ilmu Ekonomi* (1954) oleh Mustaffa Abdul Rahman Mahmud. Ketunggalannya sahaja sudah menjadikan karya ini penting dalam perkembangan pensejarahan Melayu. Seterusnya karya-karya aspek sosial yang lain pula termasuklah *Pelajaran Melayu Dahulu dan Sekarang* (1956) oleh Haji Hakim; *Pancharan Melayu* (1957) oleh Darus Ahmad; *Sejarah Kesusasteraan Melayu*, tiga jilid (1957-1958) oleh A. Samad Ahmad; *Tinjauan Sastera Tanah Ayer* (1959) oleh Abdul Ghani Hj. Abbas; *Kebudayaan Sepintas Lalu* (1960) oleh Mahmud Ahmad; *Adat Resam dan Kebudayaan Melayu* (1960) susunan Yasin bin Saini.

### Pensejarahan Peperangan

Setakat ini hanya ada beberapa buah karya dalam bentuk ini yang dapat ditemui. Boleh dianggap terawal bagi tempoh itu ialah *Hikayat Perang antara Jerman dengan Perancis 1870-1871* (H.1305 = M.1884). Karya ini adalah seangkatan dengan *Hikayat Napoleon Bonaparte* tadi yang juga diterbitkan oleh Percetakan Kerajaan Lingga. Pengarangnya juga tidak diketahui dan ada kemungkinan ia juga merupakan sebuah terjemahan. Kandungannya memang merupakan sejarah Perang Perancis-Jerman 1870-71 yang berkesudahan dengan kekalahan di pihak Perancis yang dipimpin oleh Louise Napoleon Bonaparte iaitu anak saudara kepada Napoleon Bonaparte. Walau bagaimanapun karya ini memihak kepada Jerman dengan Perancis sebagai punca dan dalang yang mencetuskan peperangan di antara kedua negara itu. Peperangan ini berakhir dengan Perjanjian Frankfurt 28 Februari 1871. Sebuah lagi karya peperangan ialah yang berjudul *Inilah Hikayat Perang Setambul* (1902) yang tidak diketahui siapa penulisnya. Hikayat ini menceritakan perang di antara tentera Hadrat Maulana Sultan Abdul Majid Khan (Turki Uthmaniah) dengan tentera Rusia pada tahun 1863 di Negeri Darul-al-Salam, iaitu Baitulmaaqdis. Ia berpunca daripada perbuatan seorang paderi berbangsa Rusia yang sedang berusaha mengembangkan agamanya di Baitulmaaqdis tetapi dalam proses itu beliau telah menghasut pengikut-pengikutnya supaya mengganggu orang-orang Islam tatkala

mereka sedang bersembahyang, terutamanya pada hari Jumat. Mereka masuk ke masjid dan mengolok-olok serta mengejek-ngejek orang-orang Islam yang sedang bersolat itu.

Sebuah lagi karya pensejarahan peperangan ini ialah yang berjudul *Hikayat Peperangan Gharib dan Ajib* (1929), oleh Muhammad Zain Ibrahim, yang mengkisahkan peperangan dua adik-beradik (Gharib dan Ajib) yang berlaku pada suatu zaman silam di Iraq. Peperangan ini berlaku kerana merebut takhta kerajaan di antara keduanya. Pada mulanya Ajib yang telah membunuh bapanya dan merampas kuasa telah berjaya menjadi raja dan memerintah dengan zalim. Beliau kemudiannya telah dikalahkan oleh Gharib yang memerintah dengan adil setelah ia menjadi raja. Sebenarnya karya ini lebih merupakan karya pensejarahan yang diasaskan kepada lagenda negara tersebut. Bagi karya pensejarahan peperangan yang lebih maujud keadaannya, dapat kita lihat dalam penulisan al-Edrus berjudul *Riwayat Perang Yang Kedua*, penggal I (1944?) Bagaimanapun karya al-Edrus ini tidaklah menceritakan kaitan dan keadaan tanah air kita dengan atau semasa perang besar itu. Tumpuannya ialah Benua Eropah dan menerangkan sebab-sebab berlakunya perang tersebut di benua itu, iaitu negara Jerman dan pemimpinnya yang bernama Hitler itu sebagai punca dan dalang utamanya. Ini berbeza sedikit keadaannya dengan sebuah lagi karya dalam bentuk ini yang berjudul *Hikayat Perang Dunia Kedua* (1946?). Pengarangnya tidaklah diketahui namun kandungannya adalah lebih luas kerana ia memuatkan juga penglibatan Jepun dalam perang tersebut, iaitu selain daripada negara-negara Eropah. Sebagaimana yang diketahui, perang itu berakhir dengan kekalahan pihak kuasa Pasak dan bagi Asia, Jepun terpaksa menyerah kalah apabila dua biji bom zarah (atom) digugurkan ke atas bandar Hiroshima dan Nagasaki. Dalam pada itu karya ini menyebut juga tentang peranan orang Melayu dalam perang tersebut terutamanya peranan Askar Melayu, Tentera Laut Diraja Melayu dan Tentera Wataniah. Karya ini juga mengisahkan tentang tujuh orang pegawai Melayu yang gagah perkasa telah mati dengan beraninya dalam peperangan itu; mereka ialah Kapten Aman Syah, Kapten Yazid, Kapten Abbas, Leftenan Osman bin Kering, Leftenan Abu Bakar, Leftenan Ariffin dan Leftenan Muda Adnan.

Bagi senario yang lebih tempatan pula, ada juga beberpa karya yang berjudul peperangan. Antaranya ialah *Peperangan Tok Janggut atau Balasan Derhaka* (1955) oleh Yahya Abdullah, *Riwayat Hidup Tok Janggut dan Peperangan di Kelantan* (1957); *Perang Melaka* (1957) oleh Darus Ahmad dan *Perang Saudara Di Selangor 1866-1877* (1962) oleh Abdul Talib Haji Ahmad.

### Pensejarahan Budaya atau Tamadun

Satu contoh pensejarahan yang terbaik ialah *Sulalatus Salatin* (1612) atau yang lebih dikenali dengan judul *Sejarah Melayu*. Namun dalam tempoh 1800-1960, sebuah karya terawal yang hampir menyamai kedudukan *Sulalatus Salatin* ialah *Tuhfat al-Nafis* karangan pujangga Riau yang agung, iaitu Raja Ali Haji. Di samping jurai keturunan, karya ini juga telah memuatkan perkara-perkara yang berkait dengan sosio-budaya, ekonomi dan kegiatan keagamaan. Karya ini meliputi juga jangka waktu kira-kira seribu tahun, iaitu daripada zaman silam raja Melayu yang asal bernama Seri Teri Buana yang turun di Bukit Seguntang hinggalah ke zaman Abu Bakar di Terengganu yang kemudiannya menjadi Sultan Johor pada bahagian kedua kurun kesembilan belas. Walaupun panorama sejagat *Tuhfat al-Nafis* tidaklah seluas *Sulalatus Salatin*, namun Raja Ali Haji telah menggabungkan keseluruhan entiti alam Melayu ke dalam satu entiti yang berpusatkan empayar Johor-Riau-Lingga yang berteraskan keunggulan suku bangsa Bugis khasnya dan Melayu umumnya.

Penulisan seterusnya ialah *Sejarah Alam Melayu*, berjumlah lima jilid, hasil karya dua sejarawan tanah air yang terkenal, iaitu Abdul Hadi bin Hassan dan Buyong bin Adil. Dari satu segi memang ada kebenarannya apabila Khoo Kay Kim menganggap karya ini sebagai karya sejarah kebangsaan yang pertama. Namun skop dan isi kandungannya adalah melebihi daripada batasan konsep kebangsaan itu sahaja - ia menjangkau satu lingkungan budaya yang dikenali sebagai alam Melayu itu sendiri.

Seperti yang telah disentuh lebih awal tadi, sebuah karya yang boleh dimasukkan dalam kategori ini ialah Turki dan Tamadunnya (1938) oleh Ibrahim Mahmood. Sebenarnya karya beliau ini bukanlah semata-mata memaparkan sejarah dan tamadun baru Turki yang sedang di bina di bawah Kamal Ataturk itu, tetapi memuatkan seruan, dan kadang-kala kritikan, terhadap umat Islam/Melayu agar mereka sentiasa cergas, rajin bekerja dan menyelidik pelbagai ilmu pengetahuan agar mereka boleh mencapai kemajuan seperti orang-orang Turki yang telah mencontohi sikap dan kemajuan orang-orang Barat. "Orang Barat rajin bekerja dan belajar — orang Timur leka mempelajari ilmu sihir dan membuat azimat-azimat," kata beliau pada ketika itu.

Kemudian pada tahun 1950 telah diterbitkan sebuah karya pensejarahan yang sangat menarik berjudul Bangsa Cina oleh Mohamed bin Haniff. Karya ini menceritakan tentang sejarah tamadun bangsa Cina di tanah air mereka iaitu negara China. Antaranya pengarang menghuraikan pengarang tentang unsur-unsur sejarah budaya orang-orang Cina seperti sifat mereka yang rajin,



teknik, jimat cermat dan suka berpersatuan. Sikap buruk mereka juga disebutkan, terutama di kalangan para peniaga yang suka menipu dalam hal timbang menimbang, menjual barang-barang tegahan dan memberi rasuah. Juga diuraikan tentang perkembangan politik, pembinaan tamadunnya, peperangan dan penindasan politik (termasuklah terhadap orang-orang Islam terutamanya dalam zaman Mampu; 1644-1911). Di samping itu diperihalkan juga sedikit tentang kedatangan, kegiatan dan beberapa unsur sosio-budaya orang-orang Cina di Tanah Melayu.

Karya *Bangsa Cina* ini diiringi pula dengan *Sejarah Melayu Raya: Tarikh Perjuangan dan Ekonomi Indonesia, Filipina dan Malaya* (1953) oleh Abdullah Abbas Nasution seorang ulama dan pendidik yang terkenal di Kedah. Sebagai sebuah karya pensejarahan tamadun, Abdullah Abbas melihat perkembangan sejarah di alam "Melayu Raya" daripada sudut politik, ekonomi, sosial dan keagamaan sejak dari zaman keagungannya yang silam hinggalah ia dikuasai oleh penjajah Barat sejak kurun ke -15 dan seterusnya sejak awal abad ke-20 hingga bangun semula berjuang mencapai kemerdekaannya. Sebenarnya, selain daripada unsur-unsur pensejarahan, daripada segi falsafah dan tujuannya karya ini ada beberapa persamaannya dengan *Falsafah Kebangsaan Melayu* yang telah dibincangkan lebih awal tadi, terutamanya dari segi seruan dan konsep geopolitik "Melayu Raya" itu. Dari lain segi *Falsafah Kebangsaan Melayu* (1954) juga boleh dianggap sebagai karya pensejarahan yang berbentuk tamadun.

Pada tahun 1954 juga terbit sebuah karya yang sangat memberangsangkan jika dilihat daripada judulnya, iaitu *Asal Usul Alam Melayu* oleh Haji Mohd. Sidin bin Haji Rashad. Namun demikian kita dapati karya ini telah berpatah kembali ke senario pensejarahan tradisi yang memuatkan unsur-unsur sastera seperti dongeng legenda dan kepahlawanan luar biasa dengan bangsa dan tamadun Melayu sebagai tokoh, prasarana dan wadah jalinan perkembangan pensejarahannya. Tujuannya ialah untuk menunjukkan keagungan alam, bangsa dan tamadun Melayu yang dibicarakannya. Selepas karya beliau, kita barangkali boleh mengambil *Pancharan Melayu* (1957) oleh Darus Ahmad yang telah kita perkatakan lebih awal tadi. Juga, *Sejarah Bahasa dan Bangsa Melayu* oleh Omar Amin Hoesin yang telah diterbitkan pada tahun 1962.

#### **Karya-Karya Pensejarahan Lain.**

Dalam kategori ini, yang terbanyak sekali diterbitkan ialah terjemahan, sama ada daripada bahasa Arab atau bahasa Inggeris ke bahasa Melayu. Antara yang terawal daripada bahasa Arab ialah

*Qissas al-Anbiya* (1929?) atau kisah para nabi yang diterjemahkan oleh Haji Azahari al-Khalidi Rahmatullah daripada karangan asal Muhammad bin Hassan. Umumnya karya ini terdiri daripada dua jilid dan kandungannya memuatkan riwayat 25 rasul, daripada Nabi Adam A.S. hinggalah Nabi Muhammad S.A.W. Namun demikian ada juga dimuatkan kisah-kisah lain, terutamanya yang ada kaitan dengan kisah kehidupan para Rasul yang berkenaan. Sebuah lagi ialah *Hikayat Peperangan Sisebana* (1929), terjemahan Muhammad Zain b. Ibrahim, iaitu riwayat suatu peperangan di antara Sayidina Ali dengan Maharaja Ghatrif di Wadi Sisebana yang berkesudahan dengan kemenangan di pihak Sayidina Ali.

Seterusnya dalam dekad-dekad yang berikutnya, khususnya 1950-an terdapat lagi beberapa terjemahan daripada bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu. Antaranya ialah *Falsafah Revolusi* (1952?) iaitu karya Abdel Gamel Nasser (1918-1970), Presiden Mesir yang terkenal itu, dan *Rahsia Perpecahan Mazhab di dalam Islam* (1956). Kedua-dua karya ini adalah terjemahan Yusof Zaki Yaacob. Selepas itu pada tahun 1962 Abdul Wahab b. Ahmad telah membuat terjemahan berjudul *Sejarah Pendidikan* daripada karya al-Uztaz Abd. Ahmad berjudul *Tarikh al-Tarbiah*. Keseluruhannya ia membincangkan bentuk dan perkembangan pendidikan dalam pelbagai tamadun manusia dari sejak zaman Mesir purba hingga zaman keagungan pendidikan Islam.

Terjemahan karya pensejarahan daripada bahasa Inggeris ke bahasa Melayu pula, mungkin sudah berlaku sejak terbitnya karya-karya seperti *Hikayat Napoleon Bonaparte* dan *Hikayat Perang Jerman Perancis* tadi, iaitu jika karya-karya ini dianggap sebagai hasil terjemahan. Namun daripada segi yang lebih mautud, antara yang terawal itu ialah *Geografi dan Sejarah Semenanjung Tanah Melayu* (1911), terjemahan Abdul Majid Zainuddin daripada karya C.M., Phillips. Sungguhpun judul buku ini bermula dengan *geografi*, namun kira-kira 3/4 daripada isi kandungannya adalah tentang sejarah negeri-negeri di Semenanjung Tanah Melayu termasuklah Patani. Karya terjemahan seterusnya ialah *Kisah Hidup Sir Stamford Raffles* (1919) karya R.O. Pringle yang diterjemahkan oleh Abdul Rahman al-Kudsi. Karya ini diterbitkan sempena Seratus Tahun Singapura di bawah kekuasaan British. Oleh itu ia memang menyanjung Raffles sebagai tokoh yang sangat berjasa kepada negaranya.

Selepas penerbitan karya ini agak lama barulah terbit sebuah lagi karya terjemahan berjudul *Abraham Lincoln* (1931), karya Earnest Foster, terjemahan A. Samad Ahmad. Ia meriwayatkan kisah hidup Lincoln yang miskin dan melalui usaha yang gigih beliau akhirnya berjaya menjadi Presiden Amerika Syarikat (1861-1865). Pada tahun 1940 telah diterbitkan pula karya berjudul *Captain Cook*, terjemahan

Abdul Rahim Yusof daripada karya asal oleh G.E. Milton. Captain Cook adalah seorang pegawai tentera laut England yang telah diperintahkan belayar dengan kapal *Endeavour* membawa sekumpulan jenayah mengharungi Lautan Pasifik hingga akhirnya sampai ke Australia dan menempatkan para penjenayah di situ. Hasil daripada kejayaannya itu, Captain Cook dianggap sebagai orang yang telah menjumpai Australia walaupun Australia pada ketika itu telahpun di didiami oleh penduduk asli tempatan.

Zaman selepas perang, khususnya pada dekad 1950-an telah menampilkan beberapa buah lagi karya pensejarahan terjemahan daripada bahasa Inggeris. Antaranya ialah *Jagoh Fikiran Bebas* (1950) karya Philippe Russell yang telah diterjemahkan oleh Sidang Pengarang H.M. Shah Enterprise. Sebuah lagi oleh sidang pengarang yang sama ialah karya Francis Hawkin berjudul *Kerajaan Hak Mu*. Pada tahun 1961 Ahmad Boestamam telah menterjemahkan karya A.J. Toynbee dan memberikan judul *Dunia dengan Barat*.

Selain daripada terjemahan ada juga bentuk pensejarahan yang berupa catatan perjalanan. Misalnya *Bangkok Kepala Negeri Siam* (1935) dan *Perihal Tanah Jawa* (1939) kedua-duanya oleh Muhammad Said Sulaiman yang merupakan catatan ringkas sejarah tempatan/negeri yang dilawatinya. Dalam pada itu terdapat sebuah karya pensejarahan yang agak istimewa, iaitu tentang akhbar dan majalah. Penulisan ini berjudul *Akhbar-akhbar dan Majalah Melayu Keluaran Semenanjung Tanah Melayu Susunannya Mengikut Dahulu Kemudian Tarikh Keluaran* (1938) oleh Muhammad bin Dato' Muda. Pada tahun 1940 karya ini diterbitkan semula dengan judul *Tarikh Surat Khabar*.

### Penggunaan Tulisan Jawi

Satu perkara yang wajar disebutkan di sini ialah kebanyakan karya yang disebutkan dalam pelbagai klasifikasi tadi adalah dihasilkan dalam tulisan Jawi, terutamanya sebelum dekad 1950-an, kecuali karya-karya yang dihasilkan oleh penulis-penulis bukan Melayu dan juga sebahagian yang diterjemahkan daripada bahasa Inggeris ke bahasa Melayu. Ini menunjukkan tulisan Jawi memang merupakan media tulisan yang hampir mutlak penggunaannya sebelum dekad 1950-an. Selepas itu kita dapati tulisan rumi pula telah menjadi media tulisan yang pilihan, dengan cara yang agak mendadak telah menggantikan tulisan Jawi. Bagaimanapun perubahan ini nampaknya tidaklah menjejaskan perkembangan pensejarahan Melayu, walaupun dari segi lain kerugian dan kesan negatif tetap dirasakan.

### Kepentingan Klasifikasi

Pengkelasan pensejarahan Melayu bukan sahaja akan memudahkan kita mengenalpasti karya-karya yang berbentuk demikian, tetapi mengetahui pula daripada sudut kepelbagaiannya. Ciri atau ukuran utama yang digunakan bagi penerimaan sesuatu penulisan itu sebagai sebuah karya pensejarahan ialah unsur-unsur sejarah masa lalu yang termuat di dalamnya. Ini diikuti dengan adanya suatu bentuk kaedah dan motif pensejarahan yang biasanya termuat di dalam "muqaddimah" sesebuah karya itu. Selain daripada itu terdapat unsur-unsur pensejarahan yang lazimnya termuat di dalam sesebuah karya pensejarahan moden mahupun yang tradisi atau yang boleh disebutkan sebagai "karya-karya sejarah berunsur kesusasteraan". Kepentingan mengenalpasti ini ialah supaya membezakannya daripada hasil-hasil karya yang lain (misalnya, kesusasteraan, undang-undang dan perubatan tradisi). Dalam pada itu melihat kepelbagaiannya juga adalah penting kerana dengan itu kita bukan sahaja mengetahui tentang kerencaman kesedaran sejarah para sejarawan Melayu tetapi juga tentang betapa berbeza-bezanya bentuk pensejarahan Melayu yang telah dihasilkan. Ertinya pensejarahan Melayu itu tidaklah tertumpu kepada kisah-kisah istana, putera puteri raja dan kembara nekad serta asmara dana masing-masing, tetapi juga tentang peristiwa, tokoh dan lokasi lain yang sama-sama bersejarah. Kelainan bentuknya dan juga jumlah yang setakat ini dapat dikenalpasti telah diterbitkan dalam jangkawaktu 1800-1960, dapat dilihat dalam jadual anggaran yang berikut:

Bil	Bentuk Klasifikasi	1800-1930	1930-1960	Jumlah
1	Pensejarahan Negeri	20	21	41
2	Biografi/riwayat hidup	8	12	20
3	Pensejarahan Keagamaan	8	14	22
4	Pensejarahan Sosio-politik dan ekonomi	7	27	34
5	Pensejarahan Peperangan	4	5	9
6	Pensejarahan budaya dan Tamadun	4	7	11
7	Lain-lain, misalnya terjemahan dan catatan perjalanan	7	14	21
	Jumlah	58	100	158

## Kesimpulan

Jika kita soroti kembali bentuk dan perkembangan pensejarahan Melayu sama ada dari sejak peringkat terawalnya (kurun ke- 14 dengan *Hikayat Raja-raja Pasai?*), ataupun dari awal tempoh kajian hingga kira-kira 1960, ada beberapa persoalan menonjol yang sering muncul dan menarik untuk diberikan reaksi, malah jawapan yang wajar. Antaranya ialah bilakah pensejarahan Melayu itu mula dihasilkan? Apakah ada konsep tradisional dan moden dalam pensejarahan Melayu? Jika ada apakah perbezaan antara keduanya dan oleh kerana kita mungkin sudah arif tentang yang moden, apakah ciri-ciri yang berbentuk tradisional itu? Bilakah yang tradisional itu berakhir dan yang moden bermula? Bagaimanakah kedudukan "pengaruh" Islam dalam pensejarahan Melayu? Siapakah Sejarawan-sejarawan Melayu? Bagaimanakah bentuk, tahap dan perkembangan kesedaran sejarah dalam masyarakat Melayu. Misalnya sejak Empayar Melayu Melaka hingga kini? Dan akhirnya barangkali yang tidak juga kurang pentingnya ialah apakah kaitan karya-karya pensejarahan Melayu, terutamanya yang masih tradisional atau yang bercirikan demikian, dengan bidang atau disiplin ilmu yang lain, seperti kesusasteraan misalnya? Kertas kerja ini tidaklah memberikan jawapan kepada semua persoalan ini. Namun di sana sini ada beberapa persoalan yang barangkali terjawab dengan sendiri. Bagaimanapun wujud dan wajarnya persoalan-persoalan ini memang sangat disedari jawabannya, di samping mungkin terserlah dalam perbincangan nanti, dan memang memerlukan waktu dan siasatan atau penyelidikan lanjut terhadap pensejarahan Melayu itu.

## Nota Kaki:


<sup>1</sup> J.C. Bottom, 1968. *Some Historical Sources: Bibliographical Note* dlm. *An Introduction to Indonesian Historiography*. Cetakan Kedua, disunting oleh Soedjatmoko et. al., New York: Cornell University Press, hlm. 185.

<sup>2</sup> Lihat Zaabar, "Kata-kata Aluan" dlm. A. Samad Ahmad, 1963. *Laksamana Tun Tuah*. Cetakan baru, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

<sup>3</sup> Abdullah Thani b. Raja Kecil, 1938, *Pusat Kekuasaan Inggeris Di dalam Laut Mediterranean*, "Pendahuluan". Ipoh Malay Press.

<sup>4</sup> Khoo Kay Kim, 1979. "Local Historians and the Writing of Malaysian History in the Twentieth Century' dlm. *Perceptions of the Past in Southeast Asia*, disunting oleh A.J.S. Reid dan D. Marr. Singapura: Heinemann Educational books (Asia) Ltd, hlm. 308.

<sup>5</sup> *Ibid.*, hlm. 307.



# PERSEKITARAN DAN PENGUNDI: KAJIAN AWAL KE ARAH PEMBENTUKAN TINGKAHLAKU PENGUNDI DALAM PILIHANRAYA UMUM 1990 DAN 1995 DI KAWASAN PARLIMEN TANJUNG KARANG, SELANGOR

---

**Mohd Fuad Mat Jali**

Jabatan Geografi, UKM

## **Pendahuluan**

Proses pengundian adalah satu bentuk tingkahlaku rakyat yang penting dalam negara yang mengamalkan fahaman demokrasi. Rakyat diberi hak memilih kerajaan sendiri dan dapat meluahkan hasrat atau kehendak mereka dengan memilih pemimpin-pemimpin yang mereka pertanggungjawabkan. Interaksi pengundi dengan persekitaran menentukan tingkahlaku pengundi ini kerana geografi politik mengandaikan bahawa tingkahlaku pengundi adalah berdasarkan minat yang mempunyai hubungan dengan status sosio-ekonomi yang menjadi sebahagian daripada persekitaran. Oleh itu dalam usaha memahami proses politik di ruang, ahli-ahli geografi politik lebih cenderung mengkaji tingkahlaku pengundi yang menjadi asas kepada pembentukan kerajaan. Bagi sesebuah kerajaan pula pilihanraya adalah sangat penting untuk "mengadili" sama ada parti yang memerintah masih boleh diterima oleh rakyat, merosot ataupun kalah. Keputusan pengundi untuk memilih parti/calon adalah amat penting dalam percaturan politik.

## **Permasalahan Kajian**

Tingkahlaku pengundi di sesuatu wilayah mempunyai kaitan dengan kematangan dan ukuran partisipasi individu dalam sistem politik. Sejak kebelakangan ini persoalan pokok dan isu yang menjadi tandatanya kepada kita ialah di negara-negara demokrasi peratus keluar mengundi semakin merosot, sebaliknya di negara-negara



komunis mereka pula mahukan pilihanraya yang demokrasi. Di Malaysia umpamanya pada tahun 1986 jumlah pengundi yang mendaftar dan layak mengundi ialah 6.9 juta tetapi yang turun mengundi hanyalah 4.7 juta. Ini bermakna 2.2 juta yang layak mengundi tidak turun mengundi.<sup>1</sup> Dari segi peratusan pula di Semenanjung Malaysia sebanyak 69.9 peratus pemilih telah keluar mengundi dalam pilihanraya Parlimen berbanding dengan 75.3 peratus dalam tahun 1982 (berkurangan sebanyak 4.4 peratus). Jadual 1.1 memperlihatkan perbezaan jumlah pemilih dan peratusan undi mengikut wilayah dan masa.

Kita juga dapati secara keseluruhannya peratusan keluar mengundi adalah rendah di beberapa negeri di Wilayah Tengah (kawasan Parlimen 1986: Wilayah Persekutuan 65.3 peratus, Perak 68.2 peratus dan Selangor 69.7 peratus) jika dibandingkan dengan Wilayah Timur Semenanjung Malaysia (Terengganu 78.8 peratus dan Kelantan 75.5 peratus)<sup>2</sup>. Majoriti yang tidak keluar mengundi terdiri daripada masyarakat bandar di antara umur 21-31 tahun dan peratusan keluar mengundi di luar bandar adalah tinggi.

Di sini timbul persoalan mengapakah sebahagian besar rakyat Malaysia tidak turun mengundi? Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi motivasi pengundi untuk turun mengundi. Oleh itu kajian ini akan cuba menjawab permasalahan tingkahlaku pengundi di kawasan kajian khasnya dan Malaysia amnya.

### **Tujuan Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk meneliti faktor-faktor yang mempengaruhi tingkahlaku pengundi yang keluar mengundi atau tidak dengan faktor-faktor sosio-ekonomi (jantina, umur, etnik, pekerjaan, pendidikan, agama, kempen, media massa, partisipasi politik dan identifikasi parti serta calon). Hasil kajian diharapkan dapat memaparkan antara faktor yang penting dalam mempengaruhi pola tingkahlaku pengundi.

### **Kepentingan Kajian**

Kajian mengenai tingkahlaku pengundi dalam pilihanraya terutamanya di Malaysia masih berkurangan. Kebanyakan pengkaji hanya menumpukan ke atas postmortem sesuatu pilihanraya umum yang telah diadakan. Oleh itu sebagai permulaan adalah diharapkan kajian ini dapat menambahkan dan memperkembangkan lagi kajian tentang disiplin geografi politik atau geografi pilihanraya di Malaysia serta dapat memperlihatkan pola tingkahlaku pengundi di Malaysia amnya dan di kawasan kajian khasnya. Di samping itu bahan-

Jadual 1.1 : Jumlah Pengundi Dewan Rakyat Di Dalam Pilihanraya Umum 1978, 1982, 1986 dan 1990

NEGERI	1978		1982		1986		1990	
	Jumlah Pemilih	Peratus Undi	Jumlah Pemilih	Peratus Undi	Jumlah Pemilih	Peratus Undi	Jumlah Pemilih	Peratus Undi
Perlis	58,721	77.7	68,572	77.1	85,394	77.4	99,097	77.0
Kedah	165,675	69.8	461,290	77.3	598,594	73.0	657,322	76.2
Kelantan	109,953	74.1	340,141	75.4	469,828	75.5	536,020	78.7
Terengganu	155,825	73.4	178,576	76.2	273,345	78.8	326,393	82.6
P. Pinang	266,222	82.0	383,134	79.2	522,194	72.9	559,223	76.9
Perak	555,478	75.0	736,963	77.3	954,180	68.2	1,031,380	70.4
Pahang	126,711	75.7	258,024	75.3	380,979	71.1	452,997	74.3
Selangor	290,264	75.6	515,497	74.3	763,914	69.7	922,615	73.3
W. Persekutuan	173,946	66.6	261,783	71.1	473,640	65.3	527,834	69.2
N. Sembilan	121,097	76.7	190,379	78.1	298,660	75.5	345,468	76.1
Melaka	151,699	78.0	141,841	78.1	242,913	73.2	265,059	77.4
Johor	290,503	75.1	572,447	77.8	767,970	71.4	972,171	74.4
WP (labuan	-	-	-	-	12,171	67.1	16,388	76.2
Sabah	14,419	78.8	282,369	66.4	390,709	55.2	543,612	57.0
Sarawak	375,882	75.1	385,345	68.9	556,995	66.7	703,061	66.9
	2,956,395	75.1	4,776,361	75.3	6,771,446	69.9	7,958,640	72.7

Jumlah Pemilih/Pengundi termasuk undi ditolak

Sumber : Diubahsuaikan dari Laporan Pilihanraya Umum Malaysia 1978, 1982, 1986 dan 1990.

bahan yang diperoleh boleh dijadikan bahan perkuliahan terutama dalam bidang geografi politik/pilihanraya yang ditawarkan di Jabatan Geografi.

### **Kawasan Kajian**

Kawasan Parlimen Tanjung Karang (P83) Selangor telah dipilih sebagai kawasan kajian. Ia mengandungi tiga kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) iaitu Sungai Panjang (N4), Sekincan (N5) dan Sungai Burung (N6). Terdapat 32,910 orang pengundi berdaftar di kawasan ini antaranya kaum Melayu yang paling ramai iaitu 75 peratus (24,683 orang pengundi), kaum China 22.7 peratus (7,470 orang pengundi), kaum India 2.2 peratus (7204 pengundi) dan lain-lain kaum 0.1 peratus (33 orang pengundi). Jika dilihat taburan pengundi mengikut kawasan, DUN Sungai Panjang dan Sungai Burung mempunyai pengundi kaum Melayu yang ramai, masing-masing mempunyai 63.3 peratus dan 82.3 peratus. Manakala DUN Sekincan majoriti pengundinya adalah kaum China 50.2 peratus. Kebanyakan keluarga Melayu dan India tinggal di kampung atau di kawasan sawah padi, manakala kaum Cina menetap di kawasan bandar menjalankan perniagaan. Aktiviti pertanian adalah tunggak ekonomi di kawasan ini, di samping menangkap ikan dan berniaga.

Kalau ditinjau dari aspek perkembangan parti politik di kawasan ini, sejak pilihanraya umum tahun 1959 kawasan ini dimenangi oleh Parti Perikatan/Barisan Nasional (BN). Parti-parti yang pernah bertanding di kawasan ini ialah Perikatan/BN, PAS, Parti Malaya, Parti Melayu Semangat 46 (S46) dan Bebas. Bermula pada pilihanraya umum tahun 1964 hingga pilihanraya umum 1990, kawasan ini adalah pertandingan antara parti BN dan PAS. Walaupun pada tahun 1959-1974 peratusan turun mengundi adalah tinggi (93.5 peratus) tetapi peratusan ini telah menurun kepada 68.6 peratus dan 63.4 peratus pada pilihanraya umum 1982 dan 1986<sup>1</sup>. Majoriti undi yang diperoleh oleh BN juga turut menurun dari 11,059 (1982) ke 7,450 (1986).


### **Teori dan Model**

Tingkh laku pengundi adalah sesuatu yang abstrak dan unik. Dengan erti kata lain, setiap individu adalah unik dan memiliki pola-pola tingkh laku yang berbeza. Pola tingkh laku yang berbeza ini disebabkan oleh pengaruh faktor-faktor persekitaran dan memberi implikasi yang berbeza kepada setiap individu. Ia amat penting bagi memahami kematangan politik di sesebuah negara kerana tingkh laku pengundi menggambarkan partisipasi individu. Walau

bagaimana pun, tidak terdapat satu teori yang paling tepat yang boleh menerangkan tingkahlaku bagi semua pengundi secara mutlak. Teori-teori tingkahlaku pengundi yang sedia ada hanya boleh memberi satu gambaran dan generalisasi umum tentang pengaruh pembolehubah-pembolehubah tertentu terhadap keputusan individu untuk mengundi.

Kebanyakan kajian tentang tingkahlaku pengundi menggunakan Teori Identifikasi Parti (Party Identification Theory)<sup>4</sup>. Ia telah dipopularkan oleh Angus Campell dari University of Michigan (USA) dalam tahun 1950-an. Teori ini dikembangkan dari model sosio-psikologi dan juga dikenal sebagai "Michigan Model" (Model Michigan/Model Identifikasi). Model ini mempunyai konsep di mana pengundi telah mempunyai "perasaan kepunyaan" terhadap sesebuah parti politik yang diwarisi dari keluarga. Identifikasi parti ini diperolehi pada peringkat awal remaja lagi melalui berbagai faktor (ibu bapa dan rakan-rakan) dan perasaan ini dijangkakan stabil di sepanjang kehidupan individu. Ciri-ciri sosial, persekitaran dan pembelajaran boleh mempengaruhi identifikasi parti seseorang.

Rajah 1.1. Model mengundi Michigan yang menunjukkan pengaruh ke atas dan dari Identifikasi Parti



Sumber : Harrop, M. and Miller, W.L. (1987) Elections and Voters : A Comparative Introduction, London : Macmillan : 132

Rajah 1.1 menunjukkan beberapa faktor di mana Identifikasi Parti boleh mempengaruhi Tingkahlaku Pengundi. Pemilihan parti secara terus dipengaruhi oleh aspek-aspek politik, iaitu calon, polisi-polisi, hubungan di antara parti dan kumpulan sosial. Faktor-faktor inilah yang akan membentuk sikap pengundi sama ada membuat pilihan mengundi ataupun tidak dan menjadi pengukur kasar

Identifikasi parti terhadap tingkahlaku pengundi. Model ini juga memperlihatkan kesan secara terus Identifikasi Parti terhadap pemilihan pengundi. Keadaan ini berlaku kerana terdapat golongan pengundi yang mengundi tanpa mempunyai sikap yang rasional terhadap isu-isu atau calon.

Teori ini juga menekankan peranan keluarga dalam menyampaikan 'taat setia' kepada sesebuah parti. Persekitaran di rumah pada awal pembesaran menjadikan kebanyakan pengundi mewarisi fahaman atau imej parti dari keluarga mereka. Tambahan pula kalau ibu bapa mereka mempunyai hubungan atau fahaman yang kuat kepada sesebuah parti atau sekiranya anak mereka tidak mengalami mobiliti sosial dalam hidup. Walau bagaimanapun Teori Identifikasi Parti menerima sosialisasi politik (juga sosialisasi politik kanak-kanak) tidak bergantung semata-mata kepada persekitaran di rumah sahaja, malahan persekolahan dan pergaulan di tempat kerja juga penting. Pengalaman sosialisasi yang berlainan ini menyebabkan berlakunya tekanan melintang di mana pengundi akan menghadapi berbagai pengaruh dan arahan dalam proses membuat pemilihan untuk mengundi.

Secara ringkasnya, Identifikasi Parti menyediakan satu panduan kepada *trend* pengundian, memaparkan pengaruh jangka panjang dan jangka pendek ke atas pengundian dan mampu memperlihatkan sesuatu pilihanraya sama ada ia memesong atau membentuk semula struktur perpartian para pengundi di sesebuah wilayah atau negeri/negara.

## Metodologi

Dalam kajian ini kaedah utama ialah soal selidik. Sampel dipilih melalui kaedah Persampelan Rawak (rambang) yang berpandukan etnik, jantina dan wilayah. Sampel-sampel yang dipilih berumur 21 tahun ke atas dan ditemubual dengan menggunakan satu set borang soal selidik. Antara persoalan yang diajukan ialah latarbelakang sosio-ekonomi, persepsi dan penglibatan dalam politik. Jumlah sampel yang diambil mengikut wilayah yang dikaji ialah 236 orang di kawasan parlimen Tanjung Karang, Selangor. Sampel-sampel yang diambil adalah dari kawasan yang majoriti pengundinya Melayu. Maklumat-maklumat sekunder diperolehi dari penyelidikan di perpustakaan, akhbar-akhbar tempatan dan juga daripada pemerhatian pengundi semasa pilihanraya berjalan, iaitu di kawasan parlimen Tg. Karang di negeri Selangor. Data yang dikumpulkan telah dianalisis dengan menggunakan kaedah statistik mudah iaitu secara diskriptif.

## Hasil Kajian

### 1.1 Taraf Pendidikan, Parti dan Calon

Taraf pendidikan seseorang dikatakan boleh mempengaruhi tingkahlaku mengundi. Ianya dikaitkan dengan sama ada seseorang itu berpendidikan tinggi, rendah ataupun tidak bersekolah. Di kawasan Parlimen Tg. Karang, didapati kebanyakan daripada pengundi cenderung memilih parti komponen BN tidak mengira taraf pendidikan yang diperolehi. Majoriti daripada responden yang ditemui di kawasan ini memperoleh pendidikan sekolah menengah dan rendah. BN menjadi pilihan pertama di mana 68.2 peratus daripada mereka menyatakan akan memilih BN bila mengundi manakala 8.9 peratus daripada responden memilih S46 dan 10.2 peratus Parti PAS. Keadaan begini mungkin disebabkan pengundi di kawasan ini telah mempunyai identifikasi parti atau telah mempunyai 'kesetiaan' terhadap parti UMNO atau MCA atau MIC sejak dulu lagi. Justeru itu dalam jangka panjang pengundi-pengundi amat susah dipengaruhi oleh fahaman parti politik baru walaupun sosio-ekonomi memainkan peranan dalam jangka masa pendek. Corak begini boleh juga dikaitkan dengan pembangunan pesat yang telah dijalankan di kawasan kajian sejak BN berkuasa.

Minat penduduk tempatan terhadap politik, adalah dalam lingkungan sederhana tidak mengira tahap pendidikan. Walau bagaimanapun apabila ditanya adakah 'mengundi' satu tanggungjawab, 93 peratus menyatakan ianya satu tanggungjawab yang perlu ditunaikan dan hanyalah 7 peratus sahaja yang menafikannya. Oleh itu kita akan menjangkakan peratusan yang akan keluar mengundi adalah tinggi di kawasan ini, jika dikaitkan dengan peratusan yang menyatakan mengundi itu merupakan kewajipan.

Dalam membuat pilihan sama ada pengundi di kawasan ini memilih parti atau pun calon di dalam sesuatu pilihanraya umum, 75.4 peratus daripada mereka memilih parti bila mengundi. Ini bermakna mereka tidak mengambilkira siapa calon atau etnik calon yang bertanding, sekiranya calon itu bertanding atas tiket parti BN yang mereka telah kenalpasti, maka calon itu akan dipilih. Antara sebab-sebab yang dikenalpasti mengapa mereka memilih sesebuah parti ialah bersetuju dengan polisi atau manifesto parti, mempunyai keyakinan terhadap ketua parti dan calon serta menjalankan kempen yang berkesan. Sebaliknya, bagi mereka yang memilih calon dalam pilihanraya umum, adalah kerana calon tersebut berpelajaran tinggi, sama bangsa, orang tempatan dan mempunyai ketokohan dan keperibadian yang baik.

## 1.2 Pekerjaan, Etnik, Umur dan Agama

Jenis pekerjaan juga tidak memperlihatkan pengaruhnya terhadap sikap pengundi dan didapati kebanyakan pengundi mempunyai minat yang sederhana terhadap politik. Jadual 1.2 memperlihatkan taburan hubungan jenis pekerjaan dengan minat politik, di mana kita dapati sebilangan pegawai kerajaan, petani dan penganggur tidak berminat langsung dalam politik.

Jadual 1.2 Hubungan jenis pekerjaan dengan minat politik

Jenis pekerjaan	Amat Minat	Kurang Minat	Sederhana Minat	Tidak Berminat
Pegawai kerajaan	5	1	27	15
Tentera		1		
Badan berkanun Swasta		1	1	
Petani	4	15	38	20
Berniaga	1	1	12	6
Buruh		6	5	1
Penganggur	5	9	25	21
Jumlah	15 6.4%	34 14%	122 51.7%	65 27.5%

Keseluruhannya dapatlah dikatakan pengundi kawasan ini cenderung memilih BN dan jenis pekerjaan bukanlah faktor yang mempengaruhi mereka membuat pilihan. Kita juga dapati minat politik di antara etnik juga berbeza, umpamanya kaum Melayu mempunyai peratusan yang tinggi tergolong dalam kategori amat berminat manakala kaum Cina atau India adalah diperingkat sederhana dan tidak berminat.

Kebiasaannya jangka umur seseorang itu akan mendedahkan mereka kepada perkembangan politik dan penglibatan diri. Kita dapati pengundi kawasan Parlimen Tanjung Karang telah lama mengalami arus pergolakan dan perkembangan politik, dan majoriti daripada mereka tergolong dalam 'pengundi berpengalaman dan berpengetahuan'. Ini terbukti bahawa 42.5 peratus daripada pengundi yang ditemui telah mengundi 3 hingga 5 kali dan bilangan yang mengundi buat pertama kali ialah 12.7 peratus, manakala yang tidak pernah mengundi juga 12.7 peratus. Pengundi-pengundi di sini

memperoleh perkembangan politik dengan senang dan mudah iaitu melalui rakan atau saudara-mara, surat khabar dan televisyen. Jadual 1.3 memperlihatkan peringkat umur yang telah mengundi 3 hingga 5 kali adalah mereka dalam golongan 41-61 tahun ke atas. Bagi peringkat umur ini, kita dapati mereka telah mempunyai pengalaman mengundi dan matang, mempunyai kesetiaan kepada sesuatu parti dan identifikasi mereka adalah kekal. Oleh itu mereka bertanggungjawab memastikan kemenangan parti BN.

**Jadual 1.3 : Tahap Umur dan Bilangan Mengundi Dalam Pilihanraya Umum**

Umur	Jumlah pengundi	Bilangan (kali telah mengundi)						
		1	2	3	4	5	Tidak pernah	Tidak pasti
21-30		30	17	8	3	2	18	
31-40		40	5	27	2	6	1	6
41-50		50	5	2	17	14	17	
51-60		60	5	6	31	2		
61+		32	3	1	11	1	2	
Jumlah	212	27	37	30	29	60	27	2
Peratus	100	12.7	17.5	14.2	13.7	28.3	12.7	0.9

Sebaliknya bagi mereka dalam lingkungan umur 21-40 tahun bilangan yang tidak pernah turun mengundi agak ramai. Di peringkat umur ini mereka sedang mengalami berbagai perubahan sosial. Sebagai pengundi-pengundi muda yang masih dalam proses pembelajaran, mereka mudah terpengaruh atau dipengaruhi oleh fahaman-fahaman politik, peka terhadap masalah dan isu-isu negara, mobiliti mereka luas dan masih tidak mempunyai identifikasi parti yang kuat pada diri mereka. Mungkin juga mereka masih tidak mendaftar sebagai pemilih.

Faktor agama juga mampu mempengaruhi sikap atau tingkahlaku pengundi dalam sesuatu pilihanraya. Ini dirujuk kepada kebanyakan pengundi Melayu di mana sebab utama mereka memilih sesebuah parti (PAS) adalah kerana mereka beranggapan parti ini sahajalah yang dapat mempertahankan maruah bangsa dan kesucian agama Islam. Jumlah pengundi yang bersikap sedemikian masih belum membimbangkan. Justru itu sambutan kepada parti PAS masih tidak mencabar kedudukan BN di kawasan ini.



### Pentafsiran

Berdasarkan kajian ini kita boleh membuat beberapa andaian tentang sikap atau tingkahlaku pengundi pada saat-saat akhir sebelum pilihanraya. Soal selidik yang dijalankan empat hari sebelum pilihanraya telah memberi peluang kepada kita untuk membandingkan tentang sokongan dan pendirian pengundi terhadap sesebuah parti politik. Walaupun rumusan yang dibuat tidaklah seratus peratus tepat namun begitu ia sekurang-kurangnya dapat memberi ruang untuk menjelaskan tentang tingkahlaku pengundi pada masa sebelum dan ketika pilihanraya.

Keputusan pilihanraya 1990 ini telah menunjukkan bahawa parti kerajaan iaitu BN telah mendapat kemenangan dengan majoriti yang besar juga iaitu 34.9 peratus atau 8,277 undi. Jumlah undi yang diperolehi oleh calon BN dalam pilihanraya ini ialah 15,468 undi atau 65.3 peratus. Manakala calon pembangkang iaitu calon PAS telah mendapat 7,191 undi atau 30.3 peratus. Dari keputusan ini kita boleh bandingkan dengan hasil yang diperolehi dari kajian di mana kita dapati sokongan terhadap parti kerajaan yang dijangkakan ialah 68.2 peratus tetapi keputusan pilihanraya umum 1990 parti kerajaan mendapat 65.3 peratus undi (perbezaan 2.9 peratus). Keadaan ini mungkin disebabkan oleh wujudnya segelintir pengundi yang berpindah sokongan kepada parti pembangkang kerana dipengaruhi oleh kempen-kempen di saat-saat akhir sebelum membuang undi. Bolehlah disimpulkan keputusan kajian ini hampir tepat dengan keputusan pilihanraya tahun 1990. Oleh itu pengundi di kawasan ini telah memberi pendirian yang betul dan persis kita boleh menyatakan bahawa kawasan ini diidentifikasi sebagai kawasan 'kanan' (penyokong kerajaan). Walau bagaimanapun hasil kajian bagi sokongan Parti PAS mempunyai perbezaan yang agak besar iaitu sokongan semasa kajian ialah 10.2 peratus manakala keputusan semasa pilihanraya ialah 30.3 peratus. Keadaan ini menunjukkan PAS telah dapat menarik sokongan dari golongan yang sebelum ini menyokong S46 iaitu sebanyak 8.9 peratus dan juga dari mereka yang menyokong lain-lain parti sebanyak 12.3 peratus. Rumusan yang boleh dibuat di sini ialah penyokong parti-parti lain dan parti S46 mungkin telah beralih kepada menyokong PAS apabila parti sokongan mereka tidak bertanding. Bukti lain yang boleh digunakan untuk menyokong hujah ini ialah terdapatnya kerjasama di antara PAS dengan S46 di dalam Angkatan Perpaduan Ummah (APU). Perbandingan di antara sokongan pengundi di kawasan Parlimen Tanjung Karang sewaktu pilihanraya umum 1990 dengan sokongan pengundi sewaktu soal selidik dilakukan boleh dirujuk di Jadual 1.4.

Jadual 1.4 : Peratus sokongan parti BN dan PAS sewaktu soal selidik dan Pilihanraya Umum 1990

Parti	Keputusan (%)	
	Pilihanraya Umum 21/10/90	Kajian 19/10/90
Barisan Nasional	65.3	68.2
Parti Islam Se Malaysia	30.3	10.2

Berdasarkan hasil kajian dan keputusan pilihanraya kita juga boleh mentafsirkan bahawa sentimen perkauman amat kuat mempengaruhi pengundi-pengundi khususnya kepada orang-orang Cina. Umpamanya keputusan bagi Dewan Undangan Negeri (DUN) iaitu N5 Sekincan (di mana pengundi Cina majoriti) menunjukkan parti BN (diwakili oleh MCA) hanya mendapat majoriti yang kecil sahaja, manakala parti DAP mendapat undi yang agak tinggi. Ini menunjukkan undi kaum Cina beralih kepada DAP dan ini bermakna kemenangan wakil MCA tersebut adalah bergantung kepada undi Melayu.

#### Keputusan Kajian dan Pilihanraya Umum 1995

Pemerhatian terhadap keputusan pilihanraya umum tahun 1995 di kawasan kajian juga telah dibuat. Ia bertujuan untuk melihat sama ada terdapat perubahan identifikasi parti pengundi dalam masa lima tahun. Pilihanraya pada tahun 1995, parti yang bertanding di kawasan Parlimen Tanjung Karang ialah di antara BN dan S46. Jumlah pemilih juga bertambah dari 32,910 orang (1990) ke 41,160 orang (1995). Parti BN telah berjaya memenangi kawasan ini dan mendapat majoriti yang lebih besar iaitu 15,818 undi berbanding dengan 8,277 undi pada pilihanraya 1990. Bagi parti S46 yang buat pertama kalinya bertanding di kawasan ini, tidak berjaya mendapat sambutan dari pengundi kawasan ini, jika dibandingkan dengan PAS. Undi yang diperolehi oleh PAS pada tahun 1990 (7,191 undi) adalah lebih besar dari parti S46 (5,144 undi). Ini bermakna PAS mempunyai lebih banyak pengaruh di kawasan ini.

Sehubungan dengan keputusan pilihanraya umum 1995 ini, dapatlah dirumuskan bahawa identifikasi parti pengundi di kawasan ini telah lebih mantap dan kuat. Ini terbukti kerana pertambahan dalam jumlah pemilih diikuti juga dengan pertambahan sokongan (undi) bagi BN, dan begitu juga dengan parti pembangkang masih


mendapat sokongan dari sebilangan kecil pengundi di kawasan ini. Oleh itu dapatlah dikekalkan kenyataan yang pemilih di kawasan Parlimen Tanjung Karang adalah berhaluan kanan ataupun kawasan kuat penyokong BN dan tidak dinafikan sebahagian besar pengundi tetap mengidentifikasikan diri mereka sebagai 'orang BN'.

### Rumusan dan Pembentukan Model Tingkahlaku Pengundi

Secara amnya hasil kajian ini mendapati bahawa faktor sosio-ekonomi yang telah dibincangkan tidak mempunyai korelasi dalam mempengaruhi sikap atau tingkah laku pengundi. Bermakna faktor-faktor tersebut tidak penting kerana mereka telah mempunyai identifikasi parti yang sama sejak dulu lagi, malah 'ketaatan' mereka sejak pilihanraya tahun 1959 tidak pernah tergugat atau dipengaruhi oleh fahaman parti lain. Walau bagaimanapun faktor ethnik (kaum), umur, dan agama mempunyai pengaruh terhadap pembentukan tingkahlaku pengundi, iaitu dalam membuat pilihan (parti mana atau calon mana) dan minat. Kesemua semua faktor yang terlibat amatlah penting malahan faktor-faktor tersebut adalah salingkaitan di antara satu dengan lain dalam proses pembentukan tingkahlaku pengundi.

Berdasarkan teori Identifikasi Parti dan dapatan kajian satu model tingkahlaku pengundi di kawasan kajian boleh dibentuk seperti yang dipaparkan di Rajah 1.2. Model awalan ini diharap dapat digunakan sebagai panduan untuk menerangkan pola tingkahlaku pengundi negara kita dan dapatan kajian yang lain (akan datang) mungkin dapat mengemaskan serta memantapkan lagi model tersebut.

Rajah 1.2 Model tingkahlaku pengundi di kawasan parlimen Tanjung Karang, Selangor.



Keterangan : M,C,I = Melayu, Cina, India

- : Δ Pemboleh-ubah gangguan dalam proses pengundi membuat keputusan atau pemilihan
- : Ada hubungan terus di antara parti dengan mengundi. Ini bermakna sebahagian besar pengundi di kawasan ini tidak dipengaruhi atau tidak kisah langsung kepada faktor-faktor persekitaran atau latarbelakang sosio ekonomi mereka.
- : Parti pilihan utama di kawasan ini ialah Barisan Nasional (BN) di samping sebahagian kecil pengundi menyokong Pas.

### Cadangan

Kajian tingkahlaku mengundi di kawasan kajian dibuat secara umum atau sebagai tinjauan awal sahaja tanpa menyentuh perkara-perkara yang lebih khusus. Oleh itu penilaian tingkahlaku pengundi di kawasan lain dengan menggunakan pembolehubah-pembolehubah yang lain dan responden yang lebih ramai serta penganalisaan dibuat secara komputer (SPSSX) adalah dicadangkan supaya ianya memberi gambaran yang tepat dan fenomena yang terperinci dapat diuraikan.

Kajian perbandingan di antara etnik terhadap partisipasi politik di ruang dan pengaruhnya terhadap tingkahlaku pengundi mengikut etnik juga perlu dijalankan dengan terperinci. Ini bertujuan untuk mengesan sama ada polarisasi politik akibat perkauman bersifat semulajadi ataupun hanya menjadi satu isu parti-parti politik untuk kepentingan parti.

Akhir sekali untuk mendapatkan satu kajian yang baik dan jitu bagi melihat pola tingkahlaku pengundi secara keseluruhan kita perlu melakukan kajian sebelum sesuatu pilihanraya dan selepas pilihanraya dalam jangkamasa dua-lima pilihanraya. Ia memerlukan masa yang panjang dan sudah tentu melibatkan kos yang tinggi. Adalah baik sekiranya kajian sebegini digalakkan di masa hadapan.

### Bahan Rujukan:

- Fishbein, M. and Coombs, (1974). "Basic for Decision: An Attitudinal Analysis of Voting Behavior". *Journal of Applied Social Psychology*, Vol. 4. hal. 95.
- Frohlick, Norman, et. al (1978). "A Test of Downsian Voter Rationality: 1964 Presidential Voting". *American Political Science Review*, vol. 72, hal. 178.

- Johnston, R.J. (1979). *Political, Electoral and Spatial System*, Oxford: Oxford University Press.
- Muir, R. and Paddison, R. (1981). *Politics, Geography and Behavior*, London: Methuen.
- Ramanathan, Sankaran dan Mohd. Hamdan Adnan (1988). *Malaysia's 1986 General Election: The Urban-rural Dichotomy*, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Rosenstone, S J.(1982). "Economic Adversity and Voter Turnout". *American Journal of Political Science*, vol. 26 hal. 25.
- Silva, R. C., et. al, (1920). *American Government: Democracy and Liberty in Balance*, New York: Alfred A. Knopf.
- Stoetzel, J, (1955). "Voting Behaviour in France". *British Jour. of Sociology*, vol. 6, hal. 104-111.
- Taylor, P.J. and Johnston, R.J. (1979). *Geography of Election*, London: Croom Helm Ltd.
- Harrop, M., and Miller, W.L. (1987) *Elections and Voters: A Comparative Introduction*, London, MacMillan.

#### Nota Kaki:

- <sup>1</sup> Pada pilihanraya umum 1990 seramai 7.9 juta pengundi telah mendaftar dan yang turun mengundi seramai 5.8 juga. Jumlah yang tidak turun mengundi ialah 2.1 juta.
- <sup>2</sup> Peratusan keluar mengundi pada tahun 1990 meningkat sedikit: Wilayah Persekutuan 69.2 peratus, Perak 70.4 peratus dan Selangor 73.3 peratus. Manakala Terengganu 82.6 peratus dan Kelantan 78.7 peratus.
- <sup>3</sup> Pada pilihanraya umum 1990 peratusan turun mengundi di kawasan Parlimen ini telah meningkat ke 72.0 peratus, manakala undi majoriti yang diperolehi oleh BN juga meningkat ke 8,277 undi.
- <sup>4</sup> Huraian lanjut rujuk: Budge, I, Crewe, I. and Farlie, D. eds. (1976) *Party Identification and Beyond*, London: Wiley; Harrop, M. and Miller, W. (1990) *Elections and Voters*, London: Macmillan. Terdapat juga teori-teori lain seperti, The rational choice model dan pendekatan sosiological.

# SETTINGGAN DAN POLITIK DI JOHOR BAHRU: SATU KAJIAN KES

---

Mohamed Salleh Lamry

Jabatan Antropologi dan Sosiologi, UKM

## Pendahuluan

Apabila saya memulakan kajian tentang politik setinggan di bandar Johor Baharu pada tahun 1988, ada dua perkara penting tentang perlakuan politik mereka yang menarik perhatian saya:

Pertama, sebahagian besar setinggan di bandar tersebut melibatkan diri secara aktif dalam politik. Mereka bukan sahaja mengundi setiap kali pilihan raya, malah menjadi ahli parti politik dan menjadi pemimpin tempatan parti politik tersebut.

Kedua, sebahagian besar daripada mereka menjadi ahli dan penyokong UMNO yang merupakan komponen parti pemerintah, dan hanya sebahagian yang amat kecil menyokong Parti Rakyat Malaysia (PRM), walaupun PRM adalah parti politik yang ingin membela nasib dan kepentingan golongan miskin seperti mereka.

Meskipun kedua-dua perkara ini berkaitan, saya lebih tertarik untuk memahami perkara yang kedua, iaitu mengapa kebanyakan setinggan menyokong UMNO dan tidak menyokong PRM?

Untuk memahami persoalan di atas, saya telah menjalankan kajian di sebuah kampung di pinggir bandar Johor Baharu, iaitu Kampung Pinggiran (bukan nama sebenar) yang mempunyai penduduk setinggan yang ramai. Kajian ini telah dijalankan pada masa-masa tertentu antara November 1988 hingga Oktober 1990. Selepas itu beberapa kunjungan singkat ke kampung itu telah dilakukan hinggalah ke masa ini, sekurang-kurangnya sekali setahun.

Dalam hal ini, beberapa teori yang biasa digunakan untuk memahami perlakuan orang miskin di bandar, seperti teori budaya kemiskinan<sup>1</sup> dan teori *marginality*<sup>2</sup>, saya dapati kurang sesuai digunakan untuk memahami perlakuan politik setinggan yang dikaji, kerana teori-teori tersebut menyarankan bahawa golongan miskin di bandar kurang terintergrasi dan kurang berpartisipasi secara efektif ke dalam institusi-institusi utama masyarakat yang lebih luas. Oleh itu, dalam kajian ini saya menggunakan pendekatan *patron-klein*<sup>3</sup>, walaupun pendekatan ini juga mempunyai kelemahan, dan mungkin tidaklah sepenuhnya dapat menolong memahami persoalan di atas.

Berasaskan pendekatan ini saya cuba meninjau sejarah penglibatan setingan di Kampung Pinggiran dalam UMNO dan PRM dan faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan mereka. Sejarah penglibatan mereka dalam kedua-dua parti politik itu dihuraikan di bawah ini, setelah didahului dengan sedikit pemerian tentang latar belakang Kampung Pinggiran dan responden kajian ini.

### Latar Belakang Kampung Pinggiran

Kampung Pinggiran yang letaknya kira-kira 7 kilometer dari pusat bandar Johor Baharu dibuka pada tahun 1927. Penduduk asal kampung itu ialah beberapa keluarga yang berpindah dari Pantai Lido sekarang. Pada tahun 1936 semua penduduk Pantai Lido yang lain turut berpindah ke kampung itu atas arahan Sultan, kerana kawasan itu berhadapan dengan Istana Bukit Siren yang siap dibina pada tahun 1935. Dengan itu wujudlah sebuah kampung Melayu yang baru di daerah Johor Baharu. Kerana kedudukannya yang berhampiran dengan bandar Johor Baharu, Kampung Pinggiran telah diletakkan di bawah pentadbiran Lembaga Bandaran Johor Baharu (sekarang Bandar Raya Johor Baharu) semenjak tahun 1950-an lagi.

Pada pertengahan tahun 1960-an Kampung Pinggiran mula menjadi tumpuan orang-orang luar bandar yang baharu berhijrah ke bandar Johor Baharu, kerana di samping berdekatan dengan bandar Johor Baharu, kampung itu juga berdekatan dengan kawasan industri Tampoi. Pendatang yang berasal dari luar bandar ini pada mulanya menumpang di rumah saudara mara atau menyewa rumah di kampung itu.

Bagaimanapun, secara beransur-ansur ada di antara mereka yang membuat rumah setingan di kawasan hutan bakau yang terletak di bahagian selatan Kampung Pinggiran, sama ada kerana kesukaran untuk mendapat tempat tinggal yang sesuai, ataupun untuk menjimatkan perbelanjaan. Dengan itu, menjelang awal tahun 1968 dianggarkan sudah wujud kira-kira 30 buah rumah setingan di kampung itu.

Pada akhir tahun 1968 wakil rakyat kawasan itu mengumumkan bahawa beliau bersetuju kerajaan memberi lot tapak rumah dan mengeluarkan Lesen Menduduki Sementara (TOL) kepada setingan di Kampung Pinggiran. Pengumuman ini dibuat oleh beliau ketika merasmikan mesyuarat agung UMNO cawangan Kampung Pinggiran, dan sebagai menjawab permohonan ketua UMNO cawangan itu.

Di luar jangkaan wakil rakyat berkenaan dan pihak kerajaan, pengumuman tentang pemberian lot tapak rumah itu telah mendorong sebahagian penduduk Kampung Pinggiran (setingan

dan bukan setinggan) menjemput saudara mara mereka supaya mendirikan rumah setinggan dengan serta merta di kawasan tanah kerajaan di kampung itu. Kebanyakan saudara mara mereka yang dapat mereka hubungi dengan cepat ialah orang-orang yang tinggal di Singapura. Sebagai akibat tindakan mereka, dalam masa kurang daripada satu bulan lebih 100 buah rumah setinggan yang baru telah muncul di Kampung Pinggiran. Kemunculan rumah setinggan yang baru secara mendadak dalam jumlah yang banyak ini menyebabkan pihak yang berkuasa menanggukkan, dan kemudiannya membatalkan terus rancangan memberi lot tapak rumah kepada setinggan di Kampung Pinggiran.

Bagaimanapun, pihak yang berkuasa (khususnya Majlis Perbandaran) tidak mengambil apa-apa tindakan ke atas setinggan di Kampung Pinggiran, termasuk setinggan yang baru. Dengan demikian, rumah setinggan terus bertambah di Kampung Pinggiran. Pada mulanya pembinaan rumah setinggan yang baru terus bertumpu di bahagian selatan Kampung Pinggiran yang kini dikenali sebagai Blok A. Akan tetapi, secara beransur-ansur rumah setinggan yang baru juga muncul di bahagian barat Kampung Pinggiran yang asal (kini dikenali sebagai Blok B) dan di bahagian utara Kampung Pinggiran yang kini dikenali sebagai Blok C.

Pada awal tahun 1970-an sebahagian penduduk Kampung Pinggiran (setinggan dan bukan setinggan) turut membina rumah setinggan untuk disewakan. Tindakan mereka ini mempercepatkan lagi perkembangan setinggan di kampung itu, khususnya di Blok A dan Blok C.

Pertumbuhan rumah setinggan yang agak pesat di Kampung Pinggiran dan di beberapa kawasan lain di Johor Baharu pada pertengahan tahun 1970-an telah mendorong salah satu agensi kerajaan, iaitu Pejabat Tanah dan Galian Johor mengambil sikap yang agak keras terhadap setinggan dan ingin menyekat perkembangan setinggan di negeri itu. Oleh itu, pada tahun 1976 agensi kerajaan tersebut telah mengeluarkan notis kepada setinggan baru di Blok C supaya merobohkan rumah masing-masing.

Bagaimanapun, atas rayuan setinggan berkenaan dan campur tangan Ketua Pemuda UMNO negeri Johor merangkap Setiausaha Politik Menteri Besar pada masa itu, notis itu ditarik balik dan rumah setinggan yang terlibat tidak jadi dirobohkan. Pihak yang berkuasa membenarkan setinggan berkenaan terus tinggal di situ, selagi kerajaan belum mempunyai rancangan untuk membangunkan kawasan itu.

Sejak itu hingga pertengahan tahun 1980-an rumah setinggan di Kampung Pinggiran terus bertambah. Pada pertengahan tahun 1980-an kawasan tanah kerajaan di kampung itu boleh dikatakan sudah



sesak dengan rumah setinggan, dan bilangan rumah setinggan sudah melebihi jumlah rumah penduduk asal yang bukan setinggan. Mengikut bancian MPJB, pada tahun 1987 rumah setinggan di kampung itu sudah lebih daripada 600 unit.

Pada hari ini (1990) Kampung Pinggiran pada asasnya masih terbahagi kepada dua kawasan utama: kawasan kampung yang asal dan kawasan setinggan. Kawasan kampung yang asal, yang kini terletak di bahagian tengah kampung itu hampir semuanya merupakan tanah bergeran, dan tinggal beberapa lot sahaja yang masih merupakan "tanah lesen" (di bawah TOL). Kawasan kampung yang asal itu kini hampir dikelilingi oleh kawasan setinggan yang lebih luas dan mengandungi rumah yang lebih banyak.

Sebagai hasil perjuangan UMNO cawangan Kampung Pinggiran, kawasan setinggan di Kampung Pinggiran kini telah mempunyai kemudahan asas yang agak lengkap seperti kawasan kampung yang asal. Jalan batu bertar, air paip dan api elektrik semuanya telah sampai ke kawasan setinggan. Dengan itu, selain daripada perbezaan dari segi pemilikan tanah, perbezaan yang masih ketara antara kawasan kampung asal dengan kawasan setinggan hanyalah dari segi keadaan rumah dan susunan rumah. Di kawasan asal banyak rumah batu dan separuh batu yang umumnya dibina dengan wang pinjaman dari kerajaan, dan letak rumah juga agak teratur. Sebaliknya, di kawasan setinggan, tidak ada rumah batu atau separuh batu: semua rumah, sama ada kecil atau sederhana adalah rumah kayu, dan letaknya juga kurang teratur.

### Latar Belakang Responden

Dalam kajian ini seramai 150 orang ketua keluarga setinggan di Kampung Pinggiran telah dipilih sebagai sampel kajian. Mereka dipilih berasaskan kaedah persampelan bertujuan daripada kira-kira 650 ketua keluarga setinggan di kampung tersebut. Di bawah ini dipaparkan sedikit gambaran tentang diri mereka berasaskan data yang diperoleh dari soal selidik.

Hampir semua responden adalah pendatang dari luar daerah Johor Baharu. Kecuali lima orang responden yang terdiri daripada anak penduduk asal, kira-kira 90 peratus responden yang lain adalah pendatang dari pelbagai daerah di Johor, manakala yang 10 peratus lagi datang dari negeri-negeri lain, termasuk Singapura. Hampir semua responden berasal dari luar bandar. Hanya responden yang berasal dari Singapura sahaja yang tidak berasal dari luar bandar.

Kira-kira 30 peratus responden telah tinggal di Kampung Pinggiran lebih daripada 20 tahun. Mereka ialah orang-orang yang meneroka kawasan setinggan di kampung itu pada akhir tahun 1960-

an. Sebanyak 50 peratus responden telah tinggal di Kampung Pinggiran antara lima hingga 20 tahun, dan hanya kira-kira 20 peratus yang kurang daripada lima tahun.

Secara amnya tujuan utama responden datang ke Johor Baharu adalah untuk mencari pekerjaan kerana mereka rata-ratanya berasal dari keluarga miskin atau sederhana. Namun, tidak semuanya berhasil bekerja makan gaji dengan kerajaan, kerana peluang pekerjaan di sektor itu agak terhad dan mereka pula rata-ratanya berpendidikan sekoleh rendah sahaja.

Oleh yang demikian, ketika kajian ini mula-mula dijalankan, responden boleh dibahagikan kepada tiga golongan utama berasaskan pekerjaan mereka: golongan yang bekerja di sektor awam, golongan yang bekerja di sektor swasta dan golongan yang bekerja sendiri. Antara tiga golongan itu, golongan yang bekerja di sektor swasta yang paling ramai, iaitu hampir 50 peratus. Sebahagian besar daripada mereka yang termasuk dalam golongan ini bekerja sebagai buruh kilang dan buruh binaan. Golongan yang bekerja di sektor awam atau makan gaji dengan kerajaan kira-kira 28 peratus, dan kebanyakannya bekerja sebagai buruh MPJB, drebar dan atendan hospital. Golongan yang terakhir, iaitu yang bekerja sendiri, kira-kira 22 peratus dan kebanyakannya menjalankan kegiatan ekonomi sebagai peniaga kecil.

Oleh kerana kebanyakan setinggan hanya berkelulusan sekolah rendah dan bekerja sebagai buruh atau pekerjaan lain yang setaraf dengannya, maka pendapatan mereka secara amnya tidaklah begitu tinggi. Tinjauan yang dijalankan pada tahun 1989 menunjukkan bahawa pada masa itu kira-kira 60 peratus responden mempunyai pendapatan RM 500 ke bawah sebulan dan hanya 40 peratus yang mempunyai pendapatan bulanan lebih daripada RM 500. Jika dilihat pendapatan keluarga pula (khususnya gabungan pendapatan suami dan isteri yang bekerja), kira-kira 35 keluarga masih mempunyai pendapatan kurang daripada RM 500 sebulan.

Bagaimanapun, secara amnya responden mempunyai semangat yang tinggi untuk meneruskan kehidupan mereka di Kampung Pinggiran, walaupun mereka terpaksa hidup dengan pendapatan yang rendah. Hampir tidak ada yang ingin meninggalkan bandar Johor Baharu, apatah lagi untuk pulang ke kampung asal mereka. Bagi responden yang kehidupan mereka sangat terdesak, mereka biasanya berusaha membuat berbagai-bagai pekerjaan sambilan untuk menambahkan pendapatan. Untuk mengatasi masalah yang berkaitan dengan kekurangan kemudahan asas di tempat tinggal mereka pula, kebanyakan daripada mereka melibatkan diri dengan politik kepartian dan bergantung pada parti politik sebagaimana yang akan dihuraikan di bawah ini.

## Penglibatan Dalam UMNO

Penglibatan setinggian di Kampung Pinggiran dalam UMNO boleh dibahagikan kepada beberapa tahap masa seperti berikut:

- i) Sebelum tahun 1968
- ii) Antara tahun 1968 hingga pertengahan tahun 1970-an
- iii) Tahun 1976 dan selepasnya

Dalam setiap tahap masa itu didapati ada faktor-faktor tertentu yang mendorong setinggian di kampung itu melibatkan diri dalam UMNO dan malah bergantung pada UMNO.

### a) Sebelum Tahun 1968

Tahun 1968 merupakan garis pemisah yang penting dalam sejarah politik Kampung Pinggiran, kerana pada tahun itulah cawangan UMNO ditubuhkan di kampung itu. Dengan penubuhan UMNO cawangan Kampung Pinggiran pada tahun itu maka UMNO-lah parti politik yang mula-mula muncul dan bertapak di kampung itu.

Bagaimanapun, penduduk asal Kampung Pinggiran telah melibatkan diri dalam UMNO sebelum cawangan UMNO tertubuh di kampung itu. Pada akhir tahun 1940-an dan awal tahun 1950-an mereka menjadi ahli UMNO cawangan Tampoi, iaitu satu-satunya cawangan UMNO yang terdapat dalam Mukim Tampoi, tempat terletakinya Kampung Pinggiran, pada masa itu. Antara tahun 1955 hingga tahun 1968 mereka menjadi ahli UMNO cawangan Kampung Pasir, iaitu cawangan UMNO yang paling hampir dengan kampung mereka, apabila cawangan UMNO tertubuh di kampung itu.

Sebagai golongan bukan setinggian dan penduduk asal kampung itu, kedudukan mereka sudah terjamin, dan mereka tidak memerlukan pertolongan UMNO untuk membela atau memperjuangkan kepentingan mereka secara khusus. Oleh itu, kemasukan mereka ke dalam UMNO yang bermula pada akhir tahun 1940-an itu terutamanya dipengaruhi oleh suasana perjuangan kemerdekaan, kempen pilihan raya dan seruan pemimpin-pemimpin atasan UMNO supaya mereka bersatu padu menyokong UMNO, kerana dikatakan UMNO-lah satu-satunya parti politik yang membela nasib dan kepentingan bangsa Melayu.

Golongan setinggian yang awal, yang merupakan peneroka kawasan setinggian di Kampung Pinggiran pada umumnya juga turut menjadi ahli UMNO. Berbeza dengan golongan bukan setinggian atau penduduk asal, mereka adalah golongan pendatang yang menduduki

tanah kerajaan tanpa kebenaran. Mereka tidak menjangka pihak yang berkuasa, khususnya Majlis Perbandaran Johor Baharu atau Pejabat Tanah Johor Baharu akan bertindak kejam dengan menghalau mereka dari tempat itu dengan serta merta. Akan tetapi, mereka juga tidak pasti sama ada mereka dibenarkan terus tinggal di tempat itu selamalamanya ataupun disuruh meninggalkan tempat itu pada masa hadapan. Oleh itu, mereka menyekutukan diri dengan UMNO terutamanya untuk menjadikan UMNO sebagai penaung atau pelindung yang boleh menolong mereka menghadapi sesuatu tindakan yang mungkin merugikan atau menjejaskan kepentingan mereka. Di samping itu, mereka umumnya adalah anak ahli dan penyokong UMNO dan sebahagiannya pernah menjadi ahli UMNO semasa tinggal di kampung masing-masing. Dengan itu, mereka berasa berkewajipan meneruskan sokongan dan kesetiaan mereka kepada UMNO setelah berpindah ke bandar. Sebagaimana penduduk asal Kampung Pinggiran, mereka juga pada masa itu menjadi ahli UMNO cawangan Kampung Pasir.

**b) Antara Tahun 1968 Hingga Pertengahan 1970-an**

Setelah cawangan UMNO ditubuhkan di Kampung Pinggiran pada pertengahan tahun 1968, golongan setinggan ini berpindah dari UMNO cawangan Kampung Pasir kepada UMNO cawangan Kampung Pinggiran. Dalam parti itu mereka menjadi ahli biasa sahaja, kerana semua jawatan penting seperti ketua, naib ketua, setiausaha dan bendahari dipegang oleh penduduk asal. Namun, mereka berpuas hati dengan status sebagai ahli biasa, kerana tujuan mereka memasuki parti itu bukanlah untuk mengejar pangkat atau jawatan.

Menjelang mesyuarat agung UMNO cawangan Kampung Pinggiran pada akhir tahun 1968, golongan setinggan tersebut telah meminta ketua cawangan mengemukakan permohonan mereka kepada kerajaan supaya mereka diberi lot tapak rumah. Permohonan mereka itu telah dikemukakan oleh ketua cawangan kepada wakil rakyat dalam ucapannya di awal mesyuarat itu, dan pada dasarnya telah disetujui oleh wakil rakyat tersebut.

Persetujuan wakil rakyat supaya kerajaan memberi lot tapak rumah kepada golongan setinggan itu telah menyebabkan rumah setinggan di Kampung Pinggiran bertambah secara mendadak, sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini.

Setinggan yang datang beramai-ramai ke Kampung Pinggiran pada akhir tahun 1968 ini pada umumnya telah menjadi ahli UMNO sebaik sahaja mereka menetap di kampung itu. Tindakan mereka ini terutamanya didorong oleh hasrat untuk mendapatkan lot tapak

rumah tersebut. Mereka berharap sebagai ahli UMNO mereka tidak akan tercicir dari mendapat lot tapak rumah itu, kalau pun tidak mendapat keistimewaan. Di samping itu, sama seperti setinggan awal atau setinggan peneroka, mereka juga umumnya adalah anak ahli dan penyokong UMNO, dan sebahagiannya pernah menjadi ahli UMNO ketika tinggal di tempat asal mereka. Dengan itu, mereka memasuki UMNO semula untuk menunjukkan sokongan dan kesetiaan yang berterusan kepada parti itu.

Sungguhpun pemberian lot tapak rumah itu tidak jadi dilaksanakan, sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini, tetapi mereka umumnya tidak pula menarik diri daripada UMNO. Walaupun ada yang merasa hampa kerana tidak mendapat lot tapak rumah secara sah, tetapi mereka sedar bahawa mereka menduduki tanah kerajaan secara haram, dan kerajaan berkuasa mengambil sebarang tindakan ke atas mereka. Oleh itu, untuk mengelakkan apa-apa tindakan yang mungkin dikenakan ke atas mereka, mereka perlu menyokong UMNO yang merupakan parti pemerintah, dan bukan menjauhkan diri daripada parti itu.

Sehingga kira-kira pertengahan tahun 1970-an tidak ada apa-apa tindakan yang diambil oleh kerajaan ke atas setinggan di Kampung Pinggiran, sungguhpun bilangan setinggan di kampung itu terus meningkat. Mereka tidak diberi lot tapak rumah secara sah, tetapi, tidak juga dihalau dari tempat itu. Sebab kerajaan, khasnya agensi-agensinya, seperti MPJB dan Pejabat Tanah, bersikap demikian tidak dapat dipastikan. Akan tetapi, migrasi penduduk luar bandar ke bandar Johor Baharu pada masa itu berlaku pada peringkat awal pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan antara dasar kerajaan yang berkaitan dengan DEB ialah dasar "membandarkan orang-orang Melayu". Oleh itu, sikap membiarkan pertumbuhan kawasan setinggan itu ada kemungkinan dipengaruhi oleh dasar tersebut. Apatah lagi, kemudahan-kemudahan perumahan yang terdapat di bandar Johor Baharu ketika itu memang tidak dapat menampung keperluan penghijrah dari luar bandar yang datang dalam jumlah yang besar.

Sikap kerajaan membiarkan pertumbuhan kawasan setinggan itu telah mendorong sekurang-kurangnya sebahagian setinggan di Kampung Pinggiran menganggap bahawa kerajaan bersikap demikian kerana mereka adalah ahli dan penyokong UMNO. Dengan itu, mereka umumnya terus menjadi ahli dan penyokong UMNO, dan terus yakin bahawa cara yang terbaik untuk mengelakkan tindakan kerajaan yang mungkin merugikan mereka ialah dengan menyokong UMNO yang merupakan parti pemerintah.

### c) Tahun 1976 dan Selepasnya

Pada tahun 1976, Pejabat Tanah dan Galian Johor telah mengeluarkan notis supaya setingan baru di Blok C Kampung Pinggiran merobohkan rumah mereka, sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini. Tindakan Pejabat Tanah dan Galian ini telah mendorong hubungan setingan di kampung itu dengan UMNO memasuki babak yang baru.

Jika sebelum ini, setingan di Kampung Pinggiran menganggap tindakan kerajaan ke atas mereka adalah satu kemungkinan, maka sekarang kemungkinan itu telah menjadi kenyataan. Dengan itu, sampailah masanya mereka meminta pertolongan dan bantuan UMNO (dalam hal ini pemimpin UMNO tempatan dan Johor) untuk menghadapi tindakan salah satu agensi kerajaan tersebut.

Setelah menerima surat notis dari Pejabat Tanah dan Galian itu, dua orang setingan di Blok C yang kebetulan menjadi ahli jawatan kuasa UMNO cawangan Kampung Pinggiran dan beberapa orang ahli UMNO dari kawasan itu telah menemui ketua UMNO cawangan itu untuk membincangkan cara-cara mengatasi masalah yang mereka hadapi. Sebagai ketua yang bertanggung jawab, ketua UMNO cawangan Kampung Pinggiran kemudian membawa mereka berjumpa dengan wakil rakyat (ADUN) kawasan mereka.

Bagaimanapun wakil rakyat berkenaan yang juga seorang ahli Majlis Kerja Negeri (Exco) tidak mahu membantu, malah bersikap "lepas tangan". Sebabnya ialah, tindakan kerajaan untuk merobohkan rumah setingan di daerah Johor Baharu (termasuk di Kampung Pinggiran) dikatakan diputuskan oleh Exco. Oleh itu, sebagai seorang Exco beliau menyatakan adalah tidak wajar beliau menghalang Pejabat Tanah dan Galian menjalankan tugas sebagaimana yang diputuskan oleh mesyuarat Exco.

Setelah gagal mendapatkan pertolongan wakil rakyat, ketua UMNO Cawangan Kampung Pinggiran membawa mereka menemui Ketua Pemuda UMNO Johor yang ketika itu memegang jawatan Setiausaha Politik Menteri Besar (MB). Mereka meminta pertolongan tokoh politik tersebut dengan mengemukakan alasan utama bahawa yang terlibat adalah "orang kita" (maksudnya ahli dan penyokong UMNO). Dalam hal ini, mereka bernasib baik, kerana sebagai tokoh politik muda yang sedang meningkat, ketua pemuda tersebut bersedia menolong mereka, malah sanggup mencampuri urusan pihak pentadbiran. Dengan demikian, atas campur tangan beliau, arahan merobohkan rumah setingan itu telah ditarik balik dan mereka dibenarkan terus tinggal di tempat itu selagi pihak kerajaan belum mempunyai rancangan untuk membangunkan kawasan itu.

Kejayaan mereka mempertahankan tempat tinggal mereka dengan pertolongan tokoh politik dari parti kerajaan itu merupakan pengalaman penting kepada setinggan yang terlibat khususnya dari setinggan di Kampung Pinggiran umumnya. Dari pengalaman itu mereka tahu bahawa tokoh politik dari parti pemerintah adalah berkuasa dan boleh menolong mereka kalau ia mahu, dan mereka pula boleh mencapai matlamat mereka kalau bernaung pada tokoh politik tersebut.

Sejak itu hingga sekarang bermulalah pergantungan setinggan di Kampung Pinggiran terhadap UMNO, bukan sahaja untuk mengelakkan pengusiran, tetapi juga untuk mendapatkan kemudahan asas dan lot tapak rumah secara sah, sebagaimana yang diuraikan di bawah ini:

#### i) Mengelakkan Pengusiran

Pada akhir tahun 1982 kerajaan telah membina sebatang jalan di bahagian tengah Blok B dan C atas permintaan UMNO cawangan Kampung Pinggiran. Pembinaan jalan ini memerlukan pemindahan kira-kira 10 buah rumah setinggan di kedua-dua blok itu. Bagaimanapun, ketua UMNO cawangan Kampung Pinggiran telah berusaha sedaya upaya menolong setinggan yang terlibat dengan pemindahan ini. Dengan itu, setinggan yang berkemampuan ditawarkan membeli atau menyewa rumah murah kerajaan di sekitar Johor Baharu, sementara yang tidak berkemampuan dibenarkan membina rumah di tanah kerajaan yang masih kosong di Kampung Pinggiran.

Pada tahun 1985 pula kerajaan membina jalan yang lebih panjang di bahagian dalam Blok A, Blok B dan Blok C. Pembinaan jalan ini juga memerlukan pemindahan atau pengangkutan lebih 50 buah rumah, khususnya di Blok C. Pada mulanya pihak kerajaan mengarahkan setinggan yang terlibat merobohkan rumah mereka dan meninggalkan Kampung Pinggiran. Namun, atas rayuan ketua UMNO cawangan Kampung Pinggiran, mereka dibenarkan mengganjak atau mengalih rumah mereka ke kawasan berhampiran yang masih kosong, dan mereka tidak perlu berpindah dari kampung tersebut.

Dengan demikian, setinggan yang terlibat pada umumnya merasa terhutang budi terhadap UMNO Kampung Pinggiran dan pemimpinnya, dan terus memberikan sokongan dan kesetiaan kepada parti itu.

Selepas pembinaan jalan pada tahun 1985 penduduk Kampung Pinggiran boleh dikatakan tidak lagi diganggu oleh agensi kerajaan yang mahu merobohkan rumah mereka atau menghendaki mereka

meninggalkan tempat itu. Dari masa ke masa mereka mendengar ura-ura kerajaan untuk menjadikan kampung itu sebagai kawasan rekreasi atau kawasan perumahan yang akan dibangunkan oleh UDA. Akan tetapi, sehingga sekarang belum ada apa-apa tindakan oleh kerajaan untuk melaksanakan projek tersebut.

Oleh yang demikian, setinggian di Kampung Pinggiran secara amnya sudah boleh berharap untuk tinggal lebih lama di kampung itu. Dalam keadaan demikian, masalah mereka bukan lagi untuk mengelakkan pengusiran, tetapi untuk mendapatkan kemudahan asas yang masih belum mencukupi di kampung itu.

## ii) Mendapatkan Kemudahan Asas

### *Air Paip*

Perjuangan setinggian di Kampung Pinggiran untuk mendapatkan bekalan air paip bolehlah dikatakan bermula pada akhir tahun 1970-an, iaitu setelah ketua UMNO yang ada sekarang mengambil alih jawatan itu daripada ketua yang terdahulu. Pada masa itu paip awam (stand pipe) di Kampung Pinggiran ada tiga sahaja, walaupun setinggian di kampung itu telah melebihi 300 keluarga.

Sebagai mewakili setinggian di Kampung Pinggiran, ketua UMNO cawangan kampung itu telah mengemukakan rayuan dalam mesyuarat agung cawangan, menulis surat kepada wakil rakyat dan juga berjumpa dengan wakil rakyat. Akan tetapi, usaha ketua UMNO cawangan Kampung Pinggiran itu tidaklah segera membuahkan hasil.

Sehingga pertengahan tahun 1980-an pihak kerajaan tidak melayan permohonan setinggian di Kampung Pinggiran untuk mendapat kemudahan itu, kerana pihak kerajaan nampaknya memang tidak mempunyai dasar dan rancangan yang jelas terhadap kawasan setinggian. Oleh itu, mereka terpaksa bergantung kepada paip awam yang sedia ada, ataupun mendapatkan bekalan air paip daripada penduduk bukan setinggian dengan membayar sekurang-kurangnya RM 20.00 sebulan.

Atas desakan pemimpin UMNO tempatan, khasnya ketua UMNO cawangan Kampung Pinggiran yang mempunyai hubungan baik dengan wakil rakyat, pada tahun 1987 baharulah tokoh politik berkenaan bersetuju meluluskan pemasangan lima paip awam bernilai RM 10,000 di kawasan setinggian Kampung Pinggiran dari "peruntukan wakil rakyat". Lima paip awam ini dianggarkan dapat memenuhi keperluan kira-kira 200 keluarga sahaja.



Oleh kerana lima paip awam itu masih belum dapat memenuhi keperluan semua setinggan di Kampung Pinggiran, maka pemasangan paip awam ditambah lagi pada tahun-tahun yang berikutnya, iaitu tiga pada tahun 1988, empat pada tahun 1989 dan enam pada tahun 1990. Dengan itu, antara tahun 1987 hingga 1990, 18 paip awam untuk kegunaan kira-kira 720 keluarga telah dipasang di kampung tersebut.

Pemasangan paip awam yang agak banyak ini secara amnya telah dapat mengurangkan kesulitan yang dihadapi oleh setinggan di Kampung Pinggiran untuk mendapatkan air. Oleh itu, sebilangan yang agak besar daripada mereka, khususnya ahli dan penyokong UMNO, memang merasa berterima kasih kepada kerajaan yang memberi mereka kemudahan itu dan kepada pemimpin UMNO yang menolong mereka mendapatkannya. Bahkan ada responden yang menganggap bahawa mereka mendapat kemudahan itu kerana jasa UMNO. Dengan demikian, boleh diduga bahawa pemasangan paip awam ini sedikit sebanyak telah mendorong mereka terus menyokong UMNO.

#### *Api elektrik*

Perjuangan setinggan di Kampung Pinggiran untuk mendapatkan api elektrik bermula pada akhir tahun 1970-an, iaitu serentak dengan perjuangan untuk mendapatkan air paip. Dalam hal ini, ketua UMNO cawangan Kampung Pinggiran adalah orang yang memainkan peranan penting menolong mendapatkannya.

Namun, seperti perjuangan untuk mendapatkan air paip, perjuangan mereka untuk mendapatkan api elektrik ini juga tidak segera membuahkan hasil. Sehingga pertengahan tahun 1980-an kerajaan belum lagi membekalkan api elektrik kepada kawasan setinggan di Kampung Pinggiran. Dengan itu, mereka terpaksa mengatasi masalah mendapatkan api itu dengan empat cara: mendapatkan bekalan elektrik dengan cara membuat sambungan dari rumah bukan setinggan di Blok B; membeli generator sendiri, sama ada secara bersendirian atau berkongsi; mendapatkan bekalan elektrik secara haram daripada pihak swasta; dan menggunakan lampu gasoline atau lampu minyak tanah.

Menjelang pilihan raya umum 1986, atas desakan UMNO cawangan Kampung Pinggiran, khususnya ketua UMNO cawangan itu, wakil rakyat kawasan itu telah meluluskan peruntukan sebanyak RM 30,000 untuk memasang tiang dan wayar elektrik ke Kampung Pinggiran dari "peruntukan wakil rakyat", dan pemasangannya dilakukan secara tergesa-gesa menjelang pilihan raya tersebut.

Pemasangan tiang dan wayar elektrik menjelang pilihan raya 1986 itu lebih merupakan taktik untuk memancing undi, kerana bekalan api ke kawasan setinggian yang berkenaan hanya disampaikan kira-kira empat tahun kemudian, iaitu menjelang pilihan raya 1990. Namun, kebanyakan setinggian di kampung itu, khasnya ahli dan penyokong UMNO, menganggap hal itu sebagai perkara yang sewajarnya sahaja. Tambahan pula antara tujuan mereka menyokong UMNO adalah kerana ingin mendapat kemudahan asas yang mereka perlukan. Oleh itu, selagi kerajaan yang didokong oleh UMNO mampu memberi kemudahan itu, maka tidak ada alasan mengapa mereka tidak terus menyokong parti tersebut.

### *Jalan dan Benteng*

Selain daripada air dan api, jalan adalah kemudahan asas yang telah dimohon oleh setinggian di Kampung Pinggiran pada akhir tahun 1970-an. Bagaimanapun, sama seperti permohonan mereka untuk mendapatkan api dan air, permohonan untuk mendapatkan jalan ini tidaklah segera diluluskan. Sebagaimana yang dinyatakan di atas, mereka mendapat jalan yang tidak begitu panjang pada tahun 1982 dan jalan yang lebih panjang pada tahun 1985. Jalan yang pendek itu jalan batu bertar, sementara jalan yang lebih panjang jalan tanah merah sahaja.

Pembinaan jalan itu memberi kemudahan kepada setinggian di Kampung Pinggiran untuk berulang alik ke tempat kerja dan ke tempat-tempat lain. Dengan itu, mereka menganggap UMNO telah berjasa kepada mereka, kerana menolong mendapatkan jalan itu.

Menjelang pilihan raya tahun 1990 jalan tanah merah yang dibina pada tahun 1985 itu telah dibubuh batu dan ditar. Tindakan membubuh batu dan mengetar jalan tanah merah itu boleh dianggap sebagai sebahagian daripada taktik parti kerajaan untuk memancing undi. Namun, kebanyakan setinggian di Kampung Pinggiran boleh menerimanya sebagai hal yang wajar, dan sebagai bukti bahawa kerajaan tidak mengabaikan masalah mereka. Dari itu, kewajipan mereka pulalah memberi sokongan yang berterusan kepada UMNO.

Oleh kerana Kampung Pinggiran terletak di tepi Sungai Sekudai dan sering dilanda banjir yang berasal dari sungai itu, maka penduduknya pernah memohon kepada kerajaan supaya membenteng sungai tersebut. Namun, kerana menyedari pembinaan benteng itu memerlukan perbelanjaan yang besar dan mereka tidak yakin pihak yang berkuasa akan menunaikan permohonan mereka, mereka jarang mengulangi permohonan itu.

Bagaimanapun, pada 5 Ogos 1990 (kira-kira dua bulan sebelum pilihan raya ke sembilan pada bulan Oktober 1990), MB Johor telah

melawat Kampung Pinggiran dan mengumumkan bahawa kerajaan negeri bersetuju meluluskan peruntukan sebanyak RM 2 juta untuk membina benteng tersebut, yang dianggarkan menelan perbelanjaan RM 4 juta. Untuk menambah kekurangan sebanyak RM 2 juta itu ahli Parlimen kawasan itu, yang juga seorang menteri kerajaan pusat akan diminta mendapatkan peruntukan dari kerajaan pusat.

Pengumuman MB itu menggembirakan setinggan di Kampung Pinggiran, walaupun ada di antara mereka yang tidak begitu yakin projek itu akan betul-betul dilaksanakan, kerana mungkin merupakan "janji pilihan raya" sahaja. Dengan itu, mereka terus menunjukkan sokongan kepada UMNO dengan cara menyokong calon BN dalam pilihan raya 1990.

Bagaimanapun, pembinaan benteng itu masih belum dilaksanakan sehingga sekarang. Alasan pihak yang berkuasa ialah kos pembinaannya terlalu besar (sekarang dikatakan lebih RM 10 juta), dan pembinaan benteng itu dianggap tidaklah begitu perlu dan mendesak. Alasan pihak yang berkuasa ini nampaknya diterima oleh kebanyakan setinggan di Kampung Pinggiran. Oleh itu, kegagalan pihak yang berkuasa menunaikan "janji pilihan raya" itu tidaklah menjejaskan sokongan mereka kepada UMNO/BN sebagaimana yang ditunjukkan oleh keputusan pilihan raya 1995, yang memberi kemenangan besar kepada BN.

#### *Mendapatkan Lot Tapak Rumah Secara Sah*

Selepas pihak yang berkuasa membatalkan rancangan untuk memberi lot tapak rumah secara sah pada tahun 1968, setinggan di Kampung Pinggiran boleh dikatakan tidak pernah berusaha bersungguh-sungguh untuk mendapatkannya, termasuk melalui saluran politik. Pada pertengahan tahun 1980-an ketua UMNO cawangan Kampung Pinggiran pernah menolong setinggan di kampung itu mengemukakan permohonan untuk mendapatkan lot tapak rumah secara sah. Akan tetapi, permohonan itu tergantung begitu sahaja - tidak ditolak, tetapi tidak juga diluluskan. Dengan itu, selama beberapa tahun usaha mendapatkan lot tapak rumah itu tidak diutamakan, sama ada oleh ketua UMNO cawangan Kampung Pinggiran atau oleh setinggan di kampung itu.

Bagaimanapun, ketika MB Johor melawat Kampung Pinggiran pada 5 Ogos 1990 beliau juga mengumumkan bahawa kerajaan bercadang untuk "menyusun semula" kawasan itu dan memberi lot tapak rumah kepada setinggan di kampung itu. Dengan penyusunan semula itu, kawasan tersebut akan "diracik" menjadi lot-lot yang mempunyai keluasan 60 kaki X 80 kaki dan setiap orang setinggan akan diberi lot tapak rumah seluas 60 kaki X 80 kaki sahaja.

Pengumuman MB mengenai penyusunan semula kawasan setinggan dan pemberian lot tapak rumah itu sebenarnya merupakan taktik untuk memancing undi sahaja, dan sebahagian setinggan di Kampung Pinggiran memang tidak begitu yakin cadangan untuk memberi lot tapak rumah itu akan betul-betul dilaksanakan. Namun, sebagai orang-orang yang telah lama menyokong UMNO dan bergantung pada UMNO, mereka umumnya bersikap pragmatis. Mereka menganggap tindakan ahli politik menabur janji untuk memancing undi adalah suatu perkara biasa. Sebaliknya, mereka telah mendapat pelbagai kemudahan kerana pertolongan UMNO dan masih menganggap UMNO sahaja parti politik yang berupaya membela dan memperjuangkan kepentingan mereka. Oleh itu, pilihan yang terbaik bagi mereka tidak lain daripada terus menyokong UMNO.

Setelah pilihan raya tahun 1990 berlalu, cadangan untuk "menyusun semula" kawasan setinggan di Kampung Pinggiran itu bukan sahaja tidak jadi dilaksanakan, malah mereka diberitahu kawasan setinggan itu akan diserahkan kepada UDA untuk dimajukan sebagai taman perumahan. Bagaimanapun, pihak kerajaan negeri berjanji setinggan yang terlibat akan diberi pampasan dan akan diberi keutamaan untuk membeli rumah yang akan dibina oleh UDA.

Dalam hal ini, ketua UMNO cawangan Kampung Pinggiran bersetuju dengan alasan kerajaan negeri, bahawa kawasan itu perlu dibangunkan dan tidak boleh dikekalkan sebagai kawasan setinggan, kerana kedudukannya yang sangat hampir dengan pusat bandar. Setinggan yang terlibat pula tidak mempunyai pilihan selain daripada menerima keputusan kerajaan negeri, kerana ketua UMNO cawangan itu sendiri sudah bersetuju dengan keputusan tersebut.

Bagaimanapun, sehingga pilihan raya 1995 baharu-baharu ini UDA belum lagi membangunkan kawasan setinggan di Kampung Pinggiran. Oleh itu, setinggan berkenaan terus tinggal di kampung itu, dan kebanyakannya terus menyokong UMNO/BN sebagaimana yang dinyatakan di atas tadi.

### **Penglibatan Dalam PSRM/PRM**

Penglibatan setinggan di Kampung Pinggiran dalam PSRM/PRM boleh dibahagikan kepada dua periode, iaitu sebelum dan selepas tahun 1986. Tahun 1986 dijadikan pemisah antara dua periode itu, kerana pada tahun itulah ranting (cawangan) PSRM ditubuhkan di Kampung Pinggiran, dan penubuhan ranting itu mendorong penglibatan yang lebih aktif di kalangan sebilangan kecil setinggan di kampung itu.

a) **Sebelum 1986**

PRM (ketika itu masih bernama PSRM) sudah mempunyai ranting (cawangan) di sekitar bandar Johor Baharu semenjak tahun 1960-an lagi. Akan tetapi, berbeza dengan UMNO yang mempunyai cawangan hampir di setiap kampung, PSRM hanya mempunyai cawangan di kawasan atau kampung tertentu sahaja, dan cawangannya tidak pula begitu banyak. Antara kampung yang PSRM tidak mempunyai cawangan termasuklah Kampung Pinggiran.

Bagaimanapun, pada pertengahan tahun 1970-an selewat-lewatnya, sudah ada beberapa orang setingan dari Kampung Pinggiran yang melibatkan diri dengan aktiviti PSRM. Mereka sering menghadiri majlis ceramah dan aktiviti lain yang dianjurkan oleh PSRM. Setiap kali menjelang pilihan raya umum ada yang mengambil upah menampal poster dan sepanduk dan membuat kerja lain untuk menolong calon parti itu. Oleh itu, mereka sudah dikenali sebagai penyokong atau aktivis PSRM, walaupun kebanyakannya belum mendaftar sebagai ahli secara rasmi.

Kebanyakan setingan yang menyokong PSRM ini pernah menjadi ahli dan penyokong UMNO pada akhir tahun 1960-an dan awal tahun 1970-an. Akan tetapi, mereka telah meninggalkan UMNO kerana sebab-sebab yang tertentu. Antara sebab yang sering dinyatakan oleh mereka ialah mereka tidak puas hati terhadap sikap ketua UMNO cawangan Kampung Pinggiran yang mereka anggap tidak mengambil berat masalah yang dihadapi oleh orang susah seperti mereka, malah tidak memberi layanan jika mereka menemuinya untuk meminta sesuatu pertolongan.

Sebab mereka melibatkan diri dalam PSRM berbagai-bagai. Ada yang terpengaruh oleh fahaman sosialis yang menjadi ideologi PSRM. Ada yang tertarik dengan peribadi ketua PSRM Johor, seorang peguam yang ketika itu sangat komited dengan perjuangan untuk membela setingan dan orang miskin. Di samping itu, ada juga yang menyokong PSRM kerana mengharapkan sedikit upah dari kerja-kerja pilihan raya.

Setelah mereka menjadi penyokong PSRM, menurut keterangan mereka, mereka semakin didiskriminasikan oleh ketua dan pemimpin-pemimpin UMNO cawangan Kampung Pinggiran yang merupakan pemimpin elit di kampung itu. Sebagai buktinya, kemudahan asas seperti air, api dan jalan paling lewat disampaikan ke kawasan mereka. Apabila mereka atau anak mereka menjumpai ketua UMNO cawangan kampung itu untuk meminta sokongannya bagi mendapatkan pinjaman buku teks sekolah, dia tidak mahu menanda tangani borang yang mereka bawa dan menyuruh mereka berjumpa dengan ketua PSRM Johor.

Tindakan ketua UMNO cawangan Kampung Pinggiran mendiskriminasikan penyokong-penyokong PSRM ini tidaklah mengubah pendirian politik mereka. Namun, secara beransur-ansur ada di antara mereka yang tidak lagi menyokong PSRM secara terbuka: mereka dikatakan masih menyokong calon PSRM dalam pilihan raya, tetapi tidak lagi menghadiri perjumpaan dan aktiviti lain yang dianjurkan oleh parti itu. Mereka bersikap demikian kerana tidak mahu dikenakan apa-apa tindakan oleh pihak yang berkuasa.

#### b) Selepas Tahun 1986

Menjelang pilihan raya umum tahun 1986 PSRM Johor telah berusaha menubuhkan cawangan baru di kampung atau kawasan yang belum ada cawangan parti itu. Salah sebuah kampung yang dipilih oleh PSRM sebagai tempat untuk menubuhkan cawangan baru itu tidak lain daripada Kampung Pinggiran.

Kampung Pinggiran dipilih oleh PSRM kerana di kampung itu dan kawasan sekitarnya banyak kawasan setinggan yang dihuni oleh orang-orang Melayu yang berpendapatan rendah. Dengan penubuhan cawangan PSRM di kampung itu, pemimpin PSRM Johor berharap parti itu akan mendapat sokongan yang lebih luas daripada setinggan Melayu di tempat itu.

Pada hari penubuhan cawangan PSRM itu, beberapa orang penyokong PSRM dari Kampung Pinggiran telah hadir, dan salah seorang daripada mereka telah dilantik memegang jawatan setiausaha. Setelah tertubuhnya cawangan PSRM itu, penyokong-penyokong PSRM di Kampung Pinggiran pada umumnya telah menjadi ahli PSRM cawangan tersebut.

Bagaimanapun, perlu ditegaskan di sini bahawa bilangan setinggan di Kampung Pinggiran yang menjadi ahli dan penyokong PSRM sebenarnya terlalu kecil jika dibandingkan dengan setinggan yang menjadi ahli dan penyokong UMNO. Meskipun data yang tepat tidak dapat diperolehi, tetapi dianggarkan kurang daripada lima peratus.

Di sekitar pilihan raya umum tahun 1986 ahli-ahli PSRM di Kampung Pinggiran pada umumnya tidak menyembunyikan identiti mereka sebagai penyokong PSRM dan sebahagian daripada mereka memang bekerja keras menolong calon parti itu. Beberapa orang daripada mereka telah menolong kerja-kerja menampal poster dan memainkan peranan sebagai "perayu undi", meskipun tidak mendapat upah yang lumayan. Di samping itu, mereka adalah di antara orang-orang yang selalu menghadiri majlis-majlis ceramah anjuran parti itu.

Bagaimanapun, selepas pilihan raya 1986 berakhir dan calon PSRM tidak berjaya dalam pilihan raya itu, PSRM Johor boleh dikatakan tidak menjalankan apa-apa kegiatan. Dengan itu, cawangan PSRM di Kampung Pinggiran juga berkeadaan demikian.

Oleh kerana penyokong PSRM di Kampung Pinggiran merupakan golongan kecil sahaja dan bukan merupakan golongan yang berpengaruh, kewujudan mereka nampaknya tidaklah membimbangkan pemimpin UMNO Johor. Dengan itu tidak ada apa-apa tindakan yang dikenakan ke atas mereka, kecuali sebanyak sedikit diskriminasi yang dilakukan oleh pemimpin UMNO peringkat Kampung Pinggiran sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini.

Menjelang pilihan raya tahun 1990, PSRM Johor menjalankan beberapa kegiatan khususnya mengadakan mesyuarat dan beberapa majlis ceramah, kerana ketuanya akan bertanding dalam pilihan raya itu. Dengan adanya kegiatan yang dianjurkan oleh PSRM peringkat negeri itu, maka ahli-ahli PSRM di Kampung Pinggiran juga berpeluang melibatkan diri dengan kegiatan parti itu. Pada masa itulah juga sebahagian daripada mereka mendapat sedikit sebanyak wang kerana membantu kerja-kerja yang berkaitan dengan pilihan raya.

Kegiatan bermusim menjelang pilihan raya ini berulang semula pada tahun 1995. Beberapa orang penyokong lama PRM di Kampung Pinggiran turut melibatkan diri dalam beberapa aktiviti yang berkaitan dengan pilihan raya. Akan tetapi, kegiatan mereka terhenti setelah pilihan raya berakhir dan calon PRM sekali lagi kalah dalam pilihan raya itu.

Setinggalan berkenaan pada umumnya tidak mendapat apa-apa faedah yang konkrit dari penglibatan mereka dalam PRM, kecuali mendapat sedikit sebanyak upah menjelang pilihan raya. Mereka tidak dapat menjadikan PRM sebagai penaung mereka, kerana PRM bukan parti kerajaan yang berkuasa, malah pemimpin PRM tidak ada yang menjadi wakil rakyat.

Namun, sebagai penyokong lama PRM dan sebagai orang-orang yang "tidak sebulu" dengan pemimpin UMNO cawangan Kampung Pinggiran, mereka memang tidak mudah untuk meninggalkan PRM dan berbalik semula ke pangkuan UMNO. Apa yang lebih mungkin mereka lakukan, jika mereka kecewa dengan penglibatan mereka dalam PRM ialah menarik diri dari parti itu dan "bersara" dari kegiatan politik.

Buat masa ini mereka masih dikenali sebagai penyokong PRM, tetapi hampir tidak ada kegiatan politik yang mereka lakukan. Pada masa yang sama boleh dikatakan tidak ada orang-orang baru dari kalangan setinggalan di Kampung Pinggiran yang menjadi ahli parti itu. Dengan itu tinggallah sebahagian kecil setinggalan itu sahaja yang terus menjadi ahli dan penyokong PRM di Kampung Pinggiran.

## Perbincangan dan Kesimpulan

Dari huraian di atas, kita dapat melihat bahawa setinggan yang dikaji melibatkan diri dalam politik kepartian dan seterusnya bergantung pada parti politik terutamanya kerana mereka memerlukan "penaung" atau "pelindung" yang boleh melindungi mereka dari tindakan pihak yang berkuasa (kerajaan atau agensinya) dan boleh menolong mendapatkan kemudahan asas yang mereka perlukan.

Dalam hal ini sebahagian besar daripada mereka menyokong UMNO secara berterusan, kerana pengalaman mereka menunjukkan bahawa hanya UMNO yang merupakan parti pemerintah yang berupaya memainkan peranan tersebut. UMNO dan pemimpinnya bukan sahaja telah menolong mereka mengelakkan pengusiran, malah telah menolong mendapatkan kemudahan asas yang mereka perlukan. Dalam hubungan ini, Ketua UMNO peringkat cawangan pula telah memainkan peranan sebagai broker<sup>4</sup> yang berkesan antara setinggan dengan pemimpin UMNO (termasuk wakil rakyat) dan agensi-agensi kerajaan. Peranan sebagai penaung dan broker ini jelas tidak dapat dimainkan oleh PRM dan pemimpinnya.

Meskipun pemimpin UMNO yang berkuasa memberi atau menjanjikan sesuatu projek pembangunan itu sebagai pertukaran kepada undi dan sokongan daripada setinggan, namun setinggan juga bersikap pragmatis, dan menganggap tindakan pemimpin-pemimpin UMNO itu sebagai perkara yang sewajarnya.

Dengan adanya sikap bergantung di kalangan setinggan di satu pihak, dan sikap memberi naungan di kalangan pemimpin UMNO, maka antara kedua-dua pihak wujud hubungan patron-klein yang berpanjangan. Dengan itu kebanyakan setinggan akan terus menyokong UMNO, dan menjauhkan diri daripada PRM.

## Nota

<sup>1</sup> Konsep budaya kemiskinan atau subbudaya kemiskinan sebagai alat analisis mula-mula digunakan oleh Lewis, dan didefinisikan sebagai "...suatu adaptasi atau penyesuaian, dan sekaligus juga merupakan reaksi kaum miskin terhadap kedudukan marginal mereka di dalam masyarakat yang sangat berstrata kelas, sangat individualistik, dan berciri kapitalisme." (Lewis, 1965: x/iv).

<sup>2</sup> Konsep marginality biasa digunakan dengan berbagai erti. Bagaimanapun, mengikut Lloyd (1979: 61) ahli sains politik melihat mereka yang tidak terlibat sepenuhnya dalam proses demokrasi moden sebagai margina.



<sup>3</sup> Pendekatan patron-klein telah digunakan secara meluas terutamanya oleh ahli-ahli antropologi dan merujuk kepada hubungan vertikal antara dua pihak yang tidak setara dari segi status sosial, pemilikan sumber ekonomi dan penguasaan sumber birokrasi-politik, dan melibatkan kesalingan dalam pertukaran yang bersifat asymmetrical. Dalam hal ini patron adalah seorang yang mempunyai pengaruh untuk menolong orang lain yang kemudiannya menjadi pengikutnya (klein) dan sebagai balasannya pengikut tadi akan memberikan khidmat pula kepada patron. Konsep patron-klein yang digunakan di sini disesuaikan dari definisi Boissevain (1966) dan Scott (1972).

<sup>4</sup> Broker ialah seseorang yang menghubungkan seorang individu dengan individu lain atau menjadi pengantara di antara kedua-dua pihak tersebut untuk mendapat keuntungan. Pengertian broker ini disesuaikan dari definisi yang dikemukakan oleh Boissevain (1966) dan Mayer (1966).

#### Rujukan

- Azizah Kassim. 1985. "Politics of Accommodation: A Case Study of Malay Squatters in Kuala Lumpur". Thesis Ph. D University of London.
- Boissevain, J. 1966. "Patronage in Sicily". *Man*. (N.S) 1: 18-33.
- Lewis, O. 1965. *La Vida: A Puerto Rican Family in the Culture of Poverty*. New York: Randon House.
- Lloyd, P. 1979. *Slums of Hope? Shanty Towns of the Third World*. Manchester: Manchester University Press.
- Mayer, A. C. 1966. "The Significance of Quasi-Groups in the Study of Complex Societies". Dalam M. Banton (ed.). *The Social Anthropology of Complex Societies*. London: Tavistock publications.
- Scott, J.C. 1972. "Patron-Client Politics and Political Change in South-east Asia". *American Political Science Review*. 66(1): 91-113.

# WANITA UMNO DAN PILIHANRAYA 1995: SATU TINJAUAN

---

**Mahfudzah Mustafa**

Jabatan Sains Politik, UKM

## **Pengenalan**

Penyertaan kaum wanita dalam bidang politik seringkali dijadikan sebagai salah satu ukuran kepada pembangunan mereka di dalam sesebuah negara dan masyarakatnya. Semenjak pengenalan pendidikan formal British pada tahun 1930an, perubahan telah banyak berlaku terhadap status dan peranan tradisional wanita. Jika dahulu wanita hanya menceburkan diri di dalam bidang ekonomi, kini telah ramai wanita yang menceburkan diri dan memainkan peranan di dalam bidang luar daripada bidang tradisional wanita (public domain). Antara ukuran yang digunakan untuk melihat perubahan ini termasuklah pertumbuhan pertumbuhan- pertumbuhan sukarela wanita dan penyertaan mereka di dalam perkhidmatan awam selain daripada penglibatan mereka dalam bidang ekonomi. Di dalam bidang politik, ukuran yang digunakan adalah seperti kaum wanita telah memperolehi hak berpolitik yang sama seperti kaum lelaki seperti hak untuk mengundi, hak untuk menjadi calon dalam pilihanraya pada mana-mana peringkat dan hak untuk menjadi ahli mana-mana parti politik yang telah disahkan oleh kerajaan.

Kertas kerja ini bertujuan untuk memberikan laporan awal tinjauan ke atas calon-calon wanita yang bertanding dalam Pilihanraya umum 1995 yang lalu khususnya daripada Pergerakan Wanita UMNO Malaysia. Ini adalah hasil penelitian satu aspek daripada satu kajian induk secara berkelompok di Jabatan Sains Politik, UKM yang bertajuk "Faktor Gender Dalam Pilihanraya 1995 di Malaysia". Antara faktor-faktor yang dikemukakan dalam kertas kerja ini ialah profil calon wanita dan kesukaran-kesukaran yang mereka hadapi sebagai calon wanita. Tinjauan dibuat melalui rangka rujukan penyertaan politik dan sama ada faktor "gender" memainkan peranan sebagai pengaruh dalam penentuan nasib calon wanita dalam pilihanraya. Data-data diperoleh daripada data terkumpul tentang calon-calon wanita dari kalangan parti-parti politik yang bertanding untuk kerusi-kerusi Parlimen dan Dewan Undangan

Negeri dalam pilihanraya 1995 yang lalu (Sila lihat Lampiran A dan B).

### Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah temubual dan soal-selidik yang telah diprauji bagi memastikan keanjalannya. Kajian dimulakan selepas pengumuman penamaan calon dan tarikh pilihanraya untuk menemui calon-calon wanita di seluruh negara. Oleh kerana kekurangan sumber kewangan dan tenaga beserta kesibukan calon-calon dalam rangka antara pengumuman penamaan calon dan tarikh pilihanraya, temubual dan soal-selidik hanya dikendalikan selepas pilihanraya umum diadakan. Kumpulan penyelidik juga bersetuju untuk menemui semua calon wanita yang bertanding untuk kawasan Parlimen dan semua calon yang menang bertanding bagi Dewan Undangan Negeri sahaja. Oleh itu, jumlah calon yang ditemubual adalah 50 orang, manakala jumlah keseluruhan calon wanita yang bertanding ialah 60 (Lihat Jadual 1).

Jadual 1: Calon-calon Wanita dalam Pilihanraya 1995

	P	Menang	Kalah	DUN	Menang	Kalah	Jumlah calon
BN-UMNO	7	7	-	21	21	-	28
BN-MCA	4	3	1	1	1	-	5
BN-Gerakan	1	-	1	3	3	-	4
BN-MIC	1	1	-	-	-	-	1
BN-SAPP	1	1	-	-	-	-	1
BN-PBB	2	2	-	-	-	-	2
Jumlah	16	14		25	25		41
S46	7	1	6	4	1	3	11
DAP	1	-	1	6	2	4	7
PBS	1	-	1	-			1
Jumlah	9	1		10	3		19
Jumlah Calon	25	15	10	35	28	7	60
Persen	828			866			1294
	5.84			4.04			4.64

Sumber: Diubahsuai daripada Saliha Hj. Hassan 1995.

Kunci: P = Parlimen DUN = Dewan Undangan Negeri

### Partisipasi Politik dan Perspektif Gender

Partisipasi politik boleh didefinisikan secara umum sebagai "aktiviti-aktiviti di dalam mana ahli-ahli sebuah masyarakat mengambil bahagian di dalam pemilihan pemimpin dan secara langsung atau tidak langsung di dalam pembuatan polisi awam" (Lovenduski & Hills, 1981 :3). Partisipasi boleh dibahagikan kepada dua jenis: a) penyertaan dan b) penglibatan. Penyertaan politik merangkumi aktiviti mengundi, kemungkinan pendaftaran sebagai ahli dalam sesuatu parti dan mempunyai pengetahuan asas mengenai politik negara. Penglibatan politik pula meliputi segala aktiviti penyertaan termasuklah memegang jawatan secara perlantikan dan pencalonan (Rashila Ramli, 1995:2). Kertas kerja ini menumpukan perhatian kepada subjek-subjek yang melibatkan diri dalam politik.

Gender seringkali disamaertikan dengan jantina<sup>1</sup> (sex) iaitu lelaki dan perempuan. Namun menurut Beckwith, gender sebenarnya adalah berkaitan dengan identiti dan peranan : konstruksi sosial dan budaya manusia sebagai lelaki dan perempuan yang mengambil jantina biologikal hanya sebagai poin permulaan dan rujukan (Manderson, 1991:50). Dalam lain perkataan, gender merupakan satu prinsip yang mengatur susunan-susunan sosial, tingkahlaku dan juga kesedaran (Hess & Ferre, 1987: 16, Rashila Ramli, 1995:16). Menurut Rubin "salah satu daripada elemen utama dalam sistem gender ialah taboo ke atas kesamaan lelaki dan perempuan...jauh daripada satu ekspresi perbezaan-perbezaan yang asli, identiti gender eksklusif ialah penindasan persamaan-persamaan asli" untuk tujuan sosial dan menggunakan peralatan sosial. Lantas pembahagian tugas oleh jantina dapat difahamkan sebagai hasil taboo yang disebutkan ini dan bukannya oleh perbezaan- perbezaan di antara lelaki dan perempuan (Hess & Ferre, 1987:16).

Kajian mengenai penglibatan wanita sebagai aktor politik telah banyak dilakukan oleh para pengkaji Barat. Antaranya ialah analisis "behavioral" mengenai partisipasi wanita sebagai pemilih (electorate), dalam parti politik dan perjawatan awam. Persoalan yang timbul berkisar di atas perbezaan yang begitu menonjol di antara partisipasi wanita sebagai warganegara dan partisipasi wanita di peringkat kepimpinan. Walaupun terdapat perbezaan yang tidak ketara di antara partisipasi wanita dan lelaki di dalam aktiviti- aktiviti seperti mengundi dan kempen-kempen di peringkat "grass-roots", perbezaan di antara partisipasi wanita dan lelaki di dalam jawatan-jawatan dipilih begitu besar. Apakah sebabnya dan mengapa bagi seorang wanita, partisipasi di dalam aktiviti kerakyatan di peringkat komuniti tidak membawa perjawatan awam (*public office*)?

Penjelasan yang berbeza-beza telah diberikan sebagai jawapan seperti sosialisasi peranan jantina tradisional, kekurangan kelayakan

profesional, sikap prejudis di kalangan pemimpin-pemimpin parti, "hostility" pengundi dan kesukaran-kesukaran dalam mengumpulkan dana-dana kempen. Walaupun tiada model penjelasan yang muncul, kajian menunjukkan cita-cita politik wanita dibentuk oleh kedua-dua pebahagian tenaga kerja domestik dan "*gendered political opportunity structure*" (Ackelsberg & Diamond, 1987: 508). Penyelidikan seterusnya berkaitan dengan proses rekrutmen menunjukkan bahawa parti-parti politik yang didominasi oleh lelaki memberikan masalah kepada calon-calon wanita yang berpotensi (Ackelsberg & Diamond, 1987: 508). Kesesuaian perspektif ini akan dianalisis melalui penelitian terhadap kesukaran-kesukaran yang dihadapi oleh calon-calon wanita di dalam pilihanraya 1995 ini.

### Pergerakan Wanita UMNO Malaysia

Pengenalan pendidikan formal oleh pihak British pada tahun-tahun 1930an telah membawa ramai wanita terutama sekali daripada golongan elit terpelajar, mula memainkan peranan di dalam bidang "*public*" (Jamilah Arifin, 1992:8). Akibatnya terbentuklah beberapa buah persatuan-persatuan sukarela (*voluntary associations*) yang tidak mempunyai sebarang tujuan politik. Objektif pertumbuhan-pertumbuhan ini ialah untuk meningkatkan taraf hidup wanita. Kegiatan-kegiatan yang dijalankan antara lain ialah kelas-kelas agama, memasak dan menjahit yang berkait rapat dengan peranan wanita sebagai isteri dan ibu. Pergerakan Kaum Ibu merupakan salah satu daripada persatuan penting yang ditubuhkan pada waktu tersebut. Ianya ditubuhkan untuk menyokong parti politik yang telah dibentuk oleh kaum lelaki terpelajar sewaktu meningkatnya semangat nasionalisme.

Kehadiran Pergerakan Kaum Ibu di Kongres Melayu Pan-Malayan yang pertama pada tahun 1946 menandakan evolusi Pergerakan Kaum Ibu menjadi satu entiti politik. Di dalam kongres ini juga Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu(UMNO) diketuai oleh Dato Onn Jaafar ditubuhkan. Pada tahun 1949, Pergerakan Kaum Ibu diumumkan secara rasmi sebagai cawangan wanita UMNO membentuk sayap berasingan dan bukan lagi sebagai "*mere appendage of UMNO*" (Jamilah Arifin, 1992: 9). Kegiatan-kegiatannya turut berubah. Pergerakan Kaum Ibu kini terlibat dalam merekrut ahli-ahli baru, melaksanakan projek-projek pengumpulan dana dan membantu di dalam kempen pilihanraya serta bertindak sebagai pengundi. Objektifnya ialah mendirikan sebuah pertubuhan wanita yang kuat lagi berkesan di peringkat negeri dan kebangsaan.

Pada tahun 1963, Majlis Tertinggi UMNO telah meluluskan pertukaran nama Pergerakan Kaum Ibu kepada Pergerakan

Wanita UMNO berlandaskan kepada "nama wanita itu akan menarik semua wanita termasuklah mereka yang sudah menjadi ibu, mereka yang bakal menjadi ibu dan mereka yang belum menjadi ibu" (Manderson, 1981: 149). Sejak peringkat awal penubuhan Pergerakan Wanita UMNO sehingga sekarang, badan ini dipimpin oleh tokoh-tokoh wanita yang menonjolkan trait kepemimpinan dan berkewibawaan seperti Puteh Mariah<sup>2</sup>, Ibu Zain<sup>3</sup>, Khatijah Sidek<sup>4</sup> dan Fatimah Hashim<sup>5</sup>, Tan Sri Hajah Aishah Ghani<sup>6</sup> dan Dato' Seri Rafidah Aziz.<sup>7</sup> Setelah UMNO diharamkan dan tertubuhnya UMNO baru pada 24 April 1987, Pergerakan Wanita UMNO baru pula ditubuhkan pada 21 Mei 1988. Pergerakan ini kekal di bawah pimpinan Dato' Seri Rafidah Aziz yang mendapat mandat kuasa dari Presiden parti, Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pada ketika ini keanggotaan Pergerakan Wanita UMNO merangkumi lebih daripada 50 peratus daripada keahlian UMNO dan merupakan pertubuhan wanita yang terbesar di Malaysia. Biro-biro ditubuhkan di peringkat bahagian, negeri dan juga pusat dan biro-biro inilah yang mengemukakan usul mengikut keperluan dan kehendak semasa. Kini terdapat 16 biro di peringkat pusat. Biro-biro inilah yang menyelidiki dan mengkaji isu-isu yang boleh dijadikan dasar perjuangan dan kepentingan wanita (Sila lihat Lampiran B).

### Wanita UMNO dalam Jawatan Elektoral

Dikatakan partisipasi wanita di peringkat mengundi, bertanding untuk perjawatan awam dan menyertai elit politik merupakan petunjuk kepada kedudukan dan pertaruhan mereka di dalam masyarakat tertentu. Kesanggupan seseorang wanita untuk melibatkan diri secara aktif di dalam politik juga berkaitan dengan status sosial, ekonomi dan sosial beliau (Lovenduski & Hills: 3). Segmen ini meninjau profil calon-calon wanita UMNO yang bertanding di dalam pilihanraya yang lalu.

Di peringkat pusat, tahun 1955 menyaksikan calon wanita pertama UMNO terpilih untuk mewakili Perikatan ke Majlis Perundangan Persekutuan. Sehingga tahun 1987, seramai 23 orang wanita telah terpilih ke Dewan Negara manakala seramai 32 orang berjaya ke Dewan Perwakilan. Pada tahun 1990, seramai 6 orang terpilih ke Dewan Perwakilan dan 1995 seramai 7 orang. Jumlah perwakilan wanita ke Dewan Perwakilan bagi pilihanraya ialah 45 orang. (Sila lihat Jadual 2).

Jadual 2: Wanita UMNO di Peringkat Pusat (1959-1995)

Tahun	Bil.	Menteri	Tim. Menteri	S/usaha Parlimen
1959	2	1	-	-
1964	2	1	-	-
1969	3	1	-	-
1974	5	1	-	-
1977	-	1	-	-
1978	6	1	1	-
1982	7	2	3	-
1986	7	2	3	-
1990	6	2	2	-
1995	7	2	2	1
Jumlah	45	14	11	1

Sumber: Diubahsuai daripada The Sun, 28 May 1995, m/s 41.

Apabila meneliti biodata calon-calon wanita UMNO yang bertanding di peringkat Parlimen, didapati kesemuanya (7 orang) telah berkahwin dan mempunyai anak yang lebih daripada seorang. Mereka menyatakan komitmen domestik yang agak berat sewaktu menjadi calon dan sentiasa mendapat sokongan suami untuk mengatasi permasalahan ini.

Wanita-wanita ini juga berpendidikan tinggi. 3 daripada mereka mempunyai ijazah Sarjana atau lanjutan (Masters), seorang ijazah PhD, manakala yang lain berkelulusan Sarjana Muda. Seorang adalah bekas pensyarah universiti. Terdapat juga seorang calon daripada golongan korporat. Mereka memulakan kerjaya politik daripada peringkat bawah sehingga terpilih ke peringkat tertinggi iaitu sebagai Ketua atau Naib Ketua Wanita UMNO Bahagian dan Ketua Penerangan Wanita UMNO. Ketua Pergerakan Wanita UMNO juga turut dicalonkan ke peringkat Parlimen. Hampir kesemua daripada mereka juga aktif dalam organisasi-organisasi awam dan sosial.

Di peringkat Dewan Undangan Negeri pula, sehingga tahun 1990 seramai 79 orang wanita UMNO telah terpilih untuk menjadi ahlinya. Pada tahun 1995, seramai 21 orang terpilih. (Sila lihat Jadual 3).

**Jadual 3: Wanita UMNO di Peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) - 1959-1995**

Tahun	Bilangan Ahli DUN
1959	5
1964	8
1969	6
1974	11
1978	12
1982	11
1986	13
1990	13
1995	21
Jumlah	100

Bagi peringkat DUN pilihanraya 1995, hampir keseluruhan daripada anggotanya telah berkahwin - dua orang merupakan balu-manakala seorang tidak pernah berkahwin. 20 orang daripadanya mempunyai anak berusia di antara 2 tahun sehingga ke usia dewasa mencecah 30an. Peringkat usia anggota-anggota DUN ini adalah di antara 30an hingga 50an dan seorang berusia dalam 60an. Sebagaimana wanita-wanita UMNO di peringkat Parlimen, anggota-anggota DUN turut mendapat sokongan dan bantuan suami sebagai calon dan dalam mengendalikan rumahtangga. Perkara ini juga berkaitan dengan satu lagi ciri persamaan iaitu tradisi berasal daripada keluarga politik. Sekurang-kurangnya 8 daripada mereka berkongsi ciri ini, manakala yang lain minat menyertai politik samada timbul sendiri atau atas dorongan suami.

Dalam bidang pendidikan yang diterima pula, anggota-anggota DUN wanita ini memiliki sekurang-kurangnya pendidikan formal Tingkatan Lima atau sekolah agama. 5 orang anggotanya memiliki ijazah Sarjana Muda, seorang ijazah lanjutan (Masters), 2 orang lepasan Maktab Perguruan dan seorang pemegang Diploma. Anggota-anggota yang lain, seperti yang telah dinyatakan memiliki kelulusan Tingkatan 5 ataupun lepasan sekolah dan maktab agama.

Bidang pekerjaan mereka pula sebelum terpilih adalah pelbagai. Apa menarik ialah hampir keseluruhan daripada wanita-wanita anggota DUN ini mempunyai latar belakang seorang pendidik iaitu seramai 14 orang. Dua orang pula merupakan bekas Profesor Madya universiti. Latar belakang pekerjaan lain yang dimiliki ialah ahli perniagaan, peguam dan pernah memegang jawatan dalam perkhidmatan awam.



Di dalam Pergerakan Wanita UMNO pula, kebanyakan daripada mereka memegang jawatan tinggi seperti Ketua Wanita Cawangan atau Bahagian, ahli jawatankuasa Biro dan Exco Wanita UMNO. Seorang daripada mereka menjadi Ahli Majlis Tertinggi UMNO. Selain daripada itu, ada di kalangan mereka yang terlibat dengan kerja-kerja amal dan menjadi penyelia KEMAS.

### Kesukaran-kesukaran yang dihadapi

Kalau diteliti daripada Jadual 1 dan 2, terdapat peningkatan dalam bilangan calon-calon wanita dari segi perwakilan mereka di peringkat DUN dan Parlimen. Walau bagaimanapun, ia tidak mewakili kenyataan bahawa lebih 50 peratus daripada pengundi terdiri daripada kaum wanita (Jamilah Ariffin, 1992). Kenapa dan mengapa boleh diteliti daripada kesukaran-kesukaran yang mereka hadapi.

Cabaran-cabaran yang dihadapi boleh dibahagikan kepada lima faktor:

- a) pandangan masyarakat
- b) masa
- c) faktor agama
- d) struktur dan
- e) kekurangan sumber

(Rashila Ramli, 1995: 8).

#### a) *Faktor Pandangan Masyarakat*

Pandangan masyarakat terhadap calon-calon wanita masih lagi disulami oleh pemikiran yang mengatakan wanita lebih sesuai memainkan peranan sebagai "penyokong". Peranan penyokong yang dimaksudkan ialah peranan yang boleh memantapkan peranan yang dimainkan oleh kaum lelaki terutamanya di arena luar (Rashila Ramli, 1995: 10).

Walaupun bagaimanapun, mengikut calon-calon yang telah ditemubual, sudut pandangan masyarakat kini semakin berubah. Perubahan ini berlaku disebabkan oleh pendedahan terhadap kejayaan wanita, peningkatan taraf pelajaran dan kesanggupan untuk memperbaiki kedudukan mereka. Calon-calon wanita mendapati bahawa mereka harus membuktikan kebolehan dan kewibawaan mereka sebagai pemimpin sebelum memperolehi keyakinan daripada masyarakat. Kesukaran ini paling ketara sekali di kalangan calon-calon yang kali pertama bertanding dan masih lagi muda. Seperti

yang diakui oleh salah seorang daripada mereka, "sepatutnya masyarakat harus mengikis tanggapan yang berat sebelah terhadap kemampuan kaum wanita. Mengapa bila wanita naik orang pandang usia tetapi bila lelaki tak ada pula orang nak kata".

#### b) *Faktor Masa*

Penglibatan wanita di dalam politik menuntut mereka untuk pandai membahagikan masa di antara tugas sebagai suri, ibu dan isteri dan tugas sebagai wakil rakyat. Calon-calon wanita "tidak boleh terbawa-bawa dengan tugas-tugas pemimpin hingga mengabaikan anak dan suami" dan ianya sering bermain di dalam pemikiran di kalangan calon-calon yang ditemubual. Seperti yang telah diuraikan oleh Dr. Rashila Ramli di dalam kertas kerja beliau, "ini tidak bermakna wakil rakyat lelaki terlepas daripada cabaran ini, tetapi tahap kesukaran ini adalah lebih besar untuk calon wanita kerana keperluan keluarga pada umumnya terjatuh di atas bahu kaum wanita" (1995: 10).

Aspek ini amat ketara di kalangan calon-calon yang berusia di dalam lingkungan 30an dan 40an. Ini kerana anak-anak mereka masih lagi kecil, berusia awal remaja dan masih di alam persekolahan, iaitu di tahap kritikal yang memerlukan pemerhatian daripada kedua ibubapa. Namun, kebanyakan daripada calon-calon yang telah berkahwin mengatakan mereka mendapat sokongan penuh daripada suami dan anak-anak.

#### c) *Faktor Agama*

Ungkapan "Wanita tidak boleh jadi pemimpin" seringkali kedengaran apabila calon-calon bertanding di kawasan yang turut ditandingi oleh parti pembangkang. Ianya turut kedengaran apabila tiada isu-isu penting atau substansif diperbahaskan. Walaupun ianya berlaku apabila calon wanita bertanding buat kali pertama, ianya tidak dianggap sebagai cabaran yang besar oleh mereka.

#### d) *Faktor Struktur*

Faktor struktur berkaitan dengan peluang wanita untuk pencalonan dalam struktur parti. Walaupun kaum wanita membentuk lebih daripada 50 peratus daripada jumlah keahlian, perwakilannya di tahap-tahap kepimpinan tidaklah setara dengan jumlah keahlian mereka ataupun sumbangan tenaga dan moral mereka. Calon-calon wanita juga turut menghadapi kesukaran dari segi menerima tohmahan dan cacian termasuk ugutan dan "panggilan-panggilan

nakal" apabila pencalonan mereka tidak diterima. Dalam keadaan ini, cabaran paling kuat adalah dari struktur dalaman sehingga dalam beberapa kes telah berhasil mengurangkan jumlah undi majoriti. Sekiranya kes menjadi lebih serius, tentangan dalaman mampu menyebabkan kekalahan calon tersebut.

#### e) *Faktor kekurangan sumber*

Faktor ini meliputi kekurangan wang, sumber manusia semasa berkempen dan pendedahan media. Bagi calon-calon wanita, kesukaran yang paling berat dihadapi ialah sumber-sumber tenaga sewaktu berkempen. Di dalam sesetengah kes, calon-calon wanita itu sendiri harus mengatasi masalah itu sendiri tanpa bantuan ahli-ahli UMNO lelaki. Meskipun demikian, mereka berpendapat faktor ini bukan satu kesukaran yang besar.

#### **Perspektif Teoritis**

Penglibatan wanita di dalam bidang politik mencadangkan keinginan di pihak wanita untuk mempengaruhi pembuatan polisi yang berkaitan dengan kebajikan wanita di samping isu-isu lain yang menyentuh masyarakat yang diwakili. Walau bagaimanapun perwakilan wanita atau kadar penyertaan wanita di tahap-tahap kepimpinan belumlah lagi begitu memuaskan dan tidaklah setara dengan penyertaan mereka di dalam politik kepartian.

Jadual 4 menunjukkan betapa kecilnya bilangan wanita yang dicalon untuk bertanding dalam pilihanraya 1986, 1990 dan 1995. Daripada jadual, didapati nisbah pencalonan kerusi di Dewan Rakyat masih lagi berat kepada pihak lelaki, walaupun terdapat penurunan nisbah di pihak lelaki, iaitu daripada 24 perwakilan lelaki kepada seorang perwakilan wanita pada tahun 1986 dan 11 perwakilan lelaki kepada seorang perwakilan wanita pada tahun 1995. Meskipun begitu kedudukan wanita semakin baik memandangkan bilangan calon wanita yang telah meningkat daripada 7 pada tahun 1986, 14 pada tahun 1990 kepada 25 pada tahun 1995, sedang jumlah calon keseluruhannya telah berkurang dari 456 pada 1986 kepada 428 pada tahun 1995. Ini menunjukkan peningkatan perwakilan yang menggalakkan sedang berlaku bagi pembangunan politik kaum wanita. Bagaimanapun, Parlimen masih lagi dikuasai oleh lelaki (177 daripada 192 ahli) meskipun lebih dari 50 peratus pengundi berdaftar adalah wanita. Mengapa?

Jadual 4: Nisbah Perwakilan Wanita: Lelaki  
(Peringkat Parlimen)

Tahun	Ditawarkan				Terpilih						Nisbah W:L
	Bil. Kerusi	Bil. Calon	L	%	W	%	L	%	W	%	
1986	177	456	449	98.46	7	1.54	170	96.05	7	3.95	1:24
1990	180	398	384	96.48	14	3.52	169	94.44	11	6.10	1:15.36
1995	195	428	403	94.15	25	5.84	177	92.18	15	7.82	1:11.8

Sumber: Suruhanraya Pilihanraya untuk 1986 dan 1990.  
Data hasil kajian untuk 1995.

Kalau diteliti daripada faktor-faktor kesukaran yang dihadapi oleh calon-calon wanita tadi, maka dapatlah dicari jawapannya. Misalnya, sistem "quota" yang menjadi amalan, undi "protes" dan isu Ketua Wanita tidak otomatis menjadi perwakilan ke Perhimpunan Agong UMNO seperti yang digambarkan oleh seorang ADUN "..... bagi kami wanita kadang-kadang betapa susahnyanya nak menempatkan diri di kalangan orang lelaki". Daripadanya, didapati apa yang dinyatakan oleh Ackelsberg dan Diamond (1987) ada kebenarannya, iaitu cita-cita politik wanita dibentuk oleh kedua-dua pembahagian tenaga kerja domestik dan "gendered political opportunity structure" seperti pada faktor-faktor (a) pandangan dan (b) masa. Majoriti daripada wanita di Malaysia, masih lagi dianggap sebagai pembantu dan penyokong atau sayap kepada parti induk. Bagi sesetengah segmen masyarakat pula, mereka berpegang kepada tanggapan "jawatan wakil rakyat itu milik lelaki".

Faktor utama yang sering diberi oleh calon-calon Wanita UMNO ialah struktur dalaman yang berkaitan dengan cara pemimpin-pemimpin politik dipilih dalam parti-parti pemerintah. Kalau diteliti, perjalanan yang dilalui oleh calon-calon wanita adalah lebih kompleks dan lebih kompetitif. Mereka harus sekurang-kurangnya menjadi Ketua Wanita UMNO Bahagian sebelum dilantik menjadi calon. Manakala, untuk menjadi Menteri Kabinet mereka harus memegang jawatan sebagai ketua atau naib ketua Wanita UMNO. Selain daripada itu sebagai ahli-ahli kabinet calon mereka juga seperti lelaki, harus menunjukkan yang mereka mendapat sokongan majoriti ahli-ahli parti dengan mengekalkan kedudukan mereka di dalam Majlis Tertinggi UMNO. Harus diperhatikan juga di sini, adalah menjadi hak Perdana Menteri untuk memilih ahli-ahli kabinet beliau dan untuk jawatan-jawatan lain di kementerian-kementerian.

Namun, pemilihan seringkali dipengaruhi oleh kekuatan yang dimiliki oleh ahli tersebut dalam parti dan juga di dalam konstituensi beliau. (Jamilah Ariffin, 1992: 112).

Di peringkat bawahan pula, iaitu di peringkat cawangan atau bahagian, faktor gender sedikit sebanyak menyulami perjalanan wanita untuk menjadi calon. Sehingga ada yang mengakui menerima "protes" (kebanyakan daripada golongan lelaki) kerana terpilih menjadi calon. Antara alasan-alasan yang digunakan calon wanita/wakil rakyat wanita ini merupakan orang yang mesti mengimamkan sembahyang dan ini salah daripada segi hukum, iaitu "wanita tidak boleh jadi pemimpin".<sup>8</sup> Tetapi mereka tidak menafikan "protes" ini "tengok tempat juga". Kebanyakan daripada mereka juga tidak menyukai amalan sistem "quota" (bukan merupakan amalan perlembagaan) yang digunakan untuk penyertaan atau perwakilan wanita di peringkat-peringkat tertentu dalam proses pembuatan dasar dan dalam hirarki pucuk pimpinan organisasi. Ini adalah berdasarkan sumbangan wanita dan bilangan mereka dalam parti iaitu "hampir 1.2 juta". Bagi mereka yang merasakan ianya wajar diamalkan adalah kerana "wanita secara semulajadinya tidak sesuai dengan amalan Machiavellian dan Hobbesian yang berleluasa dalam alam politik" (Saliha Hj. Hassan, 1995: 10). Mereka juga bersetuju sikap semulajadi wanita sendiri (malu, takut dan sebagainya) terhadap peluang-peluang yang ada dan kurangnya ketokohan dan wanita-wanita yang "boleh ditonjolkan untuk menjadi calon yang berwibawa" turut menyukarkan pertambahan bilangan mereka ke peringkat bahagian dan tertinggi. Oleh itu faktor struktur dalaman bersesuaian atau mempamerkan parti politik yang didominasi oleh lelaki mendatangkan masalah kepada calon-calon wanita yang berpotensi.

Walau bagaimanapun, di peringkat "grassroot" atau di pihak pengundi, faktor gender tidak memainkan peranan atau menjejaskan kedudukan calon-calon wanita UMNO yang bertanding. Mereka berpendapat kemenangan yang mereka perolehi adalah kerana mereka mewakili parti yang telah terbukti khidmat dan jasa baktinya kepada seluruh masyarakat amnya dan kepada masyarakat Melayu khususnya. (Saliha Hj. Hassan, 1995: 28).

Secara keseluruhan, kebanyakan mereka berpendapat penglibatan wanita dalam politik perlu dipertingkatkan dalam semua peringkat baik di peringkat mukim, kampung, daerah, negeri hingga pada peringkat kebangsaan. Pemilihan calon wakil rakyat wanita harus juga diambil kira seperti memilih pegawai-pegawai ataupun kakitangan kerajaan yang lain berdasarkan kepada kemampuan dan kewibawaan tanpa diskriminasi yang selaras dengan prinsip parti.

### Rumusan

Jika ditinjau profil calon-calon wanita UMNO yang bertanding, mereka memiliki latar belakang yang cemerlang sama ada daripada bidang pendidikan ataupun pekerjaan terdahulu. Mereka memiliki sekurang-kurangnya pendidikan formal atau sekolah agama dan merupakan bekas-bekas pendidik. Ada juga di antara mereka mempunyai latar belakang undang-undang, ahli korporat, akauntan peniaga. Hasil kajian juga menunjukkan sebahagian besar daripada calon wanita yang bertanding memegang jawatan penting dalam parti seperti Setiausaha Pergerakan Wanita UMNO Cawangan atau Negeri, Ketua-ketua Wanita Bahagian atau Negeri atau Ketua Penerangan Wanita. Jadi apa yang dapat disimpulkan di sini ialah ini hampir keseluruhan calon-calon wanita ini terdiri daripada golongan intelek dan berkemahiran serta mempunyai ketokohan sebagai wakil rakyat berdasarkan kepada pencapaian mereka yang hampir 100 peratus menang di dalam pilihanraya lalu. (Sila rujuk Lampiran A dan B).

Hasil kajian menunjukkan pada asasnya gender memainkan peranan dalam pilihanraya umum Malaysia. Ini ternyata apabila meneliti kesukaran-kesukaran yang terpaksa dihadapi oleh calon-calon wanita yang telah ditemubual selepas pilihanraya 1995. Faktor yang paling ketara sekali ialah faktor masa, terutamanya perseimbangan masa untuk keluarga dan tugas. Ini adalah kerana konstruksi gender oleh masyarakat menetapkan bahawa kaum lelaki cuma perlu menjaga "dari ruang tamu hingga ke anjung". Sebaliknya, kaum wanita dimestikan menjaga "dari dapur hingga ke anjung". (Rashila Ramli, 1995: 18-19). Tabu ke atas kesamaan lelaki dan perempuan masih lagi wujud di dalam masyarakat walaupun pada hakikatnya, agama Islam sendiri meletakkan kesamaan bagi wanita Islam memegang jawatan-jawatan politik termasuk keahlian di dalam parlimen kecuali jawatan tertinggi iaitu Ketua Negara atau Kerajaan. (Lukman Thaib, 1994: 116). Oleh itu dicadangkan fakta-fakta yang berkaitan ini diteliti semula oleh mereka yang berkenaan di peringkat partian.

Kesimpulannya, wanita merupakan sumber tenaga yang boleh digunakan untuk menuju ke arah pembangunan negara. Mereka bukan lagi sekadar tenaga penyokong dan pembantu negara tetapi juga "rakan kongsi" dalam pembangunan. Pergerakan Wanita UMNO juga merupakan rakan kepada parti komponen dalam apa jua perjuangan parti. Pergerakan ini bermatlamat untuk meningkatkan taraf kehidupan para anggotanya termasuk keseluruhan kaum wanita negara. Untuk mencapai matlamat ini, maka harus lebih banyak lagi ruang dibuka untuk perwakilan-perwakilan wanita di peringkat

tinggi DUN dan Parlimen khususnya. Walaupun keadaan telah mula berubah dengan meningkatnya bilangan calon wanita dan banyak negeri menempatkan wanita dalam exco serta pengiktirafan peranan dan sumbangan wanita, halangan-halangan masih tetap ada seperti yang telah dinyatakan dalam kertas kerja ini. Masyarakat harus mengikis sikap terhadap status dan prihatin terhadap konstruksi gender yang menafikan peluang untuk wanita menikmati kemahiran lain daripada peranan tradisi mereka. Oleh itu perlu dipertingkat lagi penglibatan wanita di dalam politik peringkat atasan agar kaum wanita dapat duduk bersama-sama kaum lelaki dalam menggubal dasar-dasar bagi mencapai kesejahteraan masyarakat dalam suasana negara yang sedang membangun pesat.

### Rujukan

- Ackelsberg, Martha & Diamond, Irene. 1987. "Gender and Political Life: New Directions in Political Science" dalam Hess, B.B. & Ferre, M.M. (pnyt.). *Analyzing Gender: A Handbook of Social Science Research*. Newbury Park, California: Sage Publications.
- Aliyah Sijari. 1995. "Berkenalan dengan 21 Wakil Rakyat Wanita". *Perempuan*. Julai m/s. 67-158.
- Buku Cenderamata Pergerakan Wanita UMNO Ulangtahun Ke 40.
- Dancz, Virginia H. 1987. *Women and Party Politics in Peninsular Malaysia*. Singapore: Oxford University Press.
- Hess, Beth B. & Ferre, Myra M. 1987. *Analyzing Gender: A Handbook of Social Science Research*. Newbury Park, California: Sage Publications.
- Jamilah Ariffin. 1992. *Women and Development in Malaysia*. P.J.: Pelanduk Publications.
- Lukman Thaib. 1994. *Political System of Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Amal.
- Manderson, Lenore. 1980. *Women, Politics and Change: The Kaum Ibu UMNO Malaysia, 1945-1972*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- \_\_\_\_\_. 1981. *Wanita, Politik dan Perubahan: Pergerakan Kaum Ibu UMNO, Malaysia, 1945-1972*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Nik Safiah Karim. 1984. "Women's Organization in Malaysia" dalam Hing Ai Yun, Nik Safiah Karim & Rokiah Talib (pnyt.), *Women in Malaysia*. P.J.: Pelanduk Publications, p. 202-232.
- \_\_\_\_\_. 1994. *Elections in Malaysia: A Handbook of Facts & Figures on the Election 1955-1990*. K.L.: NSTP Research and Information Services.

- Randall, Vicky. 1987. *Women and Politics*. Houndmills, Basingstoke, Hampshire & London: Macmillan Education Ltd.
- Rashila Ramli. "Pembangunan Politik dan Gender: Cabaran dan Strategi bagi Calon-calun Wanita". Kertas kerja yang dibentang di Seminar *Politik dan Pilihanraya di Malaysia Ke arah Pemantapan Demokrasi*. Anjuran Jabatan Sains Politik, UKM, 19 Julai 1995.
- Saliha Hj. Hassan. "Perspektif Ideologi Calon-calun Wanita Seminar "Politik dan Pilihanraya di Malaysia Ke arah Pemantapan Demokrasi". Anjuran Jabatan Sains Politik, UKM, 19 Julai 1995.
- Siti Haidah Asri. 1995. "Pilihanraya 1995: Mengimbas Kemenangan Calon Wanita". *Wanita*. Jun, m/s. 66-69.
- Stivens, Mailla. 1991. *Why Gender Matters in Southeast Asian Politics*. Victoria, Australia: Aristoc Press Pty. Ltd.

#### Nota

- <sup>1</sup> Mengikut Oakley, jantina (sex) merupakan satu perkataan yang merujuk kepada perbezaan-perbezaan biologikal antara laki-laki dan perempuan iaitu perbezaan-perbezaan yang jelas dan nyata dalam igenitaliai, perbezaan yang berkaitan dengan fungsi prokreatif. Lihat Randall, V. 1987. *Women and Politics*. Houndmills, Basingstoke, Hampshire & London: Macmillan Education Ltd.
- <sup>2</sup> Beliau merupakan Ketua Pergerakan Kaum Ibu UMNO Malaya yang pertama dan dipegang oleh beliau sehingga tahun 1950. Beliau juga seorang yang cergas dalam badan-badan sukarela dan kebajikan.
- <sup>3</sup> Allahyarhamah Ibu Zain dipilih menjadi Ketua Ibu UMNO yang kedua pada tahun 1950 dan beliau memegang jawatan ini selama tiga tahun. Perayaan Hari Wanita yang dirayakan setiap tahun pada 25 Ogos adalah hasil cadangan Allahyarhamah Ibu Zain (pada awalnya disebut Hari Ibu), bermula tahun 1961.
- <sup>4</sup> Untuk mendalami lagi perjuangan dan kewibawaan Puan Khatijah Sidek sebagai pemimpin Kaum Ibu UMNO, sila rujuk *Memoir Khatijah Sidek, Puteri Kesateria Bangsa Ketua Kaum Ibu UMNO (1954-1956)*. 1995. ATMA, UKM: Penerbit UKM.
- <sup>5</sup> Tan Sri Fatimah Hj. Hashim merupakan Ketua Kaum Ibu UMNO yang keempat. Beliau terkenal kerana paling lama mengetuai pergerakan itu dan sebagai wanita Malaysia pertama menjadi menteri di negara ini. Beliau juga antara tiga wanita terpilih menyertai pilihanraya umum 1959 bersama-sama Allahyarhamah Ibu Zain dan Datuk Ajibah Abol. Beliau dilantik sebagai Menteri Kebajikan Am Malaysia pada tahun 1969.



<sup>6</sup> Tan Sri Hajah Aishah Ghani dipilih sebagai Ketua Wanita UMNO pada tahun 1972 sehingga tahun 1984. Untuk mengetahui lagi kehidupan beliau sebagai pejuang dalam parti UMNO, sila rujuk *Memoir Seorang Pejuang*. Terbitan Dewan Bahasa & Pustaka, nukilan oleh beliau sendiri. Beliau dilantik menjadi Menteri Kebajikan Am pada awal 1973 mengambilalih tempat Tan Sri Fatimah Hj. Hashim.

<sup>7</sup> Datoí Seri Rafidah Aziz adalah Ketua Pergerakan Wanita UMNO keenam. Pada tahun 1947, beliau dilantik sebagai Ahli Dewan Negara ketika usianya 31, menjadikannya Senator termuda di negara ini. Beliau juga merupakan wanita pertama menjawat Timbalan Menteri Kewangan pada tahun 1976. Pada ketika ini Datoí Seri Rafidah Aziz merupakan Menteri Perdagangan dan Industri Malaysia.

<sup>8</sup> Sila lihat huraian-huraian tentang wanita Islam dalam politik, Dr. Lukman Thaib. 1994. *Political System of Islam*. Kuala Lumpur: Amal Publishers. Bab 9.

## Lampiran A

## Senarai Calon Wanita BN dan Pembangkang Yang Bertanding dalam Pilihanraya 1995 Peringkat Parlimen

Negeri	Barisan Nasional	Pembangkang	Parlimen	Menang/Kalah
Perlis	-	-	-	-
Kedah	1 Lim Lai Hon (MCA)	1 YM Tunku Datin Dr Hjh Sofiah Jawa (S46) 2 Tg. Maheeran Tg. Mokhtar (S46)	Alor Setar Padang Serai Merbok	K M K
P. Pinang	Rhina Bhar (Gerakan)		Jelutong	K
Perak	1 Dato' Seri Rafidah Aziz (UMNO) 2 Anon Khairiyah Datin Mohd Abbas (UMNO)	1 Teresa Kok Suh Sim (DAP)	Kuala Kangsar Parit Ipoh Barat	M M K
Selangor	1 Dr. Tan Yee Kiew (MCA) 2 Dr. Leela Wathi Rama (MIC) 3 Serpah Noli Syed Husain (UMNO) 4 Datin Paduka Zaleha Ismail (UMNO)		Klang Kapar Sepang Gombak	M M M M
Johor	1 Siti Zainab Abu Bakar (UMNO)	1 Zaharah Mohd Yusof (S46) 2 Kamelah Yahya (S46)	Tetrau Johor Bahru Sri Gading	M K K
Pahang	1 Datin Dr. Siti Zaharah Sulaman (UMNO) 2 Teng Gak Kwan (MCA)	1 Noorshiah Tuajib (S46)	Paya Besar Raub Kuantan	M M K
N Sembilan	-	-	-	-
Melaka	-	-	-	-

## Lampiran A (sambungan)

Negeri	Barisan Nasional	Pembangkang	Parliman	Menang/Kalah
Kelantan		1 Hjh Hanu Druk Isahak (S46)	Kota Bharu	M
Wilayah Persekutuan	1 Shahrizat Abd Jalil (UMNO) 2 Ooi Saw Choo (MCA)	1 Nariah @ Alias Nanu (S46)	Wangsa Maju	K
			Lembah Pantai	M
Sabah	1 Chuah Soon Boon (SAPP)	1 Datin Jariah Sulaiman @ Halimah (PBS)	Tawau	M
			Seputang	K
Sarawak	1 Rohani A. Karim (PBB) 2 Sukinam Domo (PBB)		Santubung	M
			Batang Sadong	M

Jumlah Barisan Nasional = 16

Pembangkang = 9

—  
25  
—

## Lampiran B

## Senarai Calon Wanita BN dan Pembangkang Yang Bertanding dalam Pilihanraya 1995 Peringkat negeri (DUN)

Negeri	Barisan Nasional	Pembangkang	Parlimen	Menang/Kalah
Perlis	1. Che Ah Ramiah Long (UMNO) 2. Sopiiah Ahmad (UMNO)		Sgg. Empat	M
			Binzong	M
Kedah	1. Fatimah Ismail (UMNO) 2. Barishah Saad (UMNO) 3. Che Pora Ahmad (UMNO)		Sg. Tiang	M
			Tunjang	M
			Merbau Pulau	M
P. Pinang	1. Jaharah Hamid (UMNO) 2. Kee Phiak Chee (Gerakan) 3. Tan Cheng Liang (MCA)	1. Chong Eng (DAP) 2. Jamilah Khaton Zainal Abidin (S46)	Teluk Air Tawar	M
			Batu Uban	M
			Jawi	M
			Batu Lintang	M
			Bertam	K
Perak	1. Datin Mazidah Zakaria (UMNO) 2. Khansiyah @ Kamsiyah Yeop (UMNO)	1. Datin Che Su Yusof (S46) 2. Tang Mee Lin	Hulu Kinta	M
			Kenering	M
			Pangkor	K
			Teja	K
Selangor	1. Rakibah Manaf (UMNO) 2. Mesrah Selamat (UMNO)	1. Hj Salmah Safarwan (S46) 2. Dr. Oon Hong Geok (DAP)	Gombak	M
			Setia	M
			Jeram Kota Raja	K
			Damansara Utama	M

## Lampiran B (sambungan)

Negeri	Barisan Nasional	Pembangkang	Partimen	Menang/Kalah
N Sembilan	1 Datuk Napsiah Omar (UMNO) 2 Dermataksiah Jalil (UMNO) 3 Wong Bee Kar (Gerakan)		Pilah Ampangan Lobak	M M K
Melaka	1 Hazzah Sultan (UMNO)	Lee Kee Hoong (DAP)	Tangga Batu Duyong	M K
Johor	1 Sabariah Ahmad (UMNO) 2 Atikah Abdullah (UMNO) 3 Khairjah Md. Som (UMNO) 4 Halimah Mohd Sadique (UMNO) 5 Wong Siew Poh (Gerakan)	- 1. Gan Pek Cheng (DAP) 2. Chan Jock Lan (DAP)	Jorak Sri Medan Pulai Sebatang Gunong Lambak Skudai Penggeram Skudai	M M M M M K K
Pahang	1 Rahumah Mohd Kawi (UMNO) 2 Maznah Mazlan (UMNO)		Tahan Muazzam Shah	M M
Kelantan	1 Zaleha Husin (UMNO) 2 Rohani Mamat (UMNO)	1 Mek Som Mohamad @ Kelthum Ahmad (S46)	Salor Kijang Mengkebang	K K M
Sabah	-	-	-	-
Sarawak	-	-	-	-

Jumlah Barisan Nasional = 25

Pembangkang = 10

35

Lampiran C

Senarai Biro-Biro Yang Digerak oleh Pergerakan Wanita UMNO

- Biro Politik
- Biro Ekonomi
- Biro Pembangunan Usahawan
- Biro Pendidikan
- Biro Hal Ehwal Pengguna
- Biro Pembangunan Sosial
- Biro Undang-Undang
- Biro Penerangan dan Perhubungan Awam
- Biro Perdagangan
- Biro Kebajikan
- Biro Agama
- Biro Guna Tenaga
- Biro Belia
- Biro Perpaduan
- Biro Pembangunan Desa
- Biro Pelancungan dan Kebudayaan

# PENDEDAHAN MAKLUMAT DALAM KEMPEN PILIHANRAYA UMUM: SATU KAJIAN KES DI SEBUAH KAMPUNG DI KELANTAN

---

**Mohd. Dhari Othman**

Jabatan Komunikasi, UKM

## Pendahuluan

Satu daripada prinsip masyarakat demokrasi ialah para pengundi perlu didedahkan kepada maklumat seluas-luasnya untuk membolehkan mereka membuat pemilihan yang wajar dalam pilihanraya. Media massa seperti akhbar, majalah, radio, dan television memainkan peranan yang amat penting dalam penyebaran maklumat ini. Media massa dapat menyampaikan maklumat kepada sebilangan besar masyarakat pada sesuatu ketika. Keupayaan media massa ini telah banyak menolong para pengundi di negara-negara yang mengamalkan prinsip demokrasi untuk memilih wakil bagi menerajui sesebuah kerajaan. Melalui kempen-kempen yang disiarkan menerusi media massa para pengundi disogokkan berbagai maklumat daripada berbagai parti politik yang bertanding untuk merebut kerusi perwakilan.

Negara-negara demokrasi di seluruh dunia ditubuhkan berasaskan kepada konsep kebebasan bersuara yang terkandung dalam prinsip politik liberalisme seperti yang dianjurkan dalam teori libertarian akhbar. Menurut Siebert (1973):

Di bawah konsep libertarian, fungsi komunikasi media massa adalah untuk memberi tahu dan menghibur. Fungsi yang ketiga ialah untuk membentuk satu penghubung penting kepada orang lain bagi menyediakan bantuan ekonomi dan seterusnya untuk menjamin kebebasan kewangan (akhbar) (hal. 51).

Maksudnya, dalam negara yang mengamalkan sistem demokrasi dan ekonomi bebas media berfungsi untuk menyampaikan maklumat, menghibur, dan membantu kegiatan ekonomi dalam sesebuah negara melalui pengiklanan. Dalam fungsi menyampaikan

maklumat yang terkandung dalam konsep liberalisme Barat ini, media memainkan peranan untuk memuatkan semua pendapat daripada orang ramai, tidak kira sama ada pendapat itu benar ataupun palsu. Konsep ini diterima berasaskan kepada andaian bahawa manusia itu bersikap rasional yang membolehkan mereka membuat pemilihan yang betul untuk kebaikan bersama. Akhirnya kepalsuan akan ditolak dan kebenaran akan mencapai kemenangan.

Di bawah sistem politik liberalisme kerajaan atau pemerintah dilantik oleh rakyat. Justeru itu kerajaan memikul tanggungjawab untuk melaksanakan tugasnya mengikut kehendak yang telah ditetapkan oleh majoriti rakyat. Oleh kerana kuasa yang diamanahkan kepada kerajaan itu boleh disalahgunakan maka perlu ada badan bebas yang boleh melihat atau memeriksa perjalanan kerajaan supaya ia berada pada landasan yang betul. Akhbar telah mengambil tugas ini sejak daripada bermulanya pemerintahan demokrasi moden di negara-negara Barat. Justeru ia harus bebas dari pengaruh kerajaan dari segi kendalian dan modal operasinya. Sebagai sebuah badan yang bebas ia harus dapat menegur dan mendedahkan kepincangan yang berlaku dalam pentadbiran kerajaan. Oleh itu pilihan raya diadakan dari semasa ke semasa supaya rakyat dapat memilih wakil mereka dalam kerajaan untuk menjaga kepentingan dan kebajikan mereka.

Walau bagaimanapun, prinsip ini tidak dapat diamalkan dengan meluas di kebanyakan negara-negara demokrasi sama ada di negara maju mahupun yang sedang membangun disebabkan oleh berbagai sekatan. Di Malaysia sekatan-sekatan ke atas kebebasan bersuara dan sistem penyebaran maklumat yang amat ketara telah menyebabkan parti-parti politik, terutama pihak pembangkang, menghadapi masalah untuk menyampaikan maklumat dengan berkesan kepada para pengundi.

Media massa yang sedia ada tidak dapat membantu parti-parti pembangkang menyebarkan maklumat penting kepada para pengundi terutama semasa kempen pilihan raya diadakan. Parti-parti politik tidak bebas berkempen malah tidak berpeluang untuk berkempen secara terus-terang melalui media massa kerana media massa utama seperti akhbar, radio, dan television di negara ini bersikap menyokong kerajaan yang memerintah.

Akhbar dan majalah yang dikuasai oleh pihak swasta juga tidak dapat menyediakan kemudahan ini kerana tertakluk kepada peraturan-peraturan dalam berbagai undang-undang serta dasar setiap akhbar yang rata-rata dikuasai oleh pemegang-pemegang saham yang memihak kepada parti pemerintah. Keadaan ini tidak membenarkan parti-parti pembangkang menjalankan kempen-kempen yang berkesan yang dapat disebarkan melalui media massa



secara serentak kepada keseluruhan para pengundi. Keupayaan akhbar atau surat berita yang diterbitkan oleh parti-parti pembangkang untuk sampai kepada rakyat keseluruhannya adalah juga terhad.

Kebanyakan parti pembangkang terpaksa bergantung, pada keseluruhannya, kepada kempen dalam rapat-rapat umum atau ceramah-ceramah dari rumah ke rumah. Kempen-kempen seperti ini memerlukan tenaga kerja dan masa yang banyak yang menyebabkan parti-parti berkenaan harus mampu untuk mengeluarkan belanja yang banyak untuk menyampaikan mesej mereka kepada bakal pengundi.

Dengan terhadnya peluang menggunakan sistem media massa yang sedia ada, parti-parti pembangkang terpaksa mencari pilihan media yang lain sebagai alternatif untuk menyampaikan maklumat kepada para pengundi. Selain daripada menyebarkan maklumat melalui risalah, akhbar, dan majalah yang mereka terbitkan sendiri, parti-parti pembangkang terutamanya menggunakan teknologi baru seperti pita perakam suara dan pita perakam video. Teknologi baru media massa ini dianggap sebagai pembantu kepada proses penyebaran maklumat bersemuka (*face-to-face*).

### Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk meninjau aspek-aspek komunikasi dalam kempen pilihanraya di Malaysia, terutama mengenai peranan komunikasi bersemuka, media massa, dan media pilihan lain seperti perakam suara dan video. Kajian ditumpukan kepada sebuah kampung untuk:

- a) Meninjau secara umum sejauh mana media massa memainkan peranan dalam membantu para pengundi di kawasan luar bandar membuat keputusan untuk memilih calon dalam pilihanraya.
- b) Sejauh mana peranan komunikasi bersemuka mempengaruhi pengundi dalam proses membuat pilihan semasa mengundi di sebuah kampung.
- c) Sejauh mana penggunaan perakam suara dan video membantu penyebaran maklumat di kalangan para pengundi terutama penyokong-penyokong parti pembangkang dalam masa kempen pilihan raya di sebuah kampung.
- d) Meninjau peranan institusi masyarakat kampung seperti masjid, surau, penghulu, imam, dan lain-lain dalam menolong menyebarkan maklumat pilihanraya.

### **Kepentingan Kajian**

Maklumat amat penting untuk membantu seseorang membuat keputusan atau mengurangkan keraguan. Dalam sesuatu pilihanraya, maklumat mengenai peribadi calon, isu-isu semasa, dan matlamat serta orientasi parti-parti politik adalah antara faktor-faktor penentu, di samping sentimen kepartian yang telah sedia wujud di kalangan para pengundi, untuk membantu mereka membuat keputusan bagi memilih wakil-wakil yang akan menerajui kerajaan.

Kajian ini penting untuk memahami proses pemilihan secara demokrasi melalui satu sistem komunikasi negara yang menyokong status quo. Maklumat mengenai perjalanan dan pengaruh media massa dan media alternatif boleh menolong masyarakat menilai semula perjalanan sistem komunikasi negara.

Walaupun kajian ini hanya satu kajian kes di sebuah kampung dan sudah tentu hasil kajian ini tidak dapat ditafsirkan secara umum untuk mewakili keadaan yang wujud di seluruh negara, ia setidaknya dapat memberikan gambaran yang asas di kampung berkenaan mengenai pengaruh sistem media yang ada terhadap penyebaran maklumat dalam membantu para pengundi membuat keputusan memilih calon.

Tegasnya kajian ini bukan bermaksud untuk mencari fenomena-fenomena interaksi yang khusus untuk ditafsirkan sebagai sesuatu yang umum. Justru hasil pemerhatian ini hanya dapat mewakili fenomena yang berlaku di tempat kajian sahaja. Walau bagaimanapun, diharapkan kajian yang serupa akan dapat dilaksanakan di tempat-tempat lain oleh para ahli sains kemasyarakatan dari semasa ke semasa supaya hasil kajian-kajian itu dapat dibandingkan untuk memberikan gambaran yang lebih menyeluruh.

Hasil kajian ini juga diharap akan dapat memberikan sumbangan dalam mengkaji semula teori-teori komunikasi terutama mengenai pendapat-pendapat yang menghubungkan peri penting media massa dalam mempengaruhi khalayak dalam membuat sesuatu keputusan. Melalui kajian seperti ini, para pengkaji komunikasi manusia akan dapat menilai semula sejauh mana maklumat yang disalurkan melalui media massa memberi kesan positif kepada pembaca, pendengar, penonton dalam membuat sesuatu keputusan.

### **Kaedah Kajian**

Pendekatan yang digunakan dalam kajian ini ialah pengamatan turut serta; temubual intensif; dan penelitian isi kandungan ceramah.

risalah, dan buaian dalam interaksi sosial. Pendekatan pengamatan turut serta memerlukan penyelidik dan pembantu-pembantunya bergaul mesra dengan para penduduk kampung yang dikaji. Maksudnya, pengkaji semestinya berupaya untuk mengambil bahagian dalam kegiatan harian para peserta yang sedang diperhatikan. Sewajarnya pengkaji hendaklah bertindak sebagai salah seorang daripada ahli masyarakat kampung itu. Walaupun ini sukar dicapai sepenuhnya, pengkaji boleh mencapai sebahagian besar matlamat ini kerana beliau pernah membuat kajian yang serupa di kampung berkenaan dan telah berjaya mewujudkan satu hubungan mesra dengan penduduk-penduduk kampung berkenaan.

Tegasnya, kaedah yang digunakan ini adalah kaedah kerja lapangan etnografi. Yang penting dalam pendekatan ini ialah pemerhatian dan soalan-soalan yang dikemukakan kepada subjek kajian untuk memahami mengapa mereka bertindak seperti yang diperhatikan oleh pengkaji. Seperti kata Werner dan Schoepfle (1987): iMemerhati orang dan menulis mengenai mereka tanpa bertanya apa mereka fikir mereka sedang lakukan (iaitu, menentukan persepsi mereka mengenai apa yang sedang berlaku) itu bukanlah etnografi (hal. 44).

Malah apa yang lebih penting dalam kaedah ini semestinya keupayaan pengkaji dapat menyelami perasaan dan pemikiran subjek untuk memahami makna di sebalik setiap tindakan yang dilakukan mereka. Sebagai orang luar perkara ini tidak mungkin dapat dilaksanakan oleh pengkaji dalam masa yang singkat. Pada kebiasaannya penyelidik-penyelidik etnografi mengambil masa bertahun-tahun untuk menyesuaikan diri dalam masyarakat yang dikaji. Dalam masa ini pengkaji cuba memahami budaya dan bahasa harian dengan menyesuaikan diri dengan cara hidup masyarakat itu. Hal ini biasanya dapat tercapai apabila pengkaji berjaya memasuki masyarakat yang dikaji dan mengambil bahagian dalam kegiatan harian ahli-ahli masyarakat itu.

Dengan mengambil bahagian dalam kegiatan harian penduduk Kampung Manggis ini, pengkaji dapat memerhatikan proses interaksi di kalangan penduduk-penduduk kampung itu. Catatan-catatan dibuat mengenai tingkah-laku dan tindak-tanduk penduduk-penduduk dalam masa berinteraksi sesama mereka dan dengan pemimpin-pemimpin mereka semasa menghadapi pilihanraya umum.

Catatan ini dibuat sedemikian rupa supaya ia tidak mengganggu perjalanan proses interaksi yang sedang berlaku. Pada umumnya catatan dibuat setelah berakhir sesuatu pemerhatian dalam sesuatu suasana interaksi itu untuk membolehkan sesuatu suasana interaksi itu berlangsung secara natural. Matlamat penyertaan penyelidik dalam sesuatu interaksi tidak mudah tercapai sekiranya

penyelidik asyik menulis dan mencatatkan pemerhatiannya kerana kegiatan menulis dan mencatat itu sudah merupakan suatu fenomena yang asing daripada suasana interaksi. Malah kegiatan seumpama itu berupaya untuk mempengaruhi tingkahlaku peserta-peserta interaksi dan seterusnya memungkinkan haluan sebenar interaksi bertukar corak atau matlamatnya.

Ada kalanya pula interaksi tidak dapat memberikan butir-butir lengkap dan mendalam mengenai sesuatu perkara yang diperkatakan dalam sesuatu interaksi. Oleh itu, untuk mendapatkan data yang lebih terperinci, temubual terbuka dijalankan dengan para penduduk yang tertentu untuk membantu menjelaskan atau mendapatkan penerangan lanjut ke atas perkara-perkara yang diperhatikan dalam proses interaksi. Ia juga bertujuan untuk mendapatkan data yang tidak boleh diperhatikan dalam proses interaksi. Kalau responden bersetuju, temubual ini dirakamkan dalam pita suara. Kalau tidak, penyelidik mengambil nota temubual itu secara spontan.

Di samping itu bahan-bahan seperti akhbar parti, risalah, dan ceramah dikumpulkan/dirakamkan dalam masa kajian ini dilaksanakan. Isi kandungan bahan-bahan ini dianalisis secara umum. Rakaman pita suara dialihkan ke dalam bentuk tulisan untuk dianalisis.

### Pengumpulan Data

Data dikumpulkan melalui tiga cara (a) melalui pengamatan oleh penyelidik semasa menyertai kegiatan kemasyarakatan di kampung berkenaan, (b) melalui temu bual intensif terbuka, dan (c) melalui analisis isi kandungan kualitatif akhbar, majalah, risalah, ucapan, ceramah, khutbah Jumaat, syarahan agama, kelas agama, dan lain-lain.

### Latar belakang Dan Tempat Kajian

Subjek kajian terdiri daripada penduduk-penduduk Kampung Manggis (bukan nama sebenar) yang terdiri daripada enam puluh keluarga. Walaupun Kampung Manggis terletak kira-kira sepuluh kilometer dari bandar Kota Bharu, Kelantan, hanya beberapa tahun kebelakangan ini sahaja ia menampakkan sedikit pembangunan dengan adanya sebuah jalan raya yang berturap batu melintasi di tengah-tengah kampung, seolah-oleh membahagikannya kepada dua bahagian. Rumah-rumah terletak di kiri-kanan jalan itu. Selain daripada itu dalam masa yang sama penduduk kampung itu juga sudah menikmati kemudahan elektrik dan air paip. Terdapat beberapa sebab pengkaji memilih Kampung Manggis sebagai

kawasan kajiannya. Pertama, kajian ini adalah sambungan kepada kajian yang pernah dilakukan oleh pengkaji di kampung yang sama. Kedua, kampung ini terletak di kawasan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri yang dikuasai oleh Parti Islam SeMalaysia (PAS) sejak daripada dahulu lagi. Ertinya, Kampung Manggis ini menjadi kawasan kubu kuat PAS di Kelantan. Ketiga, pengkaji telah mengenali dan mesra dengan penduduk Kampung Manggis kerana beliau pernah mejalankan kajian yang serupa di situ sebelum ini. Keadaan ini membolehkan ia memasuki tempat kajian tanpa menimbulkan banyak curiga di kalangan penduduk tentang kehadiran dan tujuan sebenar pengkaji berada di kampung itu, terutamanya semasa kempen pilihanraya umum.

### Jangkamasa Kajian

Kajian ini dilaksanakan setelah pengumuman pilihanraya diumumkan oleh kerajaan. Ia meliputi waktu dua minggu sebelum pilihanraya dan tiga hari selepas pilihanraya diadakan, iaitu, dari 7 hingga 23 Oktober, 1990. Dalam jangka masa ini pengkaji yang dibantu oleh dua orang pelajar telah membuat kerja lapangan secara turut serta dengan memerhatikan kegiatan-kegiatan yang dilakukan oleh penduduk kampung ini dalam persediaan mereka menghadapi pilihanraya. Walau bagaimanapun, kegiatan penyelidikan berterusan selepas berakhirnya pilihanraya untuk mendapat gambaran mengenai kegiatan pasca pilihanraya dan mendapatkan data sokongan yang diperlukan oleh kajian ini.

### Andaian

Beberapa andaian berdasarkan pengalaman dan penemuan kajian terdahulu serta pengetahuan mengenai latar belakang sistem komunikasi massa di Malaysia telah disenaraikan oleh pengkaji sebelum kerja lapangan di mulakan di Kampung Manggis. Andaian-andaian seperti berikut ini dijadikan panduan untuk memudahkan pengkaji menumpukan perhatiannya semasa menjalankan kerja-kerja lapangan. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna pengkaji tidak memerhatikan perkara-perkara lain yang berlaku di kalangan penduduk kampung ini dalam jangka masa kerja lapangan ini:

- a) interaksi penduduk kampung banyak berlaku di kedai kopi, surau, dan masjid. Kebanyakan perbincangan mengenai isu-isu dan cerita-cerita mengenai pilihan raya lebih banyak berlaku di kedai kopi daripada di surau atau masjid.

- b) penduduk lebih banyak mengetahui hal-hal tentang pilihanraya dari mulut ke mulut daripada melalui media massa.
- c) media alternatif seperti perakam suara dan video atau lain-lain banyak digunakan sebagai alat kempen pilihan raya oleh parti-parti politik.
- d) institusi tradisional seperti masjid, surau, imam, dan lain-lain tidak banyak membantu perjalanan kempen pilihanraya.

### Hasil Kajian

Data yang diperoleh adalah berbentuk kualitatif hasil daripada catatan-catatan yang diamati oleh penyelidik semasa menyertai kegiatan dan interaksi kemasyarakatan yang berlaku di kampung berkenaan, catatan/rakaman temubual terbuka dengan penduduk kampung, dan isi kandungan ceramah. Perkara-perkara berikut telah diperhatikan:

- a) Terdapat bukti-bukti yang menunjukkan tajuk-tajuk perbincangan dalam media massa dirujuk oleh para pengundi semasa berinteraksi, terutama dalam perbualan di kedai kopi. Misalnya, perbualan tentang ucapan Perdana Menteri, Dr. Mahathir Mohamad melalui televisyen terhadap penarikan diri PBS dari menyertai Barisan Nasional pada 16 Oktober 1990. Ada peserta yang menonton terus siaran televisyen dan ada juga yang memetik berita daripada akhbar dan ada juga yang mendengar cerita ini daripada orang lain yang menonton television, mendengar radio, atau membaca akhbar. Pada 18 Oktober, 1990 peserta-peserta ada membuat rujukan kepada berita televisyen jam 8 malam tentang ucapan Dr. Mahathir semasa pertemuan dengan calon-calon Barisan Nasional di Kota Bharu dan ucapan Tengku Razaleigh di Kota Kinabalu semasa mereka berbual di pondok pos PAS pada jam 10 malam itu juga.
- b) Walau bagaimanapun, perbincangan tentang politik di surau dan masjid tidak ketara. Masa untuk berinteraksi secara panjang lebar di kedua-dua tempat ini terlalu singkat. Di masjid dan surau para peserta menyempurnakan sembahyang mengikut waktunya. Diperhatikan bahawa para peserta meninggalkan masjid dan surau setelah tamat sembahyang. Walaupun terdapat sebuah serambi di hadapan masjid para peserta jarang sekali berkumpul berbual-bual sama ada sebelum atau selepas sembahyang. Ceramah agama biasanya diadakan pada waktu malam antara waktu selepas maghrib hingga waktu Isya'.

Di Kampung Manggis terdapat sebuah masjid dan sebuah surau. Jarak antara masjid dan surau kira-kira 400 meter sahaja. Peserta-peserta yang mendirikan sembahyang di masjid dianggap oleh orang-orang kampung sebagai penyokong UMNO sedangkan para peserta yang bersembahyang di surau dianggap sebagai ahli PAS. Malah pegawai-pegawai masjid dianggap sebagai penyokong parti UMNO yang memerintah negeri Kelantan ketika itu. Daripada pemerhatian didapati tidak ramai pemimpin-pemimpin politik PAS Kampung Manggis menghadiri sembahyang-sembahyang waktu dan juga Jumaat di masjid itu. Begitu juga di surau, diperhatikan bahawa tidak terdapat ahli-ahli UMNO yang bersembahyang di situ. Mengikut kenyataan ahli-ahli UMNO kampung itu bahawa surau itu adalah surau PAS.

- c) Maklumat pilihanraya juga disalurkan melalui percakapan dari mulut ke mulut. Biasanya sumber-sumber ini tidak begitu jelas di sebut biasanya disebut sebagai demo ghoyat (orang kata) dalam perbualan di kedai-kedai kopi. Misalnya, cerita tentang Haji Bunyamin Yaakob yang menjadi calon PAS di kawasan Parlimen Bachok tidak mendapat sambutan pengundi kerana citra dirinya yang tidak baik. Cerita yang tersebar dari mulut ke mulut itu menyebut citra diri Haji Bunyamin tidak begitu baik kerana beliau tidak balik menziarah jenazah ibunya sendiri. Tetapi ada ahli-ahli lain cuba membela Haji Bunyamin dengan mengusulkan pendapat bahawa Haji Bunyamin balik tetapi tidak dilihat oleh orang lain.

Begitu juga cerita tentang Haji Hussin Ahmad (Hussin Serakma) menumbuk Menteri Besar, Haji Mohamad Yaakob, di kediaman Menteri Besar itu pada malam penamaan calon. Berita angin itu menyebut Haji Hussin Ahmad menyeru penyokong-penyokongnya supaya tidak mengundi calon-calon Barisan Nasional di negeri Kelantan. Cerita dari Terengganu juga ada tersebar melalui mulut ke mulut terutama terhadap rumah seorang penyokong Parti Semangat 46 di Terengganu dibom oleh seorang yang tidak dikenali. Mereka menuduh orang yang membuat khianat itu adalah seorang ahli UMNO.

Ada juga yang menceritakan seorang penyokong BN telah datang ke kampung yang berhampiran membawa satu bungkus risalah yang menunjukkan gambar Tengku Razaleigh memakai tengkolok berlambangkan salib. Seorang peserta berkata Tengku Razaleigh telah diperdaya oleh Pairin Ketinggan, pemimpin PBS. Katanya, tidak mungkin seorang pemimpin Melayu akan berbuat demikian (sengaja memakai tengkolok

yang berlambangkan salib). Seorang peserta lain pula berkata dia juga mendengar cerita yang sama daripada seorang penyokong Tengku Razaleigh yang menyangkal cerita itu sebagai satu publisiti murah Barisan Nasional sahaja.

Terdapat ahli-ahli yang mengingatkan sesama sendiri agar berhati-hati dan berwaspada tentang kemungkinan ahli-ahli PAS didatangi oleh orang-orang UMNO terutama guru-guru KEMAS untuk mempengaruhi mereka dalam masa menjelang hari pilihanraya. Ahli-ahli PAS percaya bahawa guru-guru KEMAS akan mengunjungi rumah ahli-ahli PAS untuk merayu mereka mengundi Barisan Nasional. Biasanya ahli-ahli PAS ini dihadaiahkan sehelai kain pelikat atau batik sebagai ganjaran untuk mengundi Barisan Nasional.

- d) Media alternatif seperti perakam suara dan video atau lain-lain tidak digunakan sebagai alat penyebaran maklumat pilihanraya walaupun terdapat pita-pita audio yang mengandungi ucapan-ucapan pemimpin-pemimpin PAS dijual dengan banyaknya di bandar Kota Bharu dan di majlis-majlis ceramah PAS.
- e) Pengaruh institusi tradisional seperti masjid, surau, imam, dan lain-lain tidak kelihatan dengan jelas membantu perjalanan kempen pilihanraya, kecuali khutbah Jumaat sebelum hari pengundian di masjid menyentuh secara tidak langsung tentang pilihanraya yang mengajak para pengundi membuat pilihan kepada calon-calon yang beriman.

### Perbincangan dan Rumusan

Andaian pengkaji bahawa dalam satu sistem media yang menyokong parti-parti yang memerintah, pada lazimnya, ahli-ahli parti politik pembangkang akan bergantung kepada saluran berita alternatif seperti perbincangan di kedai kopi, masjid, surau, rakaman pita audio dan video, dan saluran antara peribadi. Namun hasil kajian menunjukkan bahawa media kerajaan seperti televisyen, radio, dan akhbar masih menjadi rujukan ahli-ahli PAS dalam perbincangan mereka tentang isu-isu pilihan raya.

Malah kajian ini mendapati penggunaan saluran media alternatif seperti pembacaan akhbar Haraqah yang menjadi lidah rasmi PAS juga tidak ketara di kalangan peserta yang menjadi pengikut parti itu sendiri. Institusi-institusi penghulu, masjid, surau, kecuali kedai-kedai kopi, tidak menjadi tempat yang penting untuk membincangkan soal-soal pilihan raya dan politik. Pada waktu itu penghulu kampung dianggap sebagai orang kerajaan, maka



pengikut-pengikut PAS tidak merujuk kepadanya dalam hal-hal yang berhubung dengan pilihanraya dan politik parti.

Begitu juga masjid di kampung itu yang dikongsi bersama oleh beberapa buah kampung yang berhampiran dianggap sebagai masjid UMNO kerana pada anggapan mereka pegawai-pegawai masjid terutamanya imam-imam dilantik daripada penyokong-penyokong UMNO walaupun terdapat imam yang tidak kelihatan mengedekatkan diri dengan kegiatan kepartian UMNO atau PAS di kampung itu. Jelas kelihatan masjid tidak menjadi tempat tumpuan pemimpin-pemimpin PAS tempatan. Semasa bersembahyang waktu siang ataupun malam amat jarang kelihatan ketua-ketua PAS tempatan bersembahyang jemaah di masjid. Kegiatan ibadah mereka tertumpu di surau mereka sendiri.

Walaupun peserta menggunakan media massa untuk mendapatkan berita pilihanraya, mereka sentiasa mengkritik media yang dikatakan terlalu berat sebelah menyokong Barisan Nasional dan mereka percaya bahawa media massa dipunyai oleh kerajaan. Dalam satu-satunya ceramah politik yang diadakan di kampung itu musim pilihanraya ini, seorang penceramah juga telah mengkritik media massa kerana sikap terlalu menyokong Barisan Nasional.

Dalam hal ini, daripada pemerhatian kajian ini pengaruh media massa untuk mengubah pendirian para peserta untuk menyokong Barisan Nasional tidaklah berkesan. Iltizam peserta tetap menyokong PAS walau apa saja yang dilakukan oleh media massa dan penyokong-penyokong Barisan Nasional. Misalnya, dua hari sebelum hari pembuangan undi calon Barisan Nasional bagi kerusi negeri kawasan itu telah menurun jalan-jalan kecil di kampung itu. Perbualan peserta terhadap perkara itu menunjukkan mereka mengalu-alukan sumbangan calon BN itu tetapi mereka tetap akan mengundi PAS.

Begitu juga terdapat perbualan antara peserta terhadap kurangnya penglibatan calon PAS, yang juga ahli Dewan Undang Negeri Kelantan bagi kawasan itu, dalam pergaulan dengan penduduk kampung. Maksud mereka prestasi wakil rakyat itu sebagai wakil orang-orang kampung tidaklah begitu baik. Walau bagaimanapun, mereka berkata mereka akan tetap mengundi untuknya kali ini kerana undi yang diberikan itu adalah untuk Islam, bukan untuk peribadi calon itu.

#### Rujukan:

- Bogdan, R (1972). *Participant observation in organizational settings*. Syracuse, New York: Syracuse University Press.

- Denzin, N. K. (1970). Symbolic interactionism and ethnomethodology. Dalam J. D. Douglas (Penyunting), *Understanding everyday life*. Chicago: Aldine Publishing Company.
- Firdaus Haji Abdullah. (1980). PAS and the 1978 General Election. Dalam H. Crouch; K. Hing; & M. Ong (Penyunting), *Malaysian politics and the 1978 Election*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Funston, J. (1980). *Malay Politics in Malaysia. A study of UMNO and PAS*. Kuala Lumpur: Heinemann.
- Husin Ali, S. (1975). *Malay peasant society and leadership*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Johnson, J. M. (1975). *Doing field research*. New York: Free Press.
- Kessler, C. S. (1978). *Islam and politics in a Malay State*. Ithaca: Cornell University Press.
- Lofland, J. (1976). *Doing social life: The qualitative study of human interaction in natural settings*. New York: Wiley.
- Mead, G. H. (1934). *Mind, self, and society*. Chicago: University of Chicago Press.
- Shamsul, A. B. (1984). Old antagonism, new rivalries: Politics in a rural Malay community. Dalam Tan Chee Beng (Penyunting). *Contributions to Southeast Asian ethnography, ethnicity and local politics in Malaysia: Six Case Studies*, No. 3, 98-113.
- Shamsul, A. B. (1986). *From British to Bumiputera rule*. Singapura: Institute of Southeast Asian Studies.
- Siebert, F. S. (1973). The libertarian theory of the press. Dalam F. S. Siebert, Peterson T., dan Schramm, W. (Ed.), *Four theories of the press* (hal. 39-71). Urbana, Ill.: University of Illinois Press.
- Werner, O. & Schoepfle, G. M. (1987). *Systematic Fieldwork* (Vol. 1). Newbury, Cal.: Sage Publications.

# KEPENGHULUAN DALAM MASYARAKAT MELAYU MODEN: TUGAS DAN PERANAN

---

Aminuddin Mohd. Yusof

Jabatan Psikologi, UKM

## Pengenalan

Di dalam filem-filem purbawara ia digambarkan dalam watak seorang separuh umur yang berkedudukan sosioekonomi tinggi, tegas, mengambil berat, bertimbang rasa serta sangat dihormati dan ditakuti oleh anak-anak buahnya. Dalam sistem sosial lama ia menjadi perantaraan antara raja dengan rakyat. Ketika pemerintahan British pula ia menjadi orang tengah di antara kampungnya dengan autoriti yang lebih tinggi. Apabila sistem politik dan sosial orang Melayu berubah pesat akibat pembangunan, ia terus kekal sebagai institusi yang di satu pihak mewakili warisan feudal dan di satu pihak lagi menjadi jambatan penghubung di antara rakyat dengan kerajaan. Inilah institusi 'penghulu' dalam sistem sosial orang Melayu.

Kertas ini melaporkan satu aspek daripada kajian yang lebih besar tentang kepenghuluan dengan memberikan fokus kepada tugas dan peranan penghulu. Minat terhadap peranan penghulu bukanlah baru dalam pengajian sains sosial di Malaysia. Kajian berkaitan telah dilaksanakan oleh Omar Abdullah (1976), Rahimah Aziz dan Noraini Osman (1978), Kamaliah Haji Ismail (1985), Jan Joo Huat (1987), Rosman Abu Bakar (1989) dan Abdul Aziz Haji Musa (1992). Walau bagaimana pun hampir kesemua kajian ini bersifat kualitatif dan ideografik iaitu memberi tumpuan kepada kes-kes tertentu secara mendalam. Kajian yang dilaporkan di sini sebaliknya bersifat *nomothetic* iaitu bertujuan mencari pola umum dalam tugas dan peranan penghulu.

Istilah 'penghulu' kerap kali dikelirui kerana perbezaan panggilan mengikut tempat. Di Kelantan dan Sarawak penghulu ialah ketua kampung tetapi di seluruh negeri-negeri lain di semenanjung istilah ini merujuk kepada ketua mukim. Di Kelantan ia dinamakan penggawa sementara di Sarawak dan Sabah jawatan yang hampir sama dikenali masing-masing sebagai penggawa dan pemanca (Berita Penghulu/Penggawa Semenanjung Malaysia, 1993).

Istilah yang sama digunakan dalam masyarakat Batak (Dayung Bangau, 1988), Kalimantan Tengah (Damadjaja, 1988) dan Minangkabau (Umar Junus, 1988).

Wan Abdul Rahman (1978) menganggap istilah penghulu diperoleh daripada perkataan 'hulu' yang membawa makna 'pendalaman'. Tafsiran ini agak terbatas dan kerana itu, tidak adil kepada kedudukan dan martabat penghulu dalam masyarakat Melayu silam.

Akar kata kepada penghulu ialah hulu. Kamus Dewan (Dewan Bahasa dan Pustaka, 1970) memberi lima erti kepada istilah hulu iaitu kepala, pangkal, bahagian atas, bahagian pendalaman dan tangkai. Ssungguh pun demikian dua makna yang awal sudah memadai untuk mencakupi kesemua erti tersebut kerana bahagian atas hanyalah salah satu bentuk kepala atau pangkal sementara bahagian pendalaman adalah tafsiran kepada kedudukan jauh ke pangkal atau kepala sungai daripada lautan. Tangkai juga sebenarnya ialah pangkal. Jadi hulu parang bermakna pangkal parang, hulu sungai ialah pangkal sungai.

Berasaskan tafsiran ini penghulu boleh disimpulkan sebagai 'orang dipangkal' atau 'yang mendahului' atau 'kepala' kumpulan. Jadi penghulu istiadat ialah orang yang memulakan istiadat kerana kedudukannya sebagai kepala istiadat. Demikian juga penghulu istana dan sebagainya. Istilah ini cukup sepadan dengan *leader* dalam Bahasa Inggeris kerana *to lead* bermakna memulakan. Ada kemungkinan istilah kepemimpinan adalah terjemahan yang salah kepada *leadership*. Apa yang sebenarnya dirujuk dalam konsepsi orang Melayu lama apabila mereka berfikir tentang '*leadership*' itu ialah 'kepenghuluan'.

Penghulu mengepalai atau menghului satu mukim. Namun tidak seperti pemimpin organisasi dan masyarakat yang biasanya "...dipilih atau dilantik atau telah muncul daripada kelompok untuk mengarah usaha anggota-anggota kelompok mencapai sesuatu matlamat" (Cohen, 1990), penghulu kini tidak lagi datang daripada komuniti yang hendak dipimpinya tetapi sudah menjadi satu jawatan dalam perkhidmatan awam yang diberi ganjaran secara gaji tetap oleh kerajaan negeri-negeri. Perubahan kedudukan ini membawa implikasi kepada status, peranan dan tugas penghulu.

### Peranan Penghulu

Institusi penghulu sangat penting peranannya dalam masyarakat Melayu lama. Ketika Portugis menyerang Bintan sekitar tahun 1528, negeri Perak yang menerima kunjungan ramai dagang senteri sudah mempunyai seorang penghulu wanita yang bernama Tok Musaka

(Raja Razman b. Raja Abdul Hamid, 1963). Misa Melayu (Raja Chulan, 1966) pula menyebut, apabila raja berangkat ke Sayung dan Padang Asam untuk berburu gajah, baginda disertai penghulu-penghulu di kampung-kampung sepanjang sungai. Penghulu mendapat kuasa daripada raja. Kedudukannya ialah di antara orang besar dengan rakyat, dan penghulu adalah ahli kedua-dua pihak. Mereka menjadi wakil atau ahli orang besar tetapi tinggal di kampung dan memainkan peranan dalam masyarakat dan ekonomi kampung.

Daripada kekuasaan tradisi yang didasarkan pangkat itu, penghulu memperolehi kekuasaan moden berasaskan pendidikan pada zaman penjajah. Menurut Kratoska (1978), antara tugas penghulu yang penting pada waktu itu termasuklah:

- Menjalankan semua undang-undang kerajaan di dalam mukim.
- Mengutip cukai dengan menyimpan 10% untuk penggunaan sendiri
- Memberikan tanah mati kepada pemohon
- Mendamaikan perkelahian antara anak buahnya
- Menjaga keselamatan
- Mengadili kesalahan-kesalahan yang kurang penting, dan mendendakan yang salah.

Peranan terakhir menyebabkan perlunya diwujudkan Mahkamah Penghulu. Akta Mahkamah Rendah Bahagian VIII membicarakan *jurisdiction* dan kuasa mahkamah penghulu. Dari segi awam, mahkamah ini boleh mendengar kes-kes seperti tuntutan hutang yang tidak melebihi RM50. Dari segi jenayah, mahkamah penghulu dihadkan kepada hukuman denda semaksimum RM25 (Bhag Singh, 1992). Penghulu pada zaman penjajah pendeknya masih memainkan peranan kepemimpinan iaitu satu seni mempengaruhi orang lain ke arah potensi mereka yang maksimum untuk menyempurnakan tugas, objektif dan projek (Cohen, 1990:9). Penghulu juga dianggap memimpin kerana tugas-tugas mereka melibatkan usaha "...menerima tanggungjawab untuk menentukan nasib dirinya dan orang lain dalam hubungannya dengan pencapaian tugas" (Davies, Smith & Twigger, 1991).

Tugas-tugas penghulu diperincikan dalam surat kuasa kepada penghulu. Misalnya surat kuasa Selangor pada tahun 1896 menghuraikan tugas-tugas penghulu sebagai menyiasat parit dan taliair, empangan, sempadan, jalan dan jambatan, menjaga perigi, mencegah kerja-kerja memotong kayu dan melombong yang tidak dibenarkan. Penghulu juga memberi nasihat tentang tanaman padi,

melaporkan kelahiran dan kematian dan penyakit yang menular, menyuruh semua anak bersekolah dan bertanam cacar, memberi apa-apa pertolongan yang diminta oleh pegawai-pegawai kerajaan, memutuskan perbicaraan kecil dan menangkap penyamun.

Jelas sekali bahawa tugas-tugas ini diambil alih oleh pegawai-pegawai khusus kerajaan seperti polis, pegawai Jabatan Parit dan Taliair, Merinyu Kesihatan, Pegawai Pertanian dan pemaju masyarakat. Perubahan masyarakat akibat pembangunan menghapuskan sama sekali kuasa jawatan yang dimiliki oleh penghulu. Institusi ini mulai dipersoalkan kerelevanannya (Utusan Malaysia, 1995a; 1995b). Satu kajian kes oleh Abdul Rahman Said (1988) misalnya mendapati penghulu hanya melaksanakan tugas mengikut apa yang diarah oleh Pejabat Daerah dan kurang berkesan sebagai pemimpin kerana kehilangan kuasa dan munculnya kepemimpinan baru seperti wakil rakyat.

### Persoalan Kajian

Ikhtiar memahami fenomena kepemimpinan di Barat telah melalui tiga fasa (Schriesheim & Nierder, 1989) iaitu:

- (1) fasa [trait] yang melibatkan usaha mengenal pasti ciri-ciri sejagat yang membezakan pemimpin dengan bukan pemimpin dan pemimpin berkesan dengan pemimpin tidak berkesan.
- (2) fasa ketingkahlakuan yang memberi tumpuan kepada usaha mencari tingkah laku dan gaya kepemimpinan yang paling berkesan, dan
- (3) fasa kontingensi yang menganggap keberkesanan kepemimpinan sebagai berpunca daripada interaksi tiga faktor iaitu pemimpin, pengikut dan situasi.

Sungguh pun kepemimpinan adalah fenomena sejagat, tempo ini tidak dapat diikuti dalam kajian kepenghuluan kerana kekaburan peranan dan ketiadaan konstituen yang sah sehingga membolehkan penghulu mengenakan kuasa. Walau bagaimanapun, oleh kerana terlalu sedikit diketahui tentang tugas-tugas sebenar kepenghuluan seperti yang dilaksanakan dalam masyarakat Melayu sekarang, kajian kepenghuluan boleh dilaksanakan mengikut aliran kajian kepenghuluan yang menumpukan perhatian kepada apa yang dilakukan oleh penghulu-penghulu organisasi (Misalnya Mintzberg, 1975).

Dalam usaha memahami aktiviti penghulu-penghulu, para pengkaji cuba menjawab soalan-soalan berhubung dengan tempoh masa dan isi padu tugas yang dilaksanakan oleh para penghulu.

Tujuan akhir kajian tentang aktiviti kerja ialah untuk memperbaiki pemilihan, latihan dan perkembangan penghulu yang akan membawa kepada amalan penghulu yang lebih berkesan (Titus Oshagbemi, 1988). Kajian seperti ini perlu dilakukan terhadap kepenghulu, bukan untuk tujuan pemilihan dan latihan tetapi untuk tujuan mengkaji semula peranan institusi itu setelah kerelevanannya dalam masyarakat Melayu moden mulai dipersoalkan. Inilah tujuan kajian ini. Dengan menggunakan kaedah diari yang berupa pemerhatian sendiri oleh penghulu-penghulu yang dikaji terhadap aktiviti harian mereka, kajian ini cuba mencartakan kedudukan tugas dan peranan penghulu kini dalam sehari.

### Kepentingan Kajian

Kajian kepemimpinan di bawah tradisi psikologi telah banyak dilakukan di Malaysia tetapi tumpuannya lebih kepada konteks organisasi (misalnya Aminuddin Mohd. Yusof, 1992; Aminuddin Mohd. Yusof & Mohd. Ali Kamarudin, 1988; Isa Ramli, 1984; Khairani Abdul Hamid, 1955; Liew Wai Niew, 1984; Mohd. Husni Mohd. Isa, 1987; Norizah Sulaiman, 1984; Salmah Ahmad, 1985; See Tian Seng, 1987; Suaidah Ahmad, 1984; Teh Tian Lai, 1986; Teoh Ching Chong, 1984; Lee Mei Kuen, 1987). Sebahagian kecil memberi perhatian kepada kepemimpinan kampung (seperti Syed Husin Ali, 1977; Ishak Md. Shah, 1983; Aishah Abdul Rahman, 1983; Wan A. Rahman, 1982; Ishak Md. Shah, 1995). Tumpuan berlebihan kepada konteks organisasi menyukarkan usaha memahami kepemimpinan dalam masyarakat Melayu. Oleh itu kajian ini cuba memahami kepemimpinan dalam konteks yang tidak begitu tercemar dengan pengaruh organisasi moden.

Kajian terhadap institusi penghulu juga bukanlah baru. Beberapa kajian terdahulu telah dilakukan antara lain oleh Omar Abdullah (1976), Rahimah Aziz dan Noraini Osman (1978), Kamaliah Haji Ismail (1985), Abdul Rahman Said (1988), Tan Joo Huat (1987), Rosman Abu Bakar (1989) dan Abdul Aziz Hj. Musa (1992). Walau bagaimana pun kajian-kajian ini semuanya bersifat ideografik iaitu mendalami satu atau beberapa kes untuk melihat fungsi dan peranan penghulu. Kajian yang dilakukan di sini sebaliknya bersifat nomotetik (Shaughnessy & Zechmeister, 1993) iaitu kajian yang bertujuan untuk memantapkan generalisasi yang luas yang boleh diterapkan kepada populasi yang dikaji dan bagi mencari pola umum tentang populasi yang dikaji itu.

Kajian ini diharap dapat membantu menjelaskan isu kerelevanan institusi penghulu seperti yang ada sekarang serta membuka ruang ke arah perancangan perubahan sebuah institusi

yang dahulunya memainkan peranan penting dalam penghuluan tingkah laku manusia dalam komuniti.

### **Kaedah Kajian**

#### *Tempat Kajian*

Kajian ini dijalankan di negeri Perak Darul Ridzuan. Di negeri ini terdapat 14 buah daerah yang dikendalikan oleh Majlis Daerah dan sebuah Majlis Perbandaran. Setiap daerah dibahagikan kepada Mukim. Kesemuanya terdapat 72 buah mukim di negeri Perak yang setiap satunya mempunyai antara 1 hingga 3 orang penghulu.

#### *Subjek Kajian*

Lima puluh orang penghulu telah ditemubual untuk kajian yang lebih besar tetapi hanya 22 orang daripada mereka yang mengambil bahagian dalam kajian menggunakan diari yang dilaporkan di sini. Jumlah ini merupakan 16 peratus daripada 134 orang penghulu di negeri Perak. Daripada 22 orang seorang tidak melengkapkan diari dengan sempurna, oleh itu telah dikeluarkan daripada analisis.

#### *Alat Kajian*

Kajian-kajian terhadap aktiviti kerja para penghulu dilakukan dengan dua cara utama iaitu diari dan pemerhatian. Dalam kaedah diari para penghulu sendiri merekod aktiviti mereka sementara dalam kajian pemerhatian, pengkaji-pengkaji tinggal bersama dengan penghulu, memerhati, merekod dan menginterpretasi aktiviti penghulu. Selain daripada dua kaedah utama ini, kaedah lain yang digunakan ialah kaedah antropologi yang menghendaki pengkaji mengkaji para penghulu dalam masa yang lama untuk memahami sikap dan perhubungan. Satu sorotan yang menyeluruh tentang kajian-kajian ini dilakukan oleh Titus Oshagbemi (1988).

Kaedah diari telah didapati sesuai untuk mengkaji aktiviti kerja penghuluan organisasi. Kajian ini cuba menggunakan pula kaedah ini dalam latar penghuluan komuniti. Terdapat satu perbezaan yang penting antara kedua-dua latar ini. Dalam organisasi, nasib tugas dan nasib pekerja bergantung terlalu besar kepada kepemimpinan para penghulu tetapi dalam latar komuniti hubungan nasib tidak begitu ketara. Dari segi tugas sebaliknya penghulu juga menjalankan tugas tidak berstruktur sama seperti penghulu-penghulu. Jika benar bahawa penghulu masih relevan dengan situasi masyarakat kini tentulah mereka juga akan mempunyai jadual aktiviti kerja yang sibuk serta bekerja dalam tempoh yang amat lama.

Diari yang digunakan dalam kajian ini diasaskan kepada alat kajian yang direkabentuk oleh Titus Oshagbemi (1988) dalam



kajiannya terhadap pemimpin-pemimpin akademik. Bentuk asal diari Titus Oshagbemi (1988) direka berasaskan pengalaman beliau, kesusasteraan tingkah laku organisasi, diari dan klasifikasi kajian-kajian lalu serta kajian peranan penghulu mengikut definisi Montzberg (1975).

Diari yang digunakan dalam kajian ini mengandungi aktiviti-aktiviti yang dijangka dilakukan oleh penghulu setiap hari iaitu tulis menulis, mesyuarat berjadual, mesyuarat tak berjadual, menelefon, perjalanan, rehat, makan tengahari, ke surau atau masjid dan pertemuan/perbualan. Bagi setiap aktiviti ditanya pula jenis urusan, tempat urusan, jenis-jenis orang yang dihubungi, tempoh masa yang diambil bagi setiap aktiviti, bilangan orang yang terlibat dalam sesuatu aktiviti serta gangguan terhadap aktiviti. Subjek dikehendaki menandakan (/) sahaja pada mana-mana aktiviti yang dilakukannya setiap hari dalam masa seminggu. Untuk kemudahan dibawa ke mana-mana, diari itu telah dijilid dalam bentuk kecil. Setiap diari mengandungi 72 helai borang iaitu sehelai bagi satu aktiviti. Subjek diminta mengeposkan diari itu kepada pengkaji apabila telah menggunakan semua sekali helaian dalam buku diari itu.

#### *Tatacara Kajian*

Kaedah diari yang digunakan dalam kajian ini merupakan salah satu cara mendapatkan data dalam satu kajian pelbagai kaedah yang lebih besar. Oleh sebab itu diari kosong diberi kepada setiap penghulu ketika ditemui untuk mendapat data lain melalui temubual dan soal selidik. Subjek diterangkan cara-cara menggunakan diari itu dengan terperinci. Kemudian mereka diberi memilih tarikh mula catatan dan akan hanya berhenti mencatat sama ada apabila telah mencukupi tempoh tujuh hari atau apabila semua helaian diari telah diisi (mengikut mana yang terdahulu). Setelah itu mereka diminta menghantar kembali diari itu kepada pengkaji di dalam sampul surat berselem.

Kajian ini mengambil jangka masa yang lama kerana subjek tidak dapat ditemui serentak akibat kedudukan mereka yang tersebar di seluruh negeri. Keadaan tidak serentak ini memberi kebaikan kepada kajian kerana dengan cara itu tugas bermusim (jika ada) tidak akan mempengaruhi entri dalam diari. Dengan kata lain jangka masa berbeza bagi subjek yang berbeza menyediakan rentasan masa yang mewakili pelbagai tempoh kerja.

#### *Teknik Analisis*

Tujuan kajian ini ialah untuk mencartakan aktiviti kerja penghulu. Oleh sebab itu data dianalisis secara peratusan. Proses yang dilalui

adalah berperingkat-peringkat. Mula-mula kekerapan setiap aktiviti direkodkan dan jumlah masa (dalam minit) yang diambil untuk melakukan aktiviti itu dikira dan purata bagi sehari dicari dengan membahagikannya dengan bilangan hari diari itu dicatat. Ini menyediakan jumlah masa melakukan satu aktiviti bagi seminggu dan purata masa yang diambil untuk aktiviti itu bagi satu hari. Jumlah masa bagi satu aktiviti ini kemudiannya dikira peratusannya daripada seluruh masa yang digunakan untuk menjalankan semua tugas.

Data akhir yang dipersembahkan menunjukkan dua perkara:

- (1) Min jumlah minit yang digunakan untuk sesuatu aktiviti dalam sehari.
- (2) Taburan peratusan daripada jumlah masa yang dihabiskan oleh penghulu untuk tugas tertentu.

### Keputusan dan Perbincangan

Bagi memahami tabii kerja penghulu, kajian ini akan menghuraikan lama masa mereka bekerja, apa yang mereka buat, urusan mereka, di mana mereka bekerja, dan dengan siapa mereka berhubung.

#### *Aktiviti: Apa Penghulu Buat*

Bertentangan dengan tugas-tugas kepemimpinan dan penghuluan organisasi yang biasanya menyaksikan masa bekerja yang amat lama bagi penghulu, pada puratanya penghulu bekerja sekitar 7 jam sehari termasuk waktu rehat dan ke surau. Ini berbeza dengan kepanjangan waktu bekerja sebanyak 41-43 jam selama lima hari bekerja bagi pemimpin akademik (Titus Oshagbemi, 1988) dan 42 jam bagi penghulu industri (Stewart, 1967).

Di bawah diuraikan masa bagi pelbagai aktiviti yang dilakukan oleh penghulu. Kesemuanya terdapat sembilan jenis aktiviti yang disediakan dalam diari. Keputusan penuh dikemukakan dalam Jadual 1.

#### 1. Kerja tulis menulis

Aktiviti ini didefinisikan untuk merujuk kepada semua kerja tulis menulis sama ada surat, laporan atau membuat entri dan sebagainya. Jadual 1 menunjukkan taburan peratusan masa yang digunakan oleh penghulu untuk pelbagai aktiviti. Purata masa sehari yang dihabiskan untuk tujuan ini ialah 71 minit. Sebahagian besar daripada mereka (38.1%) menggunakan kurang 10% daripada jumlah masa untuk tujuan ini. Pada puratanya 16.49% digunakan untuk aktiviti ini.

Jadual 1 Taburan Peratusan Daripada Jumlah Masa Yang Digunakan Oleh Penghulu Untuk Pelbagai Aktiviti

	Tulis Menulis		Mesyuarat Berjactual		Mesyuarat Tak Berjactual		Telefon		Perjalanan	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
00.0-10	8	38.1	11	52.4	10	47.6	12	57.1	2	9.5
10.1-20	6	28.6	8	38.1	6		28.6	42.9	10	47.6
20.1-40	2	9.5		4.8		23.8			5	23.8
30.1-40	2	9.5		4.8					2	9.5
40.1-50	1	4.8								
Tiada			1	4.8	5	23.8	9	42.9		
<b>JUMLAH</b>	<b>21</b>	<b>100</b>	<b>21</b>	<b>100</b>	<b>21</b>	<b>100</b>	<b>21</b>	<b>100</b>	<b>21</b>	<b>100</b>
X%		16.49		9.07		8.51		1.22		22.20
SP%		12.38		6.46		5.59		1.38		14.37
X minit		71.00		38.52		26.81		2.67		96.33
SP minit		52.48		31.42		24.58		4.08		64.84

Jadual 1(2)

	Rehat/Teh		Makan Tengahari		Surau/Masjid		Pertemuan	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
00.0-10	13	61.9	14	66.7	5	23.8	7	33.3
10.1-20	5	23.8	5	23.8	12	57.1	5	23.8
20.1-40	1	4.8	2	9.5	1	4.8	5	23.8
30.1-40					1	4.8	1	4.8
40.1-50							2	9.5
Tiada	2	9.5			2	9.5		
<b>JUMLAH</b>	<b>21</b>	<b>100</b>	<b>21</b>	<b>100</b>	<b>21</b>	<b>100</b>	<b>21</b>	<b>100</b>
X%		7.64		6.05		14.30		20.16
SP%		5.73		4.47		7.21		14.72
X minit		32.29		24.10		55.57		90.05
SP minit		31.37		22.07		34.21		71.30

## 2. *Mesyuarat berjadual*

Ini ialah mesyuarat yang telah dirancang awal atau mesyuarat yang berjadual tetap. Jadual 1 menunjukkan penghulu menggunakan 38.52 minit sehari untuk mesyuarat ini iaitu purata 9.07% daripada jumlah masa. Jumlah ini menunjukkan mesyuarat berjadual tidaklah menjadi ciri tugas penghulu. 52.4% daripada subjek menggunakan kurang daripada 10% masa untuk tugas ini sementara 38.1% lagi menggunakan masa yang tinggi sedikit iaitu antara 10-20% daripada jumlah masa seminggu. Ini berbeza sekali dengan penghulu industri yang didapati menghabiskan sehingga 59% daripada jumlah masa untuk menghadiri mesyuarat (Mintzberg, 1975). Hal ini mungkin terjadi kerana kedudukan penghulu tidak lagi menjadi ahli jawatan-jawatan kuasa penting di peringkat daerah.

## 3. *Mesyuarat tak berjadual*

Ini ialah mesyuarat serta merta yang tidak dirancang terlebih dahulu. Ia merangkumi pada puratanya 26.81 minit sehari. 47.6% atau hampir separuh daripada penghulu menghabiskan masa untuk tugas ini di bawah 10% daripada masa bekerja. Pada puratanya mesyuarat ini mengambil 8.51% daripada jumlah masa.

## 4. *Menelefon*

Menggunakan telefon nampaknya bukanlah satu daripada ciri pekerjaan penghulu. Pada puratanya mereka hanya menggunakan 1% daripada masa kerja seminggu untuk ini. 9 orang atau 42.9% tidak mencatat masa penggunaan telefon selama seminggu. Hanya 12 orang menggunakan telefon dan itu pun di bawah 10% daripada masa bertugas. Kebanyakan balai penghulu tidak dibekalkan dengan kemudahan telefon kecuali balai-balai yang terletak di Pejabat Daerah. Oleh itu tidaklah menghairankan bahawa penggunaan telefon untuk tugas amat sedikit dilakukan.

## 5. *Perjalanan*

Oleh kerana tugas penghulu secara idealnya melibatkan pertemuan dan lawatan ke kampung-kampung di bawah tadbiran mukim masing-masing maka adalah dijangka mereka akan membuat banyak perjalanan. Perjalanan termasuk di sini pergerakan menuju ke sesuatu tempat kerana sesuatu urusan. Pada puratanya perjalanan mengambil masa 96.33 minit sehari. Ini merangkumi 22.20% daripada seluruh masa.

### 6. *Rehat/teh/kopi*

Pada puratanya penghulu menggunakan 32.29 minit sahaja untuk tujuan rehat. 61.9% menggunakan kurang daripada 10% daripada masa untuk tujuan itu. Aktiviti ini merangkumi 7.64% daripada masa.

### 7. *Makan tengahari*

Masa diambil untuk makan tengahari juga mencakupi purata 24.10 minit iaitu 6.05% daripada seluruh masa.

### 8. *Surau/Masjid*

Surau dan masjid merupakan salah satu saluran penting komunikasi ke atas dan ke bawah di antara pemimpin dengan pengikut dalam masyarakat Melayu. Sama ada penghulu menggunakan saluran ini dapat dikesan daripada kehadiran mereka di surau dan masjid. Purata yang digunakan untuk tujuan ini ialah 55.57 minit sehari. Kira-kira 4.8% menggunakan antara 20-30% masa mereka untuk tujuan ini. Pada puratanya aktiviti ini mengambil 14.30% daripada masa.

### 9. *Pertemuan*

Tugas penghulu yang utama bersifat hubungan dengan orang ramai. Oleh itu pertemuan dan perbualan mungkin menjadi sebahagian daripada tugas yang penting. Didapati bilangan yang besar (47.6%) menggunakan antara 10-30% daripada masa mereka untuk tujuan bertemu dengan orang ramai. Pada puratanya 90.05 minit digunakan untuk tujuan ini, dan ini merupakan 20.16% daripada jumlah masa.

## Kandungan Tugas Penghulu

Di atas telah ditunjukkan masa yang digunakan oleh penghulu untuk tujuan aktiviti-aktiviti tertentu. Aktiviti-aktiviti tersebut dilakukan untuk melaksanakan urusan-urusan tertentu. Dalam bahagian ini dihuraikan pula urusan-urusan tersebut. Urusan ini dibahagikan kepada dua jenis iaitu yang bersifat tugasan atau tingkah laku tugas (Jadual 2) dan yang bersifat sosio-emosi (Jadual 3).

### 1. *Pengurusan*

Termasuk dalam kategori ini ialah hal-hal pentadbiran seperti tanah, taliair, tanam semula, banjir, program pembangunan rakyat termiskin

dan sebagainya. Terdapat taburan yangimbang dalam peratusan masa yang digunakan oleh penghulu untuk urusan penghulu. Sebahagian besarnya menggunakan antara 20-40% daripada seluruh masa yang dicatatkan untuk tujuan penghulu. Bahkan ada yang menjangkau sehingga 60% daripada jumlah masa. Perbezaan taburan masa yang luas menunjukkan perbezaan masalah yang ditangani. Bagi setengah-setengah tempat penghulu sedang sibuk menguruskan Program Pembangunan Rakyat Termiskin. Pada puratanya urusan ini memakan masa 130.86 minit iaitu 30.62% daripada jumlah masa.

**Jadual 2 Taburan Peratusan Daripada Jumlah Masa Yang Digunakan Oleh Penghulu Untuk Urusan Tugas**

	Pengurusan		Lawatan		Perundingan		Percikaraan	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
00.0-10	2	9.5	14	66.7	12	57.1	5	23.8
10.1-20	4	19.0	3	14.3	2	9.5		
20.1-30	5	23.8	2	9.5	1	4.8		
30.1-40	5	23.8	1	4.8	2	9.5		
40.1-50	2	9.5			4	19.0		
50.1-60	2	9.5						
60.1-70	1	4.8						76.2
Tiada			1	4.8			16	
<b>JUMLAH</b>	<b>21</b>	<b>100</b>	<b>21</b>	<b>100</b>	<b>21</b>	<b>100</b>	<b>21</b>	<b>100</b>
X%		30.62		10.97		10.48		3.12
SP%		17.70		9.88		9.60		3.28
X minit		130.86		41.81		34.90		3.24
SP minit		79.91		37.31		29.32		8.00

## 2. Lawatan

Tugas lawatan ke kampung-kampung termasuk melihat pelaksanaan projek. Tugas seperti ini mungkin semakin berkurangan dengan pengkhususan pegawai-pegawai pembangunan masyarakat yang semakin bertambah. Majoriti penghulu menggunakan hanya 10% daripada jumlah masa untuk tujuan ini, dengan purata 41.81 minit sehari.

## 3. Perundingan

Perundingan didefinisikan sebagai memberi perkhidmatan nasihat kepada anak buah dan orang ramai tentang segala hal yang ada

dalam kemampuan seseorang penghulu. Majoriti penghulu yang dikaji (57.1%) menggunakan kurang daripada 10% jumlah masa untuk tugas perundingan. Walau bagaimanapun terdapat sebilangan yang menggunakan lebih 40% daripada jumlah masa untuk tujuan ini. Dalam sehari kegiatan ini mengambil masa 34.90 minit.

#### 4. *Perbicaraan*

Seperti yang telah disebut lebih dahulu, penghulu mengikut huraian tugas asalnya diberi kuasa mempengerusikan persidangan mahkamah. Tetapi ini tidak dilaksanakan lagi kini walau pun kuasa itu kekal dalam akta. Keputusan dalam Jadual 2 jelas membuktikan ini. Daripada jumlah penghulu yang dikaji, hanya 5 orang terlibat dalam perbicaraan mahkamah dan menghabiskan kurang 10% daripada masa untuk perbicaraan. Perbicaraan ini bukanlah sebagai pengerusi mahkamah tetapi sebagai juri atau saksi kepada perbicaraan dalam mahkamah lain.

Jadual 3 pula menunjukkan taburan peratusan daripada jumlah masa yang digunakan untuk urusan bersifat sosio-emosi.

##### 1. *Kemasyarakatan*

Di dalam kategori ini didefinisikan urusan berhubung dengan kebajikan masyarakat seperti gotong royong, kematian, orang sakit dan sebagainya. Sebahagian besar daripada penghulu yang dikaji mengambil kurang 20% daripada jumlah masa untuk urusan kemasyarakatan, 8 orang kurang daripada 10% dan 7 antara 10-20%. Pada puratanya mereka menghabiskan masa 55.48 minit dalam sehari untuk urusan ini iaitu mencakupi 14.08%.

##### 2. *Perayaan/Kenduri*

Menghadiri kenduri mungkin merupakan tugas peribadi bagi orang biasa tetapi bagi penghulu ini boleh termasuk dalam tugas rasmi mereka sebagai pemimpin masyarakat. Penghulu juga perlu menyertai perayaan seperti hari ucapan sekolah, maulid rasul, pertandingan quran dan sebagainya di mukim masing-masing. Walau bagaimanapun hanya 9 orang daripada penghulu yang dikaji menyatakan masa yang diambil untuk urusan ini dan kesemua mereka menggunakan kurang 10% daripada masa untuk urusan ini. Berasaskan catatan masa sembilan orang ini purata masa yang digunakan dalam sehari ialah 6.24 minit. Keputusan ini mungkin kerana kajian ini tidak dilakukan dalam musim perayaan.

Jadual 3 Taburan Peratusan Daripada Jumlah Masa Yang Digunakan Oleh Penghulu Uuntuk Urusan Sosio-Emosi

	Kemasyarakatan		Perayaan/ Kenduri		Peribadi		Lain-lain	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
00.0-10	8	38.1	9	42.9	7	33.3	7	33.3
10.1-20	7	33.3			5	23.8	5	23.8
20.1-30	5	23.8			3	14.3	2	9.5
30.1-40					4	19.0		
40.1-50					-		-	
50.1-60					1	4.8	1	4.8
60.1-70					-		1	4.8
70.1-80					1	4.8		
Tiada	1	4.8	12	57.1			-	
<b>JUMLAH</b>	<b>21</b>	<b>100</b>	<b>21</b>	<b>100</b>	<b>21</b>	<b>100</b>	<b>21</b>	<b>100</b>
X%		14.08		3.71		22.68		15.80
SP%		8.82		2.06		18.03		17.93
X minit		55.48		6.24		100.38		57.62
SP minit		42.60		8.61		90.24		91.76

### 3. Peribadi

Sebahagian daripada aktiviti yang dihuraikan dalam bahagian pertama di atas adalah dilakukan untuk urusan peribadi. Terdapat responden yang menggunakan sehingga 40% daripada masa untuk tugas peribadi. Walau bagaimanapun lebih ramai yang menggunakan kurang daripada 20% untuk urusan ini. Pada puratanya subjek menggunakan 100.38 minit dalam sehari untuk urusan peribadi iaitu 22.68% daripada jumlah masa.

### 4. Lain-lain

Sebahagian daripada tugas penghulu tidak dapat dikategorikan dalam urusan-urusan yang disebut di sini dan dimasukkan ke dalam kategori lain-lain. Majoriti menghabiskan kurang 20% daripada masa untuk tujuan ini. Ini pada puratanya merangkumi 57.62 minit sehari.

### Di Mana Penghulu Menjalankan Tugas

Oleh kerana kepelbagaian tugas, penghulu juga menjalankan tugas di pelbagai tempat. Diari yang digunakan menetapkan tempat-tempat



itu di pejabat sendiri, pejabat lain, kampung, kedai, rumah orang, rumah sendiri dan masjid/surau. Ini digambarkan dalam Jadual 4.

**Jadual 4 Taburan Peratusan Daripada Jumlah Masa Yang Digunakan Oleh Penghulu Di Tempat-Tempat Berkenaan**

	Pejabat Sendiri		Pejabat Lain		Kampung		Kedai		Rumah Orang	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
00.0-10	2	9.5	6	28.6	3	14.3	14	66.7	13	61.9
10.1-20	9	42.9	8	38.1	10	47.6	3	14.3		
20.1-30	4	19.0	3	14.3	3	14.3	1	4.8		
30.1-40	2	9.5	1	4.8	3	14.3				
40.1-50	3	14.3	1	4.8	1	14.3				
50.1-60	1	4.8	-		1	4.8				
60.1-70			1	4.8						
Tiada			1	4.8			-	3 14.3	8 38.1	
<b>JUMLAH</b>	<b>21</b>	<b>100</b>	<b>21</b>	<b>100</b>	<b>21</b>	<b>100</b>	<b>21</b>	<b>100</b>	<b>21</b>	<b>100</b>
X%	24.24		19.83		21.3		67.40		4.56	
SP%	14.73		15.05		12.09		6.63		2.43	
X minit	104.48		79.33		90.24		26.90		11.67	
SP minit	64.92		60.20		60.01		26.91		12.13	

**Jadual 4(2)**

	Rumah Sendiri		Surau/Masjid	
	Bil.	%	Bil.	%
00.0-10	6	28.6	5	23.8
10.1-20	9	42.9	8	38.1
20.1-30	3	14.3	3	14.3
30.1-40			2	9.5
40.1-50			1	4.8
Tiada	3	14.3	2	9.5
<b>JUMLAH</b>	<b>21</b>	<b>100</b>	<b>21</b>	<b>100</b>
X%		13.03		16.08
SP%		7.65		10.51
X minit		49.33		61.52
SP minit		43.63		41.12

### 1. *Pejabat Sendiri*

Masa yang paling banyak dihabiskan di pejabat sendiri dengan purata 104.48 minit sehari. Majoriti penghulu yang dikaji menghabiskan antara 10-40 peratus daripada seluruh masa di pejabat sendiri (9 orang di antara 10-20% dan 4 orang di antara 20-30%). Berbanding dengan para penghulu yang menghabiskan purata 51% daripada masa mereka di pejabat sendiri, jumlah peratusan bagi penghulu ini adalah sangat kurang. Ini mungkin menggambarkan tabii kerja mereka yang lebih bersifat lapangan.

### 2. *Pejabat Lain*

Pada puratanya 79.33 minit sehari dihabiskan dengan urusan di pejabat lain seperti pejabat daerah, pejabat agama, pejabat pertanian dan seumpamanya. Kira-kira 66.7% daripada subjek kajian menggunakan antara 0-20% daripada masa di pejabat lain.

### 3. *Kampung*

Urusan di kampung juga berbeza-beza antaran penghulu. Sepuluh orang menghabiskan masa kerana urusan di kampung iaitu di antara 10-20 peratus daripada jumlah masa yang dicatatkan.

### 4. *Kedai*

66.7% responden menggunakan kurang 10% daripada jumlah masa di kedai, dengan purata 26.90 minit sehari.

### 5. *Rumah Orang*

Urusan di rumah penduduk juga mengambil masa yang sedikit iaitu purata 11.67 minit sehari. Majoriti (61.4%) menggunakan kurang 10% daripada jumlah masa bertugas di rumah orang sementara 38.1% lagi tidak menyatakan masa.

### 6. *Rumah Sendiri*

Urusan di rumah sendiri mengambil masa lebih lama daripada di rumah orang lain iaitu dengan purata 49.33 minit sehari. Kira-kira 42.9% daripada penghulu mengambil antara 10-20% daripada jumlah masa di rumah sendiri.

### 7. Surau/Masjid

Kira-kira 61.52 minit sehari dihabiskan di surau/masjid dengan majoriti (38.1%) menggunakan antara 10-20% daripada jumlah masa yang dicatatkan. Terdapat juga yang menghabiskan masa sehingga 30-50% daripada jumlah waktu yang dicatatkan.

### Kontak dengan Orang Lain

Bahagian ini memeriksa peratusan daripada jumlah masa yang dihabiskan oleh penghulu yang dikaji bersama orang perseorangan, rakan pegawai lain, kakitangan pejabat, keluarga atau bersendirian. Keputusan diperlihatkan dalam Jadual 5.

**Jadual 5** Taburan Peratusan Daripada Jumlah Masa Yang Digunakan Oleh Penghulu Untuk Berhubung Dengan Orang Berkenaan

	Orang Perseorangan		Kakitangan Pejabat		Pegawai Lain		Ahli Keluarga		Sendirian	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
00.0-10	1	4.8	9	42.9	7	33.3	6	28.6	3	14.3
10.1-20	4	19.0	8	38.1	7	33.3	6	33.3	7	33.3
20.1-30	8	38.0	2	9.5	5	23.8	4	19.0	4	19.0
30.1-40	4	19.0	1	4.8	1	4.8	1	4.8	2	9.5
40.1-50	1	4.8	1	4.8	1	4.8	1	4.8	4	19.0
50.1-60	1	4.8								
60.1-70	2	9.5							1	4.8
Tiada							3	14.3		
<b>JUMLAH</b>	<b>21</b>	<b>100</b>	<b>21</b>	<b>100</b>	<b>21</b>	<b>100</b>	<b>21</b>	<b>100</b>	<b>21</b>	<b>100</b>
X%	31.18		12.36		16.70		17.73		24.04	
SP%	17.18		9.75		11.44		15.96		15.56	
X minit	24.14		49.76		68.33		68.67		101.05	
SP minit	67.99		47.63		46.30		89.00		74.14	

Purata 124.14 minit sehari dihabiskan bersama orang perseorangan. Jadual 5 menunjukkan 38.1% daripada responden menghabiskan 20-30% daripada masa bersama orang perseorangan. Yang lain-lain bertabur hampir sama banyak dengan dua orang menggunakan antara 60-70% daripada masa dengan orang

perseorangan. Pada puratanya 31.18 masa digunakan bersama orang perseorangan.

Secara purata 49.76 minit dihabiskan bersama kakitangan pejabat dalam sehari dengan 42.9% menggunakan kurang daripada 10% daripada jumlah masa. Penghulu hanya mempunyai seorang kakitangan pejabat sahaja iaitu kerani penghulu. Oleh sebab itu tidak hairanlah jika hanya kurang satu jam sehari dihabiskan bersama mereka. Sementara itu majoriti penghulu yang dikaji juga menggunakan kurang 20% daripada jumlah masa mereka dengan pegawai lain. Ini termasuklah pegawai daerah, guru besar dan pegawai-pegawai kerajaan yang lain seperti pertanian, Kemas dan sebagainya. Pada puratanya 68.33 minit sehari digunakan bersama pegawai-pegawai ini.

**Jadual 6** Taburan Peratusan Daripada Jumlah Masa Yang Digunakan Oleh Penghulu Bersama Bilangan Orang Berikut


	1 orang		2-5 orang		6-20 orang		21-50 orang		50 orang ke atas	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
00.0-10	6	28.6	2	9.5	4	19.0	6	28.6	6	28.6
10.1-20	7	33.3	1	4.8	3	14.3	6	28.6	4	19.0
20.1-30	5	23.8	5	23.8	4	19.0	1	4.8	2	9.5
30.1-40	1	4.8	1	4.8	5	23.8	2	9.5		
40.1-50	1	4.8	7	33.3	1	4.86				
50.1-60			3	14.3	1	4.8				
60.1-70			2	9.5					1	4.8
70.1-80									1	4.8
Tiada	1	4.8	-	-	3	14.3	6	28.6	7	33.3
<b>JUMLAH</b>	<b>21</b>	<b>100</b>	<b>21</b>	<b>100</b>	<b>21</b>	<b>100</b>	<b>21</b>	<b>100</b>	<b>21</b>	<b>100</b>
X%	17.34		38.57		25.26		14.34		19.54	
SP%	10.89		17.09		14.54		9.13		22.63	
X minit	36.00		107.956		6.10		29.62		38.86	
SP minit	23.73		88.51		57.44		26.74		60.78	

Sejumlah masa yang hampir sama dihabiskan bersama ahli-ahli keluarga iaitu purata 68.67 minit sehari. Golongan yang terbanyak (33.3%) menghabiskan antara 10-20% daripada jumlah masa mereka dengan keluarga. Jumlah masa yang dihabiskan bersendirian pula adalah berbeza antara penghulu-penghulu. Kira-kira 52.3%

menggunakan antara 10-30% daripada jumlah masa secara bersendirian. Pada puratanya mereka mengambil 101.05 minit sehari bertugas secara bersendirian.

Jadual 6 pula memperlihatkan lama masa diambil bagi kontak dengan bilangan orang yang terlibat. Purata 36.00 minit sehari dihabiskan dengan seorang lain dengan majoriti menggunakan kurang 20% daripada jumlah masa (0-10% enam orang dan 10.1-20% tujuh orang). Kontak dengan 2-5 orang mengambil masa yang paling tinggi iaitu purata 107.95 minit sehari. Walau bagaimanapun taburannya agak tersebar dengan masa yang digunakan menganjur dari 10-70% daripada seluruh masa kerja.

Rajah 1: Purata Minat Aktiviti Kepenghuluhan Dalam Sehari



#### PETUNJUK

- V03 - Tulis menulis
- V04 - Mesyuarat Berjadual
- V05 - Mesyuarat tak Berjadual
- V06 - Menelefon
- V07 - Perjalanan


- V08 - Rehat/Minum
- V09 - Makan Tengahari
- V10 - Surau/Masjid
- V11 - Pertemuan/Perbualan

Purata 66.10 minit digunakan berkontak dengan 6-20 orang. Di sini juga taburan peratusan daripada jumlah semua masa adalah tersebar dalam bilangan yang sama banyak antara peratusan yang digunakan daripada semua jumlah masa. Purata masa yang dihabiskan untuk berkontak dengan 21-50 orang juga rendah iaitu 29.62 minit sehari dan dengan 50 orang ke atas 38.86 minit sehari.

### Rumusan Masa Bertugas

Berasaskan purata minit yang digunakan untuk setiap aktiviti seperti yang telah diuraikan terdahulu, histogram seperti Rajah 1 telah dibina bagi memperlihatkan perbandingan masa antara pelbagai aktiviti. Rajah 1 menunjukkan masa paling lama dihabiskan dalam perjalanan iaitu 96.33 minit sehari diikuti dengan pertemuan atau perbualan (1.90.05 minit), aktiviti tulis menulis (71 minit) dan aktiviti surau (55.57 minit). Aktiviti-aktiviti lain iaitu mesyuarat berjadual dan tak berjadual, waktu rehat dan makan mengambil masa kurang daripada sejam.

Rajah 2: Purata Minat Urusan Kepenghuluan Dalam Sehari



### PETUNJUK

V12 - Pengurusan

V13 - Lawatan

V14 - Perundingan/Nasihat

V15 - Perbicaraan

V16 - Kemasyarakatan

V17 - Kendiri/Perayaan

V18 - Peribadi

V19 - Lain-lain

Purata minit bagi setiap urusan untuk aktiviti-aktiviti di atas dalam sehari juga diplotkan dalam histogram dalam Rajah 2. Masa yang paling lama (130.86 minit) digunakan untuk penghuluan diikuti oleh urusan peribadi sehingga 100.38 minit sehari, lain-lain urusan (57.62 minit), kemasyarakatan (56 minit sehari) dan lawatan (41.81 minit). Urusan perundingan mengambil masa 41.81 minit sehari.

### Kesimpulan

Kajian ini cuba mengklasifikasikan tugas-tugas penghulu dan memperlihatkan peruntukan masa yang digunakan oleh penghulu untuk urusan-urusan berkenaan. Apa yang diperlihatkan di sini hanyalah satu aspek daripada kehidupan kepenghulu. Satu kesimpulan umum yang boleh ditarik ialah bahawa tugas penghulu amat kabur dan tidak didefinisi dengan jelas. Kecuali tugas penghulu yang mengambil masa sekitar dua jam sehari, masa untuk tugas-tugas lain lebih rendah peratus penggunaannya berbanding dengan urusan yang diklasifikasi sebagai urusan peribadi.

Kajian ini menyokong dapatan-dapatan terdahulu yang menunjukkan pengurangan kuasa dan peranan penghulu ketika masyarakat Melayu memasuki era praperindustrian ini. Namun begitu tingginya jumlah masa yang digunakan untuk pertemuan dengan orang ramai boleh digunakan sebagai panduan untuk memberi arah dan fungsi baru kepada kepenghulu.

Kepenghulu dalam makna sebenarnya seperti yang dibincangkan lebih awal sama maknanya dengan kepemimpinan. Oleh itu institusi penghulu mesti terus dihidupkan tetapi bukan dalam makna kepemimpinan tradisional, sebaliknya dalam bentuk baru kepemimpinan profesional (Warner, 1983). Institusi penghulu hendaklah diberi fungsi baru pembangun komuniti yang akan bertindak sebagai pekerja profesional atau agen perubahan. Di antara cara bagaimana pemimpin diklasifikasikan ialah berasaskan sama ada mereka merupakan pemimpin tugas atau pemimpin sosial (Nix, 1983). Pemimpin tugas ialah pakar tentang sesuatu. Mereka melihat keadaan-keadaan dalam komuniti yang perlu diperbaiki dan dengan itu menggerakkan perubahan secara teknikal. Pemimpin sosial pula adalah pemimpin pengaman atau pemimpin proses. Dia adalah pemimpin yang lebih mengambil berat akan orang ramai serta kelompok dan hubungan antara satu sama lain. Pemimpin ini mengurangkan perpecahan, memperbaiki hubungan, dan mengekalkan sistem sosial komuniti.

Fungsi kedua inilah yang perlu diberi kepada penghulu. Tetapi fungsi ini harus diberi wajah baru dalam bentuk kepemimpinan profesional yang disebut terdahulu. Dengan memberi latihan profesional pembangunan organisasi, penghulu profesional ini akan dapat antara lain membantu mengenal pasti masalah komuniti serta tujuan dan matlamat pembangunan komuniti, mengenal pasti akibat alternatif pembangunan, memperkukuhkan hubungan dengan individu dan kelompok, merangsang interaksi komuniti dan mempersatukan pelbagai kelompok yang bercapah. Dengan cara ini kepenghuluan akan dapat dipindahkan daripada kepemimpinan tradisional kepada kepemimpinan profesional.

### Rujukan

- Abdul Aziz bin Haji Musa. 1992. Institusi penghulu: Peranannya dalam dakwah Islamiyyah; Satu tinjauan terhadap penghulu-penghulu di Perak Tengah. Latihan Ilmiah Sarjana Muda Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Rahman Said. 1988. Institusi Penghulu di Terengganu. Latihan Ilmiah Sarjana Muda Sastera, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abd. Samad Hj. Sabri. 1983. Peranan Penghulu dari Kaca Mata Seorang Pegawai Daerah. Kertas Kerja Seminar Penghulu-Penghulu Perak di INTAN, Sungai Petani, Kedah, pada 4 Mei 1983.
- Aishah Abdul Rahman. 1983. Hubungan antara persepsi tingkah laku kepimpinan dengan sikap terhadap pembangunan: Satu kajian kes di kalangan peneroka-peneroka sebuah rancangan Felda di Kedah. Latihan Ilmiah Sarjana Muda Sastera. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Aminuddin Mohd Yusof. 1992. Tingkah laku Pemimpin: Faktor-Faktor Wujudulu dan Sumbangannya kepada Keberkesanan Kepemimpinan. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Aminuddin Mohd Yusof dan Mohd. Ali Kamarudin. 1988. Kepimpinan Pemuda UMNO: Antara Personaliti dan Situasi. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azlina Jusoh. 1989. Hubungan di antara Layanan Ibu Bapa Terhadap Anak dan Aliran Pendidikan dengan Gaya Kepimpinan (LPC) di kalangan Pemimpin-Pemimpin Persatuan Mahasiswa UKM. Latihan Ilmiah Sarjana Muda Sastera. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bennis, W. & Nanus, B. 1985. *Leaders: The Strategy for Taking Charge*. New York: Harper & Row.



- Berita Penghulu/Pengguna Semananjung Malaysia*. 1993. Edisi Ke-3 Jun.
- Bhag Singh. 1992. Penghulu's court and its limitations. *The Star*, 27 Oktober 1993.
- Cohen, W.A. 1990. *The Art of The Leader*. Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice Hall.
- Danadjaja, J. 1988. Kebudayaan Penduduk Kalimantan Tengah Dalam Koentjaraningrat (Pnyt.). *Manusia dan Kebudayaan Indonesia* (Hlm. 118-142). Jakarta: Penerbit Jambatan.
- Davies, G., Smith, M. & Twigger, W. 1991. Leading people: a model of choice and fate for leadership development. *Leadership & Organization Development Journal*, 12(1), 7-11.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. 1970. *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Pengarang.
- Fiedler, F.E. 1967. *A Theory of Leadership Effectiveness*. New York: McGraw Hill.
- Fransella, F. & Bannister, D. 1977. *A Manual for Repertory Grid Technique*. London: Academic Press.
- Gullick, J.M. 1989. *Malay Society in the Late Nineteenth Century: The Beginnings of Change*. Singapore: Oxford University Press.
- Isa Ramli. 1981. Leadership behavior of the Directors of Education, Malaysia. Disertasi Ph.D. The American University, Washington.
- Ishak Mad Shah. 1983. Dinamik kepemimpinan dalam komuniti luar bandar: Satu kajian mengenai hubungan di antara jenis pemimpin dengan tugas dan ciri kepimpinan. Latihan Ilmiah Sarjana Muda Sastera. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ishak Md. Shah. 1995. Kesan Budaya Kemiskinan Kepada Hubungan di antara Tingkah Laku Kepemimpinan Ketua Kampung dengan Mutu Hidup Penduduk Kampung. Tesis Sarjana Sastera, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamaliah Haji Ismail. 1985. Penghulu dan perubahan: Satu kajian di Muar Johor. Latihan Ilmiah Sarjana Muda Sastera. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kratoska, D.H. 1978. Perubahan Pernan Penghulu dalam Masa Penjajahan, Terutama di Perak. Kertas Kerja Kongres Sejarah Malaysia, 10-12 April 1978, anjuran Persatuan Sejarah Malaysia.
- Lee Mei Kuen. 1989. Hubungan di antara faktor persekitaran organisasi dengan tingkah laku kepemimpinan. Latihan Ilmiah Sarjana Muda Sastera. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Liew Wai Niew. 1984. *Model Kontingensi Keberkesanan Kepemimpinan: Satu Kajian Pengesahan Empirikal*. Latihan Ilmiah Sarjana Muda Sastera. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mintzberg, H. 1975. The Managers Job: Folklore and Facts. *Harvard Business Review*, Julai-Ogos: 49-61.

- Mmobuosi, I.B. 1991. Fellowship behaviour: aneglected aspect of leadership studies. *Leadership & Organization Development Journal*, 12(1), 11-16.
- Mohd. Husni Mohd. Isa. 1987. Hubungan di antara Kecerdasan dan Pencapaian Akademik dengan Pemilihan Pemimpin-Pemimpin Pelajar. Latihan Ilmiah Sarjana Muda Sastera. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nix, H.L. 1983. Concepts of community and community leadership. Dlm. Lassey, W.R. & Sashkin, M. (Pnyt.). *Leadership and Social Change* (Ed.3). San Diego, California: University Associates, hlm. 238-250.
- Norizah Sulaiman. 1984. Gaya dan keberkesanan kepemimpinan di kalangan pegawai-pegawai bumiputera: Satu kajian di beberapa agensi kerajaan. Latihan Ilmiah Sarjana Muda Sastera. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Payang Bangun. 1988. Kebudayaan Batak Dalam Koentjaramingrat (Pnyt.). *Manusia dan Kebudayaan Indonesia* (hlm. 94-117). Jakarta: Penerbit Jambatan.
- Raja Chulan. 1966. *Misa Melayu*. Kuala Lumpur. Penerbit Pustaka Antara.
- Raja Razman Raja Abdul Hamid, Haji Meor Shamsuddin & Husain Mahmud. 1963. *Hulu Perak Dalam Sejarah*. Ipoh: Pengarang.
- Rahimah Aziz & Noraini Osman. 1978. Peranan penghulu dalam pembangunan. Laporan Projek 1977/78, Jabatan Antropologi dan Sosiologi. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rosman Abu Bakar. 1989. Institusi penghulu dalam proses pembangunan setempat: Satu kajian kes di Mukim Nilai, Seremban. Latihan Ilmiah Sarjana Muda Sastera. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- S.Husin Ali. 1982. *Masyarakat dan Pimpinan Kampung di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Salmah Ahmad. 1985. Tingkah laku kepemimpinan dan hubungannya dengan kepuasan kerja di kalangan pekerja yang tugasnya berstruktur dan tidak berstruktur. Latihan Ilmiah Sarjana Muda Sastera. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Schriesheim, C.a. & Neider, L.L. 1989. Leadership theory and development: the coming "New Phase". *Leadership & Organization Development Journal*, 10(6), 17-26.
- See Tian Seng. 1987. Tingkah laku kepemimpinan ketua jururawat yang bercorak kerjasama, persaingan atau individualistik dan hubungannya dengan reaksi para pengikut. Latihan Ilmiah Sarjana Muda Sastera. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shaughnessy, J.J. & Zechmeister, E.B. 1990. *Research Methods in Psychology*. New York: McGraw-Hill.

- Stewart, R. 1967. *Managers and Their Jobs: A Study of Similarities and Differences in the Ways Managers Spend Their Time*. London: McGraw-Hill.
- Suaidah Ahmad. 1984. Tingkah laku kepemimpinan guru besar dan hubungannya dengan kepuasan, tekanan dan prestasi kerja guru-guru. Latihan Ilmiah Sarjana Muda Sastera. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Swierczek, F.W. 1991. Leadership and culture: comparing Asian managers. *Leadership & Organization Development Journal*, 12(7), 3-10.
- Teoh Ching Chong. 1984. Hubungan antara orientasi pemimpin dengan tingkah laku kepemimpinan dengan keberkesanan kelompok kerja di bawah keberuntungan situasi: Satu kajian Empirik Model Kontingensi. Latihan Ilmiah Sarjana Muda Sastera. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Teh Tian Lai. 1986. Kesan jantung ke atas hubungan antara kepemimpinan dengan kepuasan kerja di kalangan pekerja-pekerja hospital. Latihan Ilmiah Sarjana Muda Sastera. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Titus Oshagbemi. 1988. *Leadership and Management in Universities*. Britain and Nigeria. New York: Walter de Gruyter.
- Umar Junus. 1988. Kebudayaan Minangkabau. Dlm. Koentjaraningrat (Pnyt.). *Manusia dan Kebudayaan Indonesia* (Hlm.248-265). Jakarta: Penerbit Jambatan.
- Wan Abdul Rahman. 1982. Changing perception of leadership among the rural Malays in Kelantan. *Malaysia in History*, 25, 81-87.
- Wan Abdul Rahman. 1978. The politics of awkward: Peasants and the dynamics of local authority structures in Kelantan. Tesis Sarjana Monash University, Australia.
- Warner, P.D. 1983. Professional leadership roles in community development. Dlm. Lassey, W.R. & Sashkin, M. (Pnyt.). *Leadership and Social Change* (Ed.3). San Diego, California: University Associates, hlm. 260-269.

# STATUS PULAU SIPADAN DAN PULAU LIGITAN DARI SEGI SEJARAH: ESEI DAN DOKUMEN

---

Nik Anuar Nik Mahmud

Jabatan Sejarah, UM

## I

Dalam dekad 1980-an, Malaysia telah dikejutkan oleh tuntutan Indonesia ke atas dua buah pulau miliknya. Pertikaian ke atas kedua-dua buah pulau itu berlaku apabila Indonesia menolak wilayah Pelantar Laut Malaysia, seperti yang ditetapkan dalam peta Malaysia (1979). Pihak Indonesia mendakwa bahawa pulau-pulau tersebut termasuk dalam wilayah perairannya. Tuntutan Indonesia itu agak aneh memandangkan Belanda yang mempunyai kepentingan secara langsung ke atas wilayah tersebut pada satu ketika dahulu tidak pula mendakwa atau menuntut hak milik ke atas mana-mana pulau di Telok Sibuco. Malahan pihak berkuasa Belanda pernah mengakui bahawa all the islands of the northern coasts of Borneo sebagai milik Kesultanan Sulu.<sup>1</sup> Tujuan utama kertas kerja ini adalah untuk membuktikan bahawa kedua-dua buah pulau tersebut merupakan sebahagian daripada wilayah Malaysia.

## II

Pulau-pulau yang menjadi pertikaian antara Malaysia dengan Indonesia adalah terletak berhampiran dengan pantai Sabah, iaitu di Teluk Sibuco. Pulau Sipadan terletak di garis lintang 4°06'39" utara dan garis bujur 118°37'56" Timur. Keluasan pulau ini adalah dianggarkan seluas 7.68 ekar sahaja. Pulau ini terletak lebih kurang 7 batu di selatan Pulau Mabul. Pulau Ligitan pula terletak di garis Lintang 04°09'48" Utara dan garis bujur 118°53'04" Timur.

Dari segi sejarah, sebahagian daripada wilayah Borneo Utara, termasuk pulau-pulaunya sekali, adalah sebahagian daripada tanah jajahan Sultan Sulu. Wilayah tersebut telah diperolehi daripada Sultan Brunei dalam tahun 1704.<sup>2</sup> Wilayah ini telah dipajak ataupun diserahkan oleh Sultan Sulu kepada kuasa-kuasa asing beberapa kali.<sup>3</sup> Pada 22 Januari 1878, Sultan Jamalul-Alam telah menyerahkan wilayahnya di Borneo Utara, termasuk kesemua pulau dalam lingkungan tiga liga

laut, kepada Baron de Overbeck dan Alfred Dent.<sup>4</sup> Penyerahan itu bagaimanapun tidak melibatkan gugusan pulau Penyu<sup>5</sup>, termasuk juga Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan. Ini kerana pulau-pulau itu terletak di luar lingkungan tiga liga laut.

Oleh kerana pulau-pulau itu amat penting kepada Syarikat, maka pada 22 April 1903, satu perjanjian baru yang dikenali sebagai perjanjian Confirmation of Cession of certain Islands off North Borneo telah dimeterikan bagi memperakui hak milik Syarikat ke atas kesemua pulau yang terletak di perairan Borneo Utara.<sup>6</sup> Dengan termeterinya perjanjian ini, gugusan kepulauan penyu dan pulau-pulau di telok Sibuco, termasuk juga Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan, telah dianggap oleh Syarikat British sebagai miliknya.

Walaupun demikian, keabsahan perjanjian itu telah dicabar oleh pihak Amerika. Amerika, yang telah mengambilalih wilayah Filipina dan juga Sulu daripada Sepanyol, mendakwa bahawa pulau-pulau tersebut adalah miliknya berasaskan perjanjian dengan Sepanyol pada 1898 dan 1900. Pihak Syarikat cuba mempertahankan haknya ke atas pulau-pulau tersebut atas alasan bahawa pulau-pulau tersebut telah ditadbir oleh Syarikat semenjak 1878 lagi.<sup>7</sup> Tetapi, atas desakan Pejabat Tanah Jajahan British, Syarikat terpaksa akur kepada tuntutan Amerika. Bagaimanapun, pihak Amerika membenarkan kesemua pulau-pulau yang dipertikaikan itu di tadbir oleh Syarikat secara pajakan. Dengan demikian, pada 10 Julai 1907, Perjanjian telah dimeterikan antara kerajaan British dengan kerajaan Amerika Syarikat yang membolehkan Syarikat Berpiagam British Borneo Utara itu mentadbir pulau-pulau tersebut.<sup>8</sup> Sehubungan dengan Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan, kedua-dua buah pulau itu telah diletak di bawah tanggungjawab Residensi Lahad Datu.

Pada tahun 1925, kerajaan Amerika telah memaklumkan kepada kerajaan British hasratnya untuk menamatkan pajakan ke atas gugusan kepulauan tersebut. Pihak Amerika juga bercadang untuk menetapkan garisan sempadan antara Borneo Utara dengan Filipina.

Hasil rundingan itu, satu keputusan telah dicapai bagi menggariskan sempadan antara Borneo Utara dengan Filipina. O.Murray, seorang pegawai British di Pejabat Admiralty, dalam suratnya kepada The Under-Secretary of State, Colonial Office, menyokong keputusan itu atas alasan ia menguntungkan Borneo Utara. Pada pandangannya,

*...the balance of gain and loss involved in accepting this line would be as follows:*

*The United States would receive Great Bakkingaan Island, which may be claimed as belonging to British North Borneo, but British North Borneo would receive Buaning, Lankayan, Mantabun, Matakang and Ligitan Islands, to none of which she has any valid claim.<sup>9</sup>*

Pada 2 Januari 1930, suatu konvensyen telah dimeterikan antara kerajaan British dengan Amerika Syarikat tentang persempadanan antara Borneo Utara dengan Filipina.<sup>10</sup> Garisan sempadan itu telah disebut dengan jelas dalam Fasal I konvensyen tersebut. Sehubungan dengan pulau-pulau terbabit, pihak Amerika Syarikat bersetuju untuk menyerahkan pulau-pulau tertentu, kecuali Great Bakkungaan Island, Pulau Taganak dan Pulau Mangsee, kepada Borneo Utara. Perkara ini telah sebut dengan jelas dalam Fasal III yang berbunyi:

*All islands to the north and east of the said line and all islands and rocks traversed by the said line, should there be any such, shall belong to the Philippine Archipelago and all islands to the south and west of the said line shall belong to the State of North Borneo.<sup>11</sup>*

Dengan termeterinya Konvensyen itu, maka dengan rasminya kesemua pulau yang terletak di Telok Darvel dan Sibucu, seperti yang disebut dalam perjanjian 1903, termasuk Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan, menjadi hakmilik Borneo Utara.

Semenjak Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan disahkan sebagai hakmilik Borneo Utara oleh kerajaan Amerika, beberapa tindakan telah diambil oleh pihak berkuasa Borneo Utara untuk mengukuhkan pentadbirannya ke atas pulau-pulau tersebut. Dalam tahun 1933, umpamanya, Pulau Sipadan telah digazet sebagai kawasan Bird sanctuary dibawah Ordinan Tanah, 1930.<sup>12</sup>

Selepas Perang Dunia Kedua, Borneo Utara telah menjadi koloni British. Dalam tahun 1947, kerajaan British telah menyerah kesemua pulau yang dipajak daripada Filipina dalam tahun 1930, iaitu pulau Taganak dan Pulau Mangsee, kembali kepada Filipina. Dalam tahun yang sama terdapat usaha dari pihak waris kesultanan Sulu untuk menuntut Pulau Sipadan atas alasan bahawa pemberian Sultan Jamalul-Alam kepada Overbeck dan Dent dalam tahun 1878 adalah dalam bentuk pajakan. Tuntutan Datu Ombra itu bagaimanapun telah di tolak oleh Kerajaan British sebagai tidak berasas. Dalam suratnya kepada Menteri British di Manila, Foulds, Gabenor Borneo Utara menulis:

*Sipadan Island has been and its claimed as part of the territory of North Borneo and any claim by Datu Ombra should in my opinion be resisted.*<sup>13</sup>

Berikutan dengan keputusan Mahkamah Antarabangsa di The Hague terhadap kes kawasan perikanan antara Kerajaan British dengan Norway pada tahun 1951, kerajaan Borneo Utara telah menetapkan semula sempadan perairan Borneo Utara. Tindakan ini diambil kerana keputusan Mahkamah itu telah merombak beberapa aspek penting dalam Hukum Laut, khususnya yang bersabit dengan kaedah penentuan kawasan perairan. Dengan itu, kerajaan Borneo Utara telah menetapkan kawasan perairan antara daratan dengan pulau-pulau disekitarnya, termasuk pulau Sipadan dan Ligitan sebagai historic waters di bawah prinsip IV keputusan Mahkamah itu. Seajar dengan itu juga, kerajaan Borneo Utara mengemukakan garis dasar untuk kawasan timur laut Borneo dengan berasaskan prinsip garisan lurus bermula dari penghujung pulau Sebatik yang menyambungkannya dengan Pulau Sipadan dan Ligitan. Dalam tahun 1954, Kerajaan British mengumumkan perluasan wilayah pelantar laut continental Shelf di sekitar perairan Borneo Utara.<sup>14</sup> Pada 16 September 1963, Borneo Utara atau Sabah telah mencapai kemerdekaan melalui Malaysia.

### III

Daripada perbincangan itu dapat disimpulkan bahawa Pulau Sipadan dan Ligitan adalah milik Malaysia yang sah. Bukti sejarah telah menunjukkan bahawa pihak Belanda tidak pernah mempersoalkan tentang status pulau-pulau di sekitar tiga liga laut, termasuk pulau Sipadan dan Ligitan. Andainya Belanda menganggap pulau-pulau itu miliknya, sudah pasti Belanda akan mengemukakan bantahan seperti yang dibuat olehnya dalam kes Pulau Palmas.<sup>15</sup> Sebaliknya, yang seringkali mempersoalkan tentang hak British ke atas pulau-pulau tersebut ialah Amerika Syarikat. Persoalan tentang kedudukan pulau-pulau tersebut, termasuk pulau Sipadan dan Ligitan, bagaimanapun telah selesai apabila termeterinya konvensyen British-Amerika pada tahun 1930. Dengan itu Pulau Sipadan dan Ligitan dengan jelas adalah milik Malaysia.

## Dokumen I

**SURAT PEMBERIAN WILAYAH BORNEO UTARA  
OLEH SULTAN MUHAMMAD JAMALULADZAM,  
SULTAN SULU KEPADA BARON GUSTAVUS DE OVERBECK,  
22 Januari 1878**

We, His Highness the Sultan Muhammad Jamaluladzam son of His Highness the late Sultan Muhammad Fadzalun, Sultan in the State of Sulu and all its districts and dependencies, on behalf of Ourselves Our heirs and successors and with the consent of all the Dato's in Council assembled have been pleased to grant of Our own will and pleasure to Gustavus Baron de Overbeck residing at Hong Kong and Alfred Dent Esquire residing in London, as representatives of a British Company, together with their heirsassociatessuccessors and representatives for ever all the rights and powers belonging to us over all the territories and lands which are tributary to us on the mainland of the island of Borneo from the Pandasan River on the west extending along all the lands on the east coast as far as the Sibuku River in the south and including all the territories on the coast of the Pandasan River and the Coast lands to the Southward thereof on the coast of Darvel Bay as far as the Sibuku River together with all the islands included therein within nine miles of the coast.

The consideration of this grant is that the said Baron de Overbeck and Alfred dent promise to pay ti His Highness the Sultan Muhammad Jamaluladzam his heirs and successors the sum of five thousand dollars a year payable every year.

The said territories have been granted from this date to the said Baron de Overbeck and Alfred Dent Esquire co-jointly their heirs associates and successors or representatives for as long as they desire to use these coastlands. Provided however that the rights and power conferred by this grant shall never be transferred to any other nation or company of foreign nationality without the sanction of Her Britannic Majesty's Government first being obtained.

Furthermore in case any dispute or differences shall arise hereafter between Us, Our heirs and successors, and Gustavus Baron de Overbeck or his Company both parties will submit the matter to the judgment and opinion of Her Britannic Majesty's Consul-General at Brunei.

Moreover if We, His Highness the Sultan Muhammad Jamaluladzam and Our heirs and successors should meet with any trouble hereafter, Gustavus de Overbeck and his Company promise to assist in giving us counsel and advice to the utmost of their power.



This agreement is written in Sulu at the palace of the Sultan Muhammad Jamaluladzam on the 19th day of Muharram, A.H. 1295, i.e the 22nd. January, A.D. 1878.

WITNESS TO SEAL AND SIGNATURE

W.H. TREACHER

H.B.M. ACTING CONSUL-GENERAL IN BORNEO

Sumber: CO 874/197

## Dokumen II

**SURAT PENGESAHAN PENYERAHAN GUGUSAN  
KEPULAUAN SIBUCO,  
22 April 1903**

"Whereas we, High Highness the Sultan Haji Muhammad JamalulKiraam son of His Highness the late Sultan Jamaluladzam, who possess the throne of sovereignty of the State of Sulu and all its dependencies solemnly declare in this certificate that have been pleased to cede of our own free will to the Government of British North Borneo of all the islands in the neighbourhood of the mainland of North Borneo from the island of Banggi to Sibuku Bay. These are their names : Mulayangin, Mulayangin Kechil, Malawali, Tigabu, Bilian, Tagapil, Lang Kayan, Boan, Lahiman, Bakungan, Bakungan Kechil, Libaran, Taganak, Beguan, Mantanbuan, Gaya, Omodal, Siamil, Mabul, Kapalai, Dinawan, and other islands near, or round, or lying between the same islands named above.

The reasons why the names of these Islands were not mentioned in their agreement made with Baron de Overbeck and Mr (now Sir) Alfred Dent on the 19th day of Muharram A.H. 1295 corresponding to the 22nd. January, 1878, is because it was known and mutually understood that these Islands were included in the grant of the countries and islands mentioned in the agreement above referred to.

In confirmation of the aforesaid we have set our seal on this certificate.

Witness:

Signature of

DATU MALAL ATIK  
HAJI MOHSIN

This certificate was made at Sandakan on the 22nd. day of April, 1903.

Conditions attached to the above agreement.

Arrears to be paid \$3,200  
in future yearly \$300

Signature of Alex Cook

for Government Subject to H.E. approval  
22.4.03

## Dokumen III

KONVENSYEN 1907 ANTARA KERAJAAN BRITISH DENGAN  
AMERIKA SYARIKAT MENGENAI KEDUDUKAN BEBERAPA  
BUAH PULAU DI SEKITAR BORNEO UTARA

BRITISH EMBASSY

Intervale, N.H., July 3, 1907

SIR: I have the honour to inform you that His Majesty's Government, acting at the request and on behalf of the British North Borneo Company, are prepared to acquiesce in the proposal stated in your letter to Sir H.M. Durand of the 19th of December last, respecting the administration of certain islands on the east coast of Borneo. I am therefore instructed by His Majesty's principal Secretary of State for Foreign Affairs to place the proposed arrangement formally on record without further delay.

Firstly: That the said company be left undisturbed in the administration of the islands in question without any agreement specifying details, the United States Government simply waiving in favour of the said Company the right to such administration in the meantime, in other words, that the existing status be continued indefinitely at the pleasure of the two Governments concerned.

Secondly: That such privilege of administration shall not carry with it territorial rights, such as those of making grants or concessions in the islands in question to extend beyond the temporary occupation of the company; and any grant, concession or license, made by the Company's occupation.

Thirdly: That the temporary waiver of the right of administration on the part of the United States Government shall cover all the islands to the westward and southward of the line traced on the map which accompanied Sir H. M. Durand's memorandum of the 23rd of June 1906, and which is annexed to and to be deemed to form part of this note.

Fourthly: That the British North Borneo Company, through His Majesty's Government, shall agree to the exemption of the United States Government from any claim or allegation that the latter Government has incurred any responsibility in respect of acts done in or from any island within the said line.

Fifthly: That the understanding shall continue until the two Governments may by treaty delimit the boundary between their respective domains in that quarter or until the expiry of one year from the date when notice of termination be given by either to the other.

Sixthly: That in the case of denunciation, the United States Government shall not be responsible for the value of any buildings or other permanent improvements which may have been erected or made by the company upon the islands; but permission is hereby given to the company to remove, at its own expense, any buildings or improvements erected by it, provided the interests of the United States be not injured thereby

The Understanding of His Majesty's Government as above recited agreeing with that of the United States, I have the honor formally to announce the adherence of the United States to the arrangement and the acceptance of your note as sufficient ratification of the arrangement on the part of His Majesty's Government.

I have, etc.,

Robert Bacon

Sumber: FRUS, 1907 (part I)

## Dokumen IV

**PERJANJIAN SEMPADAN FILIPINA DENGAN  
BORNEO UTARA ANTARA KERAJAAN BRITISH DENGAN  
AMERIKA SYARIKAT, 1930**

**Convention delimiting the boundary between the Philippines  
Archipelago and the State of North Borneo**

The President of the United States of America and His Majesty, the King of Great Britain, Ireland and the British Dominions beyond the seas, Emperor of India.

Being desirous of delimiting definitely the boundary between the Philippine Archipelago (the territory acquired by the United States of America by virtue of the Treaties of December 10, 1898, and November 7, 1900, with Her Majesty the Queen Regent of Spain) and the State of North Borneo which is under British protection,

Have resolved to conclude a Convention for that purpose and have appointed as their plenipotentiaries:

The President of the United States of America,

Henry L. Stimson, Secretary of State of the United States; and

His Majesty the King of Great Britain, Ireland and the British Dominions beyond the Seas, Emperor of India,

For Great Britain and Northern Ireland:

The Right Honourable Sir Esme Howard, G.C.B., G.C.M.G., C.V.O., His Majesty's Ambassador Extraordinary and Plenipotentiary at Washington;

Who, having communicated to each other their respective full powers found in good and due form have agreed upon and concluded the following Articles:

Article I : It is hereby agreed and declared that the line separating the islands belonging to the Philippine Archipelago on the one hand and the islands belonging to the State of North Borneo which is under British protection on the other hand shall be and hereby established as follows:

From the point of intersection of the parallel of four degrees forty-five minutes (4°45') north latitude and the meridian of

longitude one hundred twenty degrees ( $120^{\circ}0'$ ) east of Greenwich, (being a point on the boundary defined by the Treaty between the United States of America and Spain (signed at Paris, December 10, 1898) a line due south along the meridian of longitude one hundred twenty degrees ( $120^{\circ}0'$ ) east of Greenwich to its point of intersection with the parallel of four degrees twenty-three minutes ( $4^{\circ}23'$ ) north latitude.

thence due west along the parallel of four degrees twenty-three minutes ( $4^{\circ}23'$ ) north latitude to its intersection with the meridian of longitude one hundred nineteen degrees ( $4^{\circ}42'$ ) north latitude;

thence in a straight line approximately  $45^{\circ}54'$  true ( $N45^{\circ}54'E$ ) to the intersection of the parallel of five degrees forty-five minutes ( $119^{\circ}35'$  east of Greenwich);

thence due west along the parallel of six degrees ( $6^{\circ}0'$ ) north latitude to its intersection with the meridian of longitude one hundred eighteen degrees twenty minutes ( $118^{\circ}20'$ ) east of Greenwich;

thence in a straight line approximately  $307^{\circ}40'$  true ( $N52^{\circ}20'W$ ) passing between Little Bakkungaan Island and Great Bakkungaan Island to the intersection of the parallel of six degrees seventeen minutes ( $6^{\circ}17'$ ) north latitude and the meridian of longitude one hundred seventeen degrees fifty-eight minutes ( $117^{\circ}58'$ ) east of Greenwich;

thence due north along the meridian of longitude one hundred seventeen degrees fifty-eight minutes ( $117^{\circ}58'$ ) east of Greenwich to its intersection with the parallel of six degrees fifty-two minutes ( $6^{\circ}52'$ ) latitude;

thence in a straight line approximately  $315^{\circ}16'$  true ( $N44^{\circ}44'N$ ) to the intersection of the parallel of seven degrees twenty-four minutes forty-five seconds ( $7^{\circ}24'45''$ ) north latitude with the meridian of longitude one hundred seventeen degrees twenty five minutes thirty seconds ( $117^{\circ}25'30''$ ) east of Greenwich;

thence in a straight line approximately  $300^{\circ}36'$  true ( $N59^{\circ}4'W$ ) through the Mangsee Channel between Mangsee Great Reef and Mangsee Islands to the intersection of the parallel of seven degrees forty minutes ( $7^{\circ}40'$ ) north latitude and the meridian of longitude one hundred seventeen degrees ( $117^{\circ}0'$ ) east of Greenwich, the latter point being on the boundary defined by the Treaty between the United States of America and Spain signed at Paris, December 10, 1898.

Article II : The line described above has been indicated on Charts Nos. 4707 and 4720, published by the United States Coast and Geodetic Survey, corrected to July 24, 1929, portions of both charts so marked being attached to this treaty and made a part thereof. It is agreed that if more accurate surveying and mapping of North Borneo, the Philippine Islands, and intervening islands shall in the future show that the line described above does not pass between Little Bakkungaan and Great Bakkungaan Islands as indicated on the chart, said portion of the line being a straight line approximately  $307^{\circ}40'$  true drawn from a point on the parallel of  $6^{\circ}0'$  north latitude to a point on the meridian of longitude of  $117^{\circ}58'$  east of Greenwich.

It is likewise agreed that if more accurate surveying and mapping shall show that the line described above does not pass between the Mangsee Islands and Mangsee Great Reef as indicated on Chart No. 4720, the boundary shall be understood to be defined in that area as a straight line drawn from the intersection of the parallel of  $7^{\circ}24'45''$  north latitude and the meridian of longitude of  $117^{\circ}25'30''$  east of Greenwich passing through Mangsee Channel as indicated on attached Chart No. 4720 to a point on the parallel of  $7^{\circ}40'$  north latitude.

Article III. : All the islands to the north and east of the said line and all islands and rocks traversed by the said line, should there be any such, shall belong to the Philippine Archipelago and all islands to the south and west of the said line shall belong to the State of North Borneo.

Article IV. : The provisions of Article 19 of the Treaty between the United States of America, the British Empire, France, Italy and Japan limiting naval armament, signed at Washington on February 6, 1922, shall, so long as that Treaty remains in force, apply in respect of all islands in the Turtle and Mangsee Groups which are or may be deemed to be comprised within the territories of the Philippine Archipelago on the other hand and of the State of North Borneo on the other hand in consequence of the establishment of the line fixed by the preceding articles of the present Convention. In the event of either High Contracting Party ceding, selling, leasing or transferring any of the islands in question to a third party, provision shall be made for the continued application to such island of the a forementioned Article 19 of the Treaty between the United States of America, the British Empire, France, Italy and Japan, limiting naval armament, signed at Washington on February 6, 1922, provided that Treaty is still in force at the time of such cession, sale, lease or transfer.

Article V : The present convention shall be ratified by the President of the United States of America, by and with the advice and consent of the Senate thereof, and by His Britannic Majesty, and shall come into force on the Exchange of the acts of ratification which shall take place at Washington as soon as possible.

In witness whereof the respective Plenipotentiaries have signed the same and have affixed thereto their respective seals.

Done in duplicate at Washington the second day of January in the year of our Lord one thousand nine hundred and thirty.

Signatures of

HENRY L. STIMSON  
ESME HOWARD

Sumber: FRUS, 1930 (part III)



## Dokumen V

**KONVENSIYEN ANTARA GREAT BRITAIN DENGAN  
BELANDA BAGI MENETAPKAN SEMPADAN DI BORNEO**

Her Majesty the Queen of the United Kingdom of Great Britain and Ireland, Empress of India, Her Majesty the Queen-Dowagwe, Regent of the Netherlands, in the name of Her Majesty Wilhelmina, Queen of the Netherlands, being desirous of defining the boundaries between the Netherlands Possessions of the Island of Borneo, and the States in that Island which are under British protection, have resolved to conclude a Convention to that effect, and have appointed as their Plenipotentiaries for that purpose (that is to say):

Her Majesty the Queen of the United Kingdom of Great Britain and Ireland, Empress of India, the Right Honourable Robert Arthur Talbot Gascoyne Cecil, Marquis of Salisbury, Earl of Salisbury, Viscount Cranbourne, Baron Cecil, Peer of the United Kingdom, Her Majesty's Principal Secretary of State for the Foreign Affairs, &c; and her Majesty the Queen-Dowager, Regent of the Netherlands, Count Charles Malcolm Ernest Georges de Bylandt, Her Majesty's Envoy Extraordinary and Minister Plenipotentiary at the Court of St. James; who, having produced their full powres, found in good and due form, have agreed upon the following Articles:

- Art. I. The boundary between the Netherland possessions in Borneo and those of the British-protected States in the same island shall start from 4' 10" north latitude on the east coast of Borneo.
- II. The boundary-line shall be continued westward from 4' 10" north latitude, and follow in a west-north-west direction, between the Rivers Simengaris and Soedang, up to a point where the meridian 117' east longitude crosses the parallel 4' 20" north latitude, with the view of including the Simengaris River within Dutch territory. The boundary-line shall then follow westward the parallel 4' 20" north latitude until it reaches the summit of the range of mountains which forms on that parallel the watershed between the rivers running to the north-west coast and those running to the east coast of Borneo, it being understood that, in the event of the Simengaris River or any other river flowing into the sea below 4' 10", being on survey to cross the proposed boundary-line within a radius of 5 geographical miles, the line shall be diverted so as to include such small portions or bends of rivers within Dutch territory; a similar concession being made by the Netherland Government with regard to any river debouching above 4' 10" on the territory of the British North Borneo Company, but turning southwards.

From the summit of the range of mountains mentioned in Article II, to Tandjong Datoe on the west coast of Borneo, the boundary-line shall follow the watershed of the rivers running to the north-west and west coasts, north of Tandjong Datoe, the South coast, and the east coast south of 4' 10" north latitude.

- Art. IV From 4' 10" north latitude on the east coast the boundary-line shall be continued eastward along that parallel, across the Island of Sebattik: that portion of the island situated to the north of that parallel shall belong unreservedly to the British North Borneo Company, and the portion south of that parallel to the Netherland.
- Art. V The exact positions of the boundary-line, as described in the four preceding Articles, shall be determined hereafter by mutual agreement, at such times as the Netherland and the British Governments may think fit.
- Art. VI The navigation of all rivers flowing into the sea between Batoe Tinagat and the River Siboekeo shall be free, except for the transport of war material; and no transport duties shall be levied on other goods passing up those rivers.
- Art. VII The population of Boelongan shall be allowed to collect jungle produce in the territory between the Simengaris and the Tawao Rivers for fifteen years from the date of the signature of the present Convention, free from any tax or duty.
- Art. VIII The present Convention shall be ratified, and it shall come into force three months after the exchange of the ratifications, which shall take place at London one month, or sooner if possible, after the said Convention shall have received the approval of the Netherland States-General.

In witness whereof the undersigned have signed the present Convention, and have affixed thereto their seals.

Done at London, in duplicate, this 20th day of June, 1891.

Signature of Salisbury

Signature of C. De Bylandt

## Dokumen VI

## TURTLE COLLECTING LICENSE (ORD. XXX OF 1914)

## TURTLE COLLECTING LICENSE

## ORDINANCE XXX OF 1914

Panglima Busari and Maharaja Anggai of Dinawan Island are hereby licensed under the above named Ordinance to collect Turtle Egg as from Sipadan Island from 1st January, 1916 to 1st January 1921 subject to the following conditions:

In the case of the death of either of the License holders the rights under this license shall descend to his heir.

The license shall be renewed to the license holders at the end of the stipulated period for a further period for a further period of five years provided the license holders have committed no breach of the Ordinance or have not in any other way rendered themselves unworthy of the privilege.

This license may be cancelled at any time by the Governor on the recommendation of the Resident of the East Coast.

Approved.

Acting resident of the East Coast.

Governor

Sumber: Jabatan Muzium, Kota Kinabalu

## Dokumen VII

GAZET RASMI PENGISYTIHARAN PULAU SIPADAN  
SEBAGAI KAWASAN PERLINDUNGAN MERGASTUA

Official Gazette

FEB. 1, 1933

NO. 69. - UNDER SECTION 28 OF THE LAND ORDINANCE, 1930.

The islands in the Lahad Datu District in the schedule hereto are reserved for the purpose of bird sanctuaries.

## SCHEDULE

Locality	Description	Approximate Area
Sipadan Island	The entire island	7.68 acres
Bohidulong Island	The entire island	76.80 acres

Sumber: North Borneo Official Gazette, No. 69, 1 February 1933.

## Dokumen VIII

PENGISYTIHARAN WILAYAH PELANTAR LAUT BORNEO  
UTARA

## The North Borneo (Alteration of Boundaries) Order in Council, 1954

At the Court at Buckingham Palace, the 24th day of June, 1954

Peresent,

The Queenis Most Excellent Majesty in Council

HER MAJESTY, in pursance of the powers conferred upon Her by the Colonial Boundaries Act, 1895, and of all other powers enabling Her in that behalf, is pleased by and with the advice of Her Privy Council, to order, and it is hereby ordered, as follows:

1. This order may be cited as the North Borneo (Alteration of Boundaries) Order in Council, 1954.
2. The Boundaries of the Colony of North Borneo are hereby extended to include the area of the continental shelf being the seabed and its sub-soil which lies beneath the high seas contiguous to the territorial waters of North Borneo.
3. Nothing in this Order shall be deemed to affect the character as high seas of any waters above ethe said area of the continental shelf.

## EXPLANATORY NOTE

(This note is not part of the order, but is intended to indicate its general purport.)

This order in Council extends the boundaries of North Borneo so as to include the continental shelf beneath the high seas contiguous to the territorial waters of the Colony.

**Nota Kaki:**

- <sup>1</sup> Lihat, 'Resolution of the Governor-General of Netherland India regarding the Dutch Possessions in Borneo, dated Buitenzord Batavia, February 28, 1846', dlm Sir R. Alcock kpd. Earl Granville, 1 Julai 1882, CO 874/197.
- <sup>2</sup> Lihat kertaskerja Pejabat Tanah Jajahan bertajuk: Sovereignty over North Borneo, CO 1030/536.
- <sup>3</sup> Mohd. Ariff bin Dato' Hj. Othman, Tuntutan Filipina Ke atas Sabah, Kuala Lumpur, 1988.
- <sup>4</sup> Lihat dokumen I: Pemberian Sultan Sulu kpd. Gustavus Baron de Overbeck dan Alfred Dent, 22 Januari 1878.
- <sup>5</sup> Kepulauan Penyu terdiri daripada beberapa buah pulau seperti Pulau Taganak. Pulau Mangsee, Pulau Boaan, Pulau Lihiman dan Pulau Bakkungan.
- <sup>6</sup> Lihat dokumen II: Surat Pengesahan Penyerahan Gugusan Kepulauan Sibuco, 22 April 1903.
- <sup>7</sup> W.C. Cowie kpd. D.E. Villiers, 1 Februari 1905, CO 874/1001.
- <sup>8</sup> Lihat dokumen III, Exchange of Notes Concerning the Administration and Lease of certain islands on the North Borneo coast by the British North Borneo Company, 1907.
- <sup>9</sup> O. Murray kpd. Setiausaha Tanah Jajahan, 23 November 1927, CO 531/20.
- <sup>10</sup> Lihat dokumen IV, Boundary Agreement between Great Britain and the United States, 2 January 1930.
- <sup>11</sup> Ibid.
- <sup>12</sup> Lihat dokumen VII, Official Gazette, No. 69: Sipadan Island, 1 Februari 1933.
- <sup>13</sup> Pemangku Residen, East Coast kpd. Ketua Setiausaha Kerajaan Borneo Utara, 17 Nov. 1949 dlm. CO537/2181.

<sup>14</sup> Lihat dokumen VIII, The North Borneo (Alteration of Boundaries) Order in Council, 1954.

<sup>15</sup> Lihat, The Island of Palmas Arbitration Before the Permanent Court of Arbitration at The Hague ... Memorandum of the United States of America, Washington, Government printing Office, 1925.

# ISU, HAK DAN PENGAWALAN SELAT MELAKA: USAHA MALAYSIA DI PERINGKAT ANTARABANGSA

---

**Mohd Bin Samsudin**

Jabatan Sejarah, UKM

Selat Melaka sejak berkurun-kurun lamanya merupakan kawasan yang penting kepada kegiatan ekonomi dan perdagangan antara timur dan barat. Aktiviti-aktiviti perdagangan antara dua buah kawasan dunia iaitu timur dan barat telah menjadikan laluan ini paling penting. Semenjak ia menjadi penting, berbagai kuasa luar berusaha bersungguh-sungguh menguasai kawasan ini. Di samping itu, pelayar dan pengembara-pengembara terkenal juga turut menggunakannya termasuklah Marco Polo, Ibn Bhatuta dan lain-lain. Malahan ia juga telah mendapat perhatian para pelayar China yang mengembara melalui selat ini. Antara yang terkenal ialah Ma Huan yang telah merakamkan pengalaman pengembaraannya dalam *Ying-Yai Sheng-Lan (The Overall Survey of the Oceanic Shores)* ditulis dalam tahun 1433 yang menumpukan penulisan mengenai kawasan-kawasan pesisir pantai di rantau Asia Tenggara.

Sejarah juga membuktikan kuasa-kuasa besar di rantau Asia Tenggara berjaya menubuhkan empayar mereka dengan cara memperkuatkan ibukota-ibukota pelabuhan. Contoh yang paling tepat ialah Empayar Melayu Melaka berjaya dibangunkan kerana kedudukannya yang strategik di laluan Selat Melaka yang menghubungkan Eropah dan Asia Timur.

Semenjak berzaman, negara-negara sekitar Asia Tenggara secara umumnya telah menerima konsep atau asas kedaulatan sesebuah negara meliputi wilayah-wilayah di lautan. Perkara ini berkaitan dengan fenomena kekuatan negara di sekitar Asia Tenggara di pengaruhi oleh kekuatan armada laut mereka. Menjelang awal abad ke-18 sudah ada cadangan yang meletakkan sempadan kelautan sejauh 3 batu berasaskan kepada jarak maksimum tembakan meriam yang dibantu oleh kemajuan persenjataan dan teknologi tentera laut. Dalam masa yang sama wujud konsep zon sempadan bersama iaitu menentukan sempadan laut sesebuah negara kelautan bagi membolehkan perlaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang yang berkaitan dengan kastam, imigrasi, perlanunan, fiskal - dengan tujuan utama mengawal kegiatan penyeludupan dipertengahan abad ke-19.



Dalam perkara yang berkaitan, lebih 2/3 daripada negara-negara yang menghadiri persidangan undang-undang laut menerima pakai idea sempadan laut sejauh 3 batu dan termasuk juga sempadan sehingga 12 batu (Peter Polomka, 1978,4). Persidangan pertama Undang-Undang Laut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang diadakan di Geneva pada 1958 menerima persetujuan Konvensyen Persempadan Laut dan Zon Sempadan Bersama. Bagaimanapun terdapat had tuntutan sepanjang 12 batu nautikal memandangkan Persidangan PBB pada 1958 memperakui Zon Sempadan Bersama adalah tidak melebihi 14 batu nautikal. (Polomka, 4).

Di kalangan negara-negara Asia Tenggara, hanya Combodia, Malaysia dan Thailand menerima pakai Konvensyen Persempadanan Laut dan Zon Sempadan Bersama. Semua negara Asia Tenggara telah menuntut sempadan laut sejauh 12 batu kecuali Singapura dengan hanya 3 batu dan Filipina yang meletakkan konsep isejarahi perairan termasuk di dalam tuntutan ke atas wilayah perairan sejauh 12 batu. Manakala Indonesia menuntut sempadan berasaskan kepada Prinsip Kepulauan iaitu wilayah perairannya sejauh 3-12 batu disamping menggunakan konsep *straight baselines* (Michael Leifer, 1978, 19).

### Taraf Laluan

Taraf kebebasan menggunakan selat sebagai laluan kapal adalah berasaskan kepada Konvensyen Lausanne 1923 dan yang paling terkenal iaitu Konvensyen Montreux 1936 (Phiphat Tangsubkul, 1982,24). Artikel 1 dan 23 Konvensyen Lausanne memahatkan prinsip umum tentang kebebasan laluan dan pelayaran di Selat Dardanelles. Seterusnya ia digunakan di dalam Artikel 2 Konvensyen Montreux 1936 untuk diperluaskan di serata dunia.

Penggunaan Selat Melaka sebagai laluan dan pelayaran merupakan konsep yang kontroversi, diambil daripada Konvensyen Sempadan dan Zon Bersempadan 1958 iaitu memberikan hak kepada *innocent passage* melalui wilayah laut dan kemungkinan diperluaskan kepada kapal-kapal perang. Di bawah Konvensyen 1958, kapal-kapal yang belayar dianggap sebagai *innocent* selagi ianya tidak mengancam keamanan, mengikuti peraturan atau keselamatan yang ditetapkan oleh negara-negara perairan (Polomka, 16).

Menjelang 1971, kerajaan Malaysia, Indonesia dan Singapura telah mengadakan perbincangan mengkaji kedudukan penggunaan dan pengurusan Selat Melaka dan Singapura. Perundingan diadakan dalam dua pusingan iaitu yang pertama pada 8 Oktober di Singapura dan kedua pada 14 Oktober di Kuala Lumpur. Selepas berlakunya

peristiwa tumpahan minyak kapal *Showa Maru* 1975, pemimpin ketiga-tiga buah negara merasakan perlunya diadakan rangka peraturan bagi mengatasi masalah yang sama daripada berulang. Menjelang 18 Febuari 1975, Malaysia, Indonesia dan Singapura bersetuju mengeluarkan kenyataan bersama berhubung soal perlindungan alam sekitar dan pembentukan Skim Pemisahan Trafik di kawasan ini (Phiphat Tangsubkul, 33-4). Bagaimanapun beberapa rundingan lanjutan dijalankan berhubung beberapa perkara secara lebih terperinci. Akhirnya menjelang Febuari 1977, satu Perjanjian Tiga Pihak ditandatangani mengandungi persetujuan 12 perkara. Antara yang penting ialah (Phiphat Tangsubkul, 33-4):

1. Kapal harus mengekalkan *Under Keel Clearance* (UKC) sekurang-kurangnya 3.5 meter sepanjang pelayaran melalui Selat Melaka dan Singapura. Mereka harus mengambil langkah berjaga-jaga sepanjang masa terutama ketika melalui kawasan kritikal.
2. Mengenal pasti kawasan berbahaya dan cetek di sekitar selat.
3. Kapal-kapal kelas VLCC yang belayar harus bergerak tidak melebihi kelajuan 10 knot di kawasan-kawasan kritikal.
4. Pembentukan dasar bersama berhubung dengan pencemaran laut.
5. Semua kapal tangki yang belayar melalui Selat Melaka dan Singapura perlu dilindungi oleh skim insuran dan pampasan.

### Selat Antarabangsa

Perluasan wilayah menjadi 12 batu memberi kesan terhadap wujudnya lebih 100 selat yang kebanyakannya digunakan sebagai jalan perairan antarabangsa di bawah status *innocent passage*. Isu timbul berhubung dengan kedudukan kapalselam yang menggunakan laluan. Ianya menyebabkan beberapa buah negara menuntut lebih hak-hak negara dalam menentukan jenis-jenis kapal yang melaluinya. *Informal Composite Negotiation Text* (ICNT) kemudiannya memasukkan status transit passage yang melalui selat bagi kegunaan pelayaran antarabangsa. *Transit passage* tidak menghalang lalulintas laut dan memberi kebebasan pelayaran dan *overflight* hanya dengan tujuan untuk melalui secara lancar laluan sesuatu selat.

Negara-negara pantai yang menyediakan laluan laut dan menganggap skim pemisahan trafik pelayaran adalah penting bagi

menggalakkan laluan selamat bagi kapal-kapal laut. Bagaimanapun, cadangan tersebut perlu diterima melalui perundingan antarabangsa dan dirujuk kepada kesesuaian organisasi antarabangsa dengan tujuan untuk dilaksanakan (ICNT, Part III, Articles 37-44).

Di Asia Tenggara, tumpuan utama diberikan kepada Selat Melaka dan Selat Singapura terutama berikutan langkah Indonesia dan Malaysia pada 1971 yang menuntut kedaulatan terhadap laluan ini sejauh 24 batu lebar. Manakala selat-selat lain di rantau ini seperti Sunda, Lombok dan Ombai adalah tertakluk kepada perairan kepulauan Indonesia.

### Minat Kuasa-Kuasa Luar

Kajian mengenai konflik maritim Selat Melaka sudah mendapat perhatian utama para sarjana semenjak tahun-tahun 1970-an lagi. Sebagai contohnya George Thomson (1972), Bhabani Sen Gupta, T.T. Poulouse dan Hemalatha Bhatia (1974), Peter Polomka (1978) dan Michael Leifer (1978) adalah merupakan kumpulan pengkaji yang menaruh minat terhadap perkembangan di Selat Melaka.

Kedudukan Selat Melaka turut dipengaruhi oleh faktor-faktor luar. Antara yang paling utama ialah Perang Dingin yang telah memberikan kesan penting dalam mencorakkan persepsi dan dasar-dasar negara yang terlibat dengan Selat Melaka. Di samping itu, faktor penjajahan turut juga memberikan kesan terhadap masalah pertindihan tuntutan sempadan perairan sekitar Selat Melaka, Indonesia, Malaysia dan Singapura adalah merupakan negara-negara yang terlibat dengan masalah pengurusan dan tuntutan Selat Melaka.

Kewujudan sistem *bipolar* semasa perang dingin iaitu perseimbangan kuasa antara Amerika Syarikat-Soviet Union di rantau Asia memberi kesan terhadap kedudukan dan peranan yang dimainkan oleh Selat Melaka. Kedua-dua kuasa besar ini, menggunakan Selat Melaka sebagai laluan kepada pasukan tentera terutamanya angkatan laut dan mempertahankan kegiatan ini daripada diganggu gugat oleh mana-mana pihak. Amerika Syarikat mempunyai pangkalan tentera di Filipina- yang terbesar di Asia-Pasifik. Manakala Soviet Union menggunakan pangkalan tentera di Teluk Cam Ranh di Vietnam bagi mengimbangi kedudukan Amerika Syarikat.

Dari segi ekonomi, Asia Tenggara penting sebagai pengeksport bahan-bahan mentah seperti bijih timah, getah, minyak kelapa sawit dan lain-lain sumber. Bagi sebahagian besar masyarakat antarabangsa terutamanya Jepun, mereka memberikan perhatian besar terhadap kebebasan sistem komunikasi dan pelayaran kawasan ini.

Selat Melaka sejak berzaman telah menjadi laluan emas yang begitu penting yang melibatkan negara-negara luar terutamanya

Soviet Union, China, Jepun dan Amerika Syarikat. Justeru itu, mereka sentiasa mahu terlibat secara langsung dalam menentukan tuntutan negara-negara di Asia Tenggara. Bagaimanapun malangnya negara-negara tersebut kurang sekali mahu terlibat mengenai pengurusan Selat Melaka terutama memperketat dan melaksanakan undang-undang serta peraturan keselamatan, pengawalan bencana tumpahan minyak dan menyalahguna laluan ini. Ini menimbulkan rasa tidak adil di kalangan negara-negara terlibat terutama negara persisir selat.

Di pihak negara-negara yang terlibat, iaitu Indonesia dan Malaysia telah sama-sama bersetuju bahawa:

*"not international straits, while fully recognizing their use for international shipping in accordance with the principle of innocent passage."* (Polomka, 41)

Walaupun Singapura tidak turut serta dalam membuat keputusan berkenaan, namun ketiga-tiga negara terlibat lebih tertumpu kepada soal keselamatan Selat Melaka. Bagaimanapun, ketiga-tiga negara mencapai kata sepakat mengenai tiga perkara asas iaitu (Joint Statement, 16 November 1971):

1. Keselamatan pelayaran di selat ini adalah merupakan tanggungjawab bersama.
2. Kerjasama tiga pihak diperlukan berhubung soal ini.
3. Perlunya dibentuk sebuah badan kerjasama bagi menyelaras usaha-usaha menjadikan Selat ini sebagai laluan selamat.

Status undang-undang laluan utama kuasa-kuasa besar diantara negara-negara kelautan telah lama menjadi isu utama di antara kuasa maritim dengan negara-negara perairan pantai yang lemah. Kuasa-kuasa besar mempertahankan penggunaan laluan tanpa sebarang sekatan melalui selat utama seperti Selat Melaka dan Singapura adalah penting bagi mengekalkan *balance of power* melibatkan juga penghantaran angkatan laut bagi pelbagai kepentingan termasuklah mempertahankan kapal-kapal mereka.

Negara-negara pesisir pantai seperti Indonesia dan Malaysia berhadapan dengan taraf penggunaan laluan kapal-kapal di Selat Melaka. Dengan itu kedua-dua negara cuba mengasingkan taraf *right of passage* yang melibatkan kapal-kapal bergiat dalam bidang perdagangan dan komunikasi antarabangsa dengan kapal-kapal perang dan kapal-kapal selam. Malaysia dan Indonesia bersetuju dengan taraf *innocent passage* diberikan kepada kapal perdagangan

tetapi membantah hak yang sama diberikan kepada kapal perang dan kapal selam.

Singapura yang mempunyai kepentingan sebagai pelabuhan utama berpandangan soal taraf pelayaran tidak harus dipandang dari segi masalah perang dingin atau konflik kuasa tetapi lebih melihat dari segi komunikasi. Oleh kerana Selat Melaka penting sebagai alat komunikasi, penggunaannya harus bebas dibuka kepada semua negara tanpa adanya diskriminasi (UNCLOS III, Official Records, Vol. II, 136).

### Masalah Selat Melaka

Perkembangan sistem ekonomi dan teknologi dunia turut mempengaruhi kepesatan penggunaan Selat Melaka. Namun demikian terdapat sekurang-kurangnya tiga masalah yang dihadapi oleh Selat Melaka:

#### 1. Masalah Kesibukan Lalulintas

Selat Melaka merupakan antara laluan paling sibuk di dunia bagi kapal-kapal yang lalu dan menggunakannya. Jumlah pengguna yang melalui selat ini merupakan antara yang tertinggi di dunia di samping Terusan Suez. Beban berat yang ditanggung oleh Selat Melaka timbul akibat daripada jumlah pengguna kapal yang semakin meningkat menggunakan laluan ini. Berbagai bentuk kapal yang menggunakan Selat Melaka termasuklah kapal-kapal membawa minyak mentah, kontena dan lain-lain. Di samping itu, ia turut digunakan oleh kapal-kapal tentera laut dari Amerika Syarikat dan Russia. Terdapat lebih 1,000 buah kapal menggunakan laluan ini dalam seminggu termasuklah kelas *Very Large Crude Carriers* (VLCCs) sehingga setiap satu seberat 280,000 ton. Penggunaan berbagai bentuk kapal ditambah pula dengan kesibukan selat ini menjadikan selat ini terdedah kepada kemalangan laut.

#### 2. Masalah Kedalaman Selat Melaka

Beberapa kawasan di Selat Melaka berada di dalam keadaan cetek. Hasil kajian hidrografik yang dilakukan oleh pihak Jepun, Indonesia, Malaysia dan Singapura pada 1970 digunakan sebagai asas pelayaran. Kajian yang dibuat mendapati terdapat 37 tempat mempunyai kedalaman kurang daripada 23 meter. Di samping itu, selat ini juga dipenuhi oleh batu karang yang merbahaya. Faktor ini menjadikan laluan ini merbahaya kepada kapal-kapal besar terutama kelas VLCC atau yang lebih berat dari itu. Penggunaan kapal-kapal besar

di kawasan berkeadaan cetek boleh memberi kesan buruk kepada sistem ekologi dan kemusnahan alam sekitar.

### 3. Masalah Pengawalan Alam Sekitar

Kemalangan dan kegiatan pembuangan sisa minyak dan toksid oleh kapal-kapal yang menggunakan laluan ini memberikan kesan terhadap pengawalan alam sekitar di Selat Melaka. Ia disebabkan oleh kegiatan manusia yang menjadikan Selat Melaka sebagai kawasan pembuangan sisa minyak dan toksid. Di samping itu, kegiatan kapal-kapal membawa minyak mentah dan bahan-bahan kimia turut memberikan risiko besar kepada Selat Melaka. Kemalangan yang berlaku mempengaruhi negara-negara sekitar terutamanya Malaysia mendesak diadakan pengurusan sendiri selat ini.

Malahan Malaysia mahukan peraturan dan undang-undang yang lebih ketat diadakan berhubung dengan penggunaan selat ini. Bagaimanapun, negara-negara pengguna melibatkan Jepun, Amerika Syarikat, Australia dan Russia menganggap isu ini patut diselesaikan secara global iaitu melalui persidangan-persidangan antarabangsa. Manakala Malaysia mahukan penyelesaian dibuat diperingkat kebangsaan atau serantau (ASEAN) berasaskan kepada hujah isu ini menjadi masalah yang ditanggung oleh negara dan kawasan serantau. Di samping itu, peningkatan jumlah insiden yang melibatkan tumpahan minyak atau lain-lain bentuk kemalangan yang memberikan kesan terhadap ancaman pendapatan nelayan dan kemusnahan alam sekitar.

Ketiga-tiga masalah di atas adalah merupakan masalah besar yang sukar diselesaikan walaupun melalui penglibatan politik dan perundangan. Indonesia dan Malaysia sentiasa sama-sama memikirkan implikasi terhadap tuntutan kedaulatan terhadap Selat Melaka kerana kelebarannya kurang daripada 24 batu. Bagaimanapun, kedua-dua negara menentang sebarang bentuk pengawalan antarabangsa antaranya melalui *United Nation Inter-Governmental Maritime Consultative Organisation* (IMCO). Terdapat juga kebimbangan terhadap tawaran kerajaan Jepun mempertingkatkan keselamatan di Selat Melaka; bimbang kerana selepas itu Jepun meminta lebih hak di perairan ini. Jepun sebenarnya semenjak 1970 lagi telah cuba berunding dengan tiga buah negara menjadikannya iRakan kongsi yang sama di dalam perundingan persetujuan kerjasama kajian hidrografik di Selat Melaka (T.T. Ponlose and Hemalatha Bhatia, 58).

Tuntutan terhadap kedaulatan Selat Melaka merupakan satu cabaran besar kepada masa depan kerjasama di Asia Tenggara di

dalam arena serantau dan antarabangsa. Di kalangan ahli-ahli ASEAN, mereka juga turut mengalami masalah keselamatan yang sama berkaitan dengan ancaman kuasa-kuasa besar terutamanya kehadiran pasukan tentera laut asing di rantau ini.

### Reaksi Kuasa-Kuasa Besar

Negara China menyokong cadangan *restrictive regime* yang boleh menghalang kegiatan ketenteraan Soviet Union, manakala Jepun sebagai kuasa ekonomi lebih terikat mengenai kebebasan kuasa-kuasa besar menggunakan kapalperang. Soveit Union lebih banyak bergantung kepada Selat Melaka bagi pergerakan tentera lautnya di rantau ini. Manakala Amerika Syarikat lebih menumpukan usaha terhadap mengekalkan keamanan di Lautan Hindi.

Beberapa bentuk tindakan telah diusahakan oleh Malaysia dan Indonesia bersama-sama terutama menentang status antarabangsa mengenai selat ini pada 1971.

1. Kuasa-kuasa besar telah memperjuangkan hak laluan dengan cara menggiatkan kegiatan kapalperang menggunakan laluan ini tanpa merujuk kebenaran dari Malaysia dan Indonesia.
2. Di samping itu, negara-negara pantai dan perkapalan telah mengemukakan cadangan bagi mempertingkatkan keselamatan pelayaran di rantau ini.
3. Persoalan umum mengenai laluan selat ini telah dibincangkan secara terperinci di dalam UNCLOS III (Polomka, 44).

Tuntutan kerajaan Malaysia dan Indonesia untuk mengawal Selat Melaka dianggap perkara remeh oleh negara-negara luar. Malahan ianya dianggap:

*"hollow one, since neither state has the capability of closing the passageway to outside power".*

Anggapan di atas telah dibuat oleh Sheldom W. Simon seorang pengkaji Amerika Syarikat (Polomka, 44; Sheldom W. Simon, 1975, 46). Kerajaan Amerika Syarikat masih mempersoalkan bidang kuasa Malaysia-Indonesia terhadap *right of passage*. Bahkan sikap kedua-dua negara berubah terhadap beberapa negara lain. Contohnya, Jakarta dikatakan hanya akan menyuarakan ketidakselesaan kapal tentera laut Amerika Syarikat melalui selat ini tanpa dimaklumkan kerana pasukan tersebut bukan merupakan ancaman kepada Indonesia.

Keadaan ini berbeza jika dibandingkan dua insiden yang berlaku pada 1960;

1. Sewaktu kempen kerajaan Indonesia mendapatkan Irian Barat, pihak Indonesia mendakwa tindakan Belanda menghantar kapal induknya Karel Doorman ke Irian Barat dianggap mengancam kedudukan Indonesia.
2. Tindakan Britain menghantar pasukan tentera mereka ke Selat Sunda pada 1964 sewaktu berlakunya Konfrantasi Indonesia-Malaysia juga dianggap mengancam kedudukan Indonesia.

Di pihak kuasa-kuasa besar, langkah negara-negara pantai mengawal laluan perkapalan melalui skim pengasingan kelas kapal, *buoyed channels* dan peraturan laluan memberi kesan terhadap penggunaan kapal-kapal perang. Ianya sepertimana yang dinyatakan oleh O'Connell :

*"... to a situation comparable to transit of the Suez Canal, and the question then would be whether this would be tolerable to naval traffic." (D.P. O'Connell, 1976, 105)*

#### Usaha-usaha Mempertingkatkan Keselamatan

Terdapat beberapa usaha yang telah dilakukan oleh beberapa buah negara termasuklah Malaysia yang mempunyai kepentingan terhadap mempertingkatkan keselamatan Selat Melaka. Antaranya (Polomka, 45-6);

1. Kajian hidrografik terperinci terhadap selat ini. Kajian ini membuahkan persetujuan di antara kerajaan Indonesia, Jepun, Malaysia dan Singapura dalam bulan Julai 1970 membawa kepada pengumpulan carta perjalanan laut yang baru lagi tepat pada 1975.
2. Kepentingan kapal-kapal perdagangan di bawah pemerhatian badan-badan seperti Majlis Selat Melaka dan Dewan Perkapalan Antarabangsa yang telah membantu membentuk peraturan-peraturan berkaitan dengan pengasingan trafik dan memberikan negara-negara pantai meningkatkan bantuan pelayaran.
3. Agensi IMCO mengekalkan minat tetapi dalam bentuk *low-key* berhubung soal-soal cadangan keselamatan, bersedia memainkan apa juga peranan yang dirasakan sesuai. Langkah



ini sebenarnya bertujuan memberi amaran kepada Indonesia dan Malaysia berhubung-isu tuntutan kedaulatan di Selat Melaka.

- 4 Negara-negara pantai yang terlibat telah menubuhkan Jawatankuasa Keselamatan Pelayaran dan Pengawasan Pencemaran Laut di peringkat menteri. Jawatankuasa ini ditubuhkan berikutan peristiwa hitam- tumpahan minyak kapal tangki *Showa Maru* pada awal 1975. Jawatankuasa ini bertanggung jawab menyediakan cadangan skim pemisahan jenis-jenis kapal meliputi bahagian paling utama di Selat Melaka, mempertingkatkan bantuan pelayaran, merancang peraturan insuran bagi ganti rugi sebarang kemusnahan yang disebabkan oleh pencemaran Selat Melaka.

Rundingan yang diadakan melalui UNCLOS III menghasilkan kesukaran berhubung dengan rundingan yang melibatkan semua kumpulan yang terlibat. Malaysia sebagai contohnya telah memberikan tumpuan terhadap *transit passage* di Selat Melaka bagi kapal-kapal antarabangsa yang dianggap terlalu banyak menekankan kepentingan kuasa-kuasa maritim. Manakala Indonesia, kurang sukar untuk bersetuju mengenai konsep *transit passage* di Selat Melaka kerana ia terpaksa bertolak ansur agar mendapatkan pengiktirafan terhadap konsep negara kepulauan. Bagaimanapun rundingan UNCLOS III kurang berhasil menyelesaikan konflik di antara negara-negara persisir pantai dengan negara-negara lain berhubung soal perlindungan alam sekitar maritim dan pengekalan beberapa tahap kebebasan pelayaran.

Majlis Selat Melaka telah ditubuhkan dalam bulan Julai 1968 bertujuan memastikan keselamatan kapal-kapal, menggalakkan peningkatan bantuan pelayaran di Selat Melaka-Singapura dan lain-lain kawasan lautan. Agensi yang turut memberikan sokongan termasuklah Yayasan Industri Pembinaan Kapal Jepun, Yayasan Maritim Jepun, Persatuan Pemilik-pemilik kapal Jepun, Persatuan Petroleum Jepun dan Persatuan Pembinaan Kapal Jepun (Polomka, 45).

### Prinsip Dasar Alam Sekitar di Selat Melaka

Formula asas memelihara selat ini masih menggunakan Undang-Undang Laut Antarabangsa. Bagaimanapun, ia diancam oleh sikap kuasa-kuasa besar yang mempunyai kapal perang dan perdagangan yang bersungguh-sungguh mempertahankan hak mereka untuk menggunakan Selat Melaka. Bentuk fahaman lama mengenai

kedudukan Selat Melaka ialah sebagai laluan komunikasi. Bagaimanapun, beberapa negara pantai memberikan tafsiran baru iaitu sebagai *national wealth* kerana selat ini bukan sahaja menjadi laluan penghubung tetapi sebagai sumber pendapatan penduduk melalui kegiatan nelayan dan bahan-bahan mentah yang digali dari dasar laut. Faktor ini menjadi alasan kuat bagi beberapa buah negara terutamanya Malaysia memperjuangkan perlindungan alam sekitar daripada kemusnahan dan pencemaran (Munadjat, 1981, 59).

Jaminan penggunaan ini kepada kapal-kapal biasa kurang berkesan terutama apabila adanya kegiatan kapal-kapal perang. Penggunaan kapal-kapal di perairan sempadan dijamin dengan kelahiran prinsip *innocent passage*. Bagaimanapun, prinsip yang dilahirkan tidak memberi jaminan sejak akhir-akhir ini akibat daripada pencemaran alam akibat oleh kegiatan perkapalan yang berleluasa. Pencemaran alam ini memberikan kesan kemusnahan serius kepada alam sekitar dan sumber-sumber yang ada di perairan selat. Ini kerana penggunaan prinsip *innocent passage* banyak melibatkan kapal-kapal tangki besar yang membawa minyak.

Agak sukar bagi Malaysia jika mahu menghalang penggunaan prinsip *innocent passage* kerana kapal-kapal yang menggunakan istilah ini adalah dalam bentuk tidak mengancam keselamatan laut dan negara. Oleh itu, negara ini memerlukan alasan yang betul-betul konkrit bagi membatalkan taraf *innocent passage* yang digunakan oleh kapal-kapal yang belayar melalui Selat Melaka. Ini kerana Konvensyen Persempadan Laut dan Zon Sempadan Bersama pada 1958 (yang masih digunakan) menerima pakai definisi *innocent passage* selagi sesebuah kapal yang belayar tidak mengancam keamanan, peraturan dan keselamatan negara-negara pinggir pantai (Munadjat, 59). Penggunaan taraf *innocent passage* tidak disenangi oleh Malaysia dan Indonesia kerana ia dianggap agak "klasik" dan kurang sesuai bagi mengawal alam sekitar dan juga pencemaran seterusnya memastikan peraturan penggunaan Selat Melaka diikuti.

Laluan Selat Melaka mempunyai keistimewaan semula jadi iaitu menjadi penghubung di antara dua bahagian dunia yang pesat membangun. Kepesatan negara-negara Eropah memberi peluang kepada China dan Jepun menggunakan laluan ini berperanan penting di dalam kegiatan ekonomi dan perdagangan. Bermula dengan pembukaan Terusan Suez 1869, Selat Melaka turut menjadi penting kepada kegiatan pelayaran. Ianya terus menjadi penting apabila penjajah Inggeris mengeluarkan bijih timah dari Tanah Melayu.

Kumpulan pengguna utama kepada perairan Selat Melaka adalah terdiri daripada kapal-kapal tangki besar yang lebih dikenali sebagai *Very Large Crude (Oil) Carrier* (VLCC) yang beratnya melebihi 200,000 ton. Menurut Asia Research Bulletin (August 1972, 1080-B)

jumlah kapal tangki yang belayar di Selat Melaka pada tahun 1970, ialah 171 buah, meningkat kepada 200 pada 1972. Antara kapal tangki terbesar yang menggunakan laluan ini ialah *Globtik Tokyo* dilancarkan di Jepun dalam bulan Oktober 1972 seberat 477,000 ton (Munadjat, 61).

Negara Jepun terus kekal sebagai kuasa utama yang memerlukan laluan Selat Melaka. Menurut kajian Koji Nakamura (FEER, vol. 79, no.8, 26 Feb., 1973, 10) pengeluaran kapal tangki Jepun pada tahun 1972 mencecah jumlah seberat 12, 835, 000 ton daripada jumlah 26, 534, 000 berat kapal yang ada di dunia manakala di kalangan kapal-kapal pengangkut besar, Jepun mengeluarkan seberat 5,042,000 dariapada jumlah keseluruhan dunia seberat 8,516,000 ton pada 1971.

Kepesatan ekonomi dan industri Jepun memaksa negara ini perlu mendapatkan bekalan bahan mentah untuk sumber tenaga yang diperlukan bagi menampung kegiatan perindustrian. Perkembangan ini mempengaruhi permintaan ke atas minyak mentah di Jepun bertambah sebanyak 20 peratus setahun. Ianya menyebabkan Jepun terpaksa terlibat secara aktif di dalam perkembangan di Selat Melaka.

### Masalah Pencemaran Laut di Selat Melaka

Kepesatan pembangunan industri berasaskan kegiatan kelautan umpamanya pembinaan kapal dan pelayaran, kepesatan ekonomi dan politik dunia terutamanya di sekitar Lautan Hindi dan Pasifik menjadikan Selat Melaka menjadi berisiko tinggi terhadap kemusnahan alam sekitar dan pencemaran laut. Ini juga kerana kedudukan Selat Melaka yang digunakan sepenuhnya sepanjang masa sehinggalah ia sudah tidak mampu menanggung beban yang ada.

Aktiviti yang terlalu pesat diburukkan lagi dengan fenomena pembuangan sisa toksid dan tumpahan bahan-bahan yang diangkut oleh kapal-kapal yang melalui selat ini terutamanya oleh kapal-kapal tangki besar. Ketiga-tiga negara (Malaysia-Indonesia-Singapura) telah bersepakat mengawal perkembangan yang berlaku kerana ia mendatangkan kesan besar kepada ketiga-tiga buah negara.

Alasan utama ketiga-tiga buah negara menentang penggunaan kapal-kapal tangki besar kelas VLCC di Selat Melaka iaitu mengenai masalah pencemaran. Malahan semenjak tahun-tahun 1970-an perkara ini telah dipersoalkan oleh semua kerajaan yang terlibat. Pada 19 Mei 1972, kerajaan Indonesia telah mengeluarkan kenyataan:

*" Every nation has the right to protect its territorial waters from use by other countries which could endanger the interest of its people, as by causing water pollution and damaging off-shore exploration and fishing industries. This will surely happen of heavy ships above 200,000 tons pass the waterway which is shallow in several parts." (Munadjat, 66)*

Kenyataan dalam maksud yang sama turut dikeluarkan oleh Perdana Menteri Malaysia sewaktu merasmikan Persidangan UMNO ke 23 pada tahun yang sama:

*"Indonesia and Malaysia have the right to control the Straits of Malacca so that it will not be polluted by oil spills from tankers which can and will destroy the fish and the shores of both countries. If this happens, the means of livelihood of thousands of Malaysian and Indonesian fishermen be jeopardized." (Asia Research Bulletin, 1004-B, Munadjat, 66)*

Malaysia dan Indonesia telah membangkitkan mengenai isu pencemaran yang berlaku memerlukan pengawalan Selat Melaka dan perairan sekitar. Malahan pencemaran yang berlaku dapat dikategorikan kepada beberapa tahap iaitu:

- 1 Bahan buangan tempatan
- 2 Bahan buangan industri dan pertanian
- 3 Bahan buangan dari kapal-kapal
- 4 Kesan eksplorasi dan eksploitasi bahan-bahan mentah di dasar laut
- 5 Sisa radio-aktif
- 6 Bahan buangan dari janakuasa
- 7 Pencemaran ketenteraan melalui pembuangan gas-gas beracun dan bahan-bahan letupan.

### **Malapetaka di Laut**

Terdapat banyak insiden yang memberikan kesan serius terhadap masalah kelautan. Antaranya

- 1 Mac 1967 - *Torrey Canyon* (kapal tangki Liberia) seberat 118,285 ton membawa minyak mentah menumpahkan bahan tersebut di Britain. Sebanyak 30,000 ton minyak mentah telah tumpah yang memberikan kesan pencemaran buruk di perairan England dan Perancis terutama kepada golongan nelayan dan kegiatan pelancongan.
- 2 Januari 1969- Telaga minyak di Selat Santa Barbara, Amerika Syarikat meletup. Ia terletak 30 batu daripada California. Kejadian ini memberi kesan tumpahan minyak seluas 400 batu persegi di laut dan 40 batu kawasan pantai dengan minyak mentah setebal 2 inci.
- 3 Kapal *Tokyo Maru* seberat 151,288 ton tersadai di Selat Melaka
- 4 Januari 1968 - Kapal seberat 200,000 ton tersadai di perairan Singapura.

Kedudukan Selat Melaka yang cetek menyebabkan kapal-kapal yang melebihi berat 200,000 ton mempunyai risiko besar menggunakan selat ini. Beberapa usaha dilakukan bagi mengelakkan keadaan buruk seperti mana yang pernah berlaku ke atas kapal tangki minyak mentah *Arabian* seberat 208,000 ton dan *Eugenie S. Niarchos* seberat 212,000 ton dalam bulan Jun 1971. Kedua-dua kapal kelas VLCC ini telah tersadai diperairan cetek di antara Pulau St. John dan Pulau Riau.

Bagi mengelakkan keadaan berulang, Malaysia-Indonesia-Singapura mahukan syarikat minyak Jepun mengarahkan kedua-dua buah kapal tangkinya *Niiseki Maru* dan *Kinko Maru* yang membawa minyak dari Teluk Parsi belayar melalui Selat Lombok dan Makasar. Langkah ini turut dicadangkan oleh kerajaan Indonesia sebagai usaha keselamatan pelayaran terutamanya kelas VLCC yang melebihi berat 200,000 ton. Walaupun laluan alternatif dicadangkan bagi keselamatan kapal, namun kapal-kapal tangki besar masih terus menggunakan Selat Melaka.

Kedegilan kapal-kapal menyebabkan insiden yang sama berulang apabila kapal tangki *Shouwa Maru* seberat 237,698 ton tersadai di Selat Singapura. Insiden ini menyebabkan tumpahan minyak seberat 7,300 ton yang telah mengancam perairan Singapura, pantai barat semenanjung Malaysia dan kawasan perikanan Pulau Riau.

Semenjak kemalangan kapal tangki *Myrtea* seberat 210,000 ton berhampiran Pulau Bukom, kerajaan Indonesia telah menyeru diadakan had berat kapal yang boleh melalui Selat Melaka mestilah kurang daripada 200,000 ton. Indonesia jelas semenjak dari dahulu

lagi melaksanakan laluan selamat bagi kapal-kapal kelas VLCC iaitu yang melebihi 200,000 ton. Ianya dilaksanakan pada Oktober 1971 apabila kapal tangki Jepun *Niiseki Maru* seberat 370,000 ton sebagai kapal pertama menggunakan laluan Selat Lombok dan Makasar (Munadjat, 69). Selepas itu, terdapat kapal-kapal kelas VLCC menggunakan laluan ini.

Bagaimanapun, ia tidak merupakan peraturan muktamad yang harus diikuti oleh semua kapal yang melalui selat ini. Terdapat masih banyak kapal yang enggan menggunakan laluan Selat Lombok dan Makasar kerana peningkatan faktor-faktor kewangan dan masa. Menurut kajian yang pernah dibuat oleh seorang pengkaji Jepun iaitu Koji Nakamura (FEER, 23 Feb. 1973, 14), kapal-kapal yang menggunakan Selat Makasar dan Lombok terpaksa menambah 7 peratus-8 peratus masa bagi mengangkut minyak dari Teluk Parsi ke Jepun.

Pelayaran kapal-kapal dari Teluk Parsi ke Jepun menggunakan Selat Melaka adalah sejauh 6,000 batu, manakala jika menggunakan Selat Lombok dan Makasar ia meningkat menjadi 7,605 batu. Ini bermakna perbezaan jarak sejauh 999 batu. Masa yang diambil melalui Selat Melaka pada kebiasaannya adalah selama 17.4 hari manakala melalui Selat Lombok dan Makasar memakan masa selama 20.1 hari yang menunjukkan perbezaan sebanyak 2.7 hari.

### Usaha-Usaha Malaysia

Syarikat-syarikat perkapalan Jepun adalah merupakan kumpulan yang tidak suka menggunakan laluan Selat Lombok dan Makasar. Mereka masih meneruskan usaha menggunakan laluan Selat Melaka sekaligus memberikan kesan terhadap risiko atau ancaman di Selat Melaka. Keengganan syarikat-syarikat Jepun menyebabkan kerajaan Malaysia-Indonesia-Singapura mengambil usaha bersungguh-sungguh melindungi pencemaran alam yang disebabkan oleh pencemaran minyak di Selat Melaka dan Singapura.

Ketiga-tiga buah kerajaan bersama-sama dengan Jepun telah menjalankan beberapa kajian hidrografik bertujuan mengenalpasti laluan selamat bagi kapal-kapal tangki besar di Selat Melaka. Kajian yang pertama dilakukan antara bulan Januari-Mac 1969. Dalam bulan Oktober-Disember 1970, kajian kedua yang dilakukan berjaya mengesan 37 tempat cetek yang boleh membahayakan kapal-kapal tangki besar terutamanya kelas VLCC (Munadjat, 70).

Bagaimanapun, terdapat kebimbangan di kalangan ketiga-tiga buah negara terlibat mengenai minat dan kedudukan Jepun. Ini jelas selepas usaha Jepun melalui Yoshio Saito dari Biro Pentadbiran Jawatankuasa Selat Melaka berusaha menempatkan negaranya

mempunyai hak menjalankan pengawasan ke atas Selat Melaka dan Singapura. Yoshio Saito telah mencadangkan perjanjian berasingan diadakan dengan ketiga-tiga negara bagi menjalankan kajian hidografik dan operasi mengorek kawasan cetek. Ketiga-tiga negara terlibat sebaliknya hanya meluluskan kajian hidrografik tetapi dengan syarat-syarat mereka sendiri.

Perjanjian 6 perkara ditandatangani oleh ketiga-tiga negara dalam bulan Oktober 1971 bertujuan menjelaskan dunia luar mengenai sikap dan kedudukan Malaysia-Indonesia-Singapura berhubung Selat Melaka sebagai laluan periaran. Persetujuan bersama 6 perkara tersebut adalah:

- 1 Ketiga-tiga kerajaan (Malaysia-Indonesia-Singapura) bersetuju bahawa keselamatan pelayaran di Selat Melaka dan Singapura adalah tanggungjawab sepenuhnya negara-negara pantai yang terlibat.
- 2 Ketiga-tiga kerajaan bersetuju perlunya kerjasama tiga pihak bagi keselamatan pelayaran di Selat Melaka.
- 3 Ketiga-tiga kerajaan bersetuju pembentukan secepat mungkin badan kerjasama mengkoordinasi keselamatan di Selat Melaka dan Singapura.
- 4 Ketiga-tiga kerajaan bersetuju bahawa persoalan keselamatan pelayaran dan masalah internasionalisasi adalah merupakan dua masalah berbeza.
- 5 Kerajaan Indonesia dan Malaysia bersetuju bahawa Selat Melaka dan Singapura bukan merupakan selat antarabangsa walaupun mengakui kegunaan selat ini bagi kegiatan perkapalan antarabangsa berasaskan kepada prinsip *innocent passage*. Kerajaan Singapura sedia maklum dengan pendirian Malaysia dan Indonesia.
- 6 Berasaskan persetujuan yang dinyatakan, ketiga-tiga kerajaan bersetuju kajian hidrografik perlu diteruskan.

Kenyataan bersama mengenai kedudukan Selat Melaka mengubah sifat ketiga-tiga buah negara yang terlibat sebelum ini lebih berbentuk perundingan kepada bentuk baru yang lebih konkrit iaitu "kerjasama". Sebelum ini, setiap negara mempunyai pandangan tersendiri mengenai kedudukan Selat Melaka. Pengurusan Selat Melaka dianggap isu yang kontroversi dan sulit

oleh setiap negara. Sebelum ini, Singapura dilihat mempunyai pandangan dan penyelesaian berbeza mengenai Selat Melaka berbanding Indonesia dan Malaysia. Namun usaha yang dibuat menandakan bermulanya usaha bersama ke arah melindungi Selat Melaka daripada pencemaran.

Kepesatan kegiatan perkapalan di Selat Melaka mempengaruhi ketiga-tiga negara menumpukan perhatian terhadap pencemaran minyak diakibatkan daripada kerosakan kapal-kapal. Malahan pencemaran minyak menjadi semakin teruk dari sehari ke sehari. Kajian yang dilakukan oleh Institut Petroleum Indonesia mendapati terdapat dua bentuk tumpahan minyak, minyak mentah dan minyak enjin.

Bagaimanapun kenyataan bersama tiga buah negara kurang menjamin keselamatan Selat Melaka. Ini kerana masih banyak kapal-kapal tangki yang melebihi berat 200,000 ton menggunakan laluan Selat Melaka. Dalam bulan Januari 1975 satu lagi insiden berlaku di kawasan ini apabila kapal tangki kelas VLCC *Showa Maru* tersadai di Selat Melaka. Keadaan ini menyebabkan pada 18 Februari 1975, satu perbincangan melibatkan menteri daripada ketiga-tiga buah negara diadakan di Singapura. Di akhir mesyuarat satu keputusan dipersetujui mengenai keselamatan pelayaran dan tuntutan ganjaran. Oleh itu, satu kenyataan bersama dikeluarkan mengandungi 10 perkara.

Masalah pengurusan Selat Melaka adalah merupakan masalah bersama yang terpaksa ditanggung oleh tiga buah negara terlibat (Malaysia-Indonesia-Singapura) Dalam hal ini, Malaysia terpaksa bersama-sama Indonesia dan Singapura menjalankan usaha mentadbir Selat Melaka menjadi laluan selamat dan mengelak daripada pencemaran. Cara terbaik yang dilakukan ialah melalui kerjasama dan persepakatan diperingkat menteri, pegawai-pegawai kanan dan kumpulan pakar. Mesyuarat peringkat menteri diadakan setaip tahun yang telah bermula pada bulan Februari 1975 di kalangan tiga buah negara anggota. Manakala peringkat pegawai-pegawai kanan diadakan setiap enam bulan (Munadjat, 75).

Selepas empat tahun kajian hidrografik dijalankan di Selat Melaka dan Singapura, kumpulan kerja teknikal telah menyediakan formula yang dikenali sebagai "Indonesia-Malaysia-Singapura (IMS) *Traffic Separation Scheme, Rules and Recommendations (IMS-TSS)* bagi pengurusan Selat Melaka dan Singapura.

Menjelang 19 Februari 1975 pegawai-pegawai kanan ketiga-tiga negara telah mengadakan Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan (SOM). Bagaimanapun, mesyuarat SOM yang diadakan di Jakarta pada 21 Disember 1976 telah melahirkan peraturan-peraturan keselamatan pelayaran dan menggalakkan kerjasama dan koordinasi lebih rajat



mengelakkan pencemaran alam di Selat Melaka. Cadangan SOM ini diterima oleh ASEAN sewaktu mesyuarat Menteri-Menteri Luarnya di Manila pada Febuari 1977. Sehubungan dengan itu sebanyak 12 perkara telah digariskan. Antaranya (Munadjat, 76-7):

- 1 *Vessel shall maintain a single Under Keel Clearance (UKC) of at least 3.5 metres at all times during the entire passage through the Straits of Malacca and Singapore. They also shall take all necessary safety precautions especially when navigating through the critical areas.*
- 2 *The delineation of the TSS in three specified critical areas of the Straits of Malacca and Singapore, namely in the One Fathom Bank area, the Main Straits and Phillip Channel, and off Horsburg Light-house shall be defined.*
- 3 *Deep draught vessels, namely vessels having draughts of 15 meters and above, are required to pass through the disignated "Deep Water Route" (DWR) in the Straits of Singapore up to Buffolo Rock and are recommended to navigate in the specified route from Buffolo Rock up to Batu Berhenti area. Other vessels are recommended not to enter the DWR except in an emergency (Munadjat, 76-7).*

Pada 16-20 Ogos 1977 SOM telah diadakan di Pualau Pinang membincangkan usaha-usaha melaksana dan menguatkuasakan dasar pengawalan Selat Melaka dan Singapura. Di samping itu ia juga bersetuju membawa isu-isu berhubung IMS-TSS ke dalam Mesyuarat IMCO menjelang bulan September-November 1977 di London bagi dipatuhi oleh persatuan perkapalan antarabangsa. Dengan cara ini ia dapat mewujudkan skim pelayaran yang selamat di Asia Tenggara.

Masalah berhubung dengan Selat Melaka lebih merupakan usaha Malaysia, Indonesia dan Singapura melaksanakan peraturan dan undang-undang laut yang sememangnya sudah ada di PBB. Perkara ini adalah seperti pendapat yang dinyatakan oleh George Thomson (1972):

*The problem of the Straits of Malacca and Singapore are not local aberrations of a new oceanic order. They do not raise legal problems requiring amendment of an existing law; what are involved are political problems of re-defining in general treaty terms the greatest degree of concurrence of national interests which can be established between old nations and new, strong nations and weak, and at every stage of development.*

## Masalah Bidang Kuasa

Walaupun ketiga-tiga negara pantai (Malaysia-Indonesia-Singapura) berusaha bersungguh-sungguh untuk mengurus selat ini namun beberapa insiden yang berlaku membuktikan kurangnya kerjasama antara negara-negara yang terlibat terutama melibatkan pelaksanaan undang-undang pembuangan sisa toksid. Sebab utama berlakunya perkara ini adalah kerana tiadanya penyelarasan undang-undang berhubung dengan prosedur penahanan setiap kapal yang disyaki melakukan pembuangan sisa minyak dan toksid.

Kegiatan pembuangan sisa minyak dan toksid juga dipengaruhi oleh dasar maritim Singapura. Singapura merupakan pusat utama pembaikpulih kapal-kapal di rantau ini malahan menjadi tumpuan bagi kapal-kapal besar dan kelas VLCC. Malahan ia turut menyediakan kemudahan baikpulih bagi kapal-kapal besar seberat melebihi 300,000-400,000 ton. Bagaimanapun terdapat undang-undang di Singapura mensyaratkan kapal-kapal yang hendak dibaiki mesti bebas daripada sebarang sisa toksid dan gas. Ini menyebabkan kapal-kapal yang terlibat menggunakan kesempatan membuang sisa minyak dan toksid di perairan Selat Melaka. Syarikat-syarikat perkapalan melakukan kegiatan membuang sisa minyak dan toksid ke perairan ini kerana cara ini dianggap murah dan mudah. Namun demikian tindakan ini sebenarnya mendedahkan Selat Melaka kepada pencemaran dan kemusnahan alam sekitar.

Perairan Selat Melaka sering menjadi tempat pembuangan sisa toksid dan minyak oleh kapal-kapal besar yang dalam perjalanan untuk dibaikpulih di Singapura. Masalah timbul kerana Malaysia tidak menyediakan kemudahan pembuangan sisa minyak dan toksid disebabkan negara ini tidak terlibat sepenuhnya dengan kemudahan pembaikpulih kapal-kapal besar. Ini jelas sepertimana yang dinyatakan oleh pengurus operasi Syarikat Lloyd (M) sdn. Bhd.:

*"There is no facility in Malaysia to dump sludge ... the only thing is to do it the illegal way." (New Straits Times, 3 Jan. 1995)*

Kos membersihkan sisa minyak melalui pembakaran agak mahal. Kos membakar setiap satu ton adalah sebanyak S\$30 (RM\$48)-S\$40 (RM\$64). Setiap kapal tangki yang mahu membersihkan kapal memerlukan membakar ribuan ton sisa minyak. Singapura mempunyai pusat pembersihan sisa minyak di Pulau Sembarok. Bagaimanapun terdapat kenyataan yang dikeluarkan oleh Jabat. Alam Sekitar Malaysia mendakwa perairan Malaysia menjadi sasaran utama pembuangan sisa minyak kapal-kapal yang didaftarkan di

Singapura (New Straits Times, 3 Feb. 1995). Nyata sekali terdapat kurang kerjasama diberikan oleh Singapura. Ini kerana menjelang 10 Febuari 1995, kenyataan Kementerian Alam Sekitar Singapura meminta Malaysia berhubung terus dengan pemilik-pemilik kapal Singapura berhubung dengan dakwaan ini.

Alasan Singapura adalah kerana Malaysia tidak dapat memberikan sebarang bukti kegiatan kapal-kapal tersebut. Malahan kenyataan menghampakan dikeluarkan:

*"They said Singapore had furnished the Malaysian Government with all information sought "to the best of our ability. ... Malaysia should deal directly with the culprits if it had proof that they had committed offences while in Malaysian waters and had fled detention."* (New Straits Times, 11 Feb. 1995)

Isu ini timbul berikutan tindakan pihak berkuasa Malaysia pada 26 Januari menahan 12 buah kapal yang berdaftar di Singapura berada di perairan Johor kerana disyakki masuk secara haram dan membuang sisa minyak di kawasan ini. Daripada 7 buah kapal tangki, kapal Songsan, Redwood dan Solo disyakki telah membuang sisa minyak di perairan Malaysia. Isu Singapura tidak mahu memberikan kerjasama telah membawa kepada persidangan khas Jawatankuasa Bersama Alam Sekitar Malaysia-Singapura pada 17 Febuari 1995. Persidangan ini telah membawa persetujuan Singapura untuk membantu pihak berkuasa Malaysia:

*"No Singapore-registered ship is allowed to cause oil pollution anywhere. As such, Singapore would be investigating whether three vessels (Song San, Solo and Redwood) had broken Singapore's Law".* (New Straits Times, 18 Feb. 1995)

Bagaimanapun kenyataan di atas masih menunjukkan Singapura mempertahankan hak serta bidang kuasanya terhadap kapal-kapal yang didaftarkan di negaranya. Masalah timbul kerana terdapat perbezaan perlaksanaan undang-undang antarabangsa berkaitan sisa toksid dan pencemaran oleh kapal-kapal tangki. Kedua-dua negara mempunyai kuasa kuat untuk menahan pesalah-pesalah. Di akhir persidangan beberapa keputusan telah dicapai. Antaranya (New Straits Times, 18 Feb. 1995):

- 1 Persetujuan pembentukan jawatankuasa kerja bagi membaiki prosedur di antara dua pihak dan mengkoordinasi insiden-insiden akan datang berhubung dengan pembersihan kapal-kapal tangki. Antaranya jawatankuasa ini akan memikirkan

- operasi bersama untuk menahan kapal-kapal yang terlibat.
- 2 Jawatankuasa diarah membentuk "contact point" bertujuan bertukar-tukar maklumat dengan tujuan melaksanakan peraturan kelautan.
  - 3 Mengkaji kemungkinan menggalakkan kemudahan merawat kekotoran dan sisa minyak serta mengambil tindakan mengawal aktiviti-aktiviti yang melanggar peraturan.
  - 4 Menyediakan laporan kumpulan pakar bagi menyediakan cadangan kepada mesyuarat MSJCE yang akan diadakan pada bulan April tahun 1995.

### Kesimpulan

Pengurusan dan pengawalan Selat Melaka masih menjadi masalah yang harus dipikul oleh Malaysia bersama-sama Indonesia dan Singapura. Tiga masalah utama yang terpaksa yang dihadapi oleh Malaysia ialah kepesatan penggunaan, kelas kapal yang besar (VLCC) serta keadaan cetek selat ini menjadikan negara ini terpaksa berhadapan dengan risiko terhadap kesan pencemaran alam sekitar dan kegiatan ekonomi nelayan. Malaysia terpaksa lebih banyak menjalankan usaha-usaha bersama dengan negara-negara yang terlibat bagi menguatkuasakan peraturan pengguna laluan ini.

Kedegilan dan sikap buruk beberapa pemilik kapal menjadikan selat ini sebagai tempat pembuangan sisa toksid dan minyak terutama sekitar 1980-an dan pada masa kini menjadikan Malaysia terpaksa bertindak dengan lebih tegas bagi mengelakkan kegiatan seumpama berulang. Bagi melaksanakan peraturan-peraturan baru, Malaysia-Indonesia-Singapura terpaksa berdepan dengan kritikan negara-negara Barat dan Jepun yang mahukan ia diselesaikan melalui badan-badan organisasi antarabangsa. Namun demikian, Malaysia tetap dengan pendiriannya mahukan soal-soal berkaitan pengawalan dan pengurusan Selat Melaka dilakukan dengan dua cara iaitu pengurusan sendiri dan perundingan di peringkat serantau (ASEAN).

### Rujukan

- Asia Research Bulletin*, Vol. 2, no. 3, August 1972.
- Far Eastern Economic Review*
- Cowan, C.D. March 1968, "Continuity and Change in the International History of Maritime South East Asia", *Journal of Southeast Asian History*, Vol. 9, no.1.
- Leifer, Michael. 1978, *International Straits of the World*, Sijthoff & Noordhoff, Netherlands.
- Ma Huan. 1970, *Ying-Yai Sheng Lan*, J.V.G. Mills (trlt.), Cambridge University Press, London.
- New Straits Times*
- O'Connell, O.P. 1976, *The Influence of Law on Sea Power*, Manchester University Press, Manchester.
- Polomka, Peter. 1978, *Oceans Politics in Southeast Asia*, ISEAS, Singapore.
- Poulose T.T. and Hemlata Bhatia. 1971. *The Malacca Straits and the Indian Ocean*.
- Rubin, Alfred P. 1974, *Piracy Paramountcy and Protectorates*, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Shaw.K.E. 1969, "The Judicial Status of the Malacca Straits and its Relation to Indonesia and Malaysia", *The Nanyang University Journal*, Singapore. vol. III.
- Sheldon W. Simon. 1975, *Asia Neutralism and U.S. Policy*, American Ins. for Public Research, Washington D.C.
- Shephard, Allen. 1994, "Maritime Tensions in the South China Sea and the Neighbourhood: Some Solutions", *Studies in Conflict and Terrorism*, vol. 17, no. 2.
- St. Munadjat Danusaputro. 1981, *The Marine Environment of South-East-Asia*, Binacipta, Bandung.
- Tangsubkul, Phiphat. 1982, *ASEAN and the Law of the Sea*, ISEAS, Singapore.
- Thomson, George G. July 1972, "The Malacca Straits: Who has the Last Word?", *Pacific Community*, vol. 3, no. 4.
- Zakaria Mohd Yatim. 1979, "The Straits of Malacca and Singapore in International Law", Ph.D Dissertation, University of Kent.

## MOTIVASI PENCAPAIAN DAN WAWASAN 2020

---

**Arifin Hj. Zainal**

Jabatan Psikologi, UKM

Kertas ini bertujuan untuk menunjukkan sama ada wujud hubungan di antara tahap motivasi pencapaian seseorang dengan persepsinya terhadap Wawasan 2020. Teori motivasi pencapaian menghubungkan motivasi pencapaian dengan pembangunan negara sementara Wawasan 2020 bermatlamat untuk menjadikan Malaysia negara maju, jadi kajian ini bertujuan menguji persoalan berikut: Adakah seorang yang tinggi motivasi pencapaian akan mempunyai persepsi yang positif terhadap Wawasan 2020? Kajian ini, walau bagaimanapun, masih berbentuk kajian awal.

### Wawasan 2020

Pada tanggal 23 Februari 1991 telah mencatatkan sejarah sebagai hari pelancaran satu gagasan besar negara oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad. Pada hari tersebut YAB Perdana Menteri telah memberi ucapan dasar dalam mesyuarat pertama Majlis Perdagangan Malaysia yang berjudul "Malaysia: Melangkah Ke Hadapan". Dalam ucapan inilah terkandungnya gagasan yang kemudiannya dikenali sebagai "Wawasan 2020".

Wawasan 2020 bermatlamat untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Walau bagaimanapun negara maju yang diidamkan itu dibina mengikut pendekatan Malaysia. Pendekatan tersebut dinyatakan oleh YAB Perdana Menteri sebagai berikut:

*Malaysia tidak patut dibangunkan daripada segi ekonomi sahaja. Ia mesti menjadi negara maju sepenuhnya dalam semua bidang: Ekonomi, politik, sosial, kejiwaan, psikologi dan kebudayaan. Kita mesti maju dalam erti kata perpaduan nasional dan sosial, kestabilan politik, sistem kerajaan, mutu hidup, nilai sosial dan kejiwaan, maruah bangsa keyakinan.*

(Mahathir Mohamad, 1991: 7)

Tahun 2020 akan tiba tetapi wawasan yang diharapkan bukan satu perkara yang mudah. Berbagai halangan dan rintangan perlu ditempuh. YAB Perdana Menteri menghurai sembilan cabaran dalam usaha menuju dan menrealisasikan wawasan 2020 iaitu:

1. Mewujudkan negara Malaysia bersatu yang berkongsi matlamat bersama.
2. Mewujudkan masyarakat berjiwa bebas, tenteram dan maju dengan keyakinan dan keupayaan sendiri, berbangga dengan pencapaian, gagah menghadapi segala masalah.
3. Mewujudkan masyarakat demokratik dan matang.
4. Mewujudkan masyarakat bermoral dan beretika yang teguh dengan nilai agama dan kerohanian.
5. Mewujudkan masyarakat liberal dan bertolak ansur dalam konteks rakyat majmuk Malaysia.
6. Mewujudkan masyarakat saintifik dan progresif, berpandangan jauh dan penyumbang kepada tamadun saintifik dan teknologi.
7. Mewujudkan masyarakat penyayang dan budaya menyayangi.
8. Mewujudkan masyarakat yang adil dalam bidang ekonomi.
9. Mewujudkan masyarakat makmur yang bersaing dalam ekonomi, dinamik, giat dan kental.

### **Motivasi Pencapaian**

Konsep motivasi telah mula mendapat tempat dan diberi tumpuan hasil dari gerakan hubungan manusia. Berbagai teori motivasi telah dikemukakan yang diasaskan pada pendekatan yang berbeza. Salah satu pendekatan utama ialah pendekatan keinginan. Teori yang terawal yang terkenal mengikut pendekatan keinginan ini ialah teori keinginan hairaki Maslow diikuti oleh teori dua faktor Herzberg dan teori motivasi pencapaian (Arifin, 1984, 1988).

Ramai tokoh yang telah mengembangkan teori motivasi pencapaian seperti Atkinson, Atkinson dan Feather, McClelland dan Weiner (Wan Rafaei, 1976). Beberapa definisi motivasi pencapaian telah juga diberikan. Menurut McClelland (1961) motivasi pencapaian merupakan aspek afektif atau perasaan bangga dengan kejayaan. Menurut Atkinson dan Feather (1966) pula, motivasi pencapaian adalah jelmaan dorongan dalaman untuk melakukan sesuatu dengan baik dan jaya ditahap pencapaian yang tinggi. Akhirnya, Weiner (1974) mengatakan bahawa motivasi pencapaian adalah satu aspek kognitif di mana seseorang yang bermotivasi

pencapaian tinggi berupaya mempersepsikan sesuatu matlamat sebagai rumusannya. Motivasi pencapaian merupakan satu proses kognitif yang menginginkan pencapaian satu matlamat yang tinggi dengan cemerlang dan berbangga dengan kejayaan tersebut.

Merujuk kepada definisi motivasi pencapaian di atas menampakkan yang aspek motivasi pencapaian tersebut boleh dikaitkan dengan gagasan negara - Wawasan 2020. Seseorang yang bermotivasi pencapaian tinggi akan memberi keutamaan kepada piawai kecemerlangan. Ia menginginkan pencapaian yang unik. Akhirnya ia mempunyai matlamat jangka panjang. Aspek pencapaian tinggi dalam Wawasan 2020 ialah menjadikan Malaysia sebuah negara maju. Dari segi keunikannya pula ialah menjadi negara maju ala Malaysia, yakni tidak mengikut cara barat. Akhirnya, dalam Wawasan 2020 turut menetapkan satu tarikh untuk pencapaian matlamat di atas iaitu pada tahun 2020.

Hubungan itu akan lebih ketara lagi jika dihalusi teori motivasi pencapaian McClelland. Dalam teorinya, McClelland (1961) telah menunjukkan hubungan yang rapat di antara motivasi pencapaian dengan pembangunan ekonomi sesebuah negara. Menurut teori ini kadar pertumbuhan ekonomi negara akan pesat jika terdapat ramai usahawan gigih. Usahawan ini terdiri daripada individu yang bermotivasi pencapaian tinggi. Terdapat tiga faktor utama yang mewujudkan individu yang tinggi motivasi pencapaian iaitu wujud kelas menengah, pembolehubah dalaman yang terhasil dari amalan didikan anak yakni kemesraan, kurang pengaruh bapa dan mengutamakan kecemerlangan melalui kepatuhan kepada taraan yang tinggi. Akhirnya faktor ketiga ialah pembolehubah luaran terutamanya pandangan agama. Secara grafiknya teori motivasi pencapaian McClelland adalah seperti dalam Rajah 1.

### Permasalahan Kajian

Dengan meneliti kedua-dua Wawasan 2020 dan motivasi pencapaian menampakkan wujud satu bentuk hubungan. Yakni, Wawasan 2020 bermatlamat untuk membangunkan Malaysia dari Negara Sedang Membangun kepada Negara Maju. Sementara menurut motivasi pencapaian, khusus teori McClelland, kewujudan negara maju tertakluk kepada kewujudan ramai usahawan. Sifat utama usahawan ialah tinggi motivasi pencapaian. Lanjutan daripada penelitian ini timbul persoalan bahawa adakah mereka yang tinggi motivasi pencapaian akan turut mempunyai persepsi positif terhadap Wawasan 2020. Begitulah sebaliknya, individu yang rendah motivasi pencapaian akan mempunyai persepsi negatif terhadap Wawasan 2020.




### Laporan Kajian

Untuk menguji persoalan di atas, penulis telah mendapat kerjasama dari dua orang pelajar tahun kepujian untuk melakukan kajian. Kajian itu juga telah menjadi latihan ilmiah mereka di bawah penyeliaan penulis. Kajian ini telah dibuat di dua latar yang berbeza. Pertama di latar universiti dari kalangan pelajar. Keduanya di latar pekerjaan terdiri dari pekerja di kedua-dua sektor, awam dan swasta.

**Kajian Pertama:** Kajian ini dilakukan oleh Muhamad Nasir (1992) ke atas 92 orang pelajar di sebuah universiti tempatan. Mereka ini terdiri dari pelajar lelaki (47 orang) dan perempuan (45 orang) meliputi pelajar Melayu (51 orang), Cina (30 orang) dan India (11 orang). Pelajar ini adalah dari tahun satu hingga tahun empat dari lapan fakulti. Satu set soal selidik yang mengandungi tiga bahagian digunakan. Bahagian pertama merupakan ukuran motivasi pencapaian Smith Achievement Scale (SAS) yang telah diterjemahkan secara terjemahan berulang (back translation). Bahagian Kedua adalah ukuran persepsi terhadap Wawasan 2020 yang dibina bersama oleh pengkaji dan penulis. Akhirnya Bahagian Ketiga mengukur maklumat diri. Nilai kebolehpercayaan ukuran SAS adalah sederhana rendah ( $\text{Alpha} = 0.36$ ) sementara untuk ukuran persepsi adalah sederhana tinggi ( $\text{Alpha} = 0.47$ ).

Rajah 1 Teori Motivasi Pencapaian McClelland



Sumber : McClelland, D.C. 1961. *The Achieving Society*. Princeton: Van Nostrand. hlm. 438.

Secara umumnya keputusan kajian pertama ini mendapati bahawa tahap motivasi pencapaian pelajar adalah rendah (69%), hanya dalam lingkungan 1/3 yang tinggi motivasi pencapaian (31%). Sementara keputusan tentang persepsi pula menunjukkan bahawa hampir separuh dari subjek yang positif persepsi mereka (48.8%), 16% negatif dan selebihnya tidak pasti (34.2%).

Dari analisis korelasi Pearson didapati tidak wujud korelasi yang signifikan di antara motivasi pencapaian dengan persepsi terhadap Wawasan 2020 ( $r = -0.16$ ,  $k > .05$ ). Ini bermakna tinggi rendahnya dalam tahap motivasi pencapaian tidak boleh dikaitkan dengan persepsi.

**Kajian Kedua:** Kajian ini dilakukan oleh Chua Sor Pheng (1995) ke atas 88 orang pekerja perkeranian dari sektor awam (47 orang) dan sektor swasta (41 orang) di sebuah negeri di Pantai Timur. Soal selidik yang sama dengan kajian pertama di atas digunakan dengan sedikit penyesuaian bagi ukuran persepsi. Indeks kebolehppercayaan untuk SAS sama dengan yang diperolehi oleh Muhamad Nasir (1992), tetapi untuk ukuran persepsi lebih baik dari yang diperolehi oleh Muhamad Nasir (1992) iaitu nilai Alpha = 0.96. Indeks kebolehppercayaan ini adalah tinggi.

Keputusan umum tentang motivasi pencapaian menunjukkan sebahagian besar subjek bermotivasi pencapaian tinggi (78.4%) dan kira-kira 1/5 sahaja yang rendah motivasi pencapaian mereka (21.6%). Dari segi persepsi juga didapati sebahagian besar mempunyai persepsi positif terhadap Wawasan 2020 (83%) dan kurang dari 1/5 yang mempunyai persepsi negatif (17%).

Ujian korelasi Pearson di antara motivasi pencapaian dan persepsi terhadap Wawasan 2020 menunjukkan wujud hubungan positif yang signifikan ( $r = 0.41$ ,  $k < 0.01$ ). Dengan keputusan ini boleh dirumuskan bahawa pekerja yang bermotivasi pencapaian tinggi juga turut mempunyai persepsi positif terhadap Wawasan 2020.

### Perbincangan dan Penutup

Keputusan yang diperolehi oleh kedua-dua kajian di atas adalah menarik. Didapati motivasi pencapaian boleh menjadi peramal tentang persepsi terhadap Wawasan 2020 di kalangan pekerja dan tidak di kalangan pelajar universiti. Perbezaan keputusan ini boleh dikaitkan dengan tiga faktor. Pertamanya berkaitan dengan kebolehppercayaan alat ukuran motivasi pencapaian (SAS) yang rendah. Maka keputusan kedua-dua kajian ini agak terbatas dari segi membuat generalisasi dan menarik kesimpulan.

Perkara kedua boleh dikaitkan dengan perbezaan sampel. Kedua-dua pelajar dan pekerja memang memang berbeza dalam banyak hal seperti dari segi kematangan, pendedahan, rasa tanggungjawab dan idealisme. Dari segi idealisme misalnya, pelajar lebih bersifat 'idealis' sementara pekerja lebih bersifat praktis.

Faktor ketiga ialah soal perkaitan. Aspek motivasi pencapaian yang diukur lebih berkait rapat dengan dunia perniagaan daripada dunia pembelajaran. Begitu juga dengan soal Wawasan 2020 mempunyai perkaitan yang lebih nyata dengan prestasi dalam pekerjaan daripada prestasi dalam pembelajaran. Justeru itu hubungan motivasi pencapaian dengan persepsi terhadap wawasan ditemui di kalangan pekerja dan tidak di kalangan pelajar.

Kajian yang dikemukakan dalam kertas ini masih bersifat tinjauan awal. Kajian lanjut yang meliputi kumpulan subjek dari berbagai latar belakang perlu dilakukan. Seterusnya kesan perbezaan latar belakang tersebut diuji secara statistik. Yakni, untuk menentukan sama ada terdapat kesan interaksi atau tidak.

Pemilihan alat ukuran motivasi pencapaian perlu terus dibuat supaya akhirnya diguna alat ukuran yang tinggi tahap kebolehpercayaan dan kesahannya. Kesesuaian alat ukuran seperti Thematic Apperception Test (TAT) dan Mehrabian Achievement Scale (MAS) perlu diuji. Wan Rafaei (1972) misalnya, mendapati MAS lebih sesuai dari TAT untuk mengukur motivasi pencapaian. Dengan itu usaha untuk mendapatkan pengukur motivasi pencapaian yang tinggi kebolehpercayaan dan kesahan perlu diteruskan.

Kepentingan kajian ini untuk diteruskan adalah besar. Sekiranya didapati bahawa terdapat hubungan positif di antara motivasi pencapaian dan persepsi terhadap Wawasan 2020, maka usaha bolehlah ditumpukan kepada meningkatkan motivasi pencapaian rakyat Malaysia. Misalnya, dengan memberi penekanan kepada ketiga-tiga faktor penting motivasi pencapaian seperti pendidikan anak dan penghayatan nilai agama. Latihan motivasi pencapaian juga boleh diusahakan. Dengan motivasi pencapaian yang tinggi maka ramailah yang akan menjadi usahawan. Apabila ramai usahawan maka gagasan untuk menjadi negara maju akan lebih mudah tercapai.

## Rujukan

- Atkinson, J.W & Feather, N.T. 1966. *A Theory of Achievement Motivation*. New York: Wiley.
- Arifin Hj. Zainal. 1984. Motivasi dan Perlakuan Kerja Dalam Organisasi. *Ilmu Masyarakat*, 6, 56-67.
- Arifin Hj. Zainal. 1988. Teori Dua Faktor Herzberg: Satu Penilaian dalam Konteks Malaysia. *Majalah Psikologi*, 8, 71-84.
- Chua Sor Pheng. 1995. Hubungan Motivasi Pencapaian dengan Persepsi Pekerja Terhadap Wawasan 2020. Latihan Ilmiah, Jabatan Psikologi, UKM (tidak diterbitkan).
- McClelland, D.C. 1961. *The Achieving Society*. Princeton: Van Nostrand.
- Mahathir Mohamad. 1991. Ke Arah Negara Maju. *Akademik*, Jun, 7-14.
- Muhamad Nasir bin Muhammad Noor. 1992. Hubungan di antara Motivasi Pencapaian dan Persepsi Pelajar-pelajar Terhadap Wawasan 2020. Latihan Ilmiah, Jabatan Psikologi, UKM (tidak diterbitkan).
- Wan Rafaei Abdul Rahman. 1972. An Exploratory Comparative Study in Achievement Motivation Between Malay and Australian Secondary School Students. *Akademika*, 1, 105-110.
- Wan Rafaei Abdul Rahman. 1976. Pengerakan Pencapaian - Satu Tinjauan Ringkas. *Majalah Psikologi*, 1, 1-9.
- Winer, B. 1974. *Achievement Motive and Attribution Theory*. Morristown, N.J.: General Learning.



# THE HIGHER FRONTIER: CHALLENGES AND OPPORTUNITIES FOR MALAYSIA IN THE THIRD MILLENNIUM

---

Ali Khattab

UPSK, UKM

## Introduction

Any talk about the opportunities from the application and use of space technology to Malaysia would necessitate the examination of one of the most prominent variables that shapes the changes of modern era. This variable is information and information technology. The 21st century will witness a much more prominent role of this unique activity which plays a strategic role in a world that is more and more conditioned by information and information technology. Through information, information technology is currently playing a vital role on the statecraft, the organization and the individual levels. It is also having a transforming effect as it puts organizations in a different realm and they have to redesign themselves to take advantage of the increased role of information. In order for any country to take full advantage of this new source of strength and wealth it must change its attitudes to the way information is collected, stored, processed, communicated and indeed presented<sup>1</sup>.

The information age in which space science and technology plays the main vehicle role is seen as a new era taking mankind to a better future. Some luddites however are predicting a new dark age in the offing. Professor Ian Angell of LSE for example, predicted that such technology will propel the world to a new middle age with a natural state of inequity with urban areas protected as castles but electronically. The growing value of information over all commodities and the weakening ties between big business and any fixed place will lead to a dark age. He argued that information technology brought by space age technology would make old habits redundant. Corporations will be moving where profits are the highest, consequently they end up globe trotting thus creating a new breed of elites, employees and social classes based not on old traditional marxian dictums but on information. The new yardstick would be "informa-

tion rich" and "information poor". It is further stipulated that only 1/10th of the world population will be information rich and the remainder will be the new third world of the information age. If this scenario is true, what role then and steps are being taken by Malaysia in order to take full advantage of the new bounty? The second point that begs the question is what steps Malaysia is taking with regard to space policy, science and technology in order to catch up then compete with the rest of the world?

### **The Attributes of Satellite Technology**

In the relatively short period from the launch of the first artificial satellite in 1957 until the present, space technology has had an enormous impact on world society. As C.S. Wang has argued "Today space technology has become a powerful tool in our economic and productive activities and even in our daily lives" (1983: 10). The greatest benefits however have been felt by only few countries, the rest gaining negligible percentage. Most of the industrialized countries for example are using satellite technology for the management of their economic, security and cultural activities on an extensive scale. In military affairs for example the gulf war has shown the importance of this medium for battle management and other strategic and operational missions. The decision making bodies of allied forces have a real time assessment of the operation in the theatre of war. This is a first in the history of modern warfare. In cultural fields most entertainment and news programmes are extensively carried through the satellite medium. In the area of economics too, data transfers about economic transactions as well as information about world markets is almost exclusively the monopoly of satellite services.

The inequity in access and use of this medium is due not only to the periphery countries lack of industrial and economic power within the modern world division of labour, but also to the uniqueness and complexity of the activity. There is belief within specialized circles like United Nations Committee on the Peaceful Uses of Outer space (UN-COPUOS) that because of the huge scientific, technological, military sensitivities and financial resources required, the number of the countries in the space club is unlikely to grow beyond fifteen or so by the year 2000.

It is nevertheless ironic that whereas the periphery countries account for 70 percent of the world population they have so far claimed 0.63 percent of the total satellites launched up to 1981. "Out of 253 spacecraft launched only 16 belonged to developing countries; 11 of them belonged to China and 5 to India" (23rd convegno Spazio 1983:20). Although some launches with payloads from developing

countries have taken place in the years between 1980-90, they still remain a very small part of the total. This situation is part of a wider process whereby the periphery countries remain permanently locked into a disadvantageous position. Moreover, this situation is likely to exacerbate in the future as most core states move to take full advantage of the new means of communications and emerging information networks. In this 'second' industrial revolution, the major stimuli to future economic growth includes computers, robotics, informatics and alternative energy systems and all these technologies are going to be fueled by information, education, R&D and increased knowledge rather than the primary materials and basic labour as was the case during the 'first' industrial revolution. This new relationship between technology and economic prosperity is likely to put the developing countries in a difficult position and to call every attempt at development into question unless these countries put all their energies and enact policies that will allow them a share of the pie in the sky.

The accelerated deployment and application of satellites has presented the periphery countries with major challenges of technological nature. Because space technology has been taken for granted by most countries, developed and developing alike, particularly in the area of telecommunications, comparatively little thought has been given to the consequences or limitations of courting this medium. But as explained later the relevant technologies have been developed in major core states which according to I. Wallerstein (1979) have economies which exhibit diversified structure, a high degree of integration and a complex division of labour. Added to which they can command large markets both domestically and worldwide. They also have high levels of productivity in both manufacturing and agriculture. These characteristics put them in a position to meet the challenges of this highly advanced technology and to supply large amounts of investments, skill and know-how for experiments and applications to answer both national security and commercial demands. They are also able to sustain high costs for longer periods of time if required to do so.

Periphery countries on the other hand exhibit dualistic structure with a modern economic sector, highly integrated into world economy usually under the control of transnationals (TNCs) or joint venture. There is also a traditional sector based on coerced labour. As a result the average investment in both machines and skills is low and more labour per unit is required in production. Hence, the capacity to handle technological investment of the magnitude needed for space telecommunications, remote sensing or indeed any other space activity is minimal. Yet a number of conferences and general meetings particularly UNISPACE-82 and subsequent ITU conferences have



stressed the need for more cooperation in this field. At the present time many countries could have access to the technology depending on their economic weight. However, the issue goes beyond the question of access. It concerns the nature of the business itself as it involves a very complex process that includes science, technology, physics and operational procedure, all of which require not only consistency and perfection in performance but also hard work and technological mastery that necessitate large amount of investment.

For most developing countries communication satellites for example are seen as the status-symbol of the 1970s and 1980s. Despite the uncertainties as to their suitability to a developing country environment, there has been a steady stream of money, energy and thought spent on persuading customers to buy and appropriate such new gadgets<sup>2</sup> Developing countries have been in the forefront in having to indiscriminately import such technology. They are principally caught in the dilemma of having to rely on new technology in order to speed-up their own social and economic progress taking into account the enormous advantages achieved by core states through the application of such techniques.

Equally there has been a steady call by specialists in the area of mass media, sociology and third world development in general that there is a need for recognition that the new technology in the domain of media has a role to play in the nation building process. Indeed as E. Eapen (1988: 103) stated, many specialists have for long insisted that such means could be a multiplier that speeds social change and improve the quality of life in most developing countries. Some even point out that the existing state of third world environment and the malaise of underdevelopment is attributed to the communication side as being the missing link which could make the difference between a country that is underdeveloped or one that is aspiring towards a developed nation status. As a result of these and similar views the last two decades in particular have seen the mushrooming of philosophies and strategies of importing such technology often at a great financial and social cost. Earlier prescriptions by people like Lerner and Schramm are examples of the profusion of ideas about modernization and the role of technology in third world society. Although there is a great debate about the notion of neutrality of technology and that all depend on how one uses technology in order to reap benefits. Space technology is certainly one of those technologies that no country should do without irrespective of its status or level of development. It is therefore only natural to assume that the steps taken by Malaysia to harness this technology for its sustainable development is seen as a step in the right direction. One may from the outset recognize the difficulties that may be encountered and the material

sacrifices that come with such decision but almost every effort done to spread horizontally and vertically this technology is worth it.

### **The Economic, Scientific And Business Opportunities Of Space Applications: The Malaysian Experience.**

Space science and technology in Malaysia in the words of Nik Nasruddin Mahmood of MACRES is still in its embryonic stage compared with countries of the space club. It is as he stressed limited to a passive involvement i.e., more of end user than full participant. The last two to three years however the picture is slowly changing as the country is embarking on huge programmes in space and space related activities. The future may see this country as a full-time player in the space business. Nevertheless there is ample evidence to show the likely trends awaiting the Malaysian public and the specialized agencies as well as professionals that the country is seriously embarking on an ambitious space programme that will no doubt if consistent will propel it into a full space nation by the middle of the next century at the latest. But, perhaps, before thoroughly analysing the challenges and the opportunities facing Malaysia in the coming millennium, it is worth highlighting current applications in the space science and technology field.

#### ***1 The Space Science Studies Division (BAKSA)***

The Space Science Studies Division (BAKSA) is a specialized institution until recently under the administration of the Prime Minister's Department. It is a major thrust that reflects a serious attention by Malaysia into the potential benefits of space science and applications. Apart from participation in space research it plays a pivotal role in promoting space technology including earth oriented applications such as remote sensing and communications as activities that contribute to the development of the country and elevating its socio-economic status regionally and worldwide. According to its Director General Professor Mazlan, BAKSA'S roles can be summarized in the following:

- A. It functions as a resource centre for space science and technology. To that end, the Planetarium Negara has been established to promote space science as a subject and to introduce the population at large and the scientific community in particular including students to the importance of the field and to its potential contribution to the socio-economic development of the country. Apart from exhibi-

tions and shows, BAKSA also holds lectures by specialized agencies and professionals both locals and international. The centre has also an observatory that is available for use by the general public or for research by students or professionals.

- B. The planetarium also acts as a source of information for major space or astronomical events. BAKSA also has an outreach programme for sensibility and awareness in and around Kuala Lumpur where local staff are sent to schools to give talks and organize exhibitions about space activities in order to prepare the young generation in particular to take up the challenge for the next century. Although current interest is limited to astronomy, as the centre expands there, there are enormous tasks awaiting in view of the variety of space activities whether earth or space oriented.
- C. Furthermore, BAKSA acts as an advisor to both the government and other institutions in providing information on space science and technology and assisting in the drafting of policies or the initiation of research or applications projects in the field.
- D. BAKSA plays a major role as an information resource in the field through the data, stock of literature and its own published work it avails to the public as well as to researchers.

## 2. *Space Remote Sensing.*

Space remote sensing technology is one of the modern technologies that has asserted itself as one of the most versatile tools available for environmental monitoring and appraisal. Defined as the acquisition of environmental data of the earth by satellites, remote sensing offers today a wider range of applications including: Land applications in a variety of fields; Solid earth physics ( geodesy, geodynamics, mineral and oil prospecting); Mapping and cartography.

The process of space remote sensing involves detecting or recording or electronically transmitting from a distance electromagnetic radiation reflected or emitted by an object on or near the surface of the earth. There are particular sets of variations in the intensity of the reflected energy from an object which is referred to as spectral signa-

ture. The latter differentiates one object from the other. It indicates its density, surface regularity, moisture content and other physical and chemical properties. These qualities help scientists and specialists to interpret the phenomenon and forecast about its future development.

While the benefits of the above applications are fully demonstrated, the application suffered a bit of hesitation in the early days of its introduction. The problem it faced was the extent of its continuity in view of the possibility of an adequate commercial return that may be realized from this application. This technology also has faced uncertainty in early days due to the legal and political concerns raised particularly at the height of the cold war. Space remote sensing technology had to overcome two major contradictions before it can established itself as a credible alternative. The first contradiction was the consequence of the fact that this technology was originally developed as an integral part of the military activity in space which may question the whole essence of its relevance to civilian applications. The vast majority of remotely sensed data acquired from space about the earth has been for the military and from military satellites<sup>3</sup>. Remote sensing technology and the advance in its technology therefore was made entirely in the military sector. The civilian application has been facilitated only as a spin-off or technology transfer from the military sector. The second contradictory nature of space remote sensing technology comes from the controversy surrounding its interpretation. Since its introduction it has been regarded as a panacea to world problems particularly in the area of mineral/oil exploration and agricultural/land management. Yet costs to acquire this technology are still relatively high and the need for complementary means like the use of aircraft is still required.

Despite the high costs of space remote sensing technology and the complexity of its technology Malaysia did not hesitate to introduce remote sensing as part of its effort to manage its agricultural, environmental and resources based industries. To remain competitive on the regional and international level which necessitates better management and production, the government has looked to space remote sensing as an effective tool to help achieve targets and objectives. Hence this technology was implemented with the participation of local user community. The government has initiated the Malaysian National Remote Sensing Programme (NRSP) with the objective of:

1. To upgrade the facilities and coordinate the activities of remote sensing .
2. To promote greater utilization of the technology for the management of natural and other resources as part of the country's

efforts to achieve full development. These objectives meant certain steps must be taken in earnest. Among them

- A) A national remote sensing committee was established to implement the NRSP (Figure 3). The committee comprised various senior representatives from the user agencies as well as MACRES. This body has assigned the duty to undertake efforts of bilateral and multilateral arrangements and cooperation in the field of technology transfer and application on international and regional levels. Closer links with those countries with expertise This body has also assigned the duty to undertake efforts of bilateral and multilateral arrangements and cooperation in the field of technology transfer and application on the international and regional levels. in the field have been established.
  
- B) The second task was to establish The Malaysian Centre for Remote Sensing (Macres). The centre was established under the auspices of the Ministry Of Science Technology And The Environment in 1988. The centre is now fully operational. The objective of MACRES as highlighted by its director is to develop and use remote sensing for resources and environment management within the strategic planning of the country. The system is currently entering its second phase with the user segment and the ground segment already in place although an indigenous ground station will not be ready until 1996. Special concentration on the development of qualified and specialized personnel to handle this technology is at full speed. It is expected that Malaysia may be in a position to master all levels of technology, both the space segment and the ground segment as well as the software to handle such activities by the beginning of the next century. The cooperation of the private sector, research institutions and universities is believed to shorten the time span for the country to fully master and control all aspects of space remote sensing.

Despite the maturity of space remote sensing technology, there are still certain issues on the agenda reflecting the consequences of perceived interests of both users and owners of the technology as most countries are using foreign space segment to meet their requirements. The most widely used systems so far are the Landsat series of USA and the French SPOT systems. Some of these issues are fundamental to the very nature of the technology and Malaysia must take

them into consideration when using the technology or indeed appropriating it for national purposes. The questions that surround the technology for current and future applications are:

- a) Has sufficient time and quality of data been available to demonstrate the true potential of remote sensing?
- b) Is remote sensing a public good?
- c) What are the implications of the private sector entry into remote sensing on national and international programmes?

Further to the above, there are some sensitive issues that space remote sensing introduced which need to be tackled head on by respective governments as they are likely to influence the technology as well as the applications. Among these is the so called open dissemination of data. Because space remote sensing developed in an American environment where open skies policy is the norm, the practice has been to support sales of data regardless of the nationality of the buyer or indeed the country from which the data is derived. Such state of affairs led users of satellite data to express fear that open dissemination practice may be disrupted at any time and as the technology grows more in sophistication in terms of the sensor level the likelihood of vulnerability of countries will increase.

Another risk Malaysia has to pay attention to is the fact that despite increased capability of the technology to provide the necessary information required by both public and private sector for their benefits, there is still uncertainty on the costs and market side (supply side). Malaysia is fully aware that it has no space segment although the ground segment will be fully operational soon hence if the technology is fully transferred to the private sector the price of data and services may be pushed up considerably and the kind of information required by user states may not be available on time. This is a likely probability as the private sector will concentrate on areas where profit margins are high and not necessarily on a public good.

Further to what has already been highlighted, Malaysia as a satellite user must follow with great concern the policy issues behind the compatibility and complementarity of various satellite systems and technologies. This is important as it has technical and economic ramifications. As such, Malaysia must push for greater decision and participation in future design and operation of remote sensing systems unless it has the intention of operating its own systems where it is possible to make them tailored to meet its own needs. As it

stands there is greater technology push that will increase centralization and complexity of operations which may not be in favour of certain countries. Commercial interest and aggressive competition may not be beneficial for certain countries. It is therefore imperative that compatibility must be assured so that users can switch over to other systems at relatively little additional cost. Here issues like orbits of satellites and their positioning, sensor quality, resolution and data distribution and transmission must be made compatible to allow countries more flexibility. As to complementarity it is necessary that different systems will be able to offer information simultaneously in order to achieve diversity of observation, enhancing continuity and to ensure the availability and timelessness of data.

Standardization of data products is also believed to be essential for beneficial use of remote sensing applications and technology. Products like computer compatible tapes (CCTS) obtained from the multispectral scanner scenes or the return vidicon camera sub scenes and color or false color pictures obtained from each of the spectral bands have up to recently been regarded as standard products. However between and within each class of product there is scope for great deal of variations because wide range of corrections may be applied through minimum annotation or what is called quick look products. Added to these, is the inherent errors of the satellite imagery data, radiometric and geometric errors that can be associated with the spacecraft, the sensor, the atmospheric conditions and the earth's surface itself. These factors push certain users to develop certain products in between the main standard ones for exclusive use. This situation meant there is difficulty in agreeing on a set of standard products. For Malaysia to make use of this technology, it must make sure that any technology transfer is tailored to its needs as a user. The country also must ensure the development of facilities and skilled qualified personnel that can handle the technology.

### 3. *Communication Satellites*

Like remote sensing technology, communication satellites too have proved to be particularly useful in point-to-point or point-to-multipoint communications. They can provide services to areas that would be costly to cover by coaxial cable or line-of-sight microwave. For the latter systems, costs increase if and when expansion is needed whilst the efficiency of the system decreases for every extra distance added to the national grid. Satellites however remain insensitive to distance and there is the likelihood that costs will decrease. There is even the bonus of being able to install value-added networks (VANs) once a satellite system is established. Satellites are also more reliable and flexible than competing terrestrial systems.

On a different level satellites are ideal for long distance and remote areas of the order of 1200 km and more. Although terrestrial communications are ideal in providing point-to-point communications links in urban areas with short distance (250-400km), satellites remain flexible in providing both forms of communications plus varied other applications. Studies by the ITU's IFRB have shown that after certain distance a satellite circuit becomes more economical than terrestrial or even under-sea cables.

A geostationary satellite for technical and operational reasons has the capacity of covering one third of the earth's surface. At this orbital position the satellite remains visible hence accessible for radio communications at any point in the covered zone and relays any signal to and from any point of the surface covered. As a general rule, once the satellite is in orbit it can perform all information transfers in any form, audio, visual or other kinds of data transfer. Further to the telephone and television transmission, other applications also can be easily performed like administration, health, agriculture, public/private data transfers and tele-education. Generally, a satellite may answer all the requirements for a domestic system without having to face all the difficulties or potential difficulties that might be encountered with a terrestrial service. As such, it can answer the needs of a country, covering all its territory irrespective of the density or remoteness. In the case of terrestrial services there is a need to perform an economic analysis to assess possible return on capital investment. When using a satellite all that is needed is to install the ground station and the area will be covered whether it is densely populated or not.

Among the qualities of communication satellites are the high rate of reliability which decreases the need for maintenance or highly qualified personnel. By contrast if a relay system for a terrestrial network is faulty the whole service is affected while satellite ground stations are working independently of each other. Perhaps the principles upon which satellites work on may best sum up their advantage over competitors. The first of these qualities is the so-called complexity inversion. Here the more complex factors and parts of the technology are assigned to the space segment part of the service. As a consequence the ground segment is rendered simple and can be adopted to any country's environment as it is easy to operate and less costly to maintain. A further advantage comes from the flexibility factor where the operator has the freedom to install the ground station anywhere in the coverage zone. The flexibility also touches on the services carried as well. For example, in a terrestrial service one is only allowed to carry one service at a time. A network can carry telephone only, TV only, or Radio at one single time. A satellite serv-



ice on the other hand can carry all services at the same time. Further developments in the technology are allowing even more flexibility in services and customers as well.

Considering the above advantages of satellites it is no surprise then that Malaysia has chosen to introduce satellites for its domestic and international networks. Indeed the country has gained considerable experience from joining the INTELSAT system. This has allowed it to install over twenty ground stations in the country. Overseas communication via satellites have accounted for more than 65 percent of the total traffic in the year 1990. Further to that, Malaysia has kept pace with the technological innovations by introducing a direct digital satellite circuit using INTELSAT business service (IBS) for the Kuala Lumpur and Penang zones. This type of service is ideal for business operations as they will bypass the terrestrial and exchange links.

Malaysia's experience with INTELSAT led to the country's decision to establish a fully independent communication system for domestic and regional use in line with the country's efforts to become fully developed by the year 2020. To that end the Malaysian East Asia Satellite (MEASAT) has been introduced and will be operational by the end of 1995. Two spacecrafts based on Hughes HS376 spacecraft type using spin stabilization system will be launched and a back-up space segment will follow in 1996. The satellite system is classified as a fixed satellite system (FSS) but will in fact carry an advanced hybrid C and KU-bands Frequencies which will allow it to carry both telecommunications and broadcasting missions. Its footprint covers the entire region that span countries like India, Brunei, Vietnam, Cambodia, Laos, Myanmar, Singapore, Philippines, Taiwan, Hongkong and China. MEASAT will almost certainly represent a serious departure for Malaysia from being a passive user to an active participant in space technology and applications. The immediate benefits for Malaysia will range from the services industries to government use, the military and the media owners and consumers.

MEASAT will also herald a new era for telecommunications in the region and the role Malaysia will play. The region is ripe for increased cooperation and it is considered as a good market for telecommunications and broadcast services industries. Growing interdependence of the Asean region and the near abroad will increase the level of transactions, services, investment and markets and Malaysia will be strategically placed through a modern space network to increase its share of the market and its contribution to the region's economic success. It is no surprise that even ITU studies for the region have anticipated greater traffic and called for a wider

transasean networks based both on fiber optics and satellite based services. On the futuristic dimension, it is believed that by the middle of the next century major economic and political players will be in the Asia region and China, India and Indonesia are expected to top the list. For historical, cultural and geographical reasons Malaysia is more than any other country placed to benefit from these future giants. Space born applications are the hallmark of future cooperation and it is expected that satellite technology like MEASAT will be the instrument of future success.

Apart from MEASAT, Malaysia is also introducing low earth orbit satellites for mobile personal communications. The agreement between Malaysia, Thailand and Iridium Incorporated will pave the way for a new hi-tech telephone service linked to a constellation of satellite system network of about 66 satellites put in low earth orbit. The country is also linked with other satellite networks dealing with meteorology and navigation via NOAA satellite and Inmarsat to name but a few.

#### *4. Space Science And Research*

As part of Malaysia's effort to enter the space age it does not stop at the applications levels only, but rather has embarked on an effort to establish space science research. The most ambitious of these efforts is the signing of an M.O.U. with India for the launch of the Micro-satellite. The micro-satellite efforts should be assessed in terms of its long term impact in enhancing the country standing in space science. Initially, it assists the country to experiment with space technology and later in the words of the prime minister put the country a step closer to design, engineer, build and launch its own spacecrafts as well as a whole chain of derivative applications like launch capability and space segment and ground segment hardware and software. The launching of Measat I, II, will act as an important element in breaching the psychological barrier of hesitation and will almost certainly boost confidence. The micro-satellite will be a different factor as the country will have a first hand test based exclusively on domestic efforts in space. One has to be wary of the fact that although certain countries around the world may have launched satellites but that is not enough indication of space awareness and maturity. Countries like the Arab states, Indonesia and Mexico are still uncertain of clear space policy despite owning a satellite and operating it. However countries like China, India, Japan and Brazil are good examples for Malaysia to emulate. India in particular being closer to Malaysia in more ways than one can be used as a yardstick of how a country can harness space technology for its national survival and development.

The established Malaysia Space and Telecommunications Research Consortium (Maxtar) which comprise private sector, BAKSA, The Malaysian Institute of Micro-Electronics and four local universities to undertake research and design of the spacecraft and the payload is a good example of how small countries can pull forces together in order to achieve targets. The success of India in the realm of space should guide Malaysia to do the same. India is now the envy and a source of respect of many space nations around the world. This country has managed to harness outer space as an extension of planet earth and answer its requirements in both telecommunications, broadcasting, remote sensing and meteorology. Further to that, it has also achieved satisfactory results and targets in the area of national security and military applications of space, like, launch vehicles, missiles, GPS and electronic warfare and navigation.

The other example Malaysia can emulate is Japan. The country has managed to use the American technology and know-how to develop an indigenous space research and technology ranging from launch vehicles to telecommunications, broadcasting and ocean surveillance to mention but a few. Malaysia also can use China, India, France, USA or ESA to develop its own expertise and technology. If the dream and the vision are there, then there is no reason why those dreams cannot be realized. One may recall here that on May 25 1961 President Kennedy announced "I believe that this nation should commit itself to achieving the goal before this decade is out, of landing a man on the moon and returning him safely to earth. No single space project in this period will be more impressive to mankind or more important for the long range exploration of space and none will be so difficult or expensive to accomplish". Less than a decade from that speech the Apollo 11, 12, 14, 15, 16 and 17 have landed men on the moon and more exploration and experimentation about the earth's moon has been conducted. This was beyond the wildest dreams of even science fiction writers. Perhaps one may reason by analogy in this context. The success of the Malaysian national car as the prime minister himself indicated has been seen with a lot of skepticism and yet it did not take too long to become a reality. The same analogy can be applied to Malaysian entry into the space technology and applications. Efforts by Malaysia in research through the micro-satellite project will no doubt reap reward in the near future. Exercise such as this will not only generate economic and commercial rewards it will also contribute to greater awareness and sensibility to outer space technology and generate greater enthusiasm in future generations<sup>4</sup>

## 5. The International Relations And Security Issues In Outer Space.

Although outer space technology is not currently monopolizing the increased technological change around the world yet when it comes to the new information superhighways one must recognize its preponderance. If it is true that modern world is ran less by money but more by little bits of bytes and digits, then one can expect that satellite technology will shape the world of the information age. Systems like internet, teleconferencing, E-mail, world telecommunications and broadcasting systems composite and zero-gravity materials are all features of the future world. Everyone has to adopt to this new life or will be left behind. Space technology made planet earth shrink tremendously due to man's ability to apply knowledge to our time. The idea of the global village is no longer a figment of imagination but a daily reality. The next step would be for mankind to move out of the cradle of the earth into outer space. Space technology becomes even more important to future operations as man tries to constantly expand his living and spatial horizons as part of his continuity in the cycle and circle of life.

The technological advances brought by exploration of outer space and the use of related technology have forced countries to push back the boundaries of national security and national interests. In war and conflict for example, strategic planning and doctrinal change meant a new space-based lasers and kynetic energy and Asat systems are becoming the norm. The information revolution coupled with space technology are having implications on the strategic level. Many military organizations around the world are reconsidering the central tenets of military strategy, doctrine and organization. The dominance of information spectrum in the words of J.Arquilla (1993), may foster the emergence of a new paradigm of control warfare that will supersede its predecessors which are based on attrition and maneuver. In this new realm, outer space plays the role of force multiplier that would allow security forces to achieve more while making do with less. Space borne applications are looked at as means that provide a comparative edge and military effectiveness unrivaled by other alternatives. Indeed modern space technology is now compared with the success the British navy achieved around the world which made Britain make more conquests around the world and consolidate a global empire.

From a simple conceptual view, information growth and dominance meant in simple terms knowing more about your enemy and keeping him away from knowing much about you. Throughout history the role of information in conflict and strategy have been very

The established Malaysia Space and Telecommunications Research Consortium (Maxtar) which comprise private sector, BAKSA, The Malaysian Institute of Micro-Electronics and four local universities to undertake research and design of the spacecraft and the payload is a good example of how small countries can pull forces together in order to achieve targets. The success of India in the realm of space should guide Malaysia to do the same. India is now the envy and a source of respect of many space nations around the world. This country has managed to harness outer space as an extension of planet earth and answer its requirements in both telecommunications, broadcasting, remote sensing and meteorology. Further to that, it has also achieved satisfactory results and targets in the area of national security and military applications of space, like, launch vehicles, missiles, GPS and electronic warfare and navigation.

The other example Malaysia can emulate is Japan. The country has managed to use the American technology and know-how to develop an indigenous space research and technology ranging from launch vehicles to telecommunications, broadcasting and ocean surveillance to mention but a few. Malaysia also can use China, India, France, USA or ESA to develop its own expertise and technology. If the dream and the vision are there, then there is no reason why those dreams cannot be realized. One may recall here that on May 25 1961 President Kennedy announced " I believe that this nation should commit itself to achieving the goal before this decade is out, of landing a man on the moon and returning him safely to earth. No single space project in this period will be more impressive to mankind or more important for the long range exploration of space and none will be so difficult or expensive to accomplish". Less than a decade from that speech the Apollo 11, 12, 14, 15, 16 and 17 have landed men on the moon and more exploration and experimentation about the earth's moon has been conducted. This was beyond the wildest dreams of even science fiction writers. Perhaps one may reason by analogy in this context. The success of the Malaysian national car as the prime minister himself indicated has been seen with a lot of skepticism and yet it did not take too long to become a reality. The same analogy can be applied to Malaysian entry into the space technology and applications. Efforts by Malaysia in research through the micro-satellite project will no doubt reap reward in the near future. Exercise such as this will not only generate economic and commercial rewards it will also contribute to greater awareness and sensibility to outer space technology and generate greater enthusiasm in future generations'

## 5. The International Relations And Security Issues In Outer Space.

Although outer space technology is not currently monopolizing the increased technological change around the world yet when it comes to the new information superhighways one must recognize its preponderance. If it is true that modern world is ran less by money but more by little bits of bytes and digits, then one can expect that satellite technology will shape the world of the information age. Systems like internet, teleconferencing, E-mail, world telecommunications and broadcasting systems composite and zero-gravity materials are all features of the future world. Everyone has to adopt to this new life or will be left behind. Space technology made planet earth shrink tremendously due to man's ability to apply knowledge to our time. The idea of the global village is no longer a figment of imagination but a daily reality. The next step would be for mankind to move out of the cradle of the earth into outer space. Space technology becomes even more important to future operations as man tries to constantly expand his living and spatial horizons as part of his continuity in the cycle and circle of life.

The technological advances brought by exploration of outer space and the use of related technology have forced countries to push back the boundaries of national security and national interests. In war and conflict for example, strategic planning and doctrinal change meant a new space-based lasers and kinetic energy and Asat systems are becoming the norm. The information revolution coupled with space technology are having implications on the strategic level. Many military organizations around the world are reconsidering the central tenets of military strategy, doctrine and organization. The dominance of information spectrum in the words of J.Arquilla (1993), may foster the emergence of a new paradigm of control warfare that will supersede its predecessors which are based on attrition and maneuver. In this new realm, outer space plays the role of force multiplier that would allow security forces to achieve more while making do with less. Space borne applications are looked at as means that provide a comparative edge and military effectiveness unrivaled by other alternatives. Indeed modern space technology is now compared with the success the British navy achieved around the world which made Britain make more conquests around the world and consolidate a global empire.

From a simple conceptual view, information growth and dominance meant in simple terms knowing more about your enemy and keeping him away from knowing much about you. Throughout history the role of information in conflict and strategy have been very

important. Knowing more has often provided the opportunity and conditions for victory and success in operations. The future holds the indication that cyberspace and cyberwar are likely to assume a much more important role in shaping the course and determining the outcome of conflicts hot or cold. Computerization, information processing, increased precision guided weapons increased accuracy and destructiveness and the increased size of the operational battlefield are all feature of things to come. In response, countries will have to face up to the new paradigm shift in which information dominance will win war and the uninformed will lose it and the will to fight. Outer space is slowly becoming the eyes and the ears of every modern state. Outer space technology is relied upon to identify threats and wherever possible enable countries to effectively employ force efficiently to achieve goals. As part of it space policy then it is imperative for Malaysia to realize this paradigm shift and in its efforts to appropriate space technology national security concerns must be taken into consideration and seriously. Although the military and other security forces will no doubt benefit from satellite applications like Measat and other applications like remote sensing navigation and weather satellites. Future outlook meant Malaysia should in the medium term introduce dedicated space systems for security use. Most advanced countries like USA, Britain, France, Russia and possibly China are slowly building their command and control systems in space. Space assets are seen as more reliable and comparatively safe from attack and disruption. Further to the strategic importance of enhancing the space assets it is a given fact that he who controls the high ground controls the war. This principle is still strategically valid in the military applications of space.

The security implications that satellite technology has introduced are not only the lethality of the technology but is its combination with the element of speed. Modern information revolution when mixed with space science meant the new sources of power are invested in speed. In military strategy today speed became the essence of and its centre of gravity. Speed some have argued is the one that transforms the hand into a dangerous fist. The gulf war has clearly demonstrated that geography is no longer the realm but it is the electronics. Time and speed are more important as the world moves from the Geopolitics to the chrono-politics. Ultimate power today is exemplified not much by nuclear weapons however important they may seem but it is centered on perception and representation. The role played by star wars, military communications, electronic intelligence, global positioning photographic reconnaissance and the rest of space based weapons are moving war from battlefield shooting wars into spatial and perceptual wars.

Apart from the national security issues Malaysia should also play an active role in the international relations affairs regarding space technology and its realm. This realm consists essentially of the respective frequency bands or the electromagnetic spectrum and the satellite orbits as well as other celestial bodies including the moon. This is important as argued earlier as the next step for mankind to extend his space will only be through reaching out to the heavens after planet earth resources are exhausted. It is even more imperative for Malaysia to pay extra attention to this realm as it is considered a res communis or common heritage of mankind. As such all countries are accorded according to the 1967 space treaty equal access and use of this realm. Yet because the mechanisms of use and practice currently taking place are based on first come first served principle. If Malaysia is going to be a late comer then it may find it difficult to enjoy the same privileges. A case in point here is Malaysia's coordination problems regarding MEASAT where Russian and INTELSAT satellites have occupied the orbital space allotted to Malaysia, consequently the latter experienced severe coordination problems for its own satellite. Apart from Malaysia, Japan too, has expressed anxiety over the GSO arc between 90- 150 Degrees East where many users jostle for space. China for example, has ignored ITU's Radio Regulations (RR) and positioned APSTAR satellites too close to orbital slots that are meant for Japanese and a US-based Rimsat satellite. There are serious legal and institutional problems that surface as a consequence of the extensive use of the O/Sr. The need for greater Malaysian involvement in the international politics of space come from many reasons. These include the applications of satellites require greater coordination both in the space and on the ground. This is based on a worldwide arrangements ratified by the International Telecommunication Union which Malaysia is a full member. Further to that, is the need for extra attention and worldwide cooperation in satellites as they are a high risk and high cost technology with potential for greater business opportunities but also security guaranties. Small states have for the last two decades constantly criticized existing arrangements for international collaboration in space technology because the original plan has tended to favour the interests of core states at the expense of periphery. The international debate over satellite technology falls within a process for change in economic and information orders. Countries that arrived late on the space scene found it difficult as the order is unfair and unjust. The increased demand for space technology as a consequence of the strategic and economic importance it has, meant most of related resources are no longer inexhaustible but became limited hence requiring a new way of using them. Malaysia therefore should actively



follow a policy that ensures equity for access to this realm within the international fora of the United Nations and its specialized agencies.

### Conclusion

Finally, Outer space technology and applications are at the intersection of the information superhighways, therefore the need to be active in the management of this realm and the urgency to develop an endogenous space science and technology must be high on the agenda of Malaysian policy. One cannot but agree with Deputy Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim when he commented on this technology and said " we must begin to develop the ability to handle multimedia communication for social and economic development... we have recognized the strategic importance of information technology in efforts to meet the goals of development.". He further added that " if we are to continue to enjoy progress we must become part of the global community capable of exploiting the most advanced information technologies for our own development".

Yet the promise of space science holds risks and implications on domestic cultures as well as global civilizations. Satellite technology has globalised both world economy and cultures. Political control by local governments became futile and unless countries work hard to maintain and strengthen local culture and languages, societies will be undermined through alienation. That is equally true of the Deputy Prime Minister when he insisted on an Asian cultural renewal and stressed the importance of satellite technology's role in helping Asia to rediscover its roots in the 21st century.

Satellite based applications may further introduce a new culture that is simulations based. Mankind over-reliance on space science may lead to an international order where actors act, things happen and the consequences have no origins except in the artificial cyberspace of the simulations themselves. One can recall the security scenario advanced earlier and see how mankind constant effort to expand past centuries ideals into a universal peace may hide a darker side that tries to perpetuate power and dominion without the visible exercise of will that could produce resistance. Outer space technology has introduced a new form of dominion as it has no problem seeing us but we have had great difficulty seeing it. One concern is the fact that space technology may create a new order and new regimes based in the words of Der Derian on the power of panopticism. This modern panopticism is manifested in the myriad of space applications that ranges from the electronic to radar to teletint to photoint and all forms of techint. The new techno-gods may create a cybernetic system of advanced paranoia which may lead to

hyper-vigilance, intense distrust, judgmental thought process and the projection of one's own hostile impulses onto others. Satellite technology as Der Derian rightly argued may use the new cyberspace that will lead mankind to reason correctly yet from incorrect premises. History has shown how countries may end up reasoning according to panopticon and one can recall how the cold war used space to imagine the so-called missile gaps and bomber gaps and threshold gaps between the super powers. Mankind has to regain that privilege of having the ability to control technology and not let technology to blindly lead him to uncertainty.

### References

- Arquilla John & David Ronfeldt, 1993 "Cyberwar Is Coming", *Comparative Strategy* vol 12, pp141-165.
- Baktiar, A.J. 1995 "Malaysia To Make Micro-satellites". *Asia Airlines & Aerospace*. March pp 45-47.
- Dates: July 24 1994; February 2, 1995 p.13; June 1, 1995 p.28; March 27 1995 p.39; June 23 1995 p.5; November 23 1994 p.23; November 14 1994 p.2; December 1st, 1993 p.12; November 10, 1993 p.12; August 1, 1994 p.21; August 6, 1994 p20; July 26 1995 p.14.
- Donald J. Maclean, 1995 "A New Departure For The ITU". *Telecommunications Policy* Vol. 19. No 3, pp 177-190.
- Eapon K.E. 1988 "Development Communication. A Country Cousin Syndrome" I.A.M.C.R Conference Barcelona July pp103-109.
- Edward E. Reinhart, Robert Taylor, Ann Hayward & Joel Miller 1992, "Warc last Act? Special Report" *IEEE Spectrum*, February, pp20-33.
- Jonathan Karp, 1994 "Outer Space: Satellites Increasingly Squeeze into Orbit" *Far Eastern Economic Review*. August 18, p.50
- Nik Nasruddin Mahmood, 1994 'Space Applications In Malaysia'. *Ministerial Conference On Space Applications For Development In Asia And The Pacific*. September Beijing, China
- Paul S.N. Lee & Georgette Wang, 1995 "Satellite TV In Asia: Forming A New Ecology". *Telecommunications Policy* vol 19, No2, pp135-149.
- Richetson Jeffrey, 1991 "The Future Of space Reconnaissance". *Scientific American* vol. 264, No1, pp 18-24.
- Satelit Malaysia dilancar 1997. *Utusan Malaysia* Sabtu 14, Januari 1995.
- Special Report On Micro-satellites In *Science* August 1991.
- The New Straits Times* Kuala Lumpur:
- Time, Cyberwar. *Time Magazine* August 21. 1995 Cover Story.

- Wallerstein I., 1979, *The capitalist World Economy*. Cambridge University Press.
- Wang C.S. 1983 *On International Space Cooperation In developing Countries*. In 23rd Convegno Internazionale Sullo Spazio, Roma Italia pp 19-23.
- \_\_\_\_\_, 1994 "Malaysia gets into orbit with MEASAT". *Asia Airlines & Aerospace*. June pp22-25.

### Notes

- <sup>1</sup> See for example the argument presented by John Arquilla and David Ronfeldt on the role of information in future warfare in *Comparative Strategy* vol 12, 1993 pp141-165.
- <sup>2</sup> Examples can be seen from the introduction of Arabsat communications service by the Arab states. See the general assembly meetings of Arabsat numbers 10 and 11 for 1986 and 1987 in Algiers and Tripoli respectively. During such meetings member countries have highlighted the technical, operational and financial problems the organization faced despite the earlier optimism that satellite technology will put them on par with advanced countries.
- <sup>3</sup> Over half of the military satellites launched since 1957 have incorporated sensors for monitoring the territorial, oceanic or atmospheric environment. See Nigel Gardner et al: *Political Perspectives on Remote Sensing*. International Conference On Matching Remote Sensing Technologies And Their Applications, London December 1981.
- <sup>4</sup> The success story of the University of Surrey in developing and using micro satellites is a good example of how local institutions of higher learning may achieve. Professor Martin Sweeting of satellite engineering has so far put more than five micro satellites in orbit. On board the satellites are instrumentations for various research and applications purposes like photographic transmission, detection of radiation effects in semiconductors and performance of gallium arsenide solar cells. The satellite has even been linked with other countries like South Korea as an orbiting relay for healthnet communications services and disaster relief in other parts of the world. This project not only generated profits but promoted science and technology. It instills the spirit of scientificity and science outlook in students and researchers. The entire project from its hardware, software and instrumentation is totally built and assembled by university staff and post-graduate and under-graduate students (see *Science* August 1991 for full report).